Jilid I
Bil. 19

Hari Selasa
11hb Januari, 1983

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 2053]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 2102]

Pertubuhan Antara Parlimen-Parlimen ASEAN (AIPO)—Perlantikan Ahli-ahli Jawatankuasa [Ruangan 2103]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) [Ruangan 2118]
Rang Undang-undang Kanun Keseksaan dan Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) [Ruangan 2132]
Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Kecil (Pindaan) [Ruangan 2181]
Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang (Pindaan) [Ruangan 2191]
Rang Undang-undang Makanan [Ruangan 2227]
Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang [Ruangan 2244]
Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti [Ruangan 2261]

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).

,, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Dilantik).

,, Timbalan Yang Dipertua, DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).

,, TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN (Dilantik).

,, TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).

,, TAN SRI DATO HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).

,, TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).

,, TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).

,, DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN (Dilantik).

,, TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).

,, TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).

,, TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik).

,, DATO CHIN KIM YOONG, D.P.C.M., A.M.P., P.P.T. (Perak).

,, DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., P.M.K., J.P. (Dilantik).

,, DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., J.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Johor).

,, TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).

,, TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).

,, DATO S. GOVINDARAJ, D.P.M.S. (Dilantik).

,, PUAN HAFSAH BIN OTHMAN (Dilantik).

,, PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).

,, TUAN H'NG HUNG YONG (Dilantik).

,, TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).

,, TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).

Yang Berhormat Tuan Ishak bin Abdul Rahman, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).

,, Dato Ismail bin Hashim, D.P.S.M., K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).

,, Tuan Jaafar bin Harun (Dilantik).

,, Datuk James Bernard Willie, P.G.D.K. (Sabah).

,, Puan Sri Janaki Athi Nahappan (Dilantik).

,, Tuan R. M. Jasni, B.K. (Dilantik).

,, Dato Kam Woon Wah, D.I.M.P., J.P. (Dilantik).

,, Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin Aljamlud, K.M.N., A.M.N. (Selangor).

Tuan Kee Yong Wee (Dilantik).

,, Tuan Kenneth Kanyan anak Temenggong Koh, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).

,, Dato Khoo Kay Por, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).

,, Tuan K. Kumaran, K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik).

,, Tuan Haji Latip bin Haji Dris (Dilantik).

,, Tuan Loh Kee Peng, P.J.K., J.P. (Melaka).

,, Tuan Loo Swee Mok, A.M.N., P.P.N. (Pahang).

,, Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).

,, Dato Haji Mahmoud *alias* Mahmoud Salim bin Haji Mohamad, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Terengganu).

,, Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).

,, Dato Haji Mohd. Nor Mohamad, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T., S.M.S., P.J.K. (Dilantik).

,, Tuan M. K. Muthusamy, K.M.N., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Dilantik).

,, Puan Nen Adibah binti Abdullah (Dilantik).

,, Tuan Haji Nordin bin Pesah, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).

,, Dato Haji Othman bin Haji Abdullah, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).

,, Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali, P.J.K. (Dilantik).

,, Tuan Paramjit Singh (Dilantik).

,, Dato G. Pasamanickam, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).

,, Puah Ragayah binti Ariff, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).

,, Tuan Haji Shaharom bin Maasom (Dilantik).

,, Tuan Sri Datuk Dr C. Sinnadurai, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).

,, Tuan Tan Chang Soong, A.M.N. (Dilantik).

Yang Berhormat Tuan Ting Ming Hia *alias* Ting Ming Hoi (Sarawak).

,, Tuan D. P. Vijandran (Dilantik).

,, Tuan Wong Kie Nai (Dilantik).

,, Dato Wong Seng Chow, A.M.N., J.P. (Negeri Sembilan).

,, Tuan Haji Tuan Yaacob bin Haji Engku Yunus, P.P.N. (Kelantan).

,, Dato Yap Peng *alias* Yap Piang Tau, D.P.M.S. (Selangor).

,, Tan Sri Datuk Yeh Pao Tsu, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).

,, Tan Sri Zaiton Ibrahim bin Ahmad, P.S.M. (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 11hb Januari, 1983

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang Dipertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Fadzil bin Mahmood.

Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin Aljamlud: Tuan Yang Dipertua, dengan izin, soalan No. 1.

PEMBANGUNAN SEMPADAN MALAYSIA—THAILAND

1. Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin Aljamlud *(di bawah S.O. 23 (2))* minta Perdana Menteri menyatakan strategi yang akan digunakan oleh Kerajaan untuk membangun kawasan sempadan Malaysia—Thai kerana penduduk-penduduk di sempadan terpaksa bergiat dalam bidang penyeludupan oleh kerana amat kurang peluang-peluang pekerjaan dalam bidang yang lain di kawasan sempadan.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Musa Hitam): Tuan Yang Dipertua, pembangunan sosio-ekonomi di sepanjang sempadan Malaysia—Thailand adalah berdasarkan kepada konsep KESBAN iaitu keselamatan dan pembangunan. Konsep KESBAN ialah penglibatan rakyat bagi membantu usaha-usaha pasukan keselamatan membenteras ancaman musuh-musuh negara. Di samping itu, usaha-usaha pembangunan juga dirancangkan di kawasan-kawasan tertentu bertujuan meninggikan taraf hidup rakyat di kawasan sempadan. Di antara projek-projek pembangunan yang dirancangkan untuk pelaksanaan ialah rancangan-rancangan pembangunan tanah, jalan-jalan keselamatan, kemudahan-kemudahan infrastruktur bagi industri kecil kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik dan pembangunan bandar baru. Beberapa agensi yang sedia ada di peringkat Persekutuan dan Negeri telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek-projek ini. Dengan adanya projek-projek pembangunan di kawasan sempadan adalah dijangka penduduk-penduduk di kawasan tersebut akan memperolehi peluang pekerjaan yang lebih.

Adalah diharapkan usaha-usaha pembangunan ini juga akan mengurangkan tarikan kepada aktiviti-aktiviti lain seperti kegiatan penyeludupan. Dalam pada itu bagi mencegah dan mengawal penyeludupan, Kerajaan telah membina pagar keselamatan di sepanjang sempadan dari Bukit Kuanchu di Perlis ke Bukit Kayu Hitam di Kedah sejauh 41 km. Anggota-anggota Unit Pencegah Penyeludupan juga ditugaskan bagi mengawal penyeludupan di kawasan-kawasan berkenaan.

Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin Aljamlud: Soaln tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Amat

Berhormat Timbalan Perdana Menteri sama ada rancangan Kerajaan Persekutuan menasihati atau menggesa Kerajaan Negeri Perlis untuk membina pekan Padang Besar sebelah sini supaya tidaklah orang-orang Malaysia ini berulang-alik ke Padang Besar sebelah sana, kerana dengan itu dapatlah kita menyekat masalah pengganggguran, penyeludupan dan sebagainya.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang Dipertua, melalui Majlis Keselamatan Negeri Perlis, rancangan-rancangan bagi pembangunan khususnya bagi membangun kawasan ataupun bandar yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sudah pun dimulakan dari segi perancangan dan, insya Allah, rancangan yang teratur akan dapat dilaksanakan. Saya berpendapat bahawa pemergian rakyat Malaysia ke seberang untuk sama ada bandar Padang Besar sebelah sana ataupun sebelah sini ataupun rakyat Thailand ke Malaysia, bukan sahaja terhad kepada pembangunan tetapi ada fakta-fakta lain seperti perniagaan dan sebagainya.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya membangkitkan berkenaan dengan perkara pembangunan kawasan sempadan Malaysia/Thailand yang mana ini ada dua perkara penting iaitu keselamatan dan pembangunan seperti kata Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya hendak bertanya satu perkara yang saya rasa amat penting iaitu keselamatan. Sesungguhnya keselamatan sempadan negeri Thailand dengan Malaysia ini amat mustahak kerana daripada dulu lagi mengikut sejarah tanahair kita ini pintu masuk sebilangan besar subversif komunis atau penjahat-penjahat melalui sempadan ini. Saya tidak faham, dan sebenarnya tidak begitu faham, bagaimana kerjasama dalam perkara keselamatan di antara Thailand dengan Malaysia sekarang ini adakah sejalan, seiring ataupun kita terlalu terbatas di antara dua pasukan keselamatan kedua-dua negeri ini dan ada masa-masanya saya lihat dalam pergolakan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kita sendiri pergi ke sana, ada juga yang mereka tidak berapa mengamalkan semangat ASEAN yang tidak berapa ketara. Jadi, bagaimana Thailand dengan Malaysia sekarang dalam masalah keselamatan negara kita ini, adakah sebenar-benarnya kita dapat kerjasama yang penuh ataupun kita selalu terbatas. Itu satu.

Tuan Yang Dipertua, kalau kita terlalu terbatas sesungguhnya kita harus menganalisa kembali hal ini dengan mendalam disebabkan bahaya-bahaya komunis. Kita tidak tahu permainan komunis dalam dunia bila-bila masa pun dan bila-bila masa sahaja tidak terserempak boleh berlaku. Demi keselamatan negara kita bolehkah Yang Amat Berhormat menerangkan hal ini.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang Dipertua, kita tidak boleh menafikan bahawa keselamatan di kawasan sempadan berkaitan rapat dengan pembangunan ekonomi. Ini adalah merupakan teras pandangan Kerajaan negara Malaysia sendiri dan konsep ini telah diterima juga oleh pihak negeri Thai. Maka oleh sebab itulah diwujudkan dan ditandatangani perjanjian yang dikenal sebagai Perjanjian Sempadan Malaysia/ Thailand di mana tujuan perjanjian ini ialah untuk membenteras ancaman-ancaman yang dikemukakan oleh Parti Komunis Malaya (PKM) dan anasir-anasir subversif yang berkaitan dengan PKM di mana kedua-dua pihak pula berkaitan dengan usaha-usaha membenteras ini bersetuju bahawa pembangunan kawasan sempadan sangat perlu diutamakan dan berasaskan kepada ini semua rancangan-rancangan yang saya sebutkan tadi telah pun dimaklumkan

kepada pihak Thailand malahan pihak Thailand menerima hakikat kita untuk membenteras ancaman daripada musuh-musuh kita berasaskan kepada konsep yang sedang kita anuti.

Dari segi sama ada kita puas hati atau tidak ataupun ada sekatan-sekatan berhubung dengan kerjasama kita di antara dua negara, saya suka menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia puas hati pada umumnya di atas semangat dan di atas amalan apa juga persetujuan yang telah kita capai di antara kedua-dua negara di dalam lengkongan Perjanjian Malaysia/ Thailand di kawasan sempadan ini.

Walau bagaimanapun, kita haruslah sedar sebagai reality bahawa dari segi pergerakan sehari-hari kadangkala tentulah ada masalah-masalah dan kerana itulah soal kerjasama di antara kedua-dua negara di sempadan ini memang sentiasa dibincangkan di dalam lengkongan dan bidang tugas jawatankuasa yang berkenaan seperti saya sebutkan tadi.

PEMAJU PERUMAHAN MENAIKKAN HARGA RUMAH

2. Tuan K. Kumaran minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kementerian akan mengambil tindakan terhadap pemaju-pemaju perumahan yang sengaja menaik-naikkan harga rumah yang telah dipersetujui. Apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian, selain daripada tindakan sivil undang-undang oleh pembeli, terhadap pemaju-pemaju perumahan yang tidak dapat menyempurnakan rumah dalam masa yang ditetapkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemaju tidak boleh menaikkan harga rumah yang telah dipersetujui mengikut ikatan perjanjian jual beli yang dimeterikan antara pemaju dan pembeli. Surat perjanjian yang berkenaan pada lazimnya telah cukup untuk memberikan perlindungan dari segi undang-undang kepada kedua belah pihak iaitu pemaju dan pembeli. Walau bagaimanapun, jika sekiranya terdapat ada pemaju-pemaju yang cuba menaikkan harga rumah seperti yang dicatitkan dalam surat perjanjian jual beli itu maka pembeli bolehlah membawa kes-kes tersebut terhadap pihak pengadilan dan pihak mahkamah-mahkamah akan menentukan kedudukan kes-kes tersebut.

Kementerian akan sentiasa mengawasi pemaju-pemaju yang serupa ini dan jika didapati pemaju-pemaju tersebut sering melakukan kesalahan dan tidak mematuhi Akta Perumahan 118, Kementerian tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang untuk menggantung lesen-lesen mereka dan juga menarik balik lesen-lesen pemaju yang berkenaan.

Tuan Yang Dipertua, mengenai pemaju-pemaju perumahan yang tidak menyempurnakan pembinaan rumah dalam masa yang ditetapkan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, selain daripada tindakan civil yang boleh diambil oleh pembeli-pembeli, pembeli-pembeli juga boleh menuntut gantirugi dengan kadar faedah 10% atas harga belian mengikut kiraan hari.

Selain daripada tindakan-tindakan di atas Kementerian akan sentiasa mengawasi dari masa semasa mengenai pelaksanaan projek-projek perumahan supaya kelewatan yang seperti ini tidak akan berulang di masa-masa yang akan datang.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Adakah Yang Berhormat sedar bangunan rumah

sederhana dekat dengan Padang Golf, Subang tepi tasik yang lalulalang di antara Petaling Jaya ke Highway, pada mulanya didirikan dengan agreement $90,000 tetapi sekarang ini berharga $210,000 diuntukkan kepada bumiputera, dan kami pula tidak berkeupayaan hendak membayar 3 kali lipat harganya. Kalau sudah maklum, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menolong kembali balik perjanjian asal dengan tidak payah kita rujukkan kepada mahkamah.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang Dipertua, saya perlulah mendapat maklumat yang lebih lanjut lagi. Sekiranya di dalam perjanjian jual-beli itu telah tertulis $90,000, kedua-dua belah pihak haruslah mematuhi dan menghormati perjanjian itu tetapi sekiranya rumah-rumah yang mungkin dalam fasa-fasa yang baru itu harganya dinaikkan, saya fikir terpulanglah kepada pembeli sebelum memeterikan perjanjian jual-beli itu untuk mengkaji dengan teliti.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang Dipertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan syarat-syarat yang tertentu diberi kepada pihak-pihak pemaju perumahan.

Di sini saya ingin tahu sejak ini berapa jumlahnya yang telah diambil tindakan melanggar syarat-syarat yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang Dipertua, pada masa ini kes-kes dalam mahkamah ada sebanyak 10 dan kes-kes dalam siasatan sejumlah 27. Jadi, pada masa ini Kementerian sedang mengawasi sebanyak 37 kes.

PELAN STRUKTUR KUALA LUMPUR—PANDANGAN ORANG AWAM

3. Dato' S. Govinda Raj minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau akan mempertimbangkan segala pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan dari orang awam dalam proses penyediaan Pelan Struktur Kuala Lumpur.

Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang Dipertua, segala pandangan, cadangan dan bantahan dari orang awam terhadap Deraf Pelan Struktur Kuala Lumpur adalah diberikan perhatian dan pertimbngan yang sewajarnya mengikut mana yang sesuai. Jawatankuasa mendengar bantahan awam telah pun meneliti semua cadangan, pandangan dan bantahan yang telah didengar dan diterima dari orang awam berkenaan dengan Deraf Pelan Struktur tersebut. Sehingga tarikh tutup mendengar bantahan, sejumlah 172 bantahan awam telah diterima dan dari bilangan ini sebanyak 134 bantahan yang meminta supaya didengar telah pun diteliti oleh Jawatankuasa mendengar bantahan. Jawatankuasa ini telah pun menyiapkan laporan mengenai bantahan-bantahan tersebut dan mengemukakannya untuk penelitian Datuk Bandar sebelum dikemukakannya kepada Menteri.

Daripada 134 bantahan awam yang telah didengar 91 bantahan adalah dari orang-orang perseorangan, 7 dari persatuan iktisas, 6 dari organisasi politik, 28 dari lain-lain badan dan persatuan, 2 dari Jabatan Kerajaan.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, Pelan Struktur Kuala Lumpur ini adalah berpandu

kepada pedoman, misalnya bandar jantung hati Eropah iaitu Paris ataupun kita meniru stail Timur sebagaimana yang kita galakkan sekarang ataupun kita membuat pelan stail Malaysia sendiri. Bagaimanakah Yang Berhormat?

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang Dipertua, di dalam kita merancang Wilayah Persekutuan ini khasnya ibu negara kita Kuala Lumpur, perkara yang utama yang diambil perhatian ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan keadaan tempatan termasuk keadaan yang terdapat iaitu mengenai masyarakat kita, keadaan alam sekitar dan seterusnya.

Walaupun begitu, memanglah kita juga menyiasat dan mengkaji apa-apa perkara atau apa-apa bentuk pembangunan yang dapat kita ubahsuaikan kita ambil dan ubahsuaikan untuk dilaksanakan di Kuala Lumpur ini. Ini bukan sahaja kita memandang ke Timur tetapi apa juga yang dapat kita perolehi yang berguna yang kita fikirkan sesuai dengan keadaan di Kuala Lumpur ini memanglah akan kita pergunakan.

Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya ingin bertanya daripada 172 bantahan yang telah diterima daripada orangramai itu apakah bantahan yang telah dibuat oleh penduduk-penduduk di Kuala Lumpur ini. Bolehkah diterangkan bantahan perumahankah, tanahkah dan sebagainya.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang Dipertua, pertanyaan Yang Berhormat itu terlalu memerlukan detail, jadi saya memerlukan notis. Namun demikian, saya ingin menerangkan secara umum iaitu daripada bantahan-bantahan yang diterima ataupun pandangan-pandangan yang diterima kebanyakannya berkisar kepada kehendak perumahan, pembangunan tanah dan juga masalah banjir yang terdapat di Kuala Lumpur ini.

KUALA LUMPUR DAN TOKYO BANDAR KEMBAR

4. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan menjadikan Kuala Lumpur dan Tokyo sebagai bandar kembar bagi meneruskan usaha perdagangan dan perusahaan dan jika ya, bila dan jika tidak mengapa.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, belum ada sebarang cadangan hendak menjadikan Kuala Lumpur dan Tokyo sebagai bandar kembar.

CROSS-LINE—CARA MENGATASI

5. Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin Aljamlud minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sebab-sebab cross-line kerap berlaku dan cara-cara untuk mengatasinya dan adakah Menteri sedar bahawa cross-line ini mungkin mengakibatkan keselamatan negara.

Timbalan Menteri Tenaga Telekom dan Pos (Datuk Clarence E. Mansul): Tuan Yang Dipertua, cross-line semasa bercakap di telefon berlaku kerana low cable installation yang terjadi adalah air menyerap ke dalam kabel atau di tempat percantuman kebel (joining point). Penyerapan air ke dalam kebel berlaku kerana kebel yang bersambung ke talian pelanggan telefon ditanam di bawah tanah dan tidak terdapat sebarang tekanan (not pressurised). Sebab yang kedua, berlaku cross-line adalah kerana kerosakan alat ibusawat di mana 2 penghujung ataupun kontek bersentuhan di antara satu sama lain. Ini berlaku hanya pada ibusawat jenis

lama bila muatannya sangat melebihi keupayaan (severely overloaded). Untuk mengatasi berlakunya cross-line tindakan telah pun diambil oleh Jabatan Telekom untuk menggantikan kebel-kebel lama dengan kebel yang lebih baik (jellified cable). Teknik percantuman kebel juga telah diperbaiki. Ini akan mengurangkan kejadian cross-line. Selain dari itu kerja-kerja sedang dijalankan untuk menukar ibusawat jenis lama itu ke ibusawat berkomputer dan ini akan mengurangkan kejadian cross-line yang berpunca dari alat-alat ibusawat. Cross-line dalam perhubungan telefon tidak mungkin mengancam keselamatan negara oleh kerana perhubungan yang sulit oleh pihak-pihak tertentu seperti pihak polis atau tentera dibuat melalui saluran perhubungan mereka sendiri dan tidak melalui telefon. Walau bagaimanapun, jika telefon digunakan untuk hubungan keselamatan, satu alat yang dikenali sebagai speech secrecy equipment akan disambungkan ke talian pihak-pihak berkenaan supaya percakapan itu tidak boleh difahami oleh pihak-pihak yang mendengarnya sekiranya cross-line itu berlaku.

Tuan Abdul Wahab bin Abu Bakar: Tuan Yang Dipertua, saya tidak mengerti dari segi teknologilah, kejuruteraankah, tetapi yang kita sungguh musykil apa yang berlaku terhadap perhubungan telefon kita ini. Misalnya, kalau kita bercakap daripada London ke Tokyo kita boleh dengar sesak nafas orang yang bercakap daripada Malaysia, nafas turun naik pun kita boleh dengar, tetapi kalau kita bercakap dalam negeri, umpamanya, hari ini hendak bercakap ke Ipoh daripada pukul 8.00 pagi sampai ke kini belum dapat lagi. Ini bagaimana cara kejuruteraan kita yang begini dasyat perhubungan telefon. Overloaded tak overloaded, kalau sudah overloaded tak payah sambunglah kepada orang yang minta, yang tidak perlu. Itu saya minta penjelasan.

Datuk Clarence E. Mansul: Tuan Yang Dipertua, memang saya sedar kejadian ini masih berlaku di setengah-setengah tempat tetapi ini mungkin disebabkan oleh alat seperti long line yang sedang kita usahakan untuk membaiki bagi setengah tempat yang masih mempunyai kesukaran seperti ini.

Dato' G. Pasamanickam: Tuan Yang Dipertua, sering kita dapati dalam akhbar-akhbar tempatan pengguna-pengguna telefon mengadu tentang bayaran bil telefon yang melambung naik sungguhpun mereka tidak menggunakannya. Apakah tindakan Kementerian Tenaga Telekom dan Pos bagi mencegah keadaan seperti ini.

Datuk Clarence E. Mansul: Tuan Yang Dipertua, ini adalah soal lain.

Timbalan Yang Dipertua: Betul.

PERTUKARAN BAYI DI HOSPITAL

6. Tuan M. K. Muthusamy minta Menteri Kesihatan menyatakan sebab-sebab berlaku pertukaran bayi-bayi yang tidak diingini di Hospital Seremban, Kelang dan Tanjong Malim; dan nyatakan tindakan-tindakan yang akan diambil untuk mencegah berlakunya pertukaran ini.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang Dipertua saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa penyiasatan yang teliti telah dibuat ke atas kes-kes yang disebutkan di hospital-hospital di mana kejadian ini berlaku. Dalam kes-kes ini, kita dapati bahawa tidak ada pertukaran bayi berlaku tetapi hanya terdapat kesilapan dalam mencatit rekod sahaja.

Bagi mencegah kejadian seumpama ini berlaku lagi, Kementerian telah menyiapkan peraturan-peraturan yang seragam berkaitan dengan pengenalan bayi-bayi yang baru lahir serta sistem simpanan rekod. Semua kakitangan yang terlibat telah diingatkan supaya berhati-hati dalam perkara ini.

SIMPANG LAWIN/KATI— MEMASANG PAPAN TANDA

7. Dato' Chin Kim Yoong minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada tindakan telah diambil untuk memasang papan tanda di Lebuhraya Timur Barat di kedua-dua simpang Lawin dan Kati untuk kemudahan orang awam dan pelancung yang hendak menggunakan jalan dari Kuala Kangsar ke Grik.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman): Tuan Yang Dipertua, adalah sudah menjadi kewajipan dan kebiasaan bagi Kementerian saya untuk mendirikan papan-papan tanda di sepanjang jalan-jalan raya bagi kemudahan pengguna-pengguna lebuhraya. Papan-papan tanda ini adalah sentiasa dikaji dan diteliti dari masa ke semasa untuk menentukan kesannya kepada pengguna-pengguna jalan raya. Bagi jalan yang bersimpang ke Lawin dan Kati adalah merupakan jalan yang telah lama dibina untuk ke Grik dan sudah ada tanda menunjukkan ke arah Grik. Semua pengguna jalan raya boleh dikatakan sudah pun tahu bahawa lebuhraya Timur/Barat ini adalah melalui Grik. Walau bagaimanapun, papan tanda lebuhraya Timur/Barat juga akan didirikan jika perlu setelah dikaji di kedua-dua simpang Lawin dan Kati juga.

PEGAWAI TINGGI KERAJAAN BERHENTI

8. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan apakah sebab-sebabnya kebelakangan ini ramai pegawai-pegawai tinggi Kerajaan berhenti dari perkhidmatan Kerajaan dan tindakan perkara tersebut boleh menjejaskan jentera Kerajaan kerana sebilangan besar dari mereka adalah pakar-pakar penting dalam perancangan negara.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan tidak mengetahui secara mendalam sebab-sebab pegawai-pegawai tinggi Kerajaan berhenti daripada perkhidmatan Kerajaan, oleh kerana mereka tidak diisyaratkan menyatakan sebab-sebabnya mereka berbuat demikian.

Perletakan jawatan pegawai-pegawai yang berkenaan mungkin menjejaskan sedikit jentera pentadbiran Kerajaan sementara menunggu jawatan-jawatan yang mereka kosongkan itu diisi semula.

PELABUHAN KELANG— KEHILANGAN BARANG-BARANG

9. Tuan Kee Yong Wee minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada tindakan-tindakan positif akan diambil untuk mencegah kejadian kehilangan barang-barang import yang sering berlaku di Pelabuhan Kelang.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, semua Lembaga-lembaga Pelabuhan yang ada dalam negara ini memang sentiasa memberi perhatian yang berat terhadap kawalan keselamatan terutama sekali untuk mencegah kejadian kehilangan barang-barang dagangan di pelabuhan-pelabuhan.

Mengenai Lembaga Pelabuhan Kelang ia mempunyai satu Pasukan Keselamatan terdiri dari anggota-anggota yang terlatih dalam segala

aspek kepolisan dan juga peraturan-peraturan pelabuhan. Semua anggota pasukan seramai 442 orang bertugas selepas mengikuti latihan selama enam bulan dan mereka ini dilengkapkan dengan kuasa polis bantuan. Bagi Pegawai-pegawai Kanan, mereka juga dihantar untuk dilatih di luar negeri. Pasukan ini mempunyai Unit Penyiasatan dan Mencegah Jenayah dan bekerjasama rapat dengan Polis Diraja Malaysia.

Kehilangan barang-barang import memang berlaku di mana-mana pelabuhan. Apa yang dititikberatkan adalah mengurangkan kehilangan. Tindakan mencegah kehilangan barang-barang adalah diambil dari dua segi. Pertama ialah dari segi pencegah 'physical' dan yang kedua adalah dari segi peraturan-peraturan dalam pengendalian barang-barang yang disimpan dalam kawasan Lembaga. Dengan cara ini Lembaga telah pun dapat mengurangkan kehilangan barang-barang import.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat peratusan-peratusan kehilangan barang-barang dari segi nilai dalam tahun 1982 adalah hanya sebanyak 0.008% sahaja. Dalam tahun 1982 jumlah tuntutan yang dibayar adalah sebanyak $77,785 daripada jumlah import yang bernilai sebanyak $9,481 juta.

Namun demikian langkah-langkah sedang diambil untuk mencegah kejadian kehilangan barang-barang import iaitu di antaranya adalah seperti berikut:

(i) Semua kenderaan yang keluar masuk dari pelabuhan diperiksa dengan teliti oleh Pasukan Keselamatan untuk menentukan tidak ada berlakunya penyeludupan barang-barang.

(ii) Semua pengguna-pengguna pelabuhan yang hendak masuk ke kawasan pelabuhan dikehendaki mempunyai pas masuk pelabuhan. Mereka yang dikeluarkan pas-pas ini terlebih dahulu adalah ditapis bagi menentukan bahawa mereka ini tidak terlibat dengan kes-kes jenayah di masa-masa yang lampau.

(iii) Bagi barang-barang import melalui kontena semua barang-barang yang dikeluarkan daripada kontena juga diperiksa dengan teliti. Kontena-kontena kosong diperiksa apabila keluar dari kawasan pelabuhan.

(iv) Semua gudang-gudang kepunyaan Lembaga diawasi sepenuh masa oleh Pasukan Keselamatan dengan tujuan tidak berlaku kecurian. Dalam kes-kes kecurian tangkapan dibuat ke atas mereka ini dan jika didapati bersalah mereka tidak diberi pas masuk.

(v) Akhirnya oleh kerana sesuatu sistem pencegah jenayah tidak dapat meliputi segala tindakan yang dirancangkan oleh penjenayah pada masa ke semasa, maka adalah menjadi dasar Kementerian saya supaya apa-apa sistem yang dilaksanakan dikaji semula setiap masa, terutama sekali jika sekiranya ada berlaku kehilangan yang difikirkan besar.

PENCAPAIAN PERTUMBUHAN EKONOMI

10. Dato Haji Mohd. Nor Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan:

(*a*) sama ada objektif kita kini semata-mata terhadap pencapaian pertumbuhan ekonomi dengan itu melalai dan mengabaikan pembasmian kemiskinan dan pengagihan pendapatan yang adil;

(*b*) (i) sebab-sebab perpindahan penduduk yang pesat ke bandar-bandar di masa ini dan langkah-langkah untuk memberhentikan pertumbuhan kawasan-kawasan papa; dan

(*c*) nombor, jenis dan modal pelaburan bagi industri-industri yang dibina di kawasan-kawasan berpendapatan rendah dalam tempoh dua tahun Rancangan Malaysia Keempat untuk memastikan yang mereka dapat keperluan asas dan supaya pertumbuhan ekonomi dapat dikecapi oleh semua rakyat secara adil.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, (*a*) Adalah tidak benar objektif kita semata-mata terhadap pencapaian pertumbuhan ekonomi dengan mengabaikan pembasmian kemiskinan dan pengagihan pendapatan yang adil.

Matlamat utama pembangunan negara seperti yang terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB) adalah untuk mencapai perpaduan negara melalui dua strategi iaitu untuk:

1. membasmi kemiskinan dengan cara meninggikan tingkat pendapatan serta menambah peluang pekerjaan bagi semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum;
2. mempercepatkan proses penyusunan semula masyarakat Malaysia bagi memperbaiki keadaan ekonomi yang tidak seimbang antara kaum supaya dapat mengurang dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi.

Pertumbuhan ekonomi yang pesat adalah penting untuk mempastikan agar strategi-strategi di atas terlaksana dan supaya tidak ada mana-mana kumpulan mengalami kerugian atau merasa diketepikan.

Pertumbuhan ekonomi akan membolehkan Kerajaan menentukan supaya usaha pembahagian semula dilaksanakan bagi memberi faedah kepada semua rakyat. Tanpa pertumbuhan tersebut, usaha pembahagian semula akan memerlukan sebilangan rakyat mengorbankan tingkat kebajikan mereka bagi membolehkan golongan rakyat yang pada mulanya kurang bernasib baik mendapat faedah sebenar tentulah kita tidak mahu keadaan ini berlaku.

(*b*) (i) Kadar pertumbuhan penduduk bandar yang tinggi dalam tempoh tujuh puluhan adalah disebabkan oleh perkembangan yang pesat di sektor-sektor moden seperti pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan yang telah mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di kawasan-kawasan bandar. Dalam tempoh 1971-1980, jumlah gunatenaga di dalam sektor pembuatan telah bertambah pada kadar purata tahunan sebanyak 7.6% atau sejumlah 417,000 pekerjaan sementara gunatenaga di dalam sektor-sektor pembinaan dan perkhidmatan bertambah pada kadar 5%-7% setahun atau 550,000 pekerjaan. Di sektor pertanian pula gunatenaga bertambah pada kadar purata 1.9% setahun atau 350,000 pekerjaan sahaja di dalam tempoh masa yang sama.

Penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar merupakan satu phenomenon yang biasa berlaku dalam sesebuah negara yang pesat membangun seperti negara kita Malaysia. Pada awal tahun tujuh puluhan penghijrahan tertumpu kepada empat bandar yang terbesar, iaitu Kuala Lumpur, Georgetown, Ipoh dan Johor Bahru. Walau

bagaimanapun, berbagai program telah dilaksanakan di bawah strategi pembandaran bagi menyebarkan pembangunan bandar serta mengurangkan penumpuan penduduk dan kegiatan bandar di kawasan-kawasan bandar yang ada dan juga untuk mengseimbangkan pembangunan antara kawasan-kawasan yang lebih maju. Hasil dari ini bandar-bandar saiz sederhana yang mempunyai 40,000-75,000 penduduk seperti Kota Bharu, Alor Setar dan Kuantan telah membangun dengan pesatnya. Ini sejajar dengan matlamat penyusunan semula masyarakat di bawah Dasar Ekonomi Baru untuk menambahkan bilangan penduduk Bumiputera di bandar-bandar dan mengadakan peluang-peluang untuk membangun satu komuniti perdagangan dan perindustrian di kalangan kaum Bumiputera.

Penghijrahan bukan sahaja berlaku dari luar bandar ke bandar, tetapi juga dari bandar ke kawasan-kawasan pembangunan tanah. Definasi bandar ialah kawasan yang diwartakan dan saiz penduduknya berjumlah 10,000 atau lebih. Analisa awal dari Banci Penduduk 1980 berasaskan sampel 5 peratus menunjukkan bahawa dari jumlah orang-orang yang telah berpindah dalam masa lima tahun sebelum Banci 1980, sebanyak 18% berpindah dari kawasan luar bandar ke kawasan-kawasan bandar, 53% berpindah dari satu kawasan luar bandar ke kawasan luar bandar yang lain dan yang bakinya berpindah dari bandar ke bandar (14%) atau dari bandar ke luar bandar (15%). Walau bagaimanapun, bilangan migran dari luar bandar ke luar bandar mungkin kurang daripada anggaran ini dan migran dari luar bandar kepada bandar lebih tinggi, memandangkan sebilangan migran dari luar bandar ke bandar menetap di pinggir-pinggir sempadan kawasan bandar yang diwartakan, dan oleh yang demikian dikira sebagai tinggal di luar bandar walaupun mereka mencari nafkah di bandar-bandar.

Bagi mengatasi masalah tersebut pihak Kerajaan telah mengambil beberapa langkah tertentu seperti penempatan semula setinggan-setinggan di rumah kos rendah dan menyediakan tapak-tapak rumah. Kawasan-kawasan yang telah dikosongkan hasil dari program penempatan semula ini telah dimajukan.

Di samping itu rancangan mewujudkan bandar-bandar baru (sub-urban) seperti Bandar Baru Tun Abdul Razak adalah merupakan di antara usaha-usaha yang bertujuan agar dapat menyusun semula sistem penempatan setinggan di kawasan bandar supaya lebih teratur, dan sempurna.

Pihak Kerajaan juga telah menjalankan usaha-usaha mengenalpasti kawasan luar bandar dengan mengadakan pelbagai projek pembangunan agar dapat mengurangkan penghijrahan penduduk ke bandar-bandar. Dengan langkah-langkah ini dapat mengurangkan pertumbuhan kawasan-kawasan setinggan di bandar di samping dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan di kawasan luar bandar.

(*c*) Untuk tempoh satu setengah tahun pertama Rancangan Malaysia Keempat, sebanyak 102 buah syarikat telah diluluskan bagi negeri-negeri berpendapatan rendah. Dari jumlah tersebut, sebanyak 53 buah diluluskan bagi negeri Kedah, 23 buah bagi Kelantan, 18 buah bagi Terengganu dan bakinya bagi negeri Perlis. Kelulusan-kelulusan ini dijangka akan menghasilkan jumlah pelaburan sebanyak $1,313.1 juta. Angka-angka yang dijangkakan ini menunjukkan pertumbuhan yang pesat dalam bilangan syarikat yang diluluskan bagi

negeri-negeri berpendapat rendah dan ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan menentukan pertumbuhan yang seimbang antara negeri-negeri di Malaysia. Untuk Tahun 1981, umpamanya jumlah syarikat yang diluluskan bagi negeri-negeri tersebut adalah sebanyak 74 buah dengan pelaburan sebanyak $1,036.2 juta berbanding dengan kelulusan sebanyak 43 buah dengan pelaburan sebanyak $149.4 juta dalam tahun 1980. Sebahagian besar dari syarikat-syarikat yang diluluskan adalah syarikat-syarikat yang mengeluarkan bahan-bahan binaan, barang-barang plastik, barang-barang kayu dan kelengkapan pengangkutan.

Tuan Yang Dipertua, sebenarnya kalau hendak memberi jawapan yang lengkap kepada soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat, ia memerlukan banyak lagi detail-detail tetapi ini tak mungkinlah saya berikan jawapan itu pada waktu soal-jawab ini dan jika perlu saya boleh sampaikan maklumat itu kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan.

Dato Haji Mohd. Nor Mohamed: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya berterima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri tadi berkaitan dengan penghijrahan daripada desa ke bandar yang dijawab dengan cara bahawa banyak peluang-peluang pekerjaan adalah di bandar. Itu sebab asas penghijrahan daripada desa ke bandar kerana kekurangan pekerjaan di kampung-kampung. Pertanyaan saya, Tuan Yang Dipertua, adakah Kerajaan dengan seriusnya mengambil pandangan yang hebat untuk mengagihkan perusahaan-perusahaan itu ke luar-luar bandar seperti disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi 112 perusahaan telah diwujudkan di kawasan luar bandar. Saya ingin tahu daripada 112 syarikat-syarikat itu sebanyak mana syarikat yang datang ke negara kita, berapa per cent, satu per cent, sepuluh per cent ataupun 100 per cent. Tuan Yang Dipertua itulah pertanyaan yang pertama.

Pertanyaan yang kedua, sama ada Kerajaan mengambil tindakan-tindakan menyekat pertumbuhan yang berlebihan, (dengan izin) over industrialised, over developed industrial areas di kawasan bandar seperti di Klang Valley dengan begitu sahaja tanpa menggesa dan mengarahkan mereka mengagihkan industri-industri mereka ke tempat-tempat lain di mana peluang-peluang pekerjaan untuk orang-orang desa dapat diwujudkan.

Pertanyaan ketiga, Tuan Yang Dipertua, kekurangan pertumbuhan industri di luar bandar adalah kerana kos, kos harga tanah, kos pengangkutan, kos bekalan kuasa elektrik ataupun air, dan juga kos mesin-mesin seperti alat-alat perkakas yang perlu dibawa ke dalam negeri yang tidak diberi galakan tanpa cukai import. Jadi pertanyaan saya begini, Tuan Yang Dipertua, sama ada Kerajaan akan mengambil tindakan memberi galakan yang bagus seperti ini, seperti yang dibuat di negara-negara maju untuk membangunkan kawasan-kawasan mundur di negara kita.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, saya ingat dari rancangan yang telah dilaksanakan selama ini oleh Kerajaan memang terbukti bahawasanya Kerajaan memang serius hendak membuat pengagihan seperti Yang Berhormat telah sebutkan tadi. Ini terbukti dengan bermulanya pembangunan kawasan-kawasan industri di bandar-bandar kecil seperti yang telah saya sebutkan tadi seperti di Alor Star, Kuantan, Kota Bharu dan juga adalah terbukti bahawa di kawasan-kawasan yang lebih kecil daripada itu juga sudah ada kawasan-kawasan perindustrian yang telah dimulakan umpamanya di Kedah

kawasan Tikam Batu, di Perak kawasan Parit Buntar. Ini adalah sebagai contoh-contoh dan ada lagi contoh di kawasan-kawasan lain. Jadi apabila ada kawasan-kawasan itu dibuka dan bila ada pelaburan di kawasan itu dengan terbinanya kilang-kilang industri di kawasan itu, maka peluang-peluang pekerjaan akan wujud dan dengan itu penghijrahan secara tradisional iaitu daripada kawasan luar bandar ke kawasan bandar-bandar yang besar seperti Kuala Lumpur, Ipoh dan George Town itu akan berkurangan kerana tenaga-tenaga pekerja atau pencari-pencari pekerjaan itu akan menuju ke pusat-pusat pertumbuhan yang baru seperti yang saya sebutkan tadi itu.

Berhubung dengan perkara yang kedua memanglah setelah kita mengadakan rancangan hendak menubuhkan ataupun mewujudkan pusat-pusat ataupun kawasan-kawasan industri di luar bandar maka segala galakan diberi supaya industri-industri itu akan pergi ke kawasan-kawasan yang baru diwujudkan. Oleh sebab soalan Ahli Yang Berhormat berhubung dengan 112 industri yang saya sebutkan tadi memerlukan satu jawapan yang detail dan maklumat itu tidak ada pada saya, saya pohon daripada Tuan Yang Dipertua untuk menyampaikan maklumat itu kepada Ahli Yang Berhormat secara bertulis.

Berhubung dengan perkara ketiga memanglah juga menjadi dasar Kerajaan kita untuk sentiasa memberi galakan kepada pelabur-pelabur untuk menubuhkan kilang-kilang dan industri-industri di kawasan-kawasan yang telah kita tentukan dan skim galakan itu adalah dikaji dari semasa ke semasa. Saya percaya bila difikirkan sesuai sekali dengan matlamat memberi galakan pelabur-pelabur, maka ia akan dikaji dan insentif-insentif yang tertentu yang munasabah yang menguntungkan kepada Kerajaan dan juga pihak pelabur dan memberi kebajikan kepada rakyat akan diadakan.

PERUSAHAAN—LANGKAH MEMAJUKAN

11. Tuan Alexander Y. L. Lee meminta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian ini untuk memajukan perusahaan-perusahaan di negara ini.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang Dipertua, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian menerusi Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) telah merumuskan dua strategi yang luas untuk memajukan perusahaan-perusahaan di negara ini. Strategi yang pertama ialah untuk mendorong ahli-ahli perniagaan Malaysia melabur di dalam sektor perusahaan dan berhubung dengan ini penekanan yang khas diberikan kepada pelabur-pelabur Bumiputera. Manakala strategi yang kedua ialah untuk memperkenalkan Malaysia kepada pelabur-pelabur asing sebagai satu tempat pelaburan yang menarik.

Strategi yang pertama dilaksanakan menerusi langkah-langkah berikut:

(*a*) Penganjuran seminar-seminar pelaburan di dalam Malaysia di peringkat negeri, Wilayah, Kebangsaan dan Antarabangsa. Dalam hubungan ini MIDA telah menganjurkan seminar-seminar pelaburan di peringkat Negeri di hampir setiap negeri di Malaysia pada masa-masa yang lampau. Seminar-seminar pelaburan juga diadakan untuk menggalakkan pelaburan di kawasan-kawasan pembangunan wilayah di bawah tanggungjawab Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah dan seminar-seminar antarabangsa

telah diadakan di Kuala Lumpur untuk menggiatkan lagi pertumbuhan perusahaan-perusahaan bersumberkan kayu dan getah.

Pada April 1983 ini, MIDA akan menganjurkan satu seminar antarabangsa bagi menggalakkan perusahaan-perusahaan kejuruteraan persis dan perusahaan sokongan di Kuala Lumpur dengan kerjasama Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM) dan Persekutuan Persatuan Perusahaan Kejuruteraan dan Perusahaan Pelaburan Malaysia (FOMFEIA). Sebagai tambahan kepada kegiatan ini, MIDA juga sedang menyelaraskan penyertaan ahli-ahli perniagaan Malaysia dalam Persidangan Sektoral ASEAN-EEC yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada 28hb Februari sehingga 2hb Mac, 1983 di mana penekanan dikhususkan kepada usaha menggalakkan minat pelaburan dalam pemasangan/pengeluaran jentera-jentera pertanian, peralatan jentera dan mesin pemerosesan. Pada September, 1983 pula, MIDA akan melaksanakan satu program bersama badan-badan sektor swasta bagi mengadakan satu seminar mengenai Mesin Perusahaan dan Alat-alatnya, mesin-mesin Kerja-kayu dan Perabut. Kegiatan-kegiatan penggalakan tersebut yang diadakan di Malaysia seharusnya memberi peluang pelaburan yang luas kepada usahawan-usahawan Malaysia yang cergas.

(*b*) MIDA juga akan terus mendorong ahli-ahli perniagaan Malaysia untuk menyertai missi-missi pelaburan ke luar negeri yang akan dianjurkan pda tahun 1983 sebagaimana ianya berjaya mengendalikan pada masa lalu. Rancangan-rancangan tersebut telah membantu pelabur-pelabur Malaysia mewujudkan perhubungan dengan ahli-ahli perniagaan asing bagi menubuhkan projek-projek usahasama dalam pelbagai bidang aktiviti.

(*c*) Tambahan pula, pegawai-pegawai MIDA di Kuala Lumpur dan pejabat-pejabat Wilayah di kawasan-kawasan dalam Malaysia sentiasa berhubung rapat dengan Persatuan Pekilang-pekilang, Institusi-institusi Kewangan dan pelabur-pelabur perseorangan untuk menggalakkan dan mendorong minat mereka dalam usaha pelaburan di bidang perusahaan.

Berhubung dengan strategi yang kedua, 15 Pusat Luar Negeri, MIDA sentiasa melaksanakan berbagai strategi dan program untuk mendorong minat pelabur-pelabur asing terhadap peluang-peluang pelaburan di Malaysia. Salah satu rancangan yang sungguh berjaya ialah missi-missi pelaburan yang dianjurkan oleh MIDA ke negara-negara yang mengeksport teknologi dan modal asing, seperti yang telah saya katakan sebelum ini, di mana terlibatnya penyertaan dari sektor swasta Malaysia. Saya berasa sukacita untuk menyatakan bahawa hasil dari galakan yang diberikan oleh Kementerian saya dan MIDA, Kesatuan Dewan-dewan Perniagaan dan Perindustrian China Malaysia (ACCCIM) dan Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM) pada tahun 1982 telah menjalankan program-program galakan pelaburan ke luar negeri dengan daya usaha mereka sendiri. Bagaimanapun dengan mendapat bantuan serta diiringi oleh pegawai-pegawai MIDA saya berharap kesatuan-kesatuan Perdagangan dan

Perindustrian akan meneruskan rancangan-rancangan tersebut yang melengkapi usaha-usaha Kerajaan.

Pada tahun 1983 ini, MIDA akan menganjurkan missi-missi pelaburan khusus ke negara-negara Timur Jauh dan Eropah. Adalah dicadangkan bahawa satu rancangan missi pelaburan akan dijalankan pada Mei 1983 di Hong Kong, Jepun dan Korea untuk menggalakkan pelaburan di dalam "perusahaan-perusahaan kejuruteraan persis dan perusahaan sokongan" di Malaysia. Manakala pada akhir tahun ini, satu missi pelaburan khusus mengenai keluaran kayu akan dijalankan di Eropah dan akan dianjurkan bersama dengan beberapa Kesatuan Perindustrian di Malaysia yang terlibat dalam perusahaan pekayuan, pengeluaran dan pemasaran keluaran-keluaran kayu.

Adalah perlu dinyatakan di sini, sebagai tambahan, bahawa saya, Timbalan-timbalan Menteri dan pegawai-pegawai Kanan MIDA akan terus terlibat secara aktif di dalam berbagai program galakan pelaburan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Jika didapati perlu dan terdapat sebarang peluang, kita akan mengalu-alukan penglibatan sektor swasta di dalam program-program tersebut dan pengumuman akan dibuat dari masa ke masa sama ada di dalam media massa tempatan ataupun melalui surat pekeliling yang akan dihantar kepada Dewan-dewan Perniagaan, Persatuan-persatuan Perindustrian, Bank-bank dan lain-lain Institusi-institusi Kewangan.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya tertarik pada Yang Berhormat Mulia mengatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian memajukan perusahaan negara ini tergantung kepada dua faktor. satu menggalakkan ahli perniagaan melabur. Nombor dua, menggalakkan pelabur-pelabur asing datang ke negara kita.

Tuan Yang Dipertua, saya hendak bertanya terus terang dalam menggalakkan ahli-ahli perniagaan melabur ini begitu juga dan menggalakkan pelabur asing dalam negeri kita ini, banyak yang saya telah umum. Jadi saya hendak bertanya dalam menggalakkan melabur, ahli-ahli perniagaan melabur dalam negeri ini, ada satu perkara, apabila kita bercakap berkenaan dengan pembangunan perusahaan, perdagangan yang semacam ini kita tidak nafikan Kerajaan sekarang berazam dan berjanji kepada rakyat 30% dalam kemajuan, dalam semua segi, dalam semua pejabat, dalam semua Kementerian dalam negeri ini mesti dicapai dalam tahun 1990 yang akan datang.

Saya sukalah hendak bertanya kepada Kementerian yang penting, yang dipegang oleh Yang Berhormat Mulia pada masa ini ahli-ahli perniagaan daripada bumiputera, adakah sampai ke tahap 20% ataupun ke tahap 15% atau adakah ada memberi jaminan bahawa dalam masa yang dijaminkan oleh Kerajaan pada tahun 1990, terutama rakyat bumi yang dahaga dan perlu dipimpin ini boleh mencapai cita-cita 30% itu? Itu pertanyaan nombor satu. Yang kedua, adakah langkah Kerajaan, sebab pada pandangan saya adalah kita gustan, kalau kita tidak memikirkan masa depan bukan tahun 1990 sahaja, tetapi barangkali 100 tahun lagi ataupun 200 tahun lagi. Jadi saya hendak bertanya selepas 1990 adakah Kementerian yang bersabit menganggarkan supaya bumiputera dapat sebahu, sejalan dengan bukan bumiputera dalam masalah perniagaan, dalam negeri ini. Yang nombor dua. . . . .

Timbalan Yang Dipertua: Itu sudah nombor 2 *(Ketawa)*.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Nombor 2, maafkan saya, nombor 3. Ini mengenai pelaburan asing, banyak sangat datang ataupun belum lagi cukup datang. Saya suka juga bertanya, semalam ada saya bertanya adakah kita ini hendak menghantar kepada Menteri Pelajaran ke negeri-negeri Eropah lain, Italy, Jerman, begitu-begini fasal penuntut-penuntut kita belajar di Timur. Menteri yang tersebut mengatakan hendak hantar ke Italy, maafkan saya dua negeri di Eropah akan dihantar, jadi yang menjadi masalahnya sekarang ini yang datang ini pelabur asing yang datang, kalau kita tidak hadkan yang tertentu, kalau dari semasa ke semasa galak, galak, galak memang saya tidak tahu Malaysia di masa akan datang akan jadi negara apa? Sebabnya semua industri penting menguasai perniagaan, Yahudi boleh menolak Arab yang begitu ramai kerana perniagaan, kekayaannya, Tuan Yang Dipertua.

Timbalan Yang Dipertua: Jadi soalannya apa?

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Jadi soalan saya, adakah dihadkan bahawa pelabur-pelabur asing dalam negeri ini setakat yang tertentu mengikut demi keselamatan dan keutuhan negara kita masa ini dan akan datang?

Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang Dipertua, bersabit dengan pertanyaan yang pertama, 30% bumiputera setakat manakah pencapaian kita pada masa sekarang ini, saya rasa perlu saya menjelaskan kecapaian 30% bumiputera ini dalam tahun 1990 adalah dari segi cara keseluruhannya, global attainment, dengan izin.

Di dalam pemegangan saham-saham inilah 30% kita berharap kita akan tercapai dalam tahun 1990. Jadi untuk menjawab setakat manakah pencapaian ini hari ini kita mencapai, saya boleh katakan Alhamdulillah dengan usaha-usaha yang begitu giatnya, kerjasama yang diberikan oleh setengah-setengah syarikat-syarikat, saya mengatakan setengah syarikat-syarikat, di dalam pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru ini termasuklah penyertaan dari segi pekerja-pekerja sama supaya menjaminkan pekerja-pekerja ini populasi, penduduk-penduduk Malaysia juga, sama juga dari segi equity iaitu saham yang dipegang ialah tidak kurang dari 30% pada tahun 1990 dan juga dari segi peringkat managerial juga kita berkehendakkan syarikat-syarikat ini mencerminkan populasi penduduk-penduduk Malaysia. Saya hanya boleh kata iaitu Alhamdulillah setakat ini banyak lagi kita akan adakan dengan keadaan restructure-restructure syarikat-syarikat besar yang lain dan juga cara yang kita mengadakan ASN dan juga PNB dan sebagainya, saya rasa ini akan mempercepatkan lagi matlamat kita mencapaikan cara keseluruhan, on a global basis, dengan izin, iaitu kecapaian 30% dalam tahun 1990.

Bertanya pula bersabit dengan soalan nombor dua, adakah selepas tahun 1990 ini ataupun dalam 1990 kedudukan bumiputera setanding dengan kaum-kaum yang lain. Adalah menjadi matlamat Kerajaan iaitu dalam apa segi kegiatan ekonomi dalam negara kita ini supaya kaum bumiputera setaraf, setanding, sebahu dan dapat dijalankan sama dengan kaum-kaum yang lain. Sebab itulah saya rasa Kerajaan telah pun mencapai matlamat setakat ini untuk pencapaian pada akhirnya tahun 1990 supaya kedudukan bumiputera tidak rendah, tidak kurang daripada kaum-kaum yang lain. Kita berharap kaum-kaum yang lain sama memberikan kerjasama supaya dengan kejujuran dan kerjasama ini kaum bumiputera dapat dipertolongkan dan membangkitkan setaraf, setanding kedudukan ekonomi kaum bumiputera selepas daripada tahun 1990.

Bersabit dengan soalan ketiga mengenai pelaburan asing. Kata Yang Berhormat sekejap tadi, Yang Berhormat yang saya kasihi tadi—maaf kerana Yang Berhormat juga menggunakannya dahulu perkataan yang dikasihi, jadi adakah pelabur asing ini kita mengawasi, takut-takut pelabur-pelabur asing ini menjadi perkara yang tidak diingini selepas daripada tahun 1990. Kita telah pun mengawasi keadaan ini. Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pelaburan Asing, dasar joint-venture, dasar menarik pelabur-pelabur asing ini adalah semata-mata berasaskan demi kebaikan kita. Jikalau ada perkara yang tidak memberikan kebaikan dan keburukan kepada negara kita, kita tidak akan melakukan. Satu tauladan ataupun contoh yang saya suka mengatakan iaitu bersabit dengan pekerja-pekerja asing ataupun pihak eksekutif asing untuk bekerja di negara kita ini di dalam syarikat-syarikat joint-venture ini, kita adakah had di mana penting sahaja mereka akan diberikan peluang bekerja di sini juga kita menghadkan kepada satu dua pekerjaan di dalam syarikat ini supaya mengawasi dan memberikan kejayaan kepada kerjasama ataupun joint-venture di dalam mengendalikan usaha sama ini.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Satu perkara yang amat rumit menghadapi kewangan negara adalah kedudukan imbangan bayaran ataupun rizab penukaran matawang asing. Pada dahulunya kedudukan ini mencukupi 8 bulan import, kemudian sekarang sudah turun kepada 6 bulan, di masa Budget yang baru ini cuma 4½ bulan sahaja rizab kita ada untuk mengimport barang-barang rizab kita itu.

Pertanyaan saya, Tuan Yang Dipertua, apakah tindakan-tindakan diambil untuk membesarkan lagi perusahaan-perusahaan yang mengganti import (import subsititution industry) yang sekarang diabaikan secara begitu kerana kita concentrate di atas perkara-perkara ecport oriented. Jadi saya ingin bertanya Yang Berhormat Mulia Menteri adakah galakan-galakan atau tegas arahan akan dibuat untuk mempertingkatkan lagi kedudukan perkembangan industri import substitution.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang Dipertua, benarkah pada masa-masa dahulu daripada export commodity kepada import substitution, dengan izin, dan sekarang ini dasar kita pula kepada export oriented. Ini semata-mata supaya kita dapat foreign exchange ataupun pendapatan wang asing lebih banyak lagi. Saya rasa negara kita bernasib baik dan dengan kecekapan management—pengurusan wang negara kita, negara kita salah satu negara yang dihormati di dalam credit standing yang ada dalam negara kita ini. Kalau tak salah saya credit standing negara kita jatuh Nombor 17 dalam dunia ini. Salah satu, saya rasa dalam dunia ini di antara 170 negara, credit standing kita jatuh yang ke 17. Ini bermakna kita dipercayai oleh semua negara ataupun institusi-institusi kewangan dunia adalah menganggapkan yang kita ini standing begitu tinggi. Jadi saya rasa tidak perlu kita takut buat masa sekarang ini melainkan kemelesetan ekonomi dunia ini berpanjangan sangat, kerana buat masa sekarang ini, dengan izin, servicing daripada foreign exchange kita kalau tak salah saya 6% yang kita servicekan loan. Jadi kalau dibandingkan dengan negara-negara lain, tak perlu saya menyatakan negara-negara itu setengahnya 60% daripada wang asing diservicekan untuk loan yang dipinjam oleh negara, tetapi kita hanya 6% sahaja.

Baru-baru ini saya pergi ke Amerika Syarikat membawa satu rombongan, banyak institusi-institusi kewangan di

sana bertanya, bilakah Malaysia hendak pinjam wang lagi kita sanggup beri, banyak mana, berapa bilion pun sanggup. Ini semata-mata oleh sebab kepercayaan institusi-institusi kewangan ini kepada Malaysia yang mana 6% sahaja yang diservicekan untuk foreign loan daripada foreign exchange yang dapat kepada kita. Ini bermakna kita tak perlu buat masa sekarang ini berasa bimbang kerana kita boleh ada kewangan dan sebagainya. Sebab itulah saya rasa kegiatan kita untuk mengeksportkan eksport orientasi ini masih dipergiatkan lagi semata-mata untuk menambahkan lagi kewangan asing supaya dapat didatangkan ke negara kita ini pada masa akan datang.

Timbalan Yang Dipertua: Waktu sudah cukup.

(Waktu untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 22 adalah diberi di bawah ini).

PELAJARAN 3M—KESAN

12. Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(*a*) secara terperinci apakah kesan dan kejayaannya yang telah diperolehi dari percubaan pelajaran 3M yang telah dijalankan di 302 buah sekolah itu dan sama ada boleh memberikan keyakinan kepada kita atau sebaliknya, bahawa KBSR itu boleh mencapai kejayaan sebagaimana matlamat yang dicita-citakan kelak;

(*b*) sama ada Kementerian ini dapat menyedia dan memberi peruntukan yang tertentu ke setiap sekolah untuk melengkapkan alat-alat yang sangat-sangat diperlukan seperti mesin rumput, mesin taip mesin pendua, kipas angin dan lain-lain lebih-lebih lagi bagi sekolah-sekolah yang terletak di luar bandar yang sememang miskin keadaannya dan susah untuk mendapatkan punca wang bagi membeli alat-alat keperluan sekolah tersebut; dan

(*c*) mengapakah Kementerian ini tidak menubuhkan Jabatan Pelajaran Daerah di Negeri Perlis, Wilayah Persekutuan dan Melaka seperti di lain-lain negeri-negeri dalam Semenanjung Malaysia.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob:

(*a*) Melalui pengesanan yang telah dijalankan oleh Kementerian Pelajaran ke atas 302 buah sekolah yang melaksanakan KBSR dalam tahun 1982, didapati beberapa kesan yang kejayaan yang positif telah dapat dicapai. Dari segi guru didapati mereka lebih berkeyakinan untuk menjalankan pengajaran dan memilih cara-cara yang lebih sesuai dengan situasi sekolah dan kelas masing-masing seperti yang dicadangkan di dalam buku-buku panduan guru. Dari segi murid pula kesan dan kejayaannya lebih nyata lagi. Murid-murid lebih berminat untuk belajar dan lebih aktif mengambil bahagian serta melibatkan diri dalam pembelajaran. Interaksi sesama mereka dan di antara mereka dengan guru adalah lebih lancar jika dibandingkan dengan murid-murid kelas lain yang tidak mengikuti KBSR. Hasil daripada suasana yang demikian pencapaian murid dalam pelajaran juga bertambah baik. Walaupun ternyata beban guru agak berat untuk menyediakan bahan-bahan pengajaran, sekolah-sekolah yang melaksanakan KBSR telah

menubuhkan Jawatankuasa KBSR peringkat sekolah untuk membantu meringankan beban guru dan mengatasi masalah-masalah yang timbul. Dengan itu Kementerian Pelajaran yakin KBSR akan dapat mencapai matlamatnya sebagaimana yang dicita-citakan.

(*b*) Semua sekolah termasuk sekolah-sekolah kecil di luar bandar diberi peruntukan kewangan (P.C.G.) untuk belanja mengurus pentadbiran sekolah. Ini termasuk penyelenggaraan alat kelengkapan, membeli alat ganti dan membaiki kerosakan bagi alat kelengkapan seperti mesin taip, mesin rumput dan lain-lain. Kadar peruntukan P.C.G. ini dikaji dari masa ke semasa untuk menampung perbelanjaan yang meningkat. Baru-baru ini kadar tersebut telah dinaikkan tetapi oleh kerana dasar berjimat cermat yang dijalankan oleh Kerajaan, kadar yang baru itu telah ditangguhkan. Bagi sekolah-sekolah yang baru dibuka alat-alat kelengkapan asas disediakan. Ini termasuk peruntukan kewangan yang khas supaya sekolah-sekolah tersebut dapat bermula dan berjalan dengan lancar.

(*c*) Di antara tujuan utama Kementerian menubuhkan Pejabat-pejabat Pelajaran Daerah adalah bagi meningkatkan lagi kualiti pengajaran, pembelajaran dan pendidikan, melicinkan lagi urusan pentadbiran pelajaran di peringkat daerah di samping mengurangkan bebab tugas Pejabat-pejabat Pelajaran Negeri, mengawas dengan lebih rapi ke atas sekolah-sekolah di sesuatu daerah dan meningkatkan lagi usaha penilaian terhadap keberkesanan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Dalam pengujudan sesuatu "Daerah Pelajaran" pula pihak Kementerian terpaksa mengambil kira dan memperhitongkan fakta-fakta seperti bilangan guru dan ramainya murid-murid, kedudukan serta keluasan daerah tersebut bagi menentukan sesebuah Pejabat Pelajaran Daerah dapat berfungsi dengan licin dan berkesan. Di mana didapati fungsi penyeliaan dapat dilaksana terus dari Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri sepertimana terdapat di Melaka, Perlis dan Wilayah Persekutuan, tiadalah Pejabat Pelajaran Daerah ditubuhkan. Di sebaliknya di negeri-negeri berkenan Jabatan Pelajarannya telah diperkukohkan dengan pembekalan lebih ramai kakitangan dibuat melalui urusan penyusunan semula struktur organisasi dan dilaksanakan secara serentak apabila Pejabat-pejabat Pelajaran Daerah ditubohkan pada 1-6-1982. Walau bagaimanapun Kementerian sedang membuat kajian mendalam sekarang ini dan jika didapati perlu "Daerah Pelajaran" yang baru akan diwujudkan.

KECICIRAN MURID DI SEKOLAH TAMIL

13. Tuan D. P. Vijandran minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah-masalah Sekolah-sekolah Rendah aliran Tamil terutamanya kadar tertinggi 'drop out'; dan sama ada Kementerian merancang untuk meningkatkan taraf kemudahan-kemudahan pelajaran dan

menambahkan guru-guru yang berkelayakan dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris di sekolah-sekolah Tamil.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Kementerian Pelajaran telah mengambil berbagai-bagai langkah untuk mengatasi seberapa yang boleh masalah-masalah yang dihadapi oleh Sekolah-sekolah Rendah aliran Tamil supaya kadar 'keciciran' dapat dikurangkan di samping menyediakan kemudahan-kemudahan pelajaran di sekolah-sekolah tersebut. Di antara langkah-langkah yang telah diambil ialah:

(*a*) Menyediakan bantuan buku teks percuma kepada murid-murid yang miskin dan layak mengikut syarat-syarat tertentu. Dalam rancangan ini hampir semua murid iaitu 95% di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) (SRJK(T)) mendapat bantuan.

(*b*) Memperkenalkan rancangan "Makanan Tambahan" kepada murid-murid miskin di SRJK(T). Dalam rancangan ini 95% murid-murid di SRJK(T) dapat bantuan, dan semua murid di Sekolah Kecil, khasnya di kawasan luar bandar menyertai rancangan ini sepenuhnya. (Pada tahun 1983, rancangan ini di SRJK(T) tidak terganggu kerana kebanyakan SRJK(T) adalah sekolah kecil dan di luar bandar).

(*c*) Menambah pengeluaran guru-guru SRJK(T) yang terlatih dengan menambah bilangan kemasukan guru-guru tersebut ke dalam maktab-maktab perguruan.

(*d*) Menempatkan lebih ramai lagi guru-guru terlatih Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris di SRJK(T).

(*e*) Memperkenalkan 'Rancangan Perpustakaan Sekolah' termasuk bantuan buku-buku perpustakaan.

Juga diharapkan dengan bermulanya Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1983 proses pengajaran dan pembelajaran akan meningkat dan ini akan mengurangkan lagi kadar keciciran.

RAWATAN KEPADA PESAKIT OLEH DOKTOR

14. Tuan Basharon bin Hanafiah minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada di antara doktor-doktor yang bukan bumiputera yang bertugas di hospital-hospital di dalam negeri kita, telah memberi layanan yang tidak sama di antara pesakit bumiputera dengan yang bukan bumiputera.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Seperti yang mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perkhidmatan perubatan di Malaysia mempunyai doktor-doktor dan kakitangan dari semua kaum. Begitu jua pesakit-pesakit yang datang untuk mendapatkan rawatan terdiri dari semua kaum. Tugas doktor-doktor dan kakitangan ini ialah untuk memberi perkhidmatan yang sempurna kepada semua pesakit, tidak mengira kaum atau pun agama yang dianutinya. Dengan ini tidaklah benar untuk mengatakan bahawa pegawai-pegawai tersebut mengamalkan diskriminasi di antara kaum apabila memberikan perkhidmatan mereka kepada rakyat. Saya tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap sesiapa jua yang mengamalkan diskriminasi ini jika sekiranya terbukti demikian.

KERAJAAN HENG SAMRIN— PENDIRIAN MALAYSIA

15. Dato G. Pasamanickam minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan menukar sikap dan

tindakannya terhadap Kerajaan Kampuchea bila Kerajaan Heng Samrin iaitu Kerajaan sekarang diiktiraf oleh India dan seterusnya Malaysia mengekalkan keahlian dalam negara-negara berkecuali.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, India sebenarnya telah pun mengiktiraf regim Heng Samrin. Sebagaimana yang telah saya katakan di masa-masa lalu, adalah hak India untuk berbuat demikian. Tetapi kita masih mempertahankan pendapat kita iaitu Heng Samrin bukanlah Kerajaan yang sah di Kampuchea kerana kewujudannya adalah akibat pencerobohan dan sokongan oleh kuasa luar. Pengiktirafan India terhadap regim Heng Samrin tidak bersangkutan dengan soal keahlian atau peranan Malaysia di Pergerakan Negara-negara Berkecuali.

HOSPITAL KHAS BAGI ANGKATAN TENTERA

16. Tuan M. K. Muthusamy minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah rancangan-rancangan untuk mewujudkan hospital-hospital khas bagi anggota-anggota Angkatan Tentera di kawasan-kawasan di mana terdapat pusat-pusat yang besar.

Perdana Menteri: Kerajaan memang ada rancangan untuk membena beberapa buah lagi Hospital Angkatan Tentera di pusat-pusat Tentera yang besar. Rancangan pembenaan hospital-hospital ini adalah sebagai langkah untuk menampung keperluan perubatan untuk anggota Tentera yang kian meningkat. Selain dari bidang kepakaran asas, hospital-hospital ini akan menumpukan kepada satu bidang kepakaran khas yang ada kaitan dengan kerjaya ketenteraan, seperti kepakaran dalam bidang Pemulihan, Perubatan Penerbangan dan Perubatan Perairan (Underwater Medicine). Pembenaannya akan dibuat secara berperingkat-peringkat.

PENYELARASAN PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK

17. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memperbaiki lagi sistem penyelarasan pelaksanaan projek-projek Kerajaan Persekutuan di peringkat Negeri contohnya seperti menyusun semula fungsi-fungsi dan keanggotaan Jawatankuasa Tindakan Negeri (State Action Committee) memandangkan prestasi pelaksanaan projek di setengah-setengah negeri tidak begitu memuaskan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kerajaan sentiasa meneliti sistem penyelarasan pelaksanaan projek-projek secara amnya dengan tujuan untuk meninggikan lagi prestasi pelaksanaannya. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Tindakan Negara di-pengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri bagi menyelaras pelaksanaan program-program mengesani masalah-masalah yang dihadapi serta membuat penyelarasan yang cepat terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh agensi-agensi pelaksana. Di peringkat negeri pula, diwujudkan Jawatankuasa Tindakan Negeri yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Menteri Besar/Ketua Menteri yang berkenaan, serta dianggotai oleh Ahli-ahli Pentadbiran di peringkat yang paling tinggi di negeri-negeri tersebut. Jawatankuasa yang serupa juga diadakan di peringkat daerah dan dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Menerusi sistem ini, agensi-agensi pelaksana dikehen-daki mengambil tindakan segera bagi melaksanakan ketetapan yang dibuat. Bagi maksud ini pula, beberapa Jawatankuasa lain misalnya Jawatankuasa Pembangunan Negeri, Jawatankuasa Pembangunan Daerah

dan juga Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil di peringkat Kementerian/ Jabatan juga diadakan. Selain daripada itu, agensi-agensi Kerajaan juga dikehendaki mengemukakan laporan pelaksanaan program tiap-tiap suku tahun kepada Pusat Komputer, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri untuk mengesan kemajuan pelaksanaan projek-projek secara amnya.

Pada keseluruhannya, Kerajaan adalah berpuas hati dengan sistem penyelarasan pelaksanaan projek-projek yang terdapat sekarang ini. Justeru itu, buat masa ini, Kerajaan merasakan tidaklah perlu disusun semula fungsi dan keanggotaan mana-mana Majlis atau Jawatankuasa yang dimaksudkan khasnya Jawatankuasa Tindakan Negeri bagi menyelaraskan pelaksanaan projek-projek di peringkat negeri.

KEBUDAYAAN NASIONAL

18. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan apakah kemajuan untuk mencipta Kebudayaan Nasional dan bilakah ia akan dilaksanakan secara menyeluruh.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Berhubung dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah, jawapan yang hampir serupa telah saya berikan pada 4hb Januari, 1983. Saya tidak bercadang untuk mengulanginya lagi.

CUKAI JUALAN KERETA DISEL

19. Tuan Kee Yong Wee minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa cukai jalan bagi kereta disel yang dimiliki oleh syarikat-syarikat adalah terlalu tinggi dan ada kemungkinan kereta-kereta tersebut diberi kepada pengarah-pengarah syarikat untuk mengelakkan cukai yang banyak.

Dato Dr Ling Liong Sik: Saya sedar bahawa cukai jalan bagi kereta-kereta disel milik syarikat-syarikat adalah lebih tinggi dan ada kemungkinan kereta-kereta tersebut terutamanya yang dimiliki oleh syarikat-syarikat kecil, akan diberi kepada pengarah-pengarah mereka untuk mengelak cukai yang tinggi.

MALI DAN PAPUA NEW GUINEA—BANTUAN MALAYSIA

20. Tuan K. Kumaran minta Menteri Luar Negeri menyatakan jenis bantuan yang diberi kepada Mali dan Papua New Guinea oleh Malaysia. Selain daripada negara-negara ini apakah negara kepulauan Pasifik yang telah menerima bantuan dan nyatakan jenis bantuan yang diberi atau yang akan diberi itu.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Penekanan Dasar Luar Malaysia pada masa ini ialah untuk mengujudkan dan mengukuhkan hubungan dua-hala dengan negara-negara membangun dan kurang maju terutamanya negara-negara di kepulauan Pasifik Selatan dan negara ahli Persidangan Pertubuhan Islam (OIC). Untuk mencapai maksud itu, Malaysia telah dan akan memberi bantuan, di bawah Program Bantuan Teknik Malaysia, kepada negara-negara berkenaan di dalam bidang-bidang yang kita mempunyai kepakaran dan pengalaman.

Sehubungan dengan itu, Malaysia baru-baru ini telah menderma 10,000 metric ton beras kepada Mali atas semangat perpaduan Islam dan perikemanusiaan. Sumbangan itu merupakan bantuan serta-merta dari Malaysia yang amat dihargai oleh negara Mali untuk mengurangkan

sedikit penderitaan rakyat Mali akibat kemarau panjang yang melanda negara tersebut semenjak 10 tahun yang lalu.

Selaras dengan usaha untuk mengukuhkan hubungan dua hala, YB Menteri Luar telah melawat Mali pada 19-21hb Ogos, 1982. Semasa lawatan tersebut pihak Kerajaan Mali telah meminta agar Malaysia dapat memberi bantuan teknik. Sebagai menyambut permintaan Mali itu, Jumaah Menteri telah mengarah penubuhan Satu Jawatankuasa Pengendalian Bantuan kepada Mali dan seterusnya bersetuju menghantar satu delegasi teknikal ke Mali untuk mengkaji cara dan rupa bentuk bantuan yang diperlukan yang boleh Malaysia berikan. Jawatankuasa ini akan melawat Mali tidak lama lagi.

Selain dari Mali, Malaysia juga memberi bantuan teknik kepada Papua New Guinea dan negara-negara kepulauan Pasifik Selatan seperti Fiji, Tonga dan Samoa Barat. Bantuan Malaysia ke negara-negara tersebut telah dipergiatkan berikutan lawatan Y.A.B. Perdana Menteri ke Fiji, Tonga, Samoa Barat dan Papua New Guinea baru-baru ini.

Mengenai bantuan ke Papua New Guinea, Malaysia telah memberi bantuan dalam bentuk latihan dan lawatan sambil belajar. Di bawah Program Bantuan Teknik Malaysia, seramai 7 orang pegawai dari PNG telah mengikuti Kursus-kursus dibidang pentadbiran dan pengurusan di INTAN dalam tahun 1982. Dalam tahun ini juga seorang pegawai PNG telah ditempatkan di FELDA untuk selama 1 bulan.

Mengenai Fiji pula seramai 4 orang pegawai Fiji telah menghadiri kursus dibidang pembekalan dan pengurusan kewangan di INTAN bagi tahun 1982. Seorang pegawai dari Fiji juga telah membuat lawatan sambil belajar selama sebulan di dalam bidang penyiaran.

Manakala itu, negara Samoa Barat pada tahun ini telah menghantar 2 orang pegawai mereka untuk mengikuti kursus di Pusat Latihan Telekom.

Setakat ini Malaysia telah melatih seorang pegawai dari Tonga di dalam bidang pengurusan hotel dan restoran di Pusat Daya Pengeluaran Negara dan seorang pegawai di Pusat Latihan Telekom.

Malaysia akan terus membantu negara-negara yang disebutkan tadi demi untuk mengukuhkan hbungan dua-hala. Jenis bantun yang akan diberikan bergantung kepada kehendak negara-negara tersebut berdasarkan kemampuan kita. Sementera itu Malaysia juga telah mengenal pasti bidang-bidang yang diperlukan oleh negara-negara Kepulauan Pasifik Selatan dan butir-butir terperinci sedang dipertimbangkan oleh Kerajaan.

ASEAN—KEMAJUAN YANG DICAPAI

21. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

(*a*) apakah kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh ASEAN setakat ini di dalam bidang ekonomi, sosial, kebudayaan dan politik serantau; dan

(*b*) sama ada ASEAN akan mengadakan pakatan bersama untuk pertahanan keselamatan bersama.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:

(*a*) Pada hakikatnya kerjasama dalam bentuk ASEAN mempunyai 3 tujuan pokok:

(i) untuk membolehkan negara-negara anggota membangun dan mencapai kemajuan

masing-masing dalam bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan tanpa gangguan luar, baik daripada anggota-anggota ASEAN sendiri mahupun daripada negara-negara yang lainnya;

(ii) jika boleh dan perlu, untuk saling-membantu dalam usaha-usaha pembangunan nasional tersebut;

(iii) untuk mengatasi masalah-masalah yang datang dari luar yang sama-sama dirasakan oleh negara-negara anggota. Ringkasnya kerjasama ASEAN adalah diharapkan untuk meningkatkan ketahanan nasional dengan cara tersendiri dan dengan cara kelompok.

Pada masa ini tujuan-tujuan pokok ASEAN itu sudah cukup baik tercapai.

Dalam bidang ekonomi usaha bersama ASEAN yang terbesar ialah dalam bentuk Projek Industri ASEAN (AIP). Empat projek yang demikian sudah dikenal-dipasti; dua daripadanya, iaitu projek urea di Bintulu, Malaysia, dan projek urea di Acheh, Indonesia, sudah pun dilancarkan. Dua lagi, iaitu projek soda-ash di Thailand dan projek perusahaan tembaga di Filipina, sedang ditaja. Negara-negara ASEAN yakin yang projek-projek ini akan berjalan lancar dan akan menguntungkan negara-negara anggota seperti yang diharapkan.

Untuk menggalakkan perdagangan antara ASEAN pula, telah terjalin tiga cara kerjasama: iaitu dengan mengadakan Peraturan Perdagangan Istimewa ASEAN (PTA), Skim Komplimentasi Industri ASEAN (AIC) dan Skim Pelaburan Industri Bersama. PTA sudah mula menggerakkan perdagangan antara—ASEAN. Pada ketika ini tumbuhan perdagangan antara ASEAN sudah mulai dirasakan dengan jumlah kira-kira $15 ribu-juta dalam tahun 1981-82. Dalam pada itu lain-lain cara sampingan sedang diusahakan supaya pertumbuhan perdagangan antara-ASEAN itu dapat berkembang dengan lebih pesat lagi.

Bagi skim komplimentasi pula, strukturnya cukup baik. Tetapi keyakinan dan sokongan pihak pengusaha kepada skim ini tidaklah begitu memuaskan. Bagaimanapun skim ini disediakan untuk dimenfaatkan oleh pihak swasta jika diperlukan.

Baru-baru ini pula ASEAN telah mengadakan satu lagi cara baru dalam kerjasama ekonomi dengan mengadakan skim Pelaburan Industri Bersama ASEAN (AIOV). Skim tersebut akan membolehkan pihak swasta dari dua buah negara ASEAN memulakan pelaburan bersama dan negara-negara yang lain boleh menyertainya pada tahap-tahap berikutnya. Hasil daripada kerjasama demikian akan diberikan layanan PTA dalam pasaran ASEAN.

ASEAN juga telah menjalin kerjasama dalam bentuk penyelidikan dan pembangunan bersama dalam bidang-bidang pertanian, perhutanan, makanan dan perikanan. Pada masa ini satu Insitute Pencegahan Penyakit Tumbuhan ASEAN (PLANTI) telah ditubuhkan di Malaysia dengan bantuan Amerika Syarikat. Institute ini menyiasat penyakit tumbuh-tumbuhan dan melatih pakar-pakar dari negara-negara ASEAN dalam lapangan tersebut. Kumpulan pertama saintis ASEAN seramai 13 orang telah pun lulus daripada latihan baru-baru ini. Institute ini sedang melatih kumpulan saintis yang kedua.

Juga bertempat di Malaysia ialah Biro Pengendalian Bahan-bahan Makanan ASEAN. Biro ini dibantu oleh Kerajaan Australia. Tugasnya ialah menyiasat dan membantu

pengusaha-usaha makanan di negara-negara ASEAN untuk mengolah bahan makanan dengan lebih sempurna supaya mutu, zat dan kebersihannya dapat terpelihara. Pada masa ini kajian dan penyempurnaan telah dibuat bagi bahan-bahan makanan seperti beras, sayoran, ikan, ternakan dengan memperbaiki sistem jemoran, bungkusan, penyejukan dan lain-lain.

Pusat-pusat penyelidikan perhutanan dan benih tumbuh-tumbuhan bagi negara-negara ASEAN telah didirikan di Filipina dan di Thailand. Satu pusat perancangan dan latihan pertanian ASEAN juga telah didirikan di Bangkok yang telah melatih ahli-ahli pertanian dari ASEAN untuk menghasilkan bahan makanan yang lebih baik.

Dalam lapangan sosial dan kebudayaan, hasil kerjasama ASEAN selama ini terlalu banyak untuk dihuraikan satu persatu. Antara yang mustahak ialah kajian dalam lapangan pendidikan, program kependudukan, program latihan sains dan teknologi, program mengatasi masalah dadah, pertukaran program radio dan televisyen, program latihan tenaga manusia dan lain-lain.

Pendeknya kerjasama ASEAN sudah banyak mendatangkan hasil yang sedang dinikmati oleh masyarakat ASEAN, baik dari segi keamanan dan kestabilan serantau, mahpun dari pertumbuhan ekonomi negara-negara anggota. Masyarakat ASEAN juga sudah mengenal antara satu dengan yang lain.

Masih banyak lagi kemungkinan untuk menambah faedah bersama daripada ASEAN. Dengan tujuan ini satu Pasukan Petugas telah dibetuk untuk merumuskan pembaharuan jika ada. Pasukan yang dianggotai oleh pengusaha-pengusaha, bekas anggota-anggota kerajaan, dan pegawai-pegawai kerajaan yang sedang aktif itu diharap akan menyiapkan laporannya kepada negara-negara ASEAN dalam bulan Jun nanti. Kita yakin bahawa ASEAN akan tetap diberi keutamaan yang paling tinggi oleh semua negara anggota.

Berhubung dengan kerjasama politik, ASEAN telah memperkukuhkan keamanan dan kestabilan serantau. Landasannya telah diujudkan dengan Pengistiharan Kuala Lumpur pada tahun 1971 di mana konsep ZOPFAN (Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali) telah digubal sebagai garis panduan dalam kerjasama politik dan hubungan luar negara-negara ASEAN. Persidangan Kemuncak ASEAN di Bali pada tahun 1976 dan di Kuala Lumpur pada tahun 1977 telah memberikan nafas segar bagi ASEAN untuk meninggikan tahap kerjasama ekonomi dan sosial bagi negara-negara anggota berdasarkan kepada sistem ekonomi dan perdagangan bebas.

ASEAN berpegang teguh kepada prinsip-prinsip yang terkandung di dalam piagam Bangsa-bangsa Bersatu dan mengambil pendirian yang tegas terhadap soal Kampuchea yang telah menjadi penghalang yang serius terhadap pencapaian konsep ZOPFAN. Cadangan-cadangan yang dimajukan oleh ASEAN bagi penyelesaian politik yang menyeluruh bagi masalah Kampuchea telah mendapat sokongan antarabangsa.

Berkenaan dengan pakatan tentera bagi ASEAN, saya ingin menekan bahawa tidak terdapat sebarang kecenderungan kearah itu. ASEAN merupakan pertubuhan yang bergerak cergas untuk menguatkan pertumbuhan ekonomi, kemajuan sosial dan pembangunan kebudayaan dalam negara-negara anggotanya. Konsep ZOPFAN, Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama ASEAN dan Pengistiharan Kerukunan ASEAN (The Declaration of ASEAN Concord) telah memberikan sumbangan yang

penting terhadap keselamatan dan pembangunan ASEAN. Oleh yang demikian, tidak perlu bagi ASEAN melencong dari objektifnya yang asal. Pengalaman negara-negara Indocina yang baru berlalu menunjukkan bahawa pakatan tentera tidak semestinya memberikan jaminan terhadap ancaman baik dari luar mahupun ancaman dari dalam yang bersifat subversif kominis. ASEAN berpendapat bahawa kerjasama bilateral yang terjalin di antara negara-negara anggota ASEAN, seperti kerjasama sempadan dan pertukaran maklumat keselamatan, adalah mencukupi dan memuaskan buat masa ini.

PENYINGKIRAN ISRAEL DARI BANGSA-BANGSA BERSATU

22. Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin minta Menteri Luar Negeri menyatakan bahawa oleh kerana adanya usaha lobi yang kuat dari negara Jamahiriya Libya dan lain-lain negara Asia Barat supaya Israel disingkir dari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, sama ada Kerajaan Malaysia akan menyokong penyingkiran itu.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Malaysia sentiasa mengadakan rundingan-rundingan dengan negara-negara Asia Barat tentang bagaimana hendak mengaturkan apa bentuk strategi sekalipun untuk terus menyokong perjuangan Palestin termasuklah soal PLO mendapat pengiktirafan antarabangsa dengan lebih luas sebagai wakil tunggal dan sah rakyat Palestin.

Oleh itu tindakan dan/atau pendirian kita, tidaklah dipengaruhi oleh mana-mana negara tetapi adalah berdasarkan pandangan dari PLO sendiri dan juga penerimaan umum dikalangan negara-negara Asia Barat. Dalam hal ini, saya ingin menambah, Malaysia akan menyokong sebarang tindakan asalkan ia memberi faedah sepenuhnya kepada perjuangan rakyat Palestin dan PLO.

Seperti Ahli Yang Berhormat telah maklumi, Kerajaan telah beberapa kali sama ada di Malaysia mahupun di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, menjelaskan bahawa Malaysia tidak akan teragak-agak untuk mengambil apa langkah sekalipun menentang Israel seperti yang telah termaktub dalam Piagam Bangsa-bangsa Bersatu.

USUL-USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

> Bahawa, walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul atas nama Yang Berhormat Dato Haji Mohamed bin Nasir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa, walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

PERTUBUHAN ANTARA PARLIMEN-PARLIMEN ASEAN (AIPO) PERLANTIKAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang Dipertua, saya ingin mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan sebuah Jawatankuasa mengandungi seorang President dan 10 orang Ahli Parlimen hendaklah dilantik untuk menjalankan semua urusan Pertubuhan Antara Parlimen-parlimen ASEAN (AIPO) Malaysia bagi tempoh Parlimen Keenam, dan untuk menjalankan segala perlantikan-perlantikan wakil-wakil bagi menghadiri mesyuarat-mesyuarat persidangan AIPO atau mana-mana Jawatankuasanya.

1. YB. Yang Dipertua Dewan Rakyat (sebagai Jawatan President)
2. YB. Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi
3. YB. Dato' K. Pathmanaban
4. YB. Dato' Dr Ling Liong Sik
5. YB. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis
6. YB. Dr Tan Tiong Hong
7. YB. Puan Rahmah binti Othman
8. YB. Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara
9. YB. Datuk Dr Hee Tien Lai
10. YB. Senator Tan Sri Zaiton Ibrahim bin Ahmad
11. YB. Dr Tan Seng Giaw.

Tuan Yang Dipertua, AIPO telah ditubuhkan melalui Statut AIPO yang telah ditandatangani di Manila pada 2hb September, 1977 dengan 4 matlamat dan tujuan besar seperti berikut:

(1) untuk meningkatkan kerjasama yang lebih rapat di kalangan Parlimen-parlimen negara-negara anggota ASEAN dan mengeratkan lagi hubungan dan persefahaman di antara ahli-ahlinya;

(2) untuk membantu pencapaian matlamat-matlamat ASEAN sebagaimana yang terkandung dalam Deklarasi ASEAN yang telah dibuat di Bangkok, Thailand pada bulan Ogos, 1967;

(3) untuk mengkaji, membincangkan dan mencadangkan penyelarasan-penyelarasan kepada masalah-masalah kepentingan bersama; dan

(4) untuk memaklumkan Parlimen-parlimen anggota AIPO mengenai langkah-langkah yang telah diambil dan kemajuan yang dicapai oleh tiap-tiap Parlimen dalam menuju matlamat-matlamat dan tujuan-tujuannya.

Tuan Yang Dipertua, Dewan Negara telah meluluskan Statut AIPO pada 27hb April, 1978. Di bawah Artikel 3 Statut ini keahlian AIPO

adalah terbuka kepada Parlimen-parlimen negara-negara ASEAN dan Jawatankuasa yang dicadangkan ini adalah untuk menjalankan segala perlantikan wakil-wakil bagi menghadiri mesyuarat-mesyuarat Persidangan AIPO atau mana-mana Jawatankuasanya.

Tuan Yang Dipertua, semasa Allahyarham Tun Syed Nasir bin Ismail menjadi Presiden AIPO, AIPO Malaysia telah menjadi tuan rumah kepada mesyuarat Jawatankuasa Kerja yang diadakan di Kuantan pada bulan Ogos 1981 dan Perhimpunan Agong AIPO di Kuala Lumpur pada bulan Februari, 1982. Kedua-dua Persidangan ini telah dijalankan dengan jayanya dan laporan-laporannya telah pun dikemukakan kepada pihak-pihak yang berkenaan. Selama ini AIPO telah berjaya mengeratkan perhubungan di antara anggota-anggotanya dan juga berjaya mengemukakan pendapat berkaitan dengan ASEAN terhadap pertubuhan-pertubuhan dunia yang lain. Kerjasama serantau yang telah tercapai melalui Ahli-ahli Parlimen anggota AIPO telah berjaya membuktikan kepada kuasa-kuasa luar bahawa negara-negara ASEAN yang mengamalkan pendirian keamanan, kestabilan dan keselamatan serantau tidak boleh diketepikan.

Tuan Yang Dipertua, dengan ini saya mohon mencadangkan.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan usul atas nama Yang Berhormat Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Masalah di hadapan Majlis sekarang ialah:

> Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan sebuah Jawatankuasa mengandungi seorang President dan 10 orang Ahli Parlimen hendaklah dilantik untuk menjalankan semua urusan Pertubuhan Antara Parlimen-parlimen ASEAN (AIPO) Malaysia bagi tempoh Parlimen Keenam, dan untuk menjalankan segala perlantikan-perlantikan wakil-wakil bagi menghadiri mesyuarat-mesyuarat persidangan AIPO atau mana-mana Jawatankuasanya.
>
> 1. YB. Yang Dipertua Dewan Rakyat (sebagai Jawatan President)
> 2. YB. Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi
> 3. YB. Dato' K. Pathmanaban
> 4. YB. Dato' Dr Ling Liong Sik
> 5. YB. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis
> 6. YB. Dr Tan Tiong Hong
> 7. YB. Puan Rahmah binti Othman
> 8. YB. Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara
> 9. YB. Datuk Dr Hee Tien Lai
> 10. YB. Senator Tan Sri Zaiton Ibrahim bin Ahmad
> 11. YB. Dr Tan Seng Giaw
>
> dan terbuka untuk dibahas.

3.42 ptg.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussain: Tuan Yang Dipertua, saya bersetuju atas penubuhan atau penyelarasan kepada kehadiran ahli-ahli kita di dalam sebarang persidangan antarabangsa. Dengan ini saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan bahawa Jawatankuasa ini yang saya nampak adalah semuanya daripada mereka yang bertanggungjawab termasuk Menteri, Timbalan Menteri dan juga Timbalan Yang Dipertua pun menjadi seorang daripada ahliinya.

Tuan Yang Dipertua, perkara yang telah dibangkitkan dalam masalah ahli-ahli hadir pergi ke mana-mana walaupun ia mewakili Komanwel, AIPO ataupun lain-lain ialah kedudukan taraf sebagai Wakil Rakyat, sebagai Ahli Dewan Negara atau Dewan Rakyat itulah yang sangat menyimpang. Saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya ditutup perwakilan ini, biarlah kita terasing kalau kita tidak boleh membiayai seutas tali mengikat seekor beruk.

Tuan Yang Dipertua, banyak kali saya telah bercakap, banyak kali telah berlaku sehingga tidak ada telinga yang boleh mendengar daripada sejak beberapa tahun dahulu bahawasanya sebarang perwakilan kita yang kita hantar keluar negeri mestilah wakil itu diberi layanan yang baik, kedudukan yang sempurna. Kadang-kadang kedudukan yang macam ini juga menyebabkan kita malu dan negara kita malu.

Baru-baru ini perwakilan AIPO ke Manila telah berlaku di mana wakil Singapura telah menaiki kapal terbang Kelas Pertama tetapi wakil Malaysia naik Kelas Ekonomi. Kerana berpakat, berunding bayar tambah sendiri lebih kurang $30-$40 bagi mencukupkan kedudukan membeli tiket Kelas Pertama, barulah puas. Itu bukan kali yang pertama, Tuan Yang Dipertua. Pernah berlaku semasa saya balik daripada Komanwel pada tahun 1973 iaitu dengan menaiki kapal terbang Thai singgah di Bangkok selama 6 jam, tetapi dalam tempoh 6 jam itu layanan yang diberi oleh pihak berkuasa lapangan terbang sudah cukup kita merasakan nikmat atau hendak membeli sebarang benda sama ada ayam ataupun baju dan sebagainya dengan free of charge. Dalam masa saya meninggalkan lapangan terbang, saya menulis pekerjaan saya, saya tulis saya seorang Senator daripada Malaysia. Waktu balik semula ke lapangan terbang semasa hendak belayar, telex sudah keluar mengatakan: "VIP treatment to Senator Razak Husain". Saya berasa bangga, Tuan Yang Dipertua, iaitu sebuah Kerajaan luar memandang tinggi kepada maruah Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat dan sebagainya akan tetapi Kerajaan kita sendiri tidak mahu menghargai kedudukan ini.

Ini saya cadangkan daripada mula, daripada kita menghantar dan memalukan kawan-kawan kita, baik jangan kita hantar; biar Menteri sahajalah dan pegawai-pegawai Kerajaan sahaja yang pergi. Pegawai Kerajaan kita yang berpangkat Staff boleh naik First Class, kita Ahli-ahli Dewan yang meluluskan tiap-tiap inci segi undang-udnang, tiap-tiap sen duit yang dikeluarkan oleh Parlimen, dapat Kelas Ekonomi.

Bandaraya mahu lagi tunjuk sticker diletakkan kepada kereta, baru dia boleh beri free parking di Bandaraya, macam-macam dia hendak. Jadi benda ini makin lama makin banyak. Jadi beginilah kedudukannya. Ini saya tidak marah, kalau saya marah, muka saya merah tetapi saya benci bercakap banyak kali dalam masalah ini. Kelulusan ini kelulusan yang kita buat, tetapi berilah satu benda yang amali.

Tuan Yang Dipertua, supaya kedudukan kita dipandang hormat, bukan hormat kepada Razak, bukan hormat kepada Mohd. Nor tetapi hormat kepada Senator. Saya tahu kita tidak akan dihormati, kalau saya keluar esok, saya mesti bayar tiket sendiri, lesen sendiri, tukar kereta saya daripada yang ada ini kepada kereta Fiat, Honda Civic kerana tidak mampu, $10,000 mesti bayar Tax tetapi orang kita "ex-" juga, hendak buang "ex-" ini tidak boleh, tidak dapat hendak buang "ex-" itu. Minta tolong Kerajaan menimbangkan ini semua supaya kedudukan atau status itu ada. Apa salahnya, tidak ada salah, kalau hendak beri, tidak payah kita simpan

duit dalam Amanah Saham Nasional, sebab dalam masalah ini, saya mengingat semula, saya sangat bersetuju perkara ini ditubuhkan oleh mereka seperti nama-nama yang disebutkan dan saya kenal orang yang bertanggungjawab, tetapi hendaklah kita mengambil satu fikiran, kita mesti mencuba mendapatkan kekuatan, mesti mencuba mendapat perhatian dan kepuasan daripada ketua negara kita, Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri kita supaya ia benar-benar. Saya fikir Dato' Seri Dr Mahathir cukup faham hal kita. Dia dahulu duduk di meja sana, tempat kawan saya dan saya di sini, tidak jauh sangat. Dia juga bekas Ahli Dewan Negara, pernah naik Kelas Ekonomi, tetapi harapan kita pada masa dia ini supaya wakil-wakil kita daripada negara kita yang akan keluar menghadiri persidangan, biarlah Kelas Pertama, sebab banyak benda-benda ini, saya tidak hendak minta benda lain, biarlah kalau orang lain hendak minta pinjam meja, pinjam bilik di Dewan bilik di airport sana hendak duduk; tidak banyak Ahli-ahli Dewan Negara hendak pergi ke situ, kalau hendak minta pun bolehlah, tetapi saya memohon, kalau sekiranya dihantar sebarang perwakilan sama ada persatuan atau peribadi yang dihantar oleh Kerajaan mohon apalah jua kiranya pada masa yang akan datang ini hendaklah diberi tiket Kelas Pertama sebagai seorang Senator atau Ahli Dewan Rakyat.

Pada hari ini pegawai Kerajaan lebih tinggi kedudukannya daripada Ahli Dewan. Saya tidak cemas, apa yang saya katakan itu benar. Itu pun nasib baik gaji naik sedikit tetapi yang sebenarnya pada mula-mulanya gaji Menteri sahaja hendak naik tetapi difikirkan yang meluluskan ini kaum-kaum yang banyak di sini, kera-kera yang banyak di sini atau binatang-binatang yang banyak di seberang sana yang akan meluluskan di Dewan ini, takut tidak lulus, dinaikkan sedikit. Cuba kira, Dewan Negara adalah sebuah Dewan yang tertinggi, ahlinya mendapat $2,000 sebulan, Dewan Rakyat yang rendah, elaunnya $3,000 sebulan. Kita ini namanya Dewan yang tertinggi. "Pakcik di Dewan yang tinggi, ya?" "Ya, pakcik di Dewan yang tinggi". "Anakchik ini di Dewan yang rendah sahaja, Dewan Rakyat, tetapi gajinya banyak". Mengapa tidak disamakan $3,000 dengan $3,000? Waima dia ada kawasan, waima ia tiada kawasan. Sebab orang ini kebanyakannya dahulu pernah ada kawasan. Saya juga dahulu Dewan Rakyat ada pernah mewakili kawasan. Saya menjaga dua daerah sama besar dengan Negeri Sembilan tetapi oleh kerana saya sudah tua, pindahlah saya daripada kumpulan binatang di sana kepada kumpulan monyet di sini.

Tuan Yang Dipertua, begitu juga saya cakapkan nasib Dewan Negara ini sekarang, Ahli Dewan Negeri mendapat pencen daripada negeri, Ahli Dewan Negara mendapat pencen dari Parlimen. Waima dia service 20 tahun atau 25 tahun. Ada baiknya sekarang service patut lebih dikurangkan bukan 6 tahun, 4 tahun cukup, full pension. Mereka yang service berpuluh-puluh tahun tinggallah servicenya. Adakah ini keadilan, bahawa Ahli Dewan Negeri datang ke Dewan Negara atau Dewan Rakyat dia dapat punya dua pencen? Adakah itu adil? Tetapi orang dalam Dewan ini walaupun dia berpuluh tahun dia dapat satu pencen. Adakah adil? Dalam masalah ini katalah hak dan kepunyaan anggota ini biarlah saya menzahirkan, sebab saya sudah mula-mula bercakap. Tentu banyak orang marah pada saya, tetapi jangan lupa banyak juga orang sayang pada saya. Barangkali kalau yang jauh-jauh marah kita harap yang dekat-dekat rumah tidak akan marah kita. Itu sudah menjadi lumrah alam. Dengan ini saya mohon menyokong *(Ketawa)*.

Timbalan Yang Dipertua: Tan Sri, cuma saya minta sedikit kalau boleh perkataan mengatakan sebelah sana Ahli Dewan Rakyat dan di sini Ahli Dewan Negara, kalau Tan Sri bersetuju. Saya minta kalau dapat ditarik balik dua perkataan.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussain: Tuan Yang Dipertua, saya tarik balik.

Timbalan Yang Dipertua: Saya gantikan dengan Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Fasal Speaker Dewan Rakyat selalu cakap itu.

Timbalan Yang Dipertua: Jangan ikut mereka.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Baik, Tuan Yang Dipertua, terima kasih.

3.54 ptg.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Tuan Yang Dipertua, terima kasih memberi saya kesempatan berucap sepatah kata berkenaan dengan usul yang dibawa oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi. Saya sokonglah pada perkataan kawan saya ahli kanan Dewan Negara ini yang menyebut sebelum saya tadi itu. Satu perkara yang saya ingin membangkitkan adalah kesaksamaan Ahli-ahli Dewan Negara dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat. Perkara ini telah saya bangkitkan di dalam ucapan Belanjawan baru-baru ini, tidak perlulah saya ulang di sini prinsip-prinsipnya tetapi implikasinya saya hendak terangkan sedikit yang berbangkit daripada usul yang dibentang sekarang.

Seramai 11 orang Ahli-ahli dilantik sebagai ahli Jawatankuasa AIPO ini, dua daripadanya adalah daripada Ahli-ahli Dewan Negara. Jika kita lihat berapa angka-angka Ahli-ahli Parlimen semuanya, kita ada 212 orang Ahli Parlimen termasuk Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat. Daripada 212 orang itu 58 orang adalah daripada Ahli-ahli Dewan Negara. Ini bermakna 30% daripada semua Ahli-ahli Parlimen adakah Ahli-ahli Dewan Negara. Bila saya lihat jadual ini yang mengandungi 2 orang Ahli Dewan Negara, iaitu Yang Berhormat Timbalan Yang Dipertua, Dewan Negara dan Yang Berhormat Senator Tan Sri Zaiton Ibrahim bin Ahmad daripada 11 orang, bermakna ini kurang daripada 20% Ahli-ahli itu datangnya daripada Ahli-ahli Dewan Negara yang mulia ini. Inilah timbulnya tidak kesaksamaan yang saya bangkit dalam prinsip ucapan Belanjawan saya.

Dari itu, saya segan menghalang ataupun menentang usul ini, saya berharap usul ini akan diperbaiki dengan cara saksama daripada 11 orang ini sekurang-kurangnya 3 orang patut dilatik daripada Ahli-ahli Dewan Negara.

5.57 ptg.

Dato Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang Dipertua, saya ingin minta penjelasan iaitu semua nampaknya daripada Nombor 1 sampai Nombor 9 ini, Menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen mungkin agaknya sebab tiada hujungnya, tetapi mungkin begitu saya agak. Nombor 10 Senator, Nombor 11 mungkin agaknya ini daripada parti Pembangkang. Apa kata kalau sekiranya Nombor 10, Tan Sri Zaiton Ibrahim, dia naik kapalterbang dengan Yang Berhormat Puan Rahmah binti Othman. Puan Rahmah binti Othman, dia naik kelas berapa dan Senator Tan Sri Zaiton dia naik kelas berapa? Adakah sama kelas orang ini naik? Kalau sekiranya tidak, maknanya Yang Berhormat Puan Rahmah binti Othman akan berpisahlah dia dari

rombongan ini dalam kapalterbang itu dan sebagai Tan Sri, tentulah terguris juga hatinya.

Saya rasa, Tan Sri Zaiton lebih baik tidak usah pergi sahaja kalau sekiranya ia diberi tiket ekonomi kelas. Saya hendak bertanya betul atau tidak, kalau Tan Sri Zaiton Ibrahim sebagai senator dan Dr Tan Seng Giaw sebagai Ahli Dewan Rakyat bersama-sama dengan salah satu daripada nombor 1 hingga nombor 9; tidak berbangkit, Nombor 8, nombor 8 Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara sekarang ini sudah naik dia punya pangkat, bolehlah first class agaknya, tiada masalah, tetapi satu sampai sembilan itu, salah satu daripada orang itu berjalan di antara 10 dengan 11 ini, adakah sama orang ini berjalan atau berlainan? Itu saya hendak minta penjelasan. Kalau berlainan mengapa? Boleh atau tidak diperbaiki dan kalau sama, saya ucapkan terima kasih dan saya sokonglah usul ini. Kalau tidak sama saya sokong juga tetapi timbangkanlah, jangan dihina sangat orang yang sudah tua dan sudah pencen.

4.00 ptg.

Dato' Ismail bin Hashim: Tuan Yang Dipertua, saya ucapkan terima kasih, cuma satu dua perkara sahaja saya menyokong usul yang dibawa oleh Menteri yang berkenaan.

Masalahnya saya pandang di sini apa yang dikatakan oleh saudara saya tadi, saya menyokong atas penjelasan beliau dan mengharapkan supaya Kerajaan ataupun Persekutuan kita ini memikirkan dalam masalah menghantar perwakilan-perwakilan yang menghadiri seminar-seminar sama ada AIPO ataupun Persatuan Parlimen Komenwel yang bersidang daripada satu masa ke satu masa.

(Tuan Yang Dipertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang Dipertua, saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini supaya mengambil satu perhatian juga bila mana kita menghantar perwakilan untuk menghadiri mesyuarat ataupun seminar-seminar diadakan dalam Persatuan Parlimen Komenwel ataupun Pertubuhan Antara Parlimen-parlimen ASEAN (AIPO) ini diberi peluang juga kepada Ahli-ahli Dewan Negara yang sepatutnya sebagaimana yang telah diperkatakan satu pertiga kedudukan besarnya Ahli Dewan kalau hendak dicantumkan dengan Ahli Parlimen dengan Dewan Negara. Jadi, saya berharap sentiasa supaya diambil kira bila mana kita hendak menghantar ataupun diberi peluang kepada wakil-wakil daripada kedua-dua Dewan ini supaya Dewan Negara juga diberikan satu peruntukan yang khas untuk dapat bersama-sama mengambil peranan dalam seminar-seminar yang diadakan di luar negeri.

Satu lagi, Tuan Yang Dipertua, dalam masalah sekiranya ada seminar-seminar yang dianjurkan oleh AIPO ataupun Commonwealth Parliamentary Association di mana diadakan persidangan di dalam negara kita ini, ada baiknya kita memberi peluang kepada seluruh Ahli-ahli Dewan sama ada Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara ataupun sebahagian daripadanya supaya dapat menghadirikan diri supaya dapat mendengar perbincangan untuk mendalamkan dari segi apa yang telah dipertikaikan di dalam seminar-seminar itu. Maka dengan ini saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya atas usul yang telah dibawa oleh Menteri yang berkenaan tadi.

4.02 ptg.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, saya sukalah mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat

yang telah menyokong usul ini dan di samping memberi teguran-teguran yang membina kepada perkara-perkara yang ada juga secara langsung ataupun secara tidak langsung berkaitan dengan usul yang berkenaan.

Saya suka memberi jawapan iaitu yang berhubung dengan perkara kedudukan Ahli Dewan Negara dan kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada mereka apabila berjalan dan menghadiri mesyuarat-mesyuarat ataupun Persidangan-persidangan AIPO yang diadakan.

Berhubung dengan kemudahan dan layanan yang diberikan pada waktu persidangan AIPO, sebenarnya tidak ada perbezaan kepada kemudahan-kemudahan mesyuarat dari segi tempat penginapan dan lain-lain di tempat persidangan itu diadakan. Sama ada ahli perwakilan Malaysia itu terdiri daripada Menteri atau Timbalan Menteri ataupun Ahli Dewan Rakyat biasa ataupun seorang Senator yang tidak berjawatan, yang dibezakan atau yang mendapat kemudahan yang agak lebih daripada semuanya ini ialah yang menjadi Ketua Perwakilan dan Ketua Perwakilan itu akan diberi taraf dan kemudahan yang sama dengan Ketua-ketua Perwakilan dari negara-negara lain dengan tidak mengira sama ada Ketua Perwakilan kita itu wakil rakyat biasa berbanding dengan Ketua Perwakilan dari negara lain yang mungkin bertaraf Menteri. Ini adalah satu kebiasaan yang berlaku dan saya tidak nampak adanya perkara yang boleh dianggap sebagai tidak memuaskan hati kita. Cuma yang nampak yang menjadi perkara yang sangat tidak puas hati sebagaimana yang telah disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat yang bercakap mengenainya iaitu Senator Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain tadi ialah berhubung dengan layanan semasa membuat penerbangan ke tempat-tempat persidangan itu diadakan.

Mengikut peraturan yang ada sekarang ini yang saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat tidak puas hati ialah wakil rakyat dan Senator yang tidak berjawatan adalah menggunakan kemudahan penerbangan mengikut Kelas Ekonomi. Kalaulah sesiapa sahaja daripada kalangan Ahli Yang Berhormat Dewan Negara ataupun Dewan Rakyat yang tiada berjawatan maka penerbangan itu adalah mengikut peraturan yang ada sekarang ini adalah penerbangan Kelas Ekonomi.

Walaupun begitu, saya faham sangatlah pandangan dan perasaan yang dilahirkan tadi dan saya berjanjilah akan mengemukakan perkara ini untuk mendapat pertimbangan dan mendapat keputusan mengenainya.

Berhubung dengan komposisi ahli-ahli Jawatankuasa ini, memanglah jelas ternampak dalam senarai Jawatankuasa ini yang sebenarnya 10. No. 1 itu hanya berupa Presiden, dua orang adalah daripada Dewan Negara dan saya mengambil perhatian pandangan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Nor tadi supaya peratus keahlian itu diagih supaya seimbang dengan peratus Ahli Dewan Negara berbanding dengan Ahli Dewan Rakyat pada masa-masa yang akan datang.

Di sini sukalah juga saya menerangkan bahawa sebenarnya bilangan perwakilan yang hendak dihantarkan oleh Jawatankuasa AIPO ke mana-mana persidangan tidak semestinya terhad kepada ahli-ahli Jawatankuasa yang telah dicadangkan ini dan tidak terhad kepada peratus-peratus banyak mana dan berapa orang yang hendak dihantar daripada golongan Senator dan berapa orang yang akan dihantar daripada golongan Ahli Dewan Rakyat. Biasa berlaku

untuk mesyuarat-mesyuarat tertentu di mana yang dihantar hanya Senator-senator Dewan Negara dan tidak ada langsung daripada Dewan Rakyat. Itu biasa berlaku. Pada masa dulu juga di mana ada perwakilan besar yang terdiri daripada Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara kita cuba sebolehbolehnya membuat pengagihan yang seadil-adilnya dan mengikut rekod yang ada di Sekretariat AIPO ramai juga Ahli-ahli Yang Berhormat dari Dewan Negara ini yang menyertai perwakilan-perwakilan AIPO yang dihantar keluar negeri itu.

Berhubung dengan kedudukan seorang Ahli daripada parti Pembangkang, sebenarnya ini adalah menjadi amalan kita, bahawasanya dalam jawatankuasa-jawatankuasa yang ada hubungan dengan Pertubuhan Parlimen kita memberi tempat juga kepada ahli pembangkang. Dalam pemilihan ini kita memberi perhatian kepada kebolehan dan kemampuan dia untuk memberi sumbangan dalam mesyuarat-mesyuarat ataupun persidangan-persidangan yang diadakan itu di samping kita memberi perhatian kepada fakta-fakta lain tentang kemampuannya mewakili Parlimen kita sebagaimana yang kita hendaki itu.

Itulah jawapan saya, Tuan Yang Dipertua, kepada perkara-perkara yang telah ditimbulkan dalam perbahasan mengenai usul yang saya cadangkan itu.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul atas nama Yang Berhormat Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan sebuah Jawatankuasa mengandungi seorang President dan 10 orang Ahli Parlimen hendaklah dilantik untuk menjalankan semua urusan Pertubuhan Antara Parlimen-parlimen ASEAN (AIPO) Malaysia bagi tempoh Parlimen Keenam, dan untuk menjalankan segala perlantikan-perlantikan wakil-wakil bagi menghadiri mesyuarat-mesyuarat persidangan AIPO atau mana-mana Jawatankuasanya.

(1) Y.B. Yang Dipertua Dewan Rakyat (sebagai Jawatan President)

(2) Y.B. Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi

(3) Y.B. Dato' K. Pathmanaban

(4) Y.B. Dato' Dr Ling Liong Sik

(5) Y.B. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis

(6) Y.B. Dr Tan Tiong Hong

(7) Y.B. Puan Rahmah binti Othman

(8) Y.B. Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara

(9) Y.B. Datuk Dr Hee Tien Lai

(10) Y.B. Senator Tan Sri Zaiton Ibrahim bin Ahmad

(11) Y.B. Dr Tan Seng Giaw

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi Menyambung semula Perbahasan atas Masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. (10hb Januari, 1983).

4.10 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang Dipertua, saya menyambung jawapan saya kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari semalam. Dalam hal ini saya telah menyebutkan mengenai calon-calon keluaran sekolah-sekolah tempatan yang boleh mengisi tempat-tempat di Universiti Islam.

Yang Berhormat Tan Sri Dato Haji Abdul Razak telah membangkitkan juga perkara mengenai kelayakan Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris bagi pelajar-pelajar dari negara ini untuk membolehkan mereka memasuki Universiti Islam Antarabangsa itu. Ini adalah kerana dari segi persiapan Kerajaan telah pun mengambil langkah-langkah tertentu untuk menyediakan calon-calon untuk memasuki Universiti Islam Antarabangsa ini seperti berikut:

(i) mengadakan kursus Bahasa Arab di sekolah-sekolah Berasrama Penuh (sekolah kita ada 26 buah). Juga mengadakan kursus Bahasa Arab sebagai satu kursus wajib di Sekolah Menengah Kebangsaan Ugama di seluruh negara.

(ii) Universiti Islam Antarabangsa ini sendiri akan mengadakan kursus-kursus pra persediaan bagi pelajar-pelajar yang lemah dalam kedua-dua bahawa tersebut.

Mengenai soalan yang dibangkitkan atas perkara sebuah institusi bahasa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak juga, saya ingin menjelaskan bahawa sebuah institusi berkenaan secara tetap sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran. Institusi ini dinamakan sebagai Pusat Latihan Bahasa. Dalam rangka pelaksanaan sekarang kursus-kursus bahasa iaitu Inggeris seramai 252 pelajar-pelajar sedang mengikuti kursus ini, bahasa Jepun 228 orang pelajar-pelajar dan bahasa Korea seramai 58 orang pelajar-pelajar sudah pun dijalankan dalam rangka pelaksanaan Pusat Latihan Bahasa ini di Lembah Pantai bertempat di Block Towers bekas bangunan UKM di dalam kompleks secara kebetulan di LI juga atau Institut Bahasa yang kita sudah kenal itu yang ditempatkan juga Maktab Perguruan Lembah Pantai. Kursus-kursus ini sudah dimulakan dan dikelolakan oleh pihak Institiut Teknologi MARA (ITM), sementara itu Kementerian Pelajaran sedang mengubah suaikan kompleks Bangunan Maktab Perguruan Ipoh untuk dijadikan Pusat Latihan Bahasa yang akan menampung sekitar 700 pelajar-pelajar kursus bahasa. Seorang Pengarah dan Penolong Pengarah sedang dilantik untuk memimpin pusat ini.

Institusi bahasa ini akan mempunyai kompleks bangunan tetapnya yang dirancang untuk dibina dalam Rancangan Malaysia Kelima. Sebuah kawasan yang sesuai sudah pun dikenal pasti. Kementerian Pelajaran terdahulu dari ini sudah pun membentuk sebuah badan di bawah Pengarah Bahagian Pendidikan Perguruan untuk mengkaji kurikulum dan corak kursus yang dilaksanakan di pusat-pusat bahasa negara-negara lain seperti Australia, UK, dan Germany yang mana kita telah menghantarkan perwakilan pegawai-pegawai kita untuk mengkaji kedudukan di situ. Selain daripada itu pihak British Council telah juga memberi bantuan dalam rangka mewujudkan pusat ini dengan mengadakan dan membantu persediaan feasibility study, keperluan staff, keperluan alat-alat untuk pencapaian kursus dan juga cara untuk mengadakan self-study atau belajar bersendiri mengenai bahasa-bahasa yang saya sebutkan tadi. Mengenai bahasa-bahasa yang akan diberi kursus

di pusat Ipoh ini ialah bahasa Inggeris, Jepun, Korea, German dan Peranchis, pada peringkat permulaan. Tambahan pengajian bahasa-bahasa lain dikaji dari masa ke semasa selepas pelaksanaan peringkat pertama tadi dan kemungkinan di pusat tetap yang saya sebutkan tadi.

Mengenai cadangan oleh Yang Berhormat Senator K. Kumaran supaya diadakan kursus sambilan ataupun apa yang dikenali sebagai kursus luar kampus di semua Universiti memandangkan Universiti-universiti tempatan telah sesak dan tidak mampu untuk menampung semua permintaan pelajar-pelajar untuk mendapatkan pelajaran tinggi, suka saya menegaskan bahawa pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan kursus luar kampus itu di semua universiti selain daripada apa yang telah diadakan dan sedang berjalan di Universiti Sains Malaysia (USM) dan di Institiut Teknologi Mara (ITM). Ini adalah kerana pengajian luar kampus hanyalah diadakan untuk pelajar-pelajar yang matang dan sudah bekerja dan ini bukanlah menjadi keutamaan bagi program Pelajaran Tinggi.

Mengenai cadangan supaya, cawangan sebuah Universiti didirikan di Bandar Baru Sri Iskandar di Perak, suka saya memaklumkan bahawa ketika ini Kerajaan sudah ada mempunyai rancangan untuk mendirikan kampus cawangan Institiut Teknologi MARA di bandar tersebut.

Tuan Yang Dipertua, bagi menjelaskan pertanyaan Yang Berhormat Senator Dr Abdullah Fadzil bin Cik Wan tentang kelayakan masuk ke Universiti Islam Antarabangsa ini, maka saya suka, menyatakan bahawa kelayakan masuk ke Universiti Islam adalah serupa dengan kelayakan masuk ke universiti-universiti tempatan lain iaitu calon-calon memiliki kelulusan STP/HSC. Bagi pelajar-pelajar luar negeri pula kelayakan yang diperlukan adalah kelulusan yang setaraf dengan STP/ HSC. Sementara itu syarat-syarat lain yang diperlukan akan ditetapkan oleh Senate Universiti itu. Mengenai kuota pengambilan pelajar-pelajar dari Malaysia dan dari negara-negara Islam yang lain seperti mana yang telah saya nyatakan tadi di dalam menjawab pertanyan Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak pengambilan pelajar-pelajar ke Universiti ini hendaklah membayangkan konsep anjuran di antara negara-negara penganjur.

Berhubung dengan penempatan graduan dari Universiti Islam Antarabangsa ini seperti juga dengan graduan-graduan lain-lain Universiti, graduan-graduan boleh berkhidmat di dalam perkhidmatan Kerajaan Badan-badan Berkanun dan Sektor Swasta di negara kita. Ini adalah kerana Universiti Islam Antarabangsa ini akan mengadakan program-program pengajian ekonomi, undang-undang, sains tabii sains gunaan, sains kemasyarakatan, juru bina, perubatan dan juga pendidikan. Semua program-program tersebut akan diserapkan dengan nilai-nilai dan falsafah Islam.

Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan persoalan mengenai peranan Kerajaan dalam pelajaran tinggi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Chang Soon, saya suka menjelaskan bahawa pelajaran tinggi adalah satu tanggungjawab Kerajaan yang tidak dapat diasingkan kerana ianya adalah sangat terpenting dalam proses pembangunan sosio-ekonomi negara. Negara kita sekarang sedang mengamalkan satu dasar untuk memperseimbangkan taraf dan kedudukan rakyat daripada semua keturunan dan kaum. Matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru sudah pun menjadi satu dasar yang telah menjadi commitment kepada Kerajaan kita. Program pelajaran tinggi adalah

salah satu vehicle yang terpenting untuk mencapaikan dasar ini. Oleh itu, peluang kemasukan bagi pelajaran tinggi hendaklah diimbangkan sejajar dengan dasar ini.

Dalam soal memperseimbangkan peluang ini, Kerajaan telah pun mendapat satu kompromi iaitu untuk mencapai nisbah 55:45 antara bumiputera dengan bukan bumiputera di Universiti-universiti supaya peluang ini dapat membayangkan komposisi penduduk di negara ini. Dasar ini sedang dan akan dilaksanakan seterusnya.

Mengenai soal otonomi universiti pula, perkara ini telah juga menjadi satu issue yang dibangkitkan. Dalam soal ini, saya pernah menyatakan dan sekali lagi mengulangi bahawa konsep otonomi universiti yang ditiru daripada negara-negara Barat tidak semestinya dapat dilaksanakan di negara kita. Sebaliknya Kerajaan sedang mengamalkan satu konsep kawalan yang lebih sesuai iaitu Universiti-universiti diberi fleksibiliti yang secukupnya dalam perjalanan dan pengurusan hal-hal akademik dan program-program mereka. Tetapi dalam soal pengurusan aktiviti pelajar ataupun tingkah laku kakitangan Universiti, soal-soal ini perlu diberi perhatian yang lebih teliti supaya aktiviti-aktiviti ini tidak bercanggah dengan dasar-dasar Kerajaan.

Mengenai soal perhubungan Universiti dengan masyarakat yang telah dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat Senator Tan Chang Soon, cadangan ini memang baik dan usaha untuk mengeratkan lagi perhubungan universiti dengan masyarakat serta industri-industri telah pun disusun. Universiti-unversiti sekarang telah dibenarkan mewujudkan program-program perhubungan ini. Umpamanya Universiti Sains Malaysia telah pun mewujudkan satu Pusat Perunding dengan tujuan untuk mempereratkan lagi usaha penyelidikan dan perkhidmatan perunding sebagai satu perkhidmatan kepada sektor luar Kerajaan.

Berhubung dengan soal struktur kursus-kursus dan program akademik pula, perkara ini juga telah diamalkan oleh universiti-universiti. Umpamanya semua Universiti telah mengadakan kursus-kursus kewarganegaraan bagi semua pelajar dengan tujuan mendedahkan mereka kepada unsur-unsur negara. Sambil itu, tiap-tiap program akademik dan bidang disiplin yang tertentu telah diadakan struktur yang lebih meluaskan supaya perspektif pelajar-pelajar tidaklah menjadi sebegitu sempit. Sungguh pun begitu, soal 'professional competency' dalam sesuatu bidang perlu dicapai juga dan oleh itu, soal meluaskan pandangan atau perspektif pelajar tidak boleh dilakukan dengan sebegitu mudahnya dan perlu mencapai satu perimbangan yang efektif.

Berhubung dengan syor Yang Berhormat Senator Dato' Othman Abdullah supaya ditubuhkan fakulti-fakulti profesional yang diperlukan seperti Fakulti Perubatan, Kejuteraan dan sebagainya ingin saya menjelaskan bahawa fakulti-fakulti tersebut memang dirancangkan bagi Universiti Islam Antarabangsa ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di antara program-program yang dirancangkan ialah Fakulti Undang-undang, Sains Gunaan, Senibina, Pengurusan Perniagaan, Perubatan, Pergigian dan lain-lain seperti yang saya sebutkan tadi.

Berhubung dengan syor Ahli Yang Berhormat itu juga supaya diadakan Universiti Islam Antarabangsa yang berasingan bagi pelajar-pelajar lelaki dan wanita, ingin saya tegaskan dalam Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan belum lagi bercadang untuk menubuhkan Universiti-universiti khusus untuk lelaki mahupun untuk wanita. Universiti Islam Antarabangsa akan mengambil pelajar-pelajar dari

kalangan lelaki dan wanita. Sungguhpun begitu, segala kawalan yang ketat ke atas tingkah-laku dan hal ehwal pelajar-pelajar universiti ini akan diberi perhatian yang teliti supaya ianya selaras dengan konsep universiti ini sebagai sebuah Universiti Islam.

Tuan Yang Dipertua, menyentuh tentang pembiayaan dan sokongan kepada Universiti Islam Antarabangsa ini, saya sukacita menyatakan bahawa Kerajaan Negara-negara Islam telah pun memberi sokongan dan ikrar sokongan sepenuhnya kepada projek ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, soal pembiayaan universiti ini mestilah membayangkan sifat universiti ini sebagai sebuah Universiti Antarabangsa yang dipunyai bersama oleh negara-negara Islam yang menganjurnya.

Berhubung dengan syor supaya ditubuhkan sebuah suruhanjaya bagi mengatasi masalah-masalah perkhidmatan kakitangan universiti-universiti tempatan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Abdul Razak bin Abu Samah, cadangan ini telah pun ada dalam perhatian Kerajaan semasa menimbangkan satu Memorandum daripada Naib-naib Canselor universiti-universiti tempatan.

Berhubung dengan syor Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mohd. Din Jaafar supaya universiti ini dinamakan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, suka saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa universiti ini memang akan dinamakan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Tuan Yang Dipertua, sepertimana yang telah dinyatakan terdahulu dari ini, adalah menjadi hasrat dan keazaman kita untuk menjadikan universiti ini sebagai sebuah institusi pelajaran tinggi yang termasyhur dan diiktiraf oleh dunia antarabangsa dan segala usaha akan dibuat untuk mencapai hasrat ini. Penubuhan Universiti Islam Antarabangsa ini adalah antara lain untuk membolehkan dijalankan penyelidikan dan pengkajian ke atas konsep dan teori-teori sains berlandaskan kepada prinsip-prinsip Islam. Usaha-usaha ini akan dilaksanakan oleh tenaga pengajar dan pelajar-pelajar universiti ini dan hasilnya kelak akan disebarkan dan diamalkan kepada universiti Islam merata dunia. Namun demikian proses ini tentulah memakan masa.

Tuan Yang Dipertua, sepertimana yang telah dinyatakan terdahulu dari ini, adalah menjadi hasrat dan keazaman kita untuk menjadikan universiti ini sebagai sebuah institusi pelajaran tinggi yang termasyhur dan diiktiraf oleh dunia antarabangsa dan segala usaha akan dibuat untuk mencapai hasrat ini. Oleh itu bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator H'ng Hung Yong mengenai perkembangan dan masa depan Universiti Islam Antarabangsa, Kerajaan akan mempastikan hanya tokoh-tokoh yang benar-benar mahir dalam pengurusan dan pembangunan universiti terlibat dalam mengendalikan universiti ini.

Tuan Yang Dipertua, negara kita terkenal dengan sikap toleransi dan sederhana selaras dengan ajaran Islam dan Kerajaan akan mempastikan ciri-ciri ini diserapkan bagi Universiti Islam Antarabangsa.

Tuan Yang Dipertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai perkara penerangan Universiti Islam Antarabangsa yang perlu dikeluarkan sama ada di luar atau

di dalam negeri. Saya ingin menyatakan bahawa dalam rangka kita menghubungi negara-negara Islam atas penubuhan universiti ini dua naskah 'Blueprint' yang lengkap telah kita sampaikan kepada pihak-pihak negara berkenaan sambil rombongan-rombongan kita dan juga pemimpin-pemimpin kita menerangkan perkara itu kepada Kerajaan negara-negara yang kita hubungi dan dalam hal ini Insya-Allah saya rasa menjelang penubuhan universiti itu pada bulan Jun tahun ini dan seterusnya, maka banyak lagi penerangan-penerangan akan kita keluarkan dari masa ke semasa.

Beberapa Ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Senator Haji Ibrahim Abdullah dan Yang Berhormat Senator Hasanah binti Haji Mohd. Kasim menyentuh mengenai nama universiti itu dan perbandingan yang dibuat dengan universiti-universiti lain yang established di negara-negara lain seperti disebut Universiti Cambridge, Oxford, demikian juga Universiti Lahore, Jakarta dan sebagainya, saya percaya kalau kita cadangkan nama universiti itu mengikut aliran pemikiran itu mungkin juga nama universiti ini nanti menjadi Universiti Islam Antarabangsa Bentong kerana kawasan yang kita sudah tunjukkan itu di kawasan Bentong ataupun nanti dikenal sebagai Bentong Universiti, jadi sudah lupa pula Universiti Islam Antarabangsa dan sudah tentu banyak yang tidak bersetuju berasaskan kepada nama tempat itu. Yang penting, Tuan Yang Dipertua, ialah kita mengekalkan corak antarabangsa universiti ini kerana itulah asas penubuhannya dan di dalam apa juga perkiraan mengenai peraturan perbelanjaan penggunaan bahasa dan lain-lain maka ianya juga perlu mencerminkan bahawa ada persefahaman dan perundingan antara negara yang menganjur dan dengan itu mengekalkan semangat persefahaman dan perpaduan dunia Islam yang Kerajaan kita juga bersama-sama mempelopori.

Bagi kebimbangan Ahli Yang Berhormat Senator Hasnah binti Haji Mohd. Kasim mengenai kemasukan pelajar-pelajar wanita di situ nanti, tak ada peluang, sukacita saya menyatakan bahawa dalam konsep peruntukan universiti dan pengumuman rasmi yang telah dibuat oleh Kerajaan setakat ini, kita tidak mengatakan bahawa universiti itu tidak menerima pelajar-pelajar wanita dan saya tidak ada menyebutkan universiti itu sebagai umpamanya Universiti Islam Antarabangsa (Laki-laki) Malaysia. Memandangkan kepada apa yang kita laksanakan sekarang, Yang Berhormat Senator itu juga tak perlu bimbang kerana kita tahu di universiti-universiti yang sudah kita tubuhkan dan juga di institusi pengajian tinggi yang lain seperti ITM tidak ada perbezaan antara pelajar-pelajar lelaki dan wanita, semuanya ada peluang yang sama belaka.

Mengenai perundingan di peringkat persediaan yang telah kita laksanakan, sukacita saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat yang menyarakan perkara ini bahawa dari segi pakar-pakar, kita telah pun banyak menyerapkan mereka dalam peringkat penyediaan ataupun penubuhan universiti-universiti ini seperti dalam menyediakan blueprint yang saya sebutkan tadi pakar-pakar daripada universiti-universiti, kementerian dan jabatan Kerajaan adalah bersama-sama menduduki di beberapa jawatankuasa di peringkat persediaan penubuhan.

Saya sukacita juga menyatakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, selain

daripada mengasaskan penubuhan universiti ini telah bersama-sama memberikan pemikiran yang teliti dalam persediaan umpamanya blueprint project cadangan dalam bidang sama ada physical development ataupun dalam academic framework. Seorang pakar universiti tempatan, Profesor Ariffin Suhaimi, adalah menjadi kordinator projek ini dan Jawatankuasa Akademik Penubuhan adalah dianggotai oleh profesor-profesor dan pensyarah-pensyarah daripada universiti-universiti tempatan kita.

Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Haji Ariffin bin Haji Salleh mengenai tempat yang dipilih dan kedudukan seharusnya universiti ini berhampiran dengan pusat negara atau di tengah-tengah negara kita, saya ingin menjelaskan di sini bahawa tempat yang telah ditunjukkan supaya universiti ini dibina secara tetap adalah sebenarnya tidak jauh daripada Kuala Lumpur sendiri.

Tuan Yang Dipertua sekali lagi saya ingin menyatakan sedikit lagi mengenai konsep universiti ini. Konsep antarabangsa adalah penting dikekalkan; penting dan perlu difahami kerana bentuk penglibatan akan mencerminkan hubungan erat kita dengan dunia Islam. Dalam persidangan pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) dalam persidangannya pada tahun lalu, kita telah juga memberi penjelasan mengenai beberapa perkara umpamanya, universiti ini mestilah bercorak Islam atau mempunyai 'Islamic character' dan mempunyai komposisi pelajar-pelajar antarabangsa.

Kedua, mengenai falsafah ilmu secara keislaman (Islamic philosophy and knowledge) adalah merupakan asas disiplin universiti dan adalah menjadi satu keperluan bagi pelajar-pelajar.

Ketiga, perkembangan moral dan kerohanian adalah berasaskan Islam.

Bagi menjawab perkara-perkara yang membimbangkan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai pengaruh-pengaruh yang akan datang atau berkemungkinan keluar atau masuk di situ, saya ingin menyatakan bahawa kawalan mengenai universiti itu oleh kerana ianya ditempatkan di negara kita adalah pre-eminently Malaysian iaitu sudah tentu seperti juga di negara-negara yang lain undang-undang dan kedaulatan undang-undang ataupun peraturan di dalam negara kita sudah tentu akan dikenakan kepada universiti itu seperti juga undang-undang demikian yang dihormati oleh mana-mana insititusi yang ada di dalam negara-negara lain. Perkara ini adalah menjadi perkara biasa dan telah pun menjadi satu perkara persefahaman di peringkat antarabangsa dan diterima oleh masyarakat antarabangsa. Dalam pada itu sudah pun diumumkan, saya ingin menyatakan di sini bahawa dari segi penggunaan Bahasa Malaysia, bahawa Bahasa Kebangsaan akan digunakan seluas-luasnya dalam pentadbiran universiti ini.

Tuan Yang Dipertua, sekianlah jawapan-jawapan kepada perbahasan dan soalan-soalan serta pandangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang dapat saya menjawab pada ketika ini. Saya minta maaf sekiranya saya tidak dapat menyentuh ataupun menjawab point per point perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Dalam pada itu sekiranya ada lagi perkara-perkara yang ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian saya kita bersedia

menjawabkan secara sama ada bertulis ataupun secara kita berunding di pejabat.

Akhirnya, saya mengucapkan berbanyak terima kasih di atas segala pandangan, teguran dan syor-syor yang bernas yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam membincangkan Rang Undang-undang ini. Insya Allah, segala pandangan dan teguran-teguran akan dijadikan panduan bagi Kementerian dan Kerajaan di dalam melaksanakan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa ini.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang Dipertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN DAN KANUN PROSEDUR JENAYAH (PINDAAN)

Baccan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.38 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan (N.M.B. Bab 45) dan Kanun Prosedur Jenayah (N.M.B. Bab 6) dibaca kali kedua.

Pindaan yang dicadangkan ke atas Kanun Keseksaan ini menyebabkan dua aspek yang berlainan maksud. Pindaan kepada Kanun Prosedur Jenayah pula adalah berkaitan dengan salah satu aspek pindaan ke atas Kanun Keseksaan ini.

Aspek pertama daripada pindaan kepada Kanun Keseksaan ialah berbangkit daripada peruntukan di dalam Criminal Justice Ordinance, 1953 di mana hukuman penjara seumur hidup bagi semua maksud diberi makna sebagai hukuman penjara bagi tempoh masa 20 tahun. Maka peruntukan-peruntukan di dalam Kanun Keseksaan yang memperuntukan hukuman penjara seumur hidup telah pun digantikan dengan hukuman penjara selama 20 tahun mengikut Akta Kanun Keseksaan (Pindaan dan Perluasan) tahun 1976. Walaupun demikian semasa membuat pindaan ke atas Kanun Keseksaan itu dahulu pindaan yang sepatutnya juga dibuat kepada perenggan 4 dan 5 seksyen 225 Kanun Keseksaan telah tertinggal, maka dengan itu Klausa 2 dalam Rang Undang-undang ini bertujuan memperbetulkan perkara tersebut.

Tuan Yang Dipertua, aspek kedua dalam pindaan kepada Kanun Keseksaan ini ialah bagi maksud kepentingan keselamatan dan untuk menjamin ketenteraman awam di kalangan masyarakat berbilang kaum dan berbilang agama di negara kita Malaysia.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum agama ialah satu perkara yang suci kepada setiap penganutnya.

Perkara 11 di dalam Perlembagaan Persekutuan secara khusus menjamin kebebasan beragama di negara ini. Kepercayaan kepada Tuhan juga merupakan salah satu ciri utama di dalam Rukunegara. Oleh itu adalah wajar bagi Kerajaan menentukan supaya kebebasan beragama tidak disalahgunakan sehingga menimbulkan keresahan ataupun menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam. Adalah juga perlu bagi Kerajaan mempastikan supaya kebebasan beragama ini wujud dalam keadaan yang harmonis, sebab itulah Perlembagaan Persekutuan sendiri di bawah perenggan 5 Perkara 11 di samping menjamin kebebasan beragama tidak membenarkan apa-apa perbuatan yang berlawanan dengan undang-undang awam mengenai ketenteraman awam, kesihatan awam dan akhlak.

Di atas hasrat untuk melindungi kebebasan beragama mengelakkan perpaduan masyarakat majmuk di negara ini dan memelihara ketenteraman awam, maka Kerajaan bercadang memasukkan sesuatu seksyen baru ke dalam Bab 15 Kanun Keseksaan seperti yang dinyatakan di dalam Klausa 3 Rang Undang-undang ini.

Bab 15 mengandungi Seksyen 295 hingga 298 yang berkaitan dengan kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan Agama. Seksyen baru ini ialah seksyen 298A, pihak Kerajaan membuat cadangan ini kerana sekiranya pihak Kerajaan gagal untuk menjamin ketenteraman awam dan kebebasan untuk rakyat menganuti atau mengamalkan agama yang mereka pilih, maka negara juga akan tergugat disebabkan kurang puas hati rakyat jelata terhadap perjalanan proses Kerajaan.

Seksyen 298A yang baru ini menjadikan suatu kesalahan bagi sesiapa sahaja biarpun dengan secara percakapan, tulisan perbuatan ataupun apa-apa tindakan dan sebagainya yang menyebabkan atau mungkin menyebabkan suasana tidak harmoni, perasaan permusuhan, benci-membenci atau perpecahan atas sebab-sebab agama sama ada di antara mereka yang seagama ataupun di antara mereka yang berlainan agama. Seksyen ini juga bertujuan menjadikan suatu kesalahan bagi sesiapa di atas alasan agama memudaratkan atau cuba memudaratkan ketenteraman dan keadaan harmoni atau perpaduan di antara individu atau kumpulan yang seagama atau yang berlainan agama. Hukuman yang dikenakan ke atas mereka yang bersabit dengan kesalahan ini adalah penjara selama 3 tahun atau denda ataupun kedua-duanya. Jika perbuatan yang sedemikian dilakukan berhampiran atau di dalam masjid, gereja, berhala ataupun mana-mana tempat sembahyang ataupun dalam sesuatu perjumpaan agama ataupun perayaan agama, penaltinya ialah penjara 5 tahun atau denda atau kedua-duanya.

Untuk membuktikan kesalahan di bawah Seksyen-kecil (1) yang disebutkan tadi seksyen 298A menetapkan beberapa anggapan di dalam Seksyen-seksyen-kecil (3), (4) dan (5).

Seksyen-kecil (3) membuat anggapan bahawa jika sesiapa menuduh orang lain atau sekumpulan orang lain, bahawa orang-orang itu tidak lagi menganuti sesuatu agama

ataupun tidak patut diterima sebagai menganuti agama tersebut, maka orang yang menuduh akan dianggap sebagai melakukan sesuatu perbuatan yang boleh membawa kepada perpecahan kaum atau perasaan permusuhan di antara orang-orang yang menganuti agama tersebut. Bagaimanapun orang yang menuduh ini hanya boleh didakwa sekiranya pihak Pendakwaraya atau pegawai yang diberi kuasa olehnya membuat aduan kepada mahkamah. Demikian juga anggapannya jika orang itu menuduh bahawa seseorang pegawai agama yang dilantik di bawah mana-mana undang-undang tidak diterima oleh orang itu ataupun tidak patut diterima oleh orang-orang lain ataupun apa yang dilakukan oleh pegawai itu adalah bertentangan dengan agama.

Seksyen-kecil (4) juga menganggapkan bahawa jika seseorang itu menggunakan tanah perkuburan ataupun dengan izin, cremation lain daripada yang dibenarkan oleh undang-undang perbuatannya akan membawa kepada perpecahan kaum dan sebagainya. Begitulah juga anggapannya jika orang itu menyuruh atau menasihatkan atau menggugut orang lain supaya jangan menggunakan mana-mana tanah perkuburan yang ditetapkan oleh undang-undang ataupun jangan menggunakan mana-mana tempat sembahyang.

Seksyen-kecil (5) juga membuat sesuatu anggapan bahawa jika seseorang yang tidak dilantik dengan secara menurut undang-undang melaksanakan mana-mana tugas bercorak agama dan tugas itu hanya sepatutnya dilaksanakan oleh pegawai yang dilantik menurut undang-undang, maka perbuatan itu akan dianggap memecah belah kaum dan sebagainya. Seksyen ini juga telah mengadakan satu pengecualian bahawa perbuatan atau percakapan dan sebagainya yang diharamkan oleh seksyen-kecil (1) tidak dikenakan kepada mana-mana pihak berkuasa agama yang wujud di bawah mana-mana undang-undang ataupun sesiapa yang melakukan perbuatan ataupun percakapan menurut keputusan pihak berkuasa agama yang tersebut.

Tuan Yang Dipertua, berbangkit daripada perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi Rang Undang-undang ini juga bercadang meminda Kanun Prosedur Jenayah dengan memperuntukkan di dalamnya peruntukan butir-butir mengenai Seksyen 298A, yang baru diperuntukkan di dalam Kanun Keseksaan di mana kesalahan yang dilakukan terhadap peruntukan yang baru itu dijadikan suatu kesalahan yang boleh ditangkap dan tidak boleh dijamin. Permulaan perbicaraan ke atas pesalah juga hendaklah di atas aduan Pendakwa Raya atau pegawai yang diberi kuasa olehnya. Peruntukan-peruntukan ini perlu kerana kesalahan ini adalah serius dan supaya peruntukan-peruntukan kuasa yang diberi itu tidak disalahgunakan.

Tuan Yang Dipertua, semenjak Kerajaan baru yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir ditubuhkan, Kerajaan telah berkali-kali menegaskan 2 perkara yang Kerajaan tidak akan membuat apa-apa 'apology' apabila sesuatu tindakan diambil. Kedua-dua perkara itu ialah:

(1) hal-hal yang akan menguntungkan pihak-pihak komunis; dan

(2) hal-hal yang akan menguntungkan pihak-pihak pelampau atau ekstremis agama atau perkauman.

Rang Undang-undang ini jatuh di bawah bidang perkara yang kedua.

Pengalaman-pengalaman dari luar seperti di Ireland Utara, India dan pengalaman-pengalaman kita sendiri seperti di Kerling dan Batu Pahat

memperkuatkan Kerajaan untuk mengelakkan kemungkinan kejadian-kejadian seperti itu untuk berlaku di negara kita.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan (N.M.B. Bab. 45) dan Kanun Prosedur Jenayah (N.M.B. Bab. 6), dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.54 ptg.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyokong pindaan Akta yang dibawa sekarang ini, iaitu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan dan Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 1982.

Tuan Yang Dipertua, Akta pindaan yang dibuat ini adalah satu Akta yang sangat munasabah dan sesuai untuk masa sekarang. Perkara ini kalau tidak dibuat satu Akta seperti yang ada sekarang ini sudah tentulah akan membawa perpecahan dalam negara kita dan akan mendatangkan huru-hara yang tidak terhingga.

Sebagaimana yang kita tahu, Tuan Yang Dipertua, dengan sebab hasutan-hasutan berkenaan dengan agama, agama Islam yang maha suci di negara kita ini, khasnya di Pantai Timur oleh parti-parti politik yang berdasarkan agama, maka penduduk-penduduk negara kita, penduduk-penduduk Islam yang selama ini hidup dengan keadaan aman damai dan bekerjasama serta berfahaman kasih mesra di antara satu sama lain telah berkecai-kecai serta telah rosak perhubungan mereka. Kita mendengar di dalam surahkhabar-suratkhabar dan kita membaca berita bagaimana suami-isteri telah bercerai, anak telah menderhaka pada ibubapa dan ibubapa yang telah menghalaukan anak-anaknya, tidak ada sebab yang lain ialah dengan sebab hasutan agama yang seumpama ini.

Pada masa-masa yang akhir ini, Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang kita dengar dan baca di dalam suratkhabar bagaimana berita-berita sedih hingga di dalam masjid-masjid telah berlaku di Pantai Timur khasnya di Negeri Terengganu, iaitu masjid-masjid yang selama ini penduduk-penduduk kampung sembahyang bersama-sama menunaikan sembahyang Jumaat tetapi dengan sebab hasutan agama ini maka parti yang tertentu itu mendirikan sembahyang Jumaat di masjid yang lain, di satu tempat yang lain walaupun masjid yang baru didirikan itu tidak mendapat kebenaran daripada pihak yang berkuasa ataupun daripada pihak Pejabat Agama. Dan ada kalanya di dalam masjid itu juga didirikan dua Jumaat; satu oleh Imam yang dilantik oleh Kerajaan atau oleh Pejabat Agama dan satu lagi oleh pengikut parti itu sendiri. Perkara yang seumpama ini, Tuan Yang Dipertua, kalau tidak ada undang-undang yang seumpama ini diterbitkan sudah tentulah akan membawa huru-hara yang berpanjangan dan akan menjadi satu peperangan saya fikir akan berlaku kelaknya, tetapi mujurlah pada saat-saat yang akhir ini pihak Polis sudah campurtangan dan telah menangkap ketua-ketuanya itu di buang daerah, maka perkara ini sudah menjadi mulai reda.

Di dalam Dewan yang mulia ini saya telah bercakap beberapa kali memberi ingat tetapi pihak Polis menjawab perkara itu tidaklah merbahaya sebagaimana yang saya sebutkan itu. Kehendak Polis perkara itu baru

hendak diambil tindakan kalau perkara ini sampai kepada had yang berlaku di Batu Pahat, iaitu pertumpahan darah. Walaupun pihak Polis tahu perkara-perkara yang berlaku seumpama itu tetapi perkara itu dikatakan perkara hal agama, maka ini memadailah dengan kawalan pihak Pejabat Agama yang telah ada kuasa yang diberi oleh Kerajaan kepada mereka, iaitu membuat Undang-undang Agama Islam di negeri masing-masing. Maka Undang-undang Islam yang dibuat di tiap-tiap negeri itu tidaklah ada mempunyai kuasa sebagaimana kuasa yang diberi kepada pihak Polis. Apa yang ada di Pejabat Agama di tiap-tiap negeri itu ialah ganti daripada Polisnya, iaitu Pegawai Maksiat, pegawai ini tak ada kuasa boleh pergi gari orang, tak ada boleh tangkap orang itu sumbat di dalam lokap atau sebagainya seperti Polis, cuma ambil nama sahaja, kemudian keluar sama, itulah sahaja. Berapa banyak Pegawai Pencegah Maksiat yang macam itu sudah bertumbuk dengan orang yang kena tangkap, tetapi kalau perkara yang seumpama ini dibawa oleh pihak Polis dan yang menjalankan itu pihak Polis sendiri mana dia rakyat negeri ini yang hendak melawan Polis kerana mereka itu tahu kekuatan Polis dan pihak Polis tidak boleh dilawan kerana tiap-tiap orang Polis itu ada mempunyai senjatapi, selain daripada gari, ada pula pistolnya, ada pula senapangnya, kalau tak cukup daripada itu, ada pula kereta-kereta perisainya, ada pula macam-macam perkara yang tak dapat mereka itu lawan.

Jadi kalau sekiranya undang-undang yang seumpama ini dijalankan dari dahulu lagi, saya percaya kehuru-haraan atau porak-peranda di dalam negeri kita tidak akan berlaku tetapi mujurlah sebagaimana saya kata tadi perkara ini pun tidak terlewat sangat, telah dibawa sekarang ini. Saya percaya dengan adanya undang-undang yang seumpama ini, insya Allah negeri kita akan kembali aman di dalam bahagian agama ini sebagaimana sediakala iaitu tidak berani lagi orang-orang yang menceroboh itu, tidak berani lagi penghasut-penghasut itu akan membuat hasutan menghasut orang-orang yang tidak mempunyai pengetahuan agama supaya meninggalkan agamanya atau mengikut secara buta ajaran-ajaran yang mereka bawa.

Perkara yang sedihnya, Tuan Yang Dipertua, perkara yang berlaku sekarang ini ialah berkenaan dengan tanam orang mati di perkuburan yang berlainan. Selain daripada sembahyang di lain-lain masjid atau di lain-lain tempat, mereka juga kalau mati tidak mahu tanam di perkuburan orang Islam dan kebanyakan mereka mahu tanam sendiri di tempat perkuburan mereka. Ada setengahnya tanam di tanah tempat kampung halaman mereka sendiri. Maka menurut Akta pindaan ini adalah menjadi satu kesalahan dan saya percaya pada masa yang akan datang orang-orang yang cuba hendak membuat seumpama itu akan berfikir dua kali atau tiga kali sebelum melakukannya kerana mereka akan memikirkan bagaimana seriusnya akibat perbuatan mereka itu. Perkara ini adalah perkara yang besar di sisi undang-undang iaitu kes ini sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kes ini ialah kes yang tidak boleh diselesaikan di luar, yang tidak boleh dibuat penyelesaian, kes yang tidak boleh dijamin termasuk warrant dan boleh ditangkap dengan tidak payah waran. Maka ini saya beri tahniah kerana kalau sekiranya perkara ini tidak termasuk, kalau berhajat kepada waran barangkali ini satu perkara yang susah juga, dengan sebab perkara-perkara yang berlaku ini kadang-kadang serta-merta kemudian penjenayah-penjenayah ini akan lari

tetapi kalau sekiranya penjenayah-penjenayah itu telah melakukan kesalahan itu dan pihak Polis boleh tangkap tanpa waran maka perkara ini boleh memadamkan kesalahan-kesalahan yang seumpama itu.

Saya tidaklah hendak bercakap panjang, Tuan Yang Dipertua, kerana banyak lagi Bil-bil di hadapan kita ini dan saya memberi peluang kepada saudara-saudara saya yang lain. Dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang ini dengan sepenuhnya.

5.03 ptg.

Dato' Ismail bin Hashim: Tuan Yang Dipertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan (N.M.B. Bab. 45) dan Kanun Prosedur Jenayah (N.M.B. Bab. 6).

Setelah kita mendengar huraian-huraian yang telah diberikan oleh Timbalan Menteri sebentar tadi dalam masalah Rang Undang-undang ini, saya suka menarik perhatian dalam beberapa masalah. Memanglah kita terpaksa menyediakan payung sebelum hujan sebagaimana yang saya pastikan negara kita adalah sebuah negara demokrasi berparlimen dan kita memberikan peluang kepada apa juga keturunan yang menganuti berbagai-bagai agama dan adat resam, bebas di dalam segala-galanya untuk mereka ini diberi peluang untuk menjalankan dari segi perkara keagamaan, adat resam dan juga sebagainya, yang tidak menghalang di segi kanun negara ataupun undang-undang Perlembagaan negara kita.

Masalah yang telah diperkatakan oleh saudara saya sebentar tadi memanglah kita terpaksa berhati-hati oleh sebab perkara-perkara yang semacam ini kita tidak berkehendakkan berlarutan daripada satu masa ke satu masa oleh sebab dengan adanya fahaman-fahaman politik yang tidak berketentuan hala untuk mempengaruhi rakyat jelata dari satu-satu pihak, maka dengan itulah fahaman-fahaman sempit dari segi keagamaan mereka ini dihuraikan supaya tidak terdapat kekeliruan daripada orang ramai.

Kita bersyukur kepada Tuhan dengan sebab Kerajaan yang berjiwa rakyat yang berkehendakkan ketenteraman negara kita ini sepanjang hayat negara kita dan generasi kita yang akan memanglah wajar bagi kita menyokong dengan sepenuhnya di dalam Akta yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang Dipertua, dalam masalah Huraian 3, Klausa 3 iaitu:

> "bertujuan mengemukakan suatu seksyen 298A yang baru ke dalam Kanun Keseksaan yang menjadikan suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang menyebabkan atau cuba menyebabkan, di atas alasan-alasan agama, suasana tidak harmoni, perpecahan, atau perasaan permusuhan, benci membenci atau niat jahat antara orang-orang atau kumpulan-kumpulan yang menganut agama yang sama atau yang berlainan agama, atau melakukan sesuatu yang berkemungkinan menyebabkan perkara yang sama. Seksyen ini juga bertujuan menjadikan suatu kesalahan bagi mana-mana orang, di atas alasan-alasan agama, memudaratkan atau cuba memudaratkan atau melakukan sesuatu yang berkemungkinan memudaratkan, pemeliharaan keadaan harmoni atau perpaduan di antara orang-orang atau kumpulan-kumpulan yang menganut agama yang sama atau yang berlainan agama".

Tuan Yang Dipertua, saya baca sebahagian daripada Huraian yang telah dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Masalah ini, Tuan Yang Dipertua, walaupun agama rasmi negara kita ialah Agama Islam iaitu yang bermazhab Shafie, tetapi sekarang ini ada satu masalah yang saya pastikan iaitu masalah pendakwah-pendakwah ataupun mubaligh-mubaligh Islam yang datang daripada luar negeri yang saya pastikan dapat pergi ke masjid-masjid, duduk bermala-malaman di sana, makan di sana, masak di sana, kemudian mengumpulkan, kita tidak tahu apakah tujuan yang sebenarnya dan kalau kita tidak pastikan mereka ini akan menjejaskan keharmonian yang telah diwujudkan oleh ibubapa ataupun yang telah diberikan oleh Kerajaan kita dari segi keselamatan ataupun dakwah-dakwah yang telah diberikan oleh Kerajaan kita. Kita tidak berkehendakkan pendakwah-pendakwah yang menyeleweng daripada iktikad orang-orang kita, lari daripada ajaran kita sendiri yang telah dibuat oleh ibubapa kita.

Sebagaimana yang saya pastikan bahawa pendakwah-pendakwah itu boleh mengelirukan khususnya kepada anak-anak muda kita ataupun belia-beliawanis kita yang tertarik sangat di atas pendakwah-pendakwah yang datang daripada luar negeri ini. Saya mengatakan ada setengah-setengah masjid yang saya pastikan bahawa sebagaimana satu sembahyang diadakan di dalam masjid itu iaitu sembahyang fardhu, ada sekumpulan pendakwah-pendakwah tidak mengikut Imam yang telah diiktiraf oleh Kerajaan yang menjadi Imam di dalam masjid itu. Mereka ini buat sambil lewa, memakan masa sedikit supaya Imam yang di dalam masjid ataupun di surau-surau itu menghabiskan fardhu sembahyangnya pada ketika itu maka barulah mereka itu menjalankan sembahyangnya. Jadi ini ada perbezaannya saya tidak tahu apakah sebab. Ini juga akan menimbulkan suasana yang tidak ketenteraman daripada pendakwah-pendakwah bagi anak-anak kita yang tidak mendalami dalam segala segi apa yang pendakwah ini di manakah tujuan dan matlamat mereka, dakwah-dakwah yang hendak dihurai ataupun diberikan kepada masyarakat kita khususnya kepada belia-belia dan beliawanis kita yang begitu sungguh minat di dalam masalah pendakwah-pendakwah yang datang dari luar ini.

Satu lagi, ini masalah kawan-kawan kita yang bukan beragama Islam khususnya orang-orang Tionghua. Ini sekiranya kalau kita pasti di mana bangunan-bangunan tinggi pencakar langit yang didirikan ada satu tokong akan didirikan, di mana tokong itu ialah memohon kepada dewa-dewa mereka supaya tidak ada menjadi kerugian ataupun kemalangan bilamana bangunan-bangunan yang hendak didirikan khususnya bangunan-bangunan tinggi dan juga di taman-taman perumahan yang ada di dalam negara kita ini kita dapat pastikan satu bangunan ataupun pondok kecil didirikan di situ. Kemudian akhirnya setelah taman-taman perumahan ini siap dibina ataupun bangunan-bangunan pencakar langit ini dibina dan masih lagi kekal menjadi satu tempat sembahyang dan satu tempat orang-orang mencabut ekor di tempat-tempat yang diletakkan oleh pemborong perumahan yang ada di dalam negara kita ini. Kalau kita pastikan di dalam Wilayah Persekutuan ini juga ada beberapa bangunan pondok-pondok kecil yang ada di sekeliling rumah-rumah atau bangunan-bangunan yang telah dibangunkan. Ini juga akan mencemarkan dan menimbulkan tidak keharmonian dari segi pandangan orang-orang yang berhampiran ataupun orang-orang yang sengaja membuatkan sesuatu supaya menimbulkan rasa tidak puashati, rasa

tidak keharmonian di antara orang-orang yang berlainan agama di dalam negara kita ini.

Satu lagi yang kita pastikan ialah masalah di dalam taman-taman perumahan, walhal kuil-kuil atau tokong-tokong bagi rakan-rakan kita orang Cina ini memang ada tempat yang tertentu. Tetapi di setengah-setengah taman perumahan ada di antara rumah-rumah itu dibuat sebagai rumah sembahyang. Ini juga akan menimbulkan masalah dari segi keharmonian jiran tetangga yang berbilang kaum di antara orang kita atau orang di negara kita yang duduk di taman-taman perumahan di dalam negara kita ini. Kadang-kadang bila masa ada satu sembahyang, ia akan makan masa yang lama dan berlarutan, ini juga akan menimbulkan masalah dari segi kedudukan keharmonian orang-orang atau rakyat kita dalam negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, inilah perkara-perkara yang saya percaya dapat kita mengatasi supaya tidak sewenang-wenangnya bagi pendakwah-pendakwah luar datang ke negara kita ini dan menjadi ikutan yang tidak ketentuan hala bagi orang-orang kita khusunya belia dan beliawanis kita dengan tidak mengindahkan ibubapa dan orang-orang tua, supaya apabila mereka ini mendapat ajaran baru daripada pendakwah-pendakwah ini maka kadangkala kita pastikan anak tidak menegur ibubapa dan menjadi satu masalah dari segi kedudukan satu-satu keluarga yang mana telah dipasti bahawa pendakwah-pendakwah yang tidak ketentuan hala ini datang mendakwah kepada belia dan beliawanis kita.

Satu lagi saya suka menekankan supaya Kerajaan kita mengambil perhatian di dalam masalah tokong-tokong yang dibangunkan di taman-taman perumahan dan juga kuil yang tidak berketentuan hala supaya tidak lagi menjejaskan apa yang telah berlaku di Kerling dan juga apa yang telah berlaku sebagai perkara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu di Batu Pahat. Saya memanglah berasa besar hati supaya Kerajaan kita sebagaimana yang saya telah katakan tadi baiklah kita menyediakan payung sebelum hujan oleh sebab kita adalah satu negara yang demokrasi berparlimen dan kita memberi peluang kepada semua rakyat untuk mempastikan, menjalankan dari segi keugamaan, adat resam mereka sebagaimana yang telah dikanunkan dalam Perlembagaan kita. Inilah harapan saya supaya apa yang telah diminta kita memutuskan atau dipersetujukan satu Akta Rang Undang-undang yang telah dibentangkan dalam Dewan ini dan jadi satu pegangan kepada rakyat jelata kita supaya kita tidak menjadi rakyat yang tidak berketentuan hala yang tidak berpandukan dari segi undang-undang yang telah dibentuk ataupun yang telah dikanunkan oleh Kerajaan kita.

Tuan Yang Dipertua, dengan ini saya menyokong dengan sepenuhnya atas Rang Undang-undang yang bernama satu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan Bab 45 dan Kanun Prosedur Bab 6. Sekian, terima kasih.

5.16 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Abdullah: Tuan Yang Dipertua, apa yang kita cakap berkenaan pindaan satu Akta dalam negara kita ini kadangkala ada orang cepat-cepat memutuskan sesuatu itu adalah terlalu keterlaluan atau kadangkala ada orang mengata di luar yang sepatutnya. Kepada saya apabila pindaan-pindaan satu-satu Akta di mana-mana negara dalam dunia ini adalah tertumpu pandangan saya pada tujukan Akta itu. Kalaulah Akta itu menunjukkan satu kekerasan membunuh demokrasi atau membunuh suara orang ramai, kata

orang Latin, suara orang ramai itu suara Tuhan, ataupun membunuh perkara-perkara perikemanusiaan yang ada itu diganggu gugat, saya tidak bersetuju. Tetapi kalau Akta itu sebagai Akta kita sekarang ini kita pinda demi keselamatan negara, keamanan, kesetabilan dan menjaga maruah negara kita, saya adalah menyokong penuh.

Saya suka menarik dua, tiga perkara yang saya rasa serius dalam negeri kita ini yang telah berlaku yang harus kita menyokong Akta ini dibuat pindaan. Kepada saya mahu ketat lagi Akta ini, bukan sahaja yang macam ini. Apabila kita merumuskan perkara-pekara yang membangkitkan perasaan-perasaan permusuhan, perkara membangkit penghinaan, menjatuhkan maruah negara, perkara-perkara yang boleh dibisik bukan sahaja di dalam negeri, di luar negeri yang boleh menjatuhkan Kerajaan dan bangsa sesuatu negara dalam dunia ini harus kita ambil kira.

Saya misalkan satu contoh, saya tidak tahu siapakah punya kerja, tetapi adat-adat kata orang tua-tua, "kalau angin tidak bertiup, daun tidak bergoyang". Itu lojik oleh manusia yang tidak boleh dinafikan oleh sesiapa juga. Katanya, misalnya yang baru berlaku, tentu ada penggeraknya mengambil kononnya loyar-loyar ataupun peguam-peguam luar negeri datang ke sini membela kononnya Kerajaan kita ini keterlaluan, yang datang itulah yang perikemanusiaan yang menegakkan undang-undang. Pada pendapat saya, mereka itulah yang sebenarnya pengacau dan mengambil tahu tepi kain orang yang tidak disuka orang datang. Kalau negeri-negeri yang dekat dengan kita, saya sebutkan negeri yang dekat, kalau dia datang, besok dia mesti kena keluar. Tetapi negeri kita ini sudah terlampau demokrasi, bagi bercakap, awak peguam-peguam internationalkah yang mengakui dirinya peguam duniakah, apakah, mari datang ke Malaysia, kata Kerajaan, kata lagi dalam ini, kita biarkan dia. Sampai macam itu.

Pada hemat saya dengan Akta ini, mereka itu hendaklah ditangkap, jangan dibenarkan peguam itu ataupun apa juga yang datang daripada luar apa lagi menghina Kerajaan memalukan. Ini adalah termasuk menimbulkan kebencian, membangkitkan rasa tidak puas hati rakyat yang baik di dalam negeri ini. Kita tidak tahu rakyat yang di luar baik tetapi rencung di dalam, itu saya tidak tahu kalau mereka ini yang suka berbuat begitu. Itu satu misalnya atau kenyataan yang berlaku di dalam negeri kita, sebab itu saya menyokong Akta ini apabila berlaku perkara yang semacam ini pada masa hadapan hendaklah ditangkap terus dan laksanakan undang-undang negeri kita. Dan Kerajaan hendaklah ingat jangan dibenarkan perkara-perkara yang boleh membangkitkan satu prasangka dalam negeri kita ini yang orang luar telah datang membawa satu-satu perkara, misalnya menyatakan Hakim di dalam negeri kita yang menjatuh hukum pun tidak adil. Mengapa dibiarkan orang ini? Dan saya cukup terkejut pemimpin-pemimpin kita, Menteri-menteri kita mengatakan awak semua tidak dihajati—salah pula, di denda pula, pemimpin kita.

Saya sangat-sangat terkejut sedangkan apa yang mereka buat itu bukan kesalahan. Ini demi keselamatan, maruah bangsa dan negeri kita sendiri mereka tunjuk, ini dia, awak keluar. Kami tidak mahu. Inikah salah? Membela maruah negara, membela orang luar yang memperkatakan apa-apa dalam negeri orang lain. Katakanlah dua tiga orang peguam kita di sini, hantar ke negeri Komunis China ataupun tidak usah jauh dihantar ke Hong Kong sahaja, kritik pemerintah Hong Kong, awak

tidak betul menjatuhkan hukum, hukum gantung atau apa sekalipun, tidak betul: cuba pergi, kalau tidak ditangkap masuk ke dalam penjara sana. Ataupun kata rakyat Hong Kong, awak jangan campur, kami tidak mahu orang luar kacau kami, baliklah. Salahkah rakyat Hong Kong yang mempertahankan maruah negaranya itu? Ini lagi satu benda yang menjadi tanda soal yang berlaku di dalam negeri kita, macam teka teki yang menggelikan.

Tuan Yang Dipertua, ini satu contoh yang saya rasa dalam Bab 3, yang disebutkan itu, dia kata perpecahan, perasaan bermusuhan, benci-membenci niat jahat—niat jahat ini maksudnya kumpulan asing ini dibenteras cukup-cukup. Bagi saya Akta yang memberi perlindungan keselamatan yang membunuh segala rupa bahaya dalam negeri kita ini seperti anasir-anasir jahat, mestilah dibenteras. Akta ini harus dikuatkan lagi bukan tiga tahun, tujuh tahun atau sepuluh tahun, baru dia rasa apa yang telah dia buat. Kalau sekadar denda $100 atau sebulan penjara, tidak usah buatlah, hukuman seperti ini, saya ingat tidak laku lagi dalam zaman moden yang mahu bukti nyata pada masa sekarang ini.

Saya mencadangkan bukan tiga tahun, tujuh tahun. Yang Berhormat Menteri tolong tulis. Tiga tahun sangat sedikit, dia berani buat lagi, tiga tahun berapa sangat? Tujuh tahun pun terlampau ringan. Jadi hukuman tiga tahun ini dijadikan tujuh tahun dan tidak dibenarkan lagi pada masa hadapan orang luar negeri datang, bukan kita tidak benarkan datang, kita terima dengan baik, kerana kita merupakan satu bangsa yang mempunyai peribadi kemanusiaan, yang berugama dan orang yang bermurah hati, datanglah ke negeri kita berapa ramai, kita terima, tetapi datang mengkeji Kerajaan kita, rakyat kita, tentu ini kita tidak benarkan. Siapa sahaja baik bangsa apa juga dalam dunia ini suruh sahaja dia balik, jangan dipijak bumi Malaysia ini. Peguamkah, professorkah pergilah, suruh dia balik, jadi peguam atau professor dalam negeri dia.

Saya rasa orang macam ini bukanlah handal seperti saya katakan semalam, ada banyak peguam mengaku dialah yang handal, yang sebenarnya dia peguam yang tahu satu sahaja, dia tidak tahu yang lain. Ini satu perkara yang saya hendak peringatkan.

Yang kedua, saya ingat juga helah-helah di zaman moden ini banyak orang hendak menjatuhkan Kerajaan, hendak membuat kacau bilau dalam negara, membuat huru hara untuk menakluki negeri orang lain, bukah helah zaman dulu, angkat senjata perang sahaja, sekarang ini helah subversif yang di luar dugaan kita. Helah saikologi yang bijaksana. Jadi perkara-perkara semacam ini sebagai satu misalan seperti saya kata semalam, saya bertanya Menteri Kebajikan Am, bolehkah kita percaya pemuda Melayu sekarang begitu ramai menghisab dadah. Adakah datang sendiri, sebab ini baru, dulu tidak ada ini semua. Tidakkah terfikir pada kita ini merupakan satu saikologi cucuk jarum, pengkhianat negara, hendak menjahanamkan bangsa bumi ini. Dan saya ada bukti orang yang memberi ini bukan orang bumiputera yang menggalakkan mereka hisab. Sebab itu Akta-akta yang mengakibatkan kemusnahan, membangkitkan permusuhan, merosakkan semua keamanan ini, saya kata harus diletakkan denda lebih kuat selain daripada yang dicakapkan oleh saudara saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap mengenai masalah agama tadi.

Tuan Yang Dipertua, tidak dapat dinafikan bahawa ini adalah satu cara kominis hendak menakluki negara di zaman moden ini. Tidak dengan ideologinya, dibuat dengan cara agama

pula. Kalau perlu dia keluar wang banyak, dia lantik juga pakar-pakar agama, syeikh-syeikh agama yang mengeluarkan hukum hakam agama. Ini patut sangat Kerajaan kita membenteras perkara ini. Adakah patut sama-sama Islam tidak boleh sembahyang bersama pula, ada kawan itu sembahyang tidak sah pula. Saya tidak pernah dengar perkara ini. Ini juga harus kita cari dari mana suntikan yang datang macam ini. Sebab itu apabila ada Akta macam ini dia tidak boleh buat, kita tangkap, penjarakan dia tujuh tahun, jangan tiga tahun. Masukkan dia ke dalam penjara, taruh pijat-pijat banyak, barangkali kala jengking pun kalau ada ambil letak di situ, biar dia rasa sedikit.

Tuan Yang Dipertua, ada satu lagi yang saya hendak ingatkan bahawa tadi Yang Berhormat ada menyebut tentang masalah cara beragama, ada orang membuat cara agama ditunjukkan kepada orang, pada hal orang itu bukan agama dia, dia pandang perkara itu lain. Ada orang sengaja pula letak di tepi jalan dan sebagainya tetapi pada istilah agama orang lain itu pantang pemali dia. Jadi saya hendak ingatkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya membetulkan ini semua, buatlah tokong dalam tempat ibadat masing-masing, janganlah sampai buat di tepi-tepi jalanraya, di semua pekan, di bangunan-bangunan diletakkan sahaja, apa ini? Bukan saya hendak menghina agama-agama apa, tidak. Kita bebas beragama, itu kita akui tetapi buat dalam rumah kita, ataupun di dalam tempat sembahyang kita. Kepada orang Islam pun saya kata begitu, walaupun apa agama juga, saya berkata di dalam Dewan ini tidak ada sentimen, tetapi saya kata terus terang demi keutuhan, keselamatan dan kejiwaan semua bangsa yang menganut agama-agama apa pun. Ini janganlah Menteri-menteri yang berkenaan membiarkan sahaja hal ini. Esok anak cucu kita tengok nanti, penuh tokong di negeri kita ini, apa ini, bertabur di merata tempat. Di tepi kedai ada, di luar rumah ada, mengapa tidak buat di dalam. Tanya dia, tidak sahkan kalau ditaruh di dalam? Ini dia taruh di luar, sepatutnya sayanglah sedikit, buat apa berhujan, berangin di luar. Jadi, Menteri yang berkenaan tolong betulkan perkara ini. Sama ada Islam, Hindu, Cina atau apa agama sekalipun, sama-sama sekarang bertolak ansur. Kalau sama-sama hendak dedah keluar macam ini, apa kata orang yang tidak berkenaan. Bersalah pula, esok dibaling batu pecah, sudah kata hendak perang, sudah hendak tunjuk masing-masing siapa kuat. Jadi, bila hendak amannya.

Lagi satu, ini saya tengok semalam, saya ada melawat satu tempat yang menghala ke Bangsar. Saya tengok dua orang pemuda dikejar oleh anjing, empat lima ekor anjing, anjingnya besar-besar. Saya pun ada di situ, dekat dengan motokar saya, saya perhatikan. Apakah keadaan macam ini, Tuan Yang Dipertua. Pada orang Islam anjing, babi sangat pantang bagi mereka. Kalau digigit, kena samak. Saya hendak khabar terus terang dalam Dewan ini demi keselamatan dalam negeri ini bersempurna dalam Akta kita ini. Anjing hendaklah ditambat. Anjing boleh hidup. Tambat, jangan beri keluar dari kawasan rumah, tambat dalam kawasan rumah kita. Jangan diberi bebas keluar. Saya bercakap kalau tidak betul boleh didakwa, kalau ada lawyer yang pandai, panggil keluar, saya sedia pergi ke mahkamah, saya boleh tunjukkan anjing ini. Saya bukan lawyer tetapi saya suka sangat hendak pergi ke mahkamah kalau dikatakan saya bohong. Fasal anjing ini, saya hendak nasihatkan supaya ditambat. Kalau hendak pelihara babi, jangan lepas-lepaskan sampai masuk dalam kebun-kebun orang lain merosakkan tanaman. Ada orang sangat pantang betul. Saya hendak sebutkan orang Melayu memang pantang betul-betul.

Kalau babi datang melintas di hadapannya, dia mesti bunuh. Jadi, apabila tuannya tengok babinya kena bunuh, dia pun tunjuk buku lima pula, jadi perang kita dalam negeri ini. Sebab itu saya hendak sebutkan mengenai anjing dan babi ini, kalau orang hendak bela tidak salah, belalah tetapi taruhlah satu tempat jangan kacau orang lain. Macam orang India dengan lembu. Cuba kita hidangkan daging lembu, nanti dia tumbok kita. Fasal itu pantang baginya. Kita dalam negeri ini ada pantang masing-masing. Saya hendak mengingatkan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengenai babi, anjing, binatang-binatang macam ini dipandang oleh orang Islam, orang Melayu khasnya supaya mengingatkan kepada sahabat kita ini dengan jujur, kalau boleh, tempatkanlah dalam pagar rumah jangan lepaskan.

Semalam budak muda itu dia hendak langgar anjing dengan basikalnya, kemudian dia letakkan basikalnya, ini saya bercakap yang benar. Saya rasa perkara ini jadi gaduh semalam di Bangsar. Dia letak basikalnya kerana anjing itu kejar dia, empat lima ekor. Budak muda tahulah sahaja, dia bukan takut sangat mati. Saya terpaksa juga berdiri di situ, kalau-kalau misalnya hendak jadi perang, saya pun tidak pula takut sangat tetapi saya hendak leraikan. Jadi, saya khabar budak itu jaga-jaga digigitnya. Dekat situ ada tuannya. Saya beritahu lain kali tolong rantailah anjing awak. Saya bercakap juga, jangan kata orang perkara yang baik kita tidak hendak cakap, mana boleh begitu, jadi saya cakapkan. Saya sempat beritahu suruh rantaikan anjing itu.

Jadi, berbangkit dengan Akta ini saya berharap supaya kita dapat bekerjasama supaya jangan berlaku permusuhan dan pemisahan kita sesama kita di masa akan datang. Apabila saya sebut orang Cina, orang India, Melayu, janganlah kawan saya orang Cina dan India marah, saya tidak peduli dimarah kalau mereka hendak marah juga. Sebab yang saya kata ini bukan hendak merosakkan, sesama hormat menghormati. Jadi, begitulah juga kepada penjahat-penjahat, jarum-jarum yang akan merosakkan negara ini, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kita pun ada supaya lebih berwaspada, janganlah terjadi seperti di negeri Arab yang berbunuh-bunuhan itu sebenarnya tafsiran orang itu sendiri dia tidak jaga. Dia tahu bila-bila pun musuh boleh bunuh kita. Macam negeri ini, saya selalu mengingatkan, tentera darat, laut, udara mesti menjaga sepanjang masa. Kekuatannya mesti distabilkan serupa dengan kekuatan pembangunan negara. Yang berlaku bunuh beratus-ratus orang mati itu sebenarnya mereka tidak beringat. Kalau mereka ingat tidak apalah—ini hancur, habis, ranap, perempuan, orang tua, alangkah sedihnya dunia moden, dunia yang memegang agama, dunia yang kononnya sudah masa zaman tamadun tetapi dibunuh orang yang tidak berdosa. Ini fasal apa, salah satu tafsiran orang di situ sendiri—orang Arab itu sendiri tidak beringat, cuba beringat, tentu tidak jadi macam itu.

Begitu juga dalam negeri kita ini, saya hendak mengingatkan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri supaya beringat. Jangan ingat negeri kita ini aman. Sebab komunis, subversif, orang hendak menjatuhkan negara, orang buat kacau bilau di antara kaum, berbagai-bagainya ada. Saya tengok banyak ada yang berlaku tetapi kalau kita membuat sedikit halusan, penyiasatan secara mendalam dan analisa sendiri dengan penuh keikhlasan dan kejujuran bukan daripada sentimen yang bodoh, yang sempit.

Tuan Yang Dipertua, saya ulangi balik supaya kita semua memahami Akta ini, apabila berlaku perubahan satu-satu Akta jangan lekas kita rakyat yang budiman, yang baik, yang jujur, jangan lekas kita melatah. Kita sendiri

pula beritahu orang lain terutama luar negeri ataupun dalam negeri ataupun orang-orang ASEAN sama ASEAN misalnya. Ah! ini Malaysia lagi ubah Akta, berapa kali sudah ubah Akta. Ini ada saya dengar. Sedikit masa lagi esok Parlimen akan datang lagi Akta akan diubah, macam-macam tabiat manusia yang ada macam ini. Tetapi mereka harus mengkaji hakikat, mengkaji kenyataan yang tidak boleh ditolak iaitu demi kebaikan, keharmonian kita, hendak mewujudkan Malaysia yang betul-betul bersatu padu. Kemudian sembahyang tidak boleh, orang tua tidak boleh pergi di sini, sembahyang sama pun tidak boleh, hendak bersatu padu apa, hancurlah negeri ini.

Begitu juga macam saya katakan tadi orang ini pantang, buat juga, atur juga. Sembahyang buatlah dalam masjid. Ini masing-masing ada tempat, hendak sembahyang di luar pula, konon hendak tunjuk kepada orang lain, orang lain marah pula. Kemudian bila dimarah oleh kawan, kita pula marah. Apakah nama hakikatnya ini. Jadi inilah sebabnya mesti diadakan Akta. Saya harap Akta ini jangan disebutkan ini sahaja tetapi meliputi semua. Apa juga yang membangkitkan perasaan keburukan dalam agama, dalam percampuran hari-hari, dalam adat istiadat kita, dalam alam kehidupan kita dan dalam alam masa depan kita dari masa ke semasa mestilah dia menjangkau dalam semua bidang agar keselamatan kita semua selamat.

Sekianlah sahaja, saya menyokong dengan sepenuhnya pindaan Akta yang tersebut dan saya pandang ini satu kebijaksanaan Kerajaan yang memikirkan rakyat untuk kebaikannya dari masa ke semasa.

5.38 ptg.

Tuan D. P. Vijandran: Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menimbulkan beberapa perkara yang penting yang berkaitan dengan Rang Undang-undang yang sedang dibincangkan sekarang. Semasa kita hendak membentuk sesuatu Rang Undang-undang, kita harus memberi perhatian yang teliti dan mendalam kepada perkataan-perkataan yang digunakan untuk membentuknya. Ianya haruslah khusus untuk meliputi satu perkara yang tertentu sahaja dan tidak terlalu umum. Sekiranya undang-undang itu adalah terlalu luas maka ianya mungkin akan digunakan untuk perkara-perkara dan perbuatan yang tidak diingini oleh Parlimen. Jadi adalah maha penting untuk kita menggunakan perkataan-perkataan yang sesuai supaya membawa makna sebenar yang dikehendaki. Setelah membuat kajian yang lebih teliti mengenai Rang Undang-undang ini, saya berpendapat bahawa maksud baik yang ingin dicapai oleh Kerajaan melalui Rang Undang-undang ini akan membawa kesan-kesan yang tidak diingini kerana pemilihan perkataan yang terlalu luas.

Benarkan saya, Tuan Yang Dipertua, merujuk kepada Seksyen-seksyen yang tertentu. Seksyen baharu 298A, Sub-seksyen (3) (*b*) (5) (6) dan (7).

Merujuk kepada suatu "religious authority" ataupun pihak berkuasa agama—izinkan saya memanggil dia religious authority, di bawah seksyen-seksyen ini kepentingan dan kuasa yang besar akan diberikan kepada religious authority ini sama ada sesuatu perbuatan salah atau tidak menurut Rang Undang-undang ini adalah bergantung kepada budibicara dan kepakaran religious authority ini. Jadi adalah penting untuk menentukan siapa atau mana suatu badan yang berkuasa sebagai religious authority ini. Dalam konteks agama Islam dan Christianity mungkin tidak ada sebarang kekeliruan mengenai religious authority ini. Dalam kedua-dua agama ini kita memang mendapati orang-orang atau badan-badan yang tertentu yang mempunyai kuasa dan

kewibawaan, dengan izin, authority yang muktamad, umpamanya fatwa-fatwa oleh Majlis-majlis Agama Islam.

Tuan Yang Dipertua, keadaan ini tidak sama dengan agama Hindu. Agama Hindu adalah suatu agama yang berasaskan kepada suatu konsep yang fundamental di mana seseorang individu mempunyai hak untuk menentukan tatacara dan rasmi agamanya sendiri. Agama Hindu memberi pilihan yang luas untuk pengikutnya. Di antara pemilihan ini seseorang boleh menurut cara dan jalan yang difikirkan baik untuk dirinya. Untuk membantu seseorang individu membuat pemilihan tersebut didapati dalam Hinduisma ataupun agama Hindu beberapa tanda-tanda yang menunjuk cara kehidupan beragama yang baik dan benar. Jadi ini bermakna dalam agama Hindu tidak ada konsep religious authority. Dalam sejarah agama Hindu setakat ini tidak ada suatu pihak berkuasa atau religious authority. Jadi setelah Rang Undang-undang ini dikuatkuasakan kelak kita akan menghadapi beberapa masalah apabila kita cuba mengamalkannya pada agama Hindu.

Masalah yang pertama adalah ketiadaan sesuatu badan atau seseorang yang boleh disifatkan sebagai religious authority dalam agama Hindu. Masalah yang kedua adalah menurut prinsip-prinsip asas Hinduisma kita tidak boleh melantik seseorang atau sesuatu badan sebagai religious authority. Masalah yang ketiga adalah jika kita memaksakan konsep religious authority ini terhadap seseorang Hindu maka ianya adalah bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan iaitu Perkara 11 yang berbunyi, dengan izin Tuan Yang Dipertua, "Every person has the right to profess and practise his religion and, subject to Clause (4), to propagate it". Dan seksyen-kecil (3): "Every religious group has the right to manage its own religious affairs".

Tuan Yang Dipertua, saya sedar bahawa di bawah Perlembagaan, suatu pengecualian boleh dibuat untuk mengawal ketenteraman awam tetapi Rang Undang-undang ini tidak boleh diterima di bawah pengecualian tersebut. Daripada huraian di atas kita mendapati bahawa Rang Undang-undang ini tidak boleh diamalkan ke atas kaum Hindu kerana agama Hindu tidak mempunyai konsep 'regious authority' sepertimana yang dimaksudkan oleh Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang Dipertua, saya sedar Kerajaan negara kita mempunyai rekod yang amat memuaskan terhadap tolenrasi agama. Oleh yang demikian, saya yakin dan percaya bahawa Kerajaan tidak akan mengganggu hak asasi agama kaum minority. Dengan mengetahuinya saya rasa Rang Undang-undang ini digubal untuk meliputi semua agama dengan andaian bahawa mereka semua mempunyai sesuatu konsep religious authority yang tetap.

Dengan perbandingan yang telah saya beri, Tuan Yang Dipertua, saya berharap Kerajaan akan memberi pertimbangan yang sewajarnya dan mengenalkan pindaan untuk mengawal status ini, agama Hindu. Sekian, terima kasih.

5.25 ptg.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang Dipertua, saya bangun turut sama-sama untuk mencadangkan Suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan (N.M.B. Bab 45) dan Kanun Prosedur Jenayah (N.M.B. Bab 6) yang mana telah dibentangkan sebentar tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang Dipertua, Perkara 11 di dalam Perlembagaan Persekutuan menjamin kebebasan berugama di negara ini tidak ada Undang-undang sekalipun yang boleh dipertimbangkan

pada bila-bila masa yang bertentangan dengan prinsip yang termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia. Dengan hal yang demikian kita tidak boleh lagi mempersoalkan sama ada undang-undang yang ada di hadapan kita ini bertujuan untuk menyekat, menghimpit atau mencabar hak kebebasan beragama di dalam negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, sejak akhir-akhir ini telah terjadi beberapa perbuatan atau kegiatan-kegiatan yang berselindung ataupun udang di sebalik batu, mengambil kesempatan atau mengeksploitasi prinsip hak kebebasan beragama ini, yang memudaratkan atau berkemungkinan memudaratkan keselamatan dengan ketenteraman awam.

Saya berpendapat tidak ada agama pun yang ingin akan berpecah-belah di dalam masyarakat, tidak ada agama pun yang inginkan pertumpahan darah atau bermusuh-musuhan antara sesama manusia. Daripada hakikat ini kita boleh membuat kesimpulan bahawa apa juga perbuatan yang mengakibatkan, memecah-belahkan dan bermusuh-musuhan adalah perbuatan oleh anasir-anasir yang telah tergelincir dari landasan sesuatu agama dalam ertikata yang sebenarnya.

Walaupun anasir-anasir ini berselindung di sebalik sesuatu agama, kita tidak mahu melihat cacian nama baik sesuatu agama di negara kita ini tercemar oleh perbuatan-perbuatan oleh anasir-anasir yang sedemikian rupa. Semangat inilah juga yang cuba dikekalkan untuk cadangan undang-undang pindaan kepada Kanun Keseksaan yang kita bahaskan pada hari ini.

Tuan Yang Dipertua, firman Tuhan dengan izin: La-ikrohafiddin. Yang bermaksud: Tidak ada paksaan di dalam agama. Tidak sesiapa pun yang boleh memaksa, mengerah atau melarang mana-mana pihak lain supaya mengambil atau untuk meninggalkan sesuatu agama. Ini adalah kerana perbuatan-perbuatan yang sebegitu rupa akan mencetuskan keadaan berpecah-belah, bermusuhan, benci-membenci di antara agama-agama yang ada di negara kita ini. Tuhan berfirman: Lakum diinukum waliadiin. Yang bermaksud: Ugama engkau ugama engkau, dan ugama aku ugama aku. Ini firman Tuhan. Sanggupkah kita menghadapi keadaan tumpah darah, sanggupkah kita menghadapi keadaan pertumpahan darah atau pecah-belah di dalam negara kita ini. Sekali lagi saya katakan bahawa pindaan kepada Kanun Keseksaan ini adalah untuk menghindarkan berlakunya kejadian yang tidak diingini ini dengan larangan-larangan sepertimana yang dijelaskan di dalam seksyen 298A (1) yang dicadangkan itu.

Tuan Yang Dipertua, Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang bangsa dan agama telah meletakkan perpaduan sesama kaum dan perpaduan antara kaum sebagai asas penting bagi menjamin keutuhan negara ini pada masa-masa yang akan datang. Oleh itu sebarang usaha oleh mana-mana pihak untuk memecah-belahkan masyarakat negara ini dengan apa cara jua pun hendaklah ditentang dengan habis-habisan tanpa sebarang tolak ansur dari Kerajaan kita.

Kebelakangan ini, Tuan Yang Dipertua, telah timbul gejala-gejala yang kurang sihat di beberapa buah negeri di mana setengah-setengah golongan yang diperalatkan agama untuk memperkembangkan tujuan-tujuan politik mereka tanpa mengira bahawa perbuatan mereka itu telah menyebabkan rakyat setempat menjadi berpuak-puak dan berpecah-belah sehingga menimbulkan kepada satu keadaan suasana yang boleh menjejaskan ketenteraman awam di negara kita ini. Umpamanya, Tuan Yang Dipertua, kita telah mendengar

sembahyang satu masjid dua imam, perkahwinan oleh satu-satu pihak, saya sebutkan di sini perkahwinan orang Parti Barisan Nasional atau orang UMNO tidak sah, kena ceraikan semula, ada pergaduhan antara ibu dan bapa, anak dan isteri yang berpecah-belah kerana agama.

Baru-baru ini kita dengar pula, tak silap saya di Johor dalam Dewan Undangan Negeri mengatakan air paip yang kita gunakan dan kita minum pada tiap-tiap hari ini tidak boleh dibuat mandi junub ataupun mandi hadas, haram kononnya. Ini tujuan politik mereka. Adakah kita mahu masalah ini timbul dengan keadaan berisu atau bertopengkan agama seperti saya sebutkan tadi? Begitu juga kadhi yang menikahkan itu tidak sah sebagaimana saya sebutkan tadi. Ini berlaku banyak di negeri kita. Pada pendapat saya, Tuan Yang Dipertua, itu adalah satu pertentangan sama sekali ajaran agama Islam yang maha suci.

Firman Allah. Ertinya: Wahai manusia sama ada lelaki dan perempuan, sama ada berpuak-puak, sama ada kamu berpuak-puak dan berbangsa-bangsa hendaklah kamu berbaik-baik di antara satu sama lain.

Sebab itulah di zaman Rasulullah S.A.W. dahulu, pernah pada satu ketika Junjungan Besar kita mengambil seorang bangsa Yahudi untuk menjadi guru mengajar anak beliau. Jika benar-benar memperjuangkan agama dan syiar Islam berlandaskan Al-Quran dan Hadis sepertimana mereka laung-laungkan di manakah letaknya panduan mereka itu, adakah mengikut petikan daripada kitab Al-Quran yang maha suci yang kita pandu sejak mula wujudnya Islam sehingga hari ini?

Tuan Yang Dipertua, Hadis Nabi mengatakan: tidak bau syurga sekiranya ada umat-umatku yang membuat angkara sehingga memutuskan kasih sayang di antara satu dengan lain. Ini adalah sabda Rasulullah S.A.W.

Kita telah melihat pertumpahan darah, bukan sahaja berlaku di negara-negara luar, tetapi dalam negara kita ini. Sejak kebelakangan ini yang berpunca daripada salah tafsir, salah ajaran, penyelewengan di dalam kegiatan apa yang dikatakan mengembangkan syiar Islam.

Baru-baru ini di Nigeria telah berlaku satu kejadian di mana seorang yang bernama Al-Haj Muhammad Omarwa—saya baca dalam akhbar—yang mengisytiharkan dirinya sebagai Nabi Muhammad yang sebenarnya, ataupun di negeri-negeri lain ada yang telah mengisytiharkan diri mereka sebagai Imam Mahdi dan sebagainya. Perkara ini akan berlanjutan dan berlarutan dan tidak akan ada penamatnya. Adalah mustahil perkara ini tidak akan berlaku di Malaysia. Sanggupkah kita menghadapi pertumpahan darah sebagaimana yang berlaku di Nigeria ataupun di Batu Pahat ataupun yang berlaku di Kerling tidak berapa lama dahulu? Ini adalah disebabkan kegiatan-kegiatan mungkar ini.

Tuan Yang Dipertua, oleh itu saya mengesyorkan di Dewan yang mulia ini, terletaknya hal ehwal agama Islam adalah kepada Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan di tiap-tiap buah negeri di tangan Baginda maka dalam Persidangan Menteri-menteri Besar sering diadakan supaya dibuat satu syor dan dikemukakan kepada Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan-sultan agar pihak parti yang bertentangan dengan agama diambil tindakan demi kepentingan umat Islam dan juga rakyat dalam negara ini. Di samping itu Majlis Hal Ehwal Agama Islam tiap-tiap negeri, ulama-ulama' para cendekiawan, cerdik pandai Islam agar menjalankan bagi membenteras masalah yang berlaku sekarang sama

ada dari segi seruan, syarahan, ceramah, didikan dan sebagainya dapat dijalankan. Jangan berpeluk tubuh dan jangan pula hanya mengeluarkan fatwa-fatwa sahaja tanpa mengambil tindakan yang tegas dan sewajarnya. Begitu juga pemimpin ulama-ulama' agama yang lain di dalam negara kita ini supaya tampil ke hadapan memberi pendapat dan pandangan mengikut penganut dan ajaran serta kepercayaan mereka masing-masing.

Saya rasa semua agama menyuruh kita berbaik-baik bukan sesama manusia tetapi sesama makhluk Allah dalam dunia ini. Apatah lagi kita sesama manusia saya syorkan semoga para ulama-ulama' Islam penganjur-penganjur agama lain dapat mengadakan satu perbincangan yang menyeluruh tentang masalah agama masing-masing bagi kepentingan keharmonian kita di dalam negara Malaysia yang berbilang kaum dan agama ini.

Tuan Yang Dipertua, akhir sekali, saya tidak terdapat di mana-mana peruntukan pun di dalam pindaan ini yang menunjukkan bahawa Akta ini cuba menyekat kebebasan mana-mana agama atau berniat untuk menghimpit kegiatan sesuatu agama. Walau bagaimanapun, kita hendaklah sentiasa ingat bahawa sesuatu kebebasan itu ada had dan batasnya. Had ini bukanlah bermakna menyekat kegiatan sesuatu agama itu, tetapi untuk menjaga hak-hak mereka yang tidak tergolong di dalam sesuatu kumpulan agama berkenaan. Dalam lain perkataan sesiapa pun tidak boleh memaksa seseorang lain dalam perkara agama. Ini adalah satu aspek nilai kebebasan beragama di dalam negara kita ini. Oleh itu Tuan Yang Dipertua, saya memohon menyokong supaya Akta untuk meminda Kanun Keseksaan (N.M.B. Bab 45) dan Kanun Prosedur Jenayah (N.M.B. Bab 6) ini diluluskan.

6.01 ptg.

Tuan Haji Shahrom bin Maasom: Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengambil peluang bersama-sama di dalam membahaskan Akta untuk meminda Kanun Keseksaan yang sekarang ini sedang dibahaskan.

Saya tidak berhajat hendak menyentuh lebih jauh, tetapi saya merenung mengapa Akta pindaan ini perlu dibuat di dalam hendak membangunkan satu bangsa beragama di dalam negara kita ini supaya tidak akan timbul lebih banyak orang yang tidak beragama dalam negara kita ini, kerana setiap agama mengajak pengikut, penganut dan umatnya berbaik sangka, setiap agama mengajak pengikut dan penganutnya supaya hidup berharmoni sesama manusia. Dengan itu Tuan Yang Dipertua, saya minta izin untuk membetulkan sedikit maksud ayat Quran yang disampaikan oleh Yang Berhormat saudara saya tadi, ini menjadi kewajipan kepada saya.

Maksud ayat Quran yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi ialah bahawa Allah menjadikan manusia daripada lelaki dan perempuan berpuak-puak, bersuku-suku berbangsa-bangsa untuk berkenal-kenalan. Ini kewajipan saya membetulkan. Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

Pindaan Akta ini dibuat dan yang menyebabkan berlakunya di dalam masyarakat negara kita ini kelompok-kelompok manusia yang menggunakan atas nama agama, atas alasan-alasan agama menjadikan manusia membuat permusuhan antara satu kelompok dengan satu kelompok, satu kumpulan dengan satu kumpulan, benci-membenci di antara satu golongan dengan satu golongan, pada pendapat saya ialah kerana dua sebab.

Yang pertama kerana kebodohannya mengikut pegangan agamanya, yang keduanya kerana taasub kepada agama dan pegangannya. Sebagai seorang Islam saya ingin mengambil bahagian bercakap dari kalangan umat Islam dahulu. Mengapa timbul dalam kalangan orang Islam dalam negara kita ini sehingga timbul sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi dua imam, dua masjid, nikah tak sah, kena nikah semula. Ini kerana dua sebab, kerana kebodohannya atau kerana taasubnya Islam masuk ke dalam negara kita ini ialah dibawa oleh pedagang-pedagang. Ini sebelum merdeka dan setelah merdeka kita tengok pengkajian agama Islam kalau dahulu sekolah-sekolah pondok, kalau dahulu kitab-kitab yang dikarang oleh Tuan Sheikh Daud Fatani, Tuan Sheikh Abdul Samad Al Falimbani, Tuan Sheikh Hassan Hafiz dari Kalimantan menjadi kitab bacaan kepada sekolah-sekolah pondok, madrasah-madrasah, tetapi hari ini kitab-kitab itu sudah tidak dapat dibaca lagi oleh jenerasi muda kerana kitab-kitab itu menggunakan terjemahan bahasa Arab yang dipetik terus, misalannya di dalam kitab fiqh, sunat berbuka memakan tamar, sehingga hari ini kalau kitab-kitab itu dibacakan kepada anak-anak muda kita dia akan memberi satu hujah bagaimana dengan pisang, bagaimana dengan rambutan, begitu juga benda yang manis, yang dimasak oleh cahaya matahari. Apa lagi dari segi akidah yang dalam, apa lagi dari segi hukum-hukum yang sehingga melibatkan keharmonian hidup di dalam masyarakat. Ini ialah kerana kejahilan atau kerana ketaasuban; taasub kepada seseorang pemimpin, taasub kepada seseorang tokoh yang dianggap bersih, yang dianggap Tok Wali sepertimana yang berlaku di satu kampung di Batu Pahat di Kampung Tambak Peserai ada satu orang tua yang bernama Wak Khambali, dia mengaku dirinya raja kepada sekalian rasul dan malaikat. Dia membuat Baitullah di dalam rumahnya yang menjadi pengikutnya, yang saya hairan bukanlah orang kebanyakan, orang kampung, malahan ada guru agama yang menjadi pengikut kepada Pak Kiai ini kepada Tok Guru ini. Jadi ini adalah kerana kebodohannya atau kerana ketaasubannya.

Saya memandang ini kerana ta'asub kepada tok guru tadi, apa lagi kepada Tok-tok Guru yang memang dari segi zahirnya dipandang berwatak sebagai seorang alim, berwatak sebagai seorang yang zuhud, berwatak sebagai seorang yang tawakal yang sabarnya kepada penghidupan ini, mencerminkan kebagusan dan kejernihan. Maka ini membuatkan kepada pengikut-pengikutnya bertambah taasub dan sanggup berbuat apa sahaja demi kalimah Tok Guru, kalimah Pak Kiai, kalimah Tok Sheikh, ini kerana taasub tadi. Jadi bagaimanakah cara kita hendak menyelamatkan masyarakat umat Islam dari perasaan taasub ini? Adakah dengan pindaan undang-undang ini, kalau dahulu pindaan undang-undang tidak dibuat tetapi Abu Bakar Bapoo dari Mengkibol Estate hanya didenda 300 sen iaitu $30 hari ini, adakah dengan adanya pindaan ini boleh menyelamatkan ketaasuban masyarakat Islam dalam negara kita ini? Sebab itu kita sudah bentangkan, kita sudah luluskan Universiti Islam ini nanti akan melahirkan ulamak-ulamak dalam Islam yang akan menyelamatkan masyarakat dan negara kita dalam semua bidang supaya umat Islam akan sedar, umat Islam akan tahu; orang yang bukan Islam akan sedar, orang yang bukan Islam akan tahu bahawa Islam itu agama penyelamat. Syariat Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. ini untuk menyelamatkan semua manusia. Sebelum manusia selamat, dalam Al-Quran Allah ta'ala berfirman dengan kalimah, "Ya ayuhan nas"—hai semua

manusia. Setelah ada manusia yang membantah, maka timbul kalimah, "Ya ayuhallazi na amanu". Jadi di situ sahaja ada dua kelompok iaitu antara manusia yang banyak dengan manusia yang beriman.

Sekarang Tuan Yang Dipertua, izinkan saya bercakap mengenai dengan manusia yang ramai, manusia yang terkeluar daripada golongan yang beriman dengan konsep Islam termasuklah Hinduism, termasuklah pengikut agama-agama lain. Agama-agama ini diturunkan untuk menyelamatkan manusia, tetapi di dalam pengikut-pengikut agama ini juga ada yang taasub. Mereka taasub sehingga sanggup berbuat sesuatu yang boleh mengeruhkan keharmonian kaum.

Saya contohkan, di dalam satu projek perumahan yang mengandungi 200-300 buah rumah, kerana kita hendak hidup harmoni, tidak mahu bergaduh sesama kaum, tidak mahu Peristiwa 13 Mei berlaku lagi, bubuhlah di situ 60 rumah Melayu, 60 rumah India, 60 rumah China. Di dalam Melayu tadi ada yang taasub, ada yang toleran; di dalam kalangan orang India tadi ada yang Hindu, ada yang Kristian; di dalam kalangan orang China ada yang Buddhist, ada yang Confucious dan ada yang free thinker. Di dalam kalangan ini sendiri berbalah sesama sendiri. Apa orang Islam tiap-tiap 3 jam satu kali hola-hola-hola? Azan dikatakannya hola-hola-hola dan apabila sampai masa perarakan sampai pukul 1.00 malam berarak memukul gendang, sampai pukul 1.00 pagi, yang kita ini toleransi, kita tidur, kita dengarlah kadang-kadang gendang itu pun boleh lena juga macam lagu ghazal juga sebab gendang ghazal tabla itu pun adik-beradik, tablanya itu juga. Kemudian apabila sampai masanya ada perarakan yang lebih bising lagi bunyinya, pun kita toleran juga. Tetapi bagaimana dengan golongan yang taasub tadi? Mereka akan mencari jalan supaya menggalakan mereka yang mahu menyembah Tuhannya. Kita mahu biarlah rakyat Malaysia ini menyembah tuhan, kita menyembah Allah yang Islam, dia menyembah tuhannya tetapi di dalam menyembah Allah dan menyembah tuhan-tuhan mereka itu tidak akan timbul taasub.

Saya minta izin, Tuan Yang Dipertua, saya mendapat tahu bahawa di seluruh Semenanjung ini sahaja, minta izin, Tuan Yang Dipertua. . . . .

Timbalan Yang Dipertua: Tak boleh, terus sahaja bercakap.

Tuan Haji Shahrom bin Maasom: Kuil ini 3 jenis, Tuan Yang Dipertua.

(1) Kuil berdaftar;

(2) Kuil yang haram;

(3) Kuil yang dibuat ikut suka-suka hati.

Kuil yang berdaftar ini didaftarkan di dalam satu perkumpulan kuil-kuil yang mempunyai satu Lembaga. Kemudian kuil-kuil yang haram ini mengikut kata Ahli Yang Berhormat tadi—kuil tanpa izin, minta maaf, ini mengikut ilham yang diterima apabila dia bersemadi, dia kata dia diperintahkan buat satu kuil di pokok-pokok, di mana-mana, maka berceracaplah. Jadi jumlahnya ada ribuan di dalam Semenanjung ini sahaja. Kalau daripada Kuala Selangor hendak pergi ke Batang Berjuntai, tak jauh, lebih kurang 16 batu, kita akan nampak putih-putih-putih.

Kemudian sekarang ini yang saya nampak di projek Hospital Besar Kelang, jalan pergi ke Kuala Langat, di sana akan dibina satu hospital besar yang akan mempunyai bangunan 9-10 tingkat tetapi di sebelah itu sudah ada kuil yang tidak berdaftar daripada 1-2-3-4, daripada tiang benderanya mula-mula sebesar lengan, sekarang sudah naik sebesar peha setinggi batang pinang. Jadi ini bagi orang yang macam

saya dia tolerance, tak apalah—buat, tetapi bagaimana dengan golongan yang taasub. Jadi adakan golongan yang taasub ini kalau satu masa berlaku sepertimana yang berlaku di Kerling, adakah dengan Akta pindaan ini cukup, memadai untuk menahan mereka yang taasub, kita tak dapat hendak tahu sebab taasub ini bukan ada gambarnya di muka, taasub ini dari hati. Dari hati itu menimbulkan perasaan jihad kerana demi kesucian, demi kebagusan maka taasub itu memerintahkan dia membuat sesuatu sebab taasub ini tak boleh hendak diblacklistkan siapa yang taasub. Kalau orang-orang yang taasub ini, baik dalam Islam, dalam Hindu, dalam Kristian boleh disenaraikan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri senanglah hendak cekup sebab orang yang taasub ini tak boleh hendak disenarai, dia datangnya daripada hati dan dia akan timbul sewaktu-waktu apabila dia mempunyai perasaan yang begitu membara untuk mengikut perintah yang mengarahkan dia berbuat sesuatu, maka ini akan berlaku satu ledakan revolusi beragama dan akan berulanglah lagi perkara-perkara yang tidak kita ingini.

Dengan adanya Akta pindaan ini, Tuan Yang Dipertua, saya nampak ialah untuk menekankan adanya perpecahan dalam kalangan umat Islam, ini yang saya nampak kerana di dalam kalangan masyarakat Islam kita sendiri hari ini golongan yang taasub ini sanggup melakukan apa sahaja, sanggup mengeluarkan kalimah dan perkataan apa sahaja, dia tidak kira perkataan itu menyinggung emaknya, menyinggung bapanya, menyinggung datuknya, menyinggung jirannya sehingga tak bercakap 3 hari,kalau dalam hukum itu sudah salah tetapi kerana taasub itu tadi. Jadi bagaimana kita hendak memerangi ketaasuban yang ada di dalam Islam ini dahulu. Kepada agama-agama lain kita serahkan kepada cerdik pandai, kepada pemimpin-pemimpin agama mereka. Untuk memerangi ketaasuban yang ada di dalam Islam ini maka Bahagian Agama di Jabatan Perdana Menteri selain daripada mengeluarkan risalah-risalah kecil Al-Yakin, saya tengok kitab Mustika Hadis yang dibuat oleh Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri hanya Jilid I yang keluar, saya hendak cari Jilid yang ke II ini tak timbul-timbul lagi. Jadi kalau daripada Mustika Hadis itu dapat disebarkan lebih luas lagi ke merata ceruk kampung kita, di masjid-masjid, di madrasah-madrasah, daripada Hadis-hadis Rasulullah itu umat Islam boleh membaca bagaimana Rasulullah memimpin, Rasulullah membentuk masyarakat mengikut sepertimana minta izin, ini Al-Quran:

> "Hu wal lazi ba'aza fil umihi narasul lam min hum ya' tulu alaihim ayatihi ya'yu zakihim wal yualimuhumul kitaba wal hiqmah wa ingkanu min kalbu la fidhala lim mubin".

Itu sudah cukup, kalau itu boleh dilaksanakan bagaimana Rasulullah itu dibangkitkan untuk memimpin umat ini membersihkan diri umat itu, digambarkan kepada umat itu bagaimana tanda-tanda kebesaran Allah, kemudian menjadikan umat itu mempelajari isi Kitab dengan hikmah, hukum-hikam, tata pidana, pemerintah tata susila, Rukun Negara yang 5 pun ada di situ kalau kita kaji falsafahnya dalam-dalam:

> "wa ingkanu min kalbu la fadhala lim mubin".
>
> (sebelum itu kamu semua dalam kesesatan yang amat nyata).

Jadi kalau ini dapat kita bongkar, kalau ini dapat kita sampaikan kepada masyarakat kita yang taasub, maka saya percaya keharmonian di dalam masyarakat, perang, gaduh adik beradik kerana isu agama yang dijadikan alat, agama dijadikan alat memuaskan nafsu, agama dijadikan sebagai topeng, agama itu tidak

diambil sebagai pegangan hidup untuk menyelamatkan manusia sehingga kita perlu membuat Akta pindaan ini. Jadi kalau kita sudah tak ada jalan lain, maka dengan adanya pindaan Akta ini memanglah buat jalan pendek, cara pendek, jangka pendeknya memang boleh menjadikan satu gambaran dan satu pengajaran kepada mereka yang menggunakan sesuatu dengan alasan-alasan agama. Jadi bagaimana dengan jangka panjangnya, bagaimana dengan jangka 10-15 tahun, tahun 2,000 akan datang. Adakah dengan Undang-undang ini akan kita pinda pula lagi besok, tidak lagi dengan alasan-alasan agama sahaja, adalah dengan alasan-alasan yang lain?

Tuan Yang Dipertua, saya memerhatikan bahawa pengajaran dan pengajian mengenal agama dengan falsafahnya, mengenal agama yang sebenar-benarnya dengan hakikatnya tidak cukup sepertimana yang ada sekarang ini yang telah kita berikan. Misalannya di dalam sekolah-sekolah, kerana Sekolah-sekolah Menengah Agama Asrama Penuh sekarang ini menitikberatkan kepada kelulusan SRP, SPM, STP., jadi pelajaran agama untuk menjadikan manusia beragama, bukan pelajaran agama untuk menjadikan seseorang itu lulus di dalam pelajaran agama, itu lain definisinya. Pelajaran agama untuk menjadikan manusia beragama dengan pelajaran agama untuk menjadikan seseorang lulus dalam pelajaran agama—lain. Tahun 1953 dalam certificate saya Darjah 2 lulus bahasa Arab, hanya setakat lulus bahasa Arab, tetapi saya tidak mengetahui selok-belok sastera bahasa Arab dan sekarang ini kita takut nanti apabila Universiti Islam dibuka, pelajar-pelajar yang betul-betul memahami bahasa Arab untuk menerima pelajaran kedoktoran dalam bahasa Arab, Kejuruteraan dalam bahasa Arab, Akauntan dalam bahasa Arab, Kajibumi dalam bahasa Arab, kita tidak boleh menghantar sebab pelajaran agama yang kita sampaikan untuk lulus, dia dapat A dalam SRP, dapat A dalam bahasa Arab tetapi bagaimana hendak menyampaikan pelajaran agama untuk rakyat Islam berugama. Ini yang perlu kita renungkan, Tuan Yang Dipertua.

Tuan Yang Dipertua, dengan ini saya mohon izin menyokong Akta pindaan ini.

Timbalan Yang Dipertua: Ya, saya nampak juga sudah jauh perginya. Dato' Pasamanickam.

6.20 ptg.

Dato' G. Pasamanickam: Tuan Yang Dipertua, saya mengambil peluang untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih terutama sekali kepada Tuan Yang Dipertua kerana memberi masa kepada saya berucap sedikit dalam Rang Undang-undang ini.

Di Dewan yang mulia ini saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyokong penuh Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan dan Kanun Prosedur Jenayah.

Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin menyentuh beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian. Tadi kita telah dengar daripada sahabat-sahabat saya pandangan-pandangan yang sewajarnya tetapi saya mahu bercakap satu dua perkara sahaja di sini.

Seseorang tidak berhak mengkritik sesuatu agama tanpa mengetahui dengan sedalam-dalamnya agama sendiri tidak eloklah mereka menegah atau menghina agama lain. Kalau seorang doktor, nasihatnya tidak betul, macam mana dia boleh berikan ubat kepada yang lain. Kalau seseorang mahu hinakan atau dia mahu kritik atas lain-lain agama, memang dia sendiri mahu tahu sedalam-dalamnya mengenai agama dia sendiri. Saya dapat tahu Nabi-nabi atau sesiapa yang

pandai dalam agama mereka sendiri, kalau dia tidak membaca agama dia sendiri sampai 100 tahun pun dia tidak boleh tahu apa yang ada dalam agama dengan sedalam-dalamnya. Kalau begitu, macam mana dia boleh kritik atas agama-agama yang lain.

Saya puji Kerajaan kita yang ambil satu tindakan atau bawa satu Rang Undang-undang macam ini kerana hendak jaga agama masing-masing dalam tanahair kita ini. Perbuatan semacam ini sering dipandang rendah oleh orang-orang yang berkaliber dan matang. Sebagai seorang yang beragama Hindu yang percaya kepada satu Tuhan yang maha kuasa, saya menyokong 100% Rang Undang-undang yang membawa penalti hukuman penjara selama tempoh yang boleh sampai 3 tahun, atau denda, atau kedua-duanya tetapi saya tidak berapa puashati kerana ini banyak kurang. Kalau boleh, pada hemat saya, Tuan Yang Dipertua pun ada selalu campur dalam semua agama, saya dapat tahu lebih daripada saya, kalau saya tidak salah ada juga beri bantuan kepada agama-agama lain, itu pun saya dapat tahu. Saya hormatkan, tiap-tiap agama dalam dunia semua Tuan Yang Dipertua tahu, tidak payahlah saya hendak ucap panjang lebar di sini.

Timbalan Yang Dipertua: Ada jamuan makan selepas ini *(Ketawa)*.

Dato' G. Pasamanickam: Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Pada hemat saya hukuman ini tidak berapa berat. Pesalah-pesalah perlu diberi hukuman yang berat seperti dirotan, kalau boleh; melanjutkan tempoh penjara kalau boleh sampai 20 tahun dan denda-denda.

Tempat-tempat ibadat sesuatu agama adalah diibaratkan sebagai suatu tempat yang amat dihormati oleh penganut-penganut sesuatu agama. Pemeliharaan keadaan harmoni dan perpaduan di antara penganut-penganut sesuatu agama perlu dikawal serta dijamin oleh Kerajaan kita. Ini Kerajaan sudah mengambil satu tindakan yang sewajarnya membawa satu Rang Undang-undang pindaan seperti ini.

Bagi menjamin perkara tersebut haruslah Kerajaan mengenakan hukuman-hukuman yang agak berat macam saya katakan tadi. Dengan harapan yang sewajarnya saya minta Kerajaan untuk mengkaji semula Rang Undang-undang ini dan juga saya tidak payah berucap panjang lebar kerana ada banyak lagi Rang Undang-undang yang lain. Itulah ucapan saya dan sekali lagi saya menyokong penuh Rang Undang-undang pindaan ini.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

6.24 ptg.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas sokongan yang begitu bersungguh-sungguh yang telah diberi oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah berucap dan saya percaya yang tidak berucap pun sama kuat sokongannya kepada Rang Undang-undang ini.

Saya juga suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih di atas pandangan-pandangan yang begitu bernas, yang begitu membantu yang telah pun dilafazkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan sekali lagi saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang ini adalah menjamin atau cuba menjamin ketenteraman awam. Kebebasan beragama adalah satu perkara yang termaktub dalam Perlembagaan dan Kerajaan yang memerintah pada hari ini memang mendukung Perlembagaan dan memang menjadi tanggungjawab

Kerajaan melaksanakan kebebasan beragama sepertimana dikehendaki oleh Perlembagaan Persekutuan. Tetapi sekiranya berlaku penjejasan ketenteraman awam oleh sebab agama, maka Kerajaan juga wajib dan bertanggungjawab untuk mengelakkan perkara sedemikian dari berlaku.

Tuan Yang Dipertua, sesungguhnya dengan paling ringkasnya Rang Undang-undang ini bertujuan supaya sekiranya ketenteraman awam terjejas oleh sebab alasan agama, apa juga agama; maka Rang Undang-undang ini adalah relevant dan berkait, malah dengan cara sedemikian maka wujudlah keadaan yang harmonis dan apabila keadaan ketenteraman awam wujud maka kebebasan beragama pun dapat berjalan dengan baik. Seandainya keadaan tidak tenteram, apakah makna, apakah maksud kebebasan beragama. Tidak ada gunanya. Perlembagaan menyatakan kebebasan beragama sekiranya keadaan tidak stabil, sekiranya keadaan tidak harmonis, sekiranya ketenteraman awam tidak ada. Maka inilah dia tujuan dan hasrat pemindaan Rang Undang-undang ini iaitu bagi menerus dan mewujudkan ketenteraman awam sekiranya ia terjejas daripada sebab-sebab alasan agama.

Tuan Yang Dipertua, suka saya menyentuh sedikit atas kebimbangan yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator Vijandran iaitu berhubung dengan Seksyen-kecil (5) dalam Rang Undang-undang ini yang mana beliau telah menyatakan bahawa di dalam agama Hindu tidak ada religious authority. Sukalah saya memberi penjelasan di sini bahawa Seksyen-kecil (5) ini adalah anggapan iaitu 'rebuttable legal presumption', dengan izin, yang bermakna kalau di dalam agama Hindu tidak ada religious authority maka anggapan 'rebuttable legal presumption' itu tidak terlibat dengan agama Hindu. Bermakna Seksyen-kecil (5) itu tidak ada kena mengena dengan agama Hindu kerana sepertimana yang telah difahamkan bahawa agama Hindu tidak ada religious authority. Subseksyen (5) itu bukan suatu kesalahan tetapi satu presumption. Sekiranya sesuatu agama itu ada religious authority, barulah subseksyen (5) berkait dan berjalan sebagai satu anggapan atau 'rebuttable legal presumption'.

Tuan Yang Dipertua, suka juga saya menyentuh sedikit sahaja berhubung dengan pendakwah-pendakwah yang datang daripada luar negara yang telah disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Ismail Hashim. Sukalah saya menyatakan di sini bahawa orang-orang yang datang ke negara kita memang kita alu-alukan tetapi mereka datang atas visa melawat dan sekiranya mereka yang melawat ini hendak berdakwah, maka mereka perlulah terlebih dahulu mendapat kebenaran dan keizinan daripada badan-badan yang berwajib di peringkat negeri juga di peringkat Wilayah Persekutuan sebelum mereka boleh berdakwah. Dan sekiranya pelawat-pelawat ini berdakwah tanpa kebenaran daripada pihak-pihak yang berwajib bermakna mereka telah melanggar kebenaran visa yang mereka memasuki dan tindakan-tindakan yang sewajarnya boleh diambil terhadap mereka ini.

Tuan Yang Dipertua, saya tidaklah lagi ada apa-apa komen atas ucapan-ucapan Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator yang lain yang begitu bernas dan memberi sokongan yang begitu jitu kepada Rang Undang-undang ini, maka sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih atas sokongan dan pandangan-pandangan yang begitu berguna di dalam ucapan-ucapan yang telah dilafazkan sebagai sokongan yang kuat dan jitu kepada Rang Undang-undang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sekarang kemukakan masalah kepada Majlis

bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussain: Tuan Pengerusi, saya bercakap dalam Jawatankuasa khusus pada dua masalah. Pertama sekali wujudnya Qadiani dalam negeri ini. Qadiani ini ialah diakui tidak Islam. Akan tetapi mengakui Islam dan tidak itu ialah undang-undang dan dibawa ke mahkamah maka barulah Qadiani itu boleh dikatakan tidak Islam. Kalau sekiranya, sama-sama Islam ada puak Syafie, Hambali, Maliki diperkatakan puak Qadiani itu bukan Islam, adakah terlibat dengan undang-undang yang ada hari ini? Setahu saya di Sungai Tua hampir 2,000 penduduk di sana berfahaman Qadiani. Qadiani mengikutnya adalah Islam. Tetapi mengikut pendapat kita tidak Islam dan kita tidak boleh mengatakan dia sekarang ini apabila Bil ini lulus, dia bukan Islam. Tetapi yang sebenarnya, ia bukan Islam.

Adakah pihak yang berkuasa mesti memperakui perkara ini yang ia bukan Islam, menzahirkan satu kenyataan dan perisytiharan bahawa Qadiani ini bukan Islam. Kalau tidak aniaya, Tuan Yang Dipertua, kepada mereka yang bukan Islam memperkatakan sesuatu kepada satu puak yang dia bukan Islam dan tertunduklah dia kepada kehendak Rang Undang-undang ini apabila diluluskan.

Kedua, Tuan Pengerusi, kaum Syiah, Iran. Kita semua tahu bahawasanya ia lebih kiblat kepada Ali radhia'llahu'anhu. Apabila dia selepas membaca bang, minta izin, Tuan Pengerusi, sebahagian daripada bang itu. "Muhammada rasulullah, Ali yalalqalam, Al radhia'llah", dia sebut begitu. Kalau siapa yang pernah berjemaah dengan orang Iran, dia mesti sebutkan "Ali" itu. Pada kita Ali ialah sahabat Nabi, yang akhir Muhammad. Kita pada masa itu macam mana fikiran kita, adakah kita bersekutu dengannya ataupun kita mufarikkan sembahyang kita, bahawa dia bukan Islam, kita yang Islam. Kita tidak boleh kata dia bukan Islam sebab undang-undang ini mengatakan kita tidak boleh mengatakan seseorang itu bukan Islam jikalau tidak cukup syarat-syaratnya. Tetapi kenyataannya sudah ada.

Tuan Pengerusi, sebagaimana kita semua maklum, Iran berbalah dengan Imam yang empat selepas Nabi kita wafat, bukan kerana hukum tetapi kerana "ummamah", kepimpinan, sebab mengikut selepas daripada Nabi wafat, Iran mesti menegakkan bahawa Ali lah yang menjadi kalifah yang pertama. Orang Iran yang syiah ini tidak akan mengakui bahawa Abu Bakar itulah yang pertama dan sampai sekarang ini pun, itulah yang saya katakan tadi selepas daripada bang menyebut, "Asyhadu anlaa ilaaha illallah Muhammadar rasulullah" mesti sebutkan Ali kalamullah atau Ali radhia'allah, sebaliknya dan kita tidak ada lagi.

Selain daripada itu, sehingga sekarang pertandingan perebutan antara Iran dengan negeri Arab ini bukan pertandingan mengesahkan kufur tetapi mengesahkan "ummamah" selepas Nabi wafat. Hingga sekarang orang Iran tidak akan

mengakui bahawa pengikut Abu Bakar, pengikut Othman, pengikut Omar kecuali Ali. Menangislah mereka itu di kubur Madinah dan Mekah umpamanya dengan secara sungguh-sungguh kasih sayang mereka kepada Ali sedangkan Ali terbiar tercampak sedangkan Ali ialah menantu Rasulullah, Alilah yang berhak menjadi khalifah yang pertama pada masa itu. Adakah orang ini yang kita mahu katakan dia Islam atau tidak Islam. Kalau kita katakan dia bukan Islam, kita akan sendiri menarik diri kita ke dalam jel dan Kerajaan boleh bertindak seperti itu. Saya minta bertanya Yang Berhormat Menteri yang bijaksana macammana kedudukan saya supaya saya terang dan menerangkan kepada yang lain.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Pengerusi, saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas soalan itu. Sukalah saya merujuk Yang Berhormat Senator kepada Subseksyen 6 (*a*), dengan izin, saya bacakan 6 (*a*):

> "The foregoing provisions of this section shall not apply to (*a*) anything done by any religious authority established, constituted or appointed by or under any written law and conferred by written law with power to give or issue any ruling or decision on any matter pertaining to the religion in respect of which the authority is established, constituted or appointed;"

Itu sebagai contoh macam di negeri-negeri ada Majlis Fatwanya yang diwujudkan di bawah administration Muslim Law Enactment di negeri-negeri.

(*b*) pula menyatakan"

"The foregoing provisions of this section shall not apply to:

> (*b*) anything done by any person which is in pursuance of, or which accords with, any ruling or decision given or issued by such religious authority, whether or not such ruling or decision is in writing, and if in writing, whether or not it is published in the *Gazette*".

Sekiranya Majlis-majlis Fatwa dan Badan-badan Kementerian mengeluarkan fatwa-fatwanya dan pandangan-pandangannya maka kalau seseorang itu mengikut fatwa itu, mengikut arahan itu dan merujuk kepadanya bahawa itu tidak merupakan suatu kesalahan.

Sebagai contoh, katalah bahawa Majlis Fatwa telah mengatakan bahawa Qadiani ini bertentangan dengan Islam, tidak boleh kita mengikut ajaran Qadiani ini, kalau kita ikut Murtad. Katalah itu merupakan suatu fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa, jadi kalau saya merujuk kepada Majlis Fatwa itu mengatakan siapa yang masuk Qadiani adalah murtad, orang Qadiani adalah orang yang tidak mengikut ajaran Islam, saya tidak bersalah di bawah undang-undang itu oleh sebab pengecualian yang diberi oleh Seksyen kecil 6 (*a*) dan (*b*) tadi. Itulah sebagai jawapan dan penjelasan. Begitu jugalah berhubung dengan soal syiah dan Ali tadi begitulah juga kaedahnya boleh dijawab melalui pengecualian yang diberi di bawah Seksyen kecil 6 (*a*) dan (*b*) tersebut.

6.40 ptg.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Pengerusi, kalau sudah begini jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya sukalah mengisytiharkan kepada Dewan ini supaya Kerajaan siang-siang tidak payah dimintalah orang ramai sebab ada berkaitan dengan undang-undangnya, pihak Fatwalah yang mesti mengeluarkan seberapa boleh supaya selaras dengan undang-undang ini apabila dijalankan kelak.

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN-KESALAHAN KECIL (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.43 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Kesalahan-kesalahan Kecil 1955 dibaca bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang itu bertujuan meminda Ordinan Kesalahan-kesalahan Kecil 1955 yang bermaksud menambah penalti-penalti dalam subseksyen (1), (3) dan (5) Seksyen 29. Seksyen 29 ini adalah berkaitan dengan kesalahan-kesalahan memiliki barang-barang yang disyaki telah dicuri ataupun diperolehi secara curang.

Subseksyen (1) adalah berkaitan dengan kesalahan terhadap orang yang gagal memberi penjelasan dengan memuaskan akan barang-barang yang dijumpai memilik atau orang yang memindah hak barang-barang tersebut yang mana barang-barang itu disyaki dicuri atau didapati secara curang.

Subseksyen (2) adalah berhubung dengan orang yang dituduh memberitahu Mahkamah bahawa ia telah mendapat barang-barang tersebut daripada orang lain atau telah memiliki barang-barang itu hanya sebagai seorang pembawa, ejen atau pekerja, Majistrate boleh mengarah orang yang memiliki barang-barang itu dibawa ke hadapan beliau untuk disoal. Selepas disoal, jika Majestrate mendapati pemilik sesuatu barang itu sebenarnya memiliki barang curi atau dipercayai diperolehi dengan cara curang, maka Majistrate boleh mengenakan hukuman yang ditetapkan di bawah subseksyen (3).

Penalti-penalti yang ada sekarang ialah denda $100.00 atau dihukum penjara 3 bulan, jika disabitkan kesalahan di bawah subseksyen (1) dan (3).

Subseksyen (5) pula adalah berkaitan dengan penalti-penalti bagi orang-orang yang melakukan kesalahan yang serupa lebih daripada sekali. Bagi kesalahan di bawah subseksyen (5) pula, penaltinya ialah denda $1,000.00 atau penjara 2 tahun.

Kerajaan telah memikir penalti-penalti bagi kesalhan di bawah seksyen tersebut seperti yang ada sekarang ini adalah terlalu rendah, dan tidak memberi sebarang kesan kepada penjenayah-penjenayah dan bakal-bakal penjenayah yang boleh didakwa di bawah seksyen tersebut, bahkan penalti-penaltinya tidak lagi mencerminkan nilai barang yang dicuri itu pada masa sekarang kerana undang-undang tersebut telah dibuat dalam tahun 1955 dahulu.

Tuan Yang Dipertua, di bawah Kanun Keseksaan memang ada peruntukan bagi menghukum orang-orang yang melakukan perbuatan mencuri. Hukuman-hukuman yang ditetapkan di bawah Kanun itu adalah di antara 3 tahun dan 14 tahun penjara bergantung kepada kesalahan yang dilakukan. Bagi kesalahan mencuri biasa hukumannya ialah 3 tahun dan hukuman bagi pecah rumah di waktu malam adalah 14 tahun penjara. Dengan itu adalah diperhatikan bahawa perbezaan di antara hukuman yang ditetapkan bagi kesalahan-kesalahan di bawah Seksyen 29 adalah terlalu jauh dengan hukuman-hukuman di bawah Kanun Keseksaan yang mana pada hakikatnya adalah

sama. Kerajaan berpuashati dengan hukuman-hukuman di bawah Kanun Keseksaan itu dan ianya difikirkan memadai.

Seseorang yang dijumpai memiliki barang-barang yang disyaki sebagai barang curi tidak boleh didakwa dalam semua keadaan di bawah Kanun Keseksaan. Jika seseorang itu hendak dituduh dengan kesalahan mencuri atau memiliki barang curi di bawah Kanun Keseksaan, barang itu perlu dikenali dengan pasti oleh tuanpunya atau pemilik barang tersebut tetapi terdapat banyak kes di mana barang-barang yang disyaki telah dicuri itu tidak dapat dikenali dengan pasti, sungguhpun ia dijumpai di dalam milik seseorang, secara yang meragukan, dan orang tersebut tidak dapat memberi penjelasan yang memuaskan bagaimana barang-barang tersebut boleh dimiliki olehnya atau apabila tuanpunya tidak dapat mengenali barang-barangnya. Sebagai contoh, apabila kecurian itu melibatkan barang-barang emas seperti gelang emas, rantai emas dan sebagainya apabila pencurinya melebur barang-barang itu tuanpunya barang-barang tersebut tidak dapat mengenalinya. Dalam keadaan yang wujud seperti ini Seksyen 29 Ordinan Kesalahan-kesalahan Kecil 1955 dapat digunakan.

Semenjak tahun 1979 kehari ini, semua jenis kes curi masih berada di paras yang tinggi. Setakat ini pengaduan di bawah Seksyen 29 Ordinan Kesalahan-kesalahan Kecil 1955, tidak memberi kesan yang dikehendaki maka salah satu cara untuk mengurangkan jenayah ini ialah dengan menambah penalti-penaltinya. Dengan yang demikian adalah dicadangkan bahawa hukuman yang ditetapkan di bawah Seksyen 29 (1) dan 29 (3) dinaikkan, iaitu dari denda $100.00 atau penjara 3 bulan kepada denda $1,000.00 atau penjara 1 tahun atau kedua-duanya sekali. Dan bagi hukuman di bawah sub-seksyen (5) ialah dinaikkan daripada denda $1,000.00 atau penjara 2 tahun kepada denda $5,000.00 atau penjara 3 tahun atau kedua-duanya sekali. Menambah serta meninggikan penalti-penalti di bawah Seksyen 29 seperti yang tercatat di dalam Kertas Rang Undang-undang ini adalah difikir akan memberi kesan dan dijangka kejadian-kejadian jenayah yang boleh didakwa dan didenda di bawah seksyen ini akan berkurangan.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemudahan Wilayah (Dato' Rais Yatim): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Kesalahan-kesalahan Kecil 1955 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Abdul Razak bin Abu Samah.

6.05 ptg.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang Dipertua, saya bangun bagi menyokong Suatu Akta untuk meminda Ordinan Kesalahan-kesalahan Kecil 1955 yang mana dalam huraian Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Ordinan Kesalahan-kesalahan Kecil 1955 yang bermaksud menambah penalti-penalti di dalam subseksyen (1), (3) dan (5) seksyen 29. Seksyen ini adalah berkaitan dengan pemilik barang-barang yang disyaki dicuri.

Tuan Yang Dipertua, dalam masalah ini kita mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana saya rasa dengan adanya keadaan meminda Akta Kesalahan-kesalahan Kecil ini sebagai mencuri sebagaimana yang diterangkan tadi. Kita tahu buat masa

kebelakangan ini, masalah kecurian-kecurian, rompakan dan sebagainya berlaku setiap hari dan masa khasnya di pekan-pekan besar. Dalam masalah itu tidak sahaja beribu-ribu ringgit ataupun harta benda wang yang telah dapat dicuri, kadang-kadang barang-barang seperti radio, TV dan sebagainya termasuk emas, barang-barang pakaian wanita. Mereka ini ada sendiket. Sendiket ini bila dia dapat curi, dia akan jual. Ada orang pula iaitu orang nombor dua akan menanggung dan mereka ini akan mencari pula orang-orang untuk membeli barang-barang curi ini tadi.

Barang-barang curi ini dijual dengan harga yang begitu murah iaitu kadangkala radio bimbit itu harganya $5.00, $10.00 pun ada. Ini apa yang saya dapat tahu yang dapat dijual, orang-orang ini menanti sahaja. Dengan keadaan ini jenayah yang serupa ini menjadi-jadi setiap hari dan masa tidak boleh terpica sahaja kata orang benda itu akan hilang dan dengan keadaan itu juga ada orang membelinya. Dengan adanya undang-undang yang dikatakan ini yang mana menggantikan perkataan 'one thousand and one year' dari perkataan dahulunya didenda $100 dan digantikan dengan tiga bulan penjara dan sekarang telah dinaikkan satu tahun dengan denda yang lebih, saya rasa ini pun tidak mencukupi, kalau boleh dilebihkan lagi. Masalah denda seribu ringgit ini tidak mencukupi saya rasa dan begitu juga setahun. Saya mencadangkan supaya denda ini dikenakan sekurang-kurangnya $5,000 tiga tahun penjara. Kerana kesalahan-kesalahan yang kecil-kecil inilah yang menjadikan pencuri, penyamun belajar. Bila dengan keadaan ini dia sudah sedap—dengan keadaan mencuri yang kecil-kecil ini mereka merompak, menyamun dan sebagainya sebagaimana berlaku pada hari ini.

Saya tidaklah hendak berucap panjang dalam soal ini hanya itulah cadangan saya dan saya menyokong di atas Akta meminda Ordinan Kesalahan-kesalahan Kecil 1955. Sekian, terima kasih.

6.53 ptg.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya juga bangun untuk bercakap sedikit berkenaan dengan Akta ini iaitu suatu Akta untuk meminda Ordinan Kesalahan-kesalahan Kecil tahun 1955.

Saya nampak banyak Akta-akta yang dibawa di dalam Dewan yang mulia ini untuk meminda Akta-akta lama kerana Akta-akta yang sedia itu sudah tidak sesuai lagi atau berhajat kepada pindaan, satu daripadanya ialah Akta Kesalahan-kesalahan Kecil yang dibuat dalam tahun 1955. Jadi, baharu 28 tahun Akta ini berjalan maka sudah didapati tidak ada persesuaian lagi untuk dijalankan pada masa sekarang berkenaan dengan denda-denda ini. Di dalam keseksaan mencuri—hukum mencuri maka memang tidak ada denda, yang adanya ialah hukum penjara tetapi di dalam perkara kesalahan-kesalahan, curiga-mencurigai barang-barang yang dicuri maka hukumannya ada denda dan penjara. Maka saya fikir pada masa yang akan datang dengan perjalanan masa yang begini cepat, saya percaya pihak Kerajaan akan mengadakan pula beberapa pindaan lagi. Jadi, pada pendapat saya kalau dibuat pindaan-pindaan yang seumpama ini banyak lagi pindaan-pindaan yang akan datang yang akan dibuat iaitu dengan diangkatkan denda-denda itu daripada $1,000 kepada $2,000, $3,000 sampai sekarang ini kepada $5,000. Denda yang $100 itu dinaikkan $1,000 yang $1,000 itu naik $5,000, penjaranya daripada dua tahun kepada tiga tahun pada hal baharu kita luluskan baharu-baharu di dalam Dewan ini berkenaan dengan Undang-undang Elektrik.

Kesalahan meminda wire letrik sahaja boleh didenda sampai $15,000 dan lima tahun penjara.

Saya fikir kalau sekiranya kesalahan seumpama itu boleh pergi sampai $15,000 apalah salahnya kalau kita buat Undang-undang Kesalahan-kesalahan Kecil ini pergi $15,000 maksimanya, itu terpulang kepada majistret atau kepada hakim yang membicarakan itu takkanlah dia hendak meletak $15,000 dan dia berdasar kepada pertimbangan. Kalau kesalahannya itu tidak sampai daripada itu tetapi maksimanya kita angkat tinggi, beri kuasa kepadanya sampai $15,000 misalnya, tidak berhajatlah kita buat pindaan banyak-banyak, sekali ini kita angkat $5,000, kemudian kita dapati banyak perkara-perkara kejadian macam ini, akhirnya kita minta pula Dewan ini meluluskan supaya $5,000 diangat pula menjadi $10,000. Dalam masa 10 tahun lagi kita minta lagi kuasa ini diangkat sampai $15,000. Jadi ini berpanjangan perkara-perkara seperti ini pada hal kita tahu itu akan berlaku. Dengan sebab itu pada pendapat saya, Undang-undang ini molek tetapi maksima yang dicadangkan itu sangat sedikit. Maka saya harap pihak Kementerian tilik balik dan meneliti balik serta menghalusi supaya maksima itu diangkatkan lagi. Bukan saya kata minimanya, minima itu baguslah—moleklah, itu terpulang kepada majistret dan hakim-hakim kerana hakim-hakim ini adalah orang-orang yang bijaksana, dia tidak akan terpengaruh dengan Pendakwaraya dan sebagainya, Dia terpengaruh dengan keadaan yang ada di hadapannya. Kalau barang itu patut dihukumkan setahun takkan dia akan hukum dua tahun walaupun diberi kuasa kepadanya dia boleh hukum 15 tahun, tetapi kalau maksimanya ditutup lima tahun walaupun pada pendapatnya pesalah ini patut dihukum 15 tahun, dia tidak boleh hukum selain daripada lima tahun.

Sekianlah sahaja dan saya menyokong penuh.

6.58 ptg.

Tuan Abdul Wahab bin Abu Bakar: Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kebenaran yang diberikan untuk saya berucap sedikit mengenai cadangan pindaan kepada Kanun Keseksaan Kesalahan-kesalahan Kecil ini. Kita perhatikan Undang-undang man-made ini, akan beginilah jadinya tahun demi tahun, masa demi masa.

Pada suatu masa kita mandatkan $1,000 itu besar dan mengerunkan orang. 10 tahun lagi $1,000 ini akan menjadi kecil sahaja, dengan itu tidak akan berkesudahan. Dan azam (the spirit) daripada undang-undang ini untuk mencegah kesalahan jenayah seperti mencuri umpamanya tidak akan dapat diatasi dan kita pula tertiru-tiru terlampau sangat dengan the Common Law yang kita bawa daripada Barat ini pada hal negara-negara Barat sendiri telah kembali meninjau akan kelemahan-kelemahan penciptaan undang-undang mereka ini. Kita mengatakan hukuman yang berat seperti potong tangan ataupun pancung itu zalim kerana kita telah ditanamkan dengan didikan secular orientasi dan sebagainya tetapi cubalah, Tuan Yang Dipertua, kita bandingkan dari hasrat pengajaran daripada undang-undang yang didatangkan oleh Tuhan itu adalah merupakan 'prevention is better than cure'.

Contohnya di dalam tahun 1978 pakar-pakar undang-undang Barat, seluruh dunia telah meninjau dengan jemputan Rabitah Islam ke negeri Saudi Arabia dan mereka mendapati orang yang dipotong tangan di dalam tempoh sepuluh tahun di Saudi Arabia amat kecil, tidak sampai seratus orang dibandingkan dengan sepuluh bulan jenayah yang membunuh manusia, dengan kejadian rogol dan lain-lain

pembunuhan di Amerika Syarikat meningkat ribu-ribu. Jadi, hasrat daripada undang-undang kita untuk mencegah tidak akan berhasil sekiranya kita masih tahun demi tahun mengikut arus fikiran kita sahaja untuk meminda kesalahan-kesalahan ini. Cuba kita bandingkan siapa zalim?

Ada satu kejadian seorang buruh di satu pelabuhan di negara kita ini pendapatannya pada ketika itu $180 sebulan. Demi untuk memudahkan dia berulangalik ke tempat kerja, dia menghimpun wang selama hampir enam tahun untuk membeli sebuah Honda Cub. Seminggu dia memiliki Honda Cub itu, tahu-tahu motosikalnya kena curi. Bila dia dengar motosikal kena curi di tempat kerja, dia pengsan. Kepada seorang jutawan kalau kecurian sekali itu pada dia tidak ada apa-apa dan kalau kita dapat tangkap orang mencuri ini, lagi dia duduk dalam 'paradise', dimasukkan dalam penjara, tidak boleh dicubit telinganya, beri dia makan, dua kali seminggu ayam, jadi bagaimana hasrat kita daripada undang-undang ini untuk mencegah dan mendidik manusia yang semakin hari semakin biadab.

Tuan Yang Dipertua, saya rasa walaupun saya menyokong dengan rasa amat tidak senang di atas konsep dan spirit kita mengadakan undang-undang ini kerana kita tidak akan dapat sampai kepada matlamat mengajar manusia itu supaya takut, benci kepada kejahatan dan kasih kepada perbuatan-perbuatan yang baik. Dengan undang-undang ini orang boleh senyum, di belakang daripada pihak berkuasa dia boleh melakukan sesuatu. Apa susah, seribu boleh bayar dan saya boleh enak duduk dalam penjara. Inilah yang harus kita kaji pada masa akan datang bagaimana untuk memperbaiki dengan lebih baik lagi akan undang-undang bagi mencegah kesalahan-kesalahan kecil ini. Namun demikian saya menyokong bil ini.

7.04 mlm.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Abdul Razak bin Abu Samah, Yang Berhormat Dato' Haji Mahmoud Salim juga Yang Berhormat Senator Abdul Wahab bin Abu Bakar di atas kesudian mereka mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai pindaan Ordinan Kesalahan-kesalahan Kecil, 1955 ini. Juga saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka di atas kesudiannya memberi sokongan terhadap pindaan Ordinan Kesalahan-kesalahan Kecil, 1955 ini. Apa-apa pandangan dan pendapat yang dikemukakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat itu akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian saya dan saya mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang mengambil bahagian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN PELADANG (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.07 mlm.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Chin Hon Ngian): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang (Pindaan) 1982 dibaca bagi kali yang kedua. Dalam membentangkan cadangan ini izinkan saya menerangkan secara ringkas maksud di sebalik Rang Undang-undang ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Pertubuhan Peladang adalah ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973. Akta Pertubuhan Peladang Tahun 1973 ini hanya membenarkan penubuhan Pertubuhan Peladang peringkat Kebangsaan dan kawasan sahaja. Tujuan Akta tersebut ialah supaya tenaga para petani dapat digembelingkan dalam satu badan tertentu sahaja bagi membolehkan mereka menjalankan kegiatan-kegiatan khususnya yang bercorak ekonomi bagi memenuhi keperluan pertanian dan juga untuk kepentingan mereka.

Walaupun Akta Pertubuhan Peladang telah wujud sejak tahun 1973, Kerajaan belum lagi memansuhkan Akta Persatuan Peladang 1967 yang mana sebanyak sembilan Persatuan Peladang Negeri dan sebuah Persatuan Peladang Kebangsaan masih berdaftar di bawah Akta itu. Ini adalah disebabkan:

(1) Akta Pertubuhan Peladang 1973 tidak ada peruntukan untuk menubuhkan Persatuan Peladang peringkat Negeri.

(2) Terdapat banyak kegiatan perniagaan dan pelaburan yang telah dan sedang dibuat oleh kedua-dua Persatuan Peladang di atas.

Ketiga, Kerajaan-kerajaan Negeri misalnya Kerajaan Negeri Johor, Pahang dan Terengganu telah menganugerahkan tanah yang luas untuk diusahakan oleh Persatuan-persatuan Peladang Negeri masing-masing.

Semua Persatuan-persatuan Peladang di peringkat kawasan yang didaftar di bawah Akta tersebut telah ditutup sejak tahun 1974 secara peringkat demi peringkat dan dijadikan asas bagi Pertubuhan Peladang kawasan yang kemudiannya didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan Peladang, 1973.

Tuan Yang Dipertua, pada masa ini Kerajaan berasa puas hati bahawa pengwujudan Pertubuhan Peladang peringkat Negeri dan peringkat kebangsaan adalah sangat sesuai dan perlu bagi menampung keperluan pergerakan Pertubuhan Peladang itu supaya berada di tiga peringkat iaitu peringkat kawasan, negeri dan kebangsaan. Dalam hubungan ini Kerajaan juga telah menentukan supaya aktiviti-aktiviti di ketiga-tiga peringkat pergerakan pertubuhan ini akan mempunyai tugas dan fungsi yang tidak bertimbal tindih, bersaingan malahan sebaliknya menyokong di antara satu dengan yang lain.

Di peringkat kawasan Pertubuhan-pertubuhan Peladang dibolehkan untuk bergiat dalam semua aktiviti perniagaan dan perindustrian termasuk perkhidmatan bagi tujuan mempertingkatkan kedudukan ekonomi dan sosial ahli-ahlinya. Mereka juga dibenarkan membuat pelaburan dalam segala aktiviti-aktiviti yang menguntungkan. Di peringkat

Negeri pula, Pertubuhan Peladang negeri akan menjadi Dewan untuk menyuarakan hasrat dan keperluan Pertubuhan Peladang di peringkat kawasan. Pertubuhan Peladang Negeri juga digalakkan melabur dalam bidang kemajuan tanah pertanian secara besar-besaran untuk diuruskan secara estet. Ini juga akan menggalakkan dan menyenangkan pihak-pihak Kerajaan Negeri dalam pengurniaan tanah kepada Pertubuhan Peladang di peringkat Negeri sahaja. Di peringkat kebangsaan pula Pertubuhan Peladang ini akan jadi Dewan kepada Pertubuhan Peladang Negeri. Di samping itu memberi panduan, tunjuk ajar, kepimpinan dan bantuan latihan serta dorongan kepada keseluruhan pergerakan Pertubuhan Peladang di negera ini.

Pertubuhan Peladang Kebangsaan ini juga digalakkan melabur di dalam apa juga jenis perniagaan dan mengumpulkan harta yang tetap serta mengambil bahagian dalam perniagaan khususnya jenis-jenis perniagaan yang menjadi keperluan tani seperti baja dan sebagainya. Dengan susunan 3 lapis ini Pertubuhan-pertubuhan Peladang di peringkat kawasan, negeri dan kebangsaan adalah sangat sesuai yang mana tiap-tiap peringkat itu adalah badan corporatenya sendiri.

Pindaan-pindaan kepada Akta Pertubuhan Peladang 1973 ini akan memberi kuasa bagi melaksanakan tujuan yang mulia di atas dan dengan serentak juga akan memansuhkan Akta Persatuan Peladang, 1967 supaya semua pentadbiran, gerakan Pertubuhan Peladang diletakkan di bawah satu undang-undang sahaja.

Tuan Yang Dipertua, selanjutnya mana-mana pertubuhan yang ingin maju memerlukan kepada punca kewangan untuk pelaburan, oleh kerana Pertubuhan Peladang diberi kuasa untuk melabur dalam berbagai bidang maka adalah perlu Pertubuhan Peladang ini diberi kuasa pula untuk meminjam wang dan mestilah bertanggungjawab atas tanggungannya bagi menjalankan fungsi-fungsi selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

Dengan yang demikian pindaan kepada Akta Pertubuhan Peladang, 1973 ini menjelaskan cara-cara Pertubuhan Peladang melabur atau mendepositkan wang dan juga cara-cara penggabungan Pertubuhan Peladang kawasan dan negeri. Dalam menentukan aktiviti Pertubuhan Peladang ini. . . . .

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan ini ditempohkan selama satu jam sehingga pukul 8.15 malam.

Persidangan ditempohkan pada pukul 7.15 malam.

Persidangan disambung semula pada pukul 8.15 malam.

(Tuan Yang Dipertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Perbahasan disambung semula.

8.15 mlm.

Dato Chin Hon Ngian: Tuan Yang Dipertua, selanjutnya mana-mana pertubuhan yang ingin maju memerlukan kepada punca kewangan untuk pelaburan. Oleh kerana Pertubuhan Peladang diberi kuasa untuk melabur dalam berbagai bidang, maka adalah perlu Pertubuhan Peladang diberi kuasa pula untuk meminjam wang dan mestilah bertanggungjawab atas tanggungan bagi menjalan fungsi-fungsi selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Dengan yang demikian, pindaan kepada Akta Pertubuhan Peladang tahun 1973 ini menjelaskan cara-cara Pertubuhan Peladang melabur atau mendepositkan wang dan juga cara-cara penggabongan Pertubuhan Peladang kawasan dan Negeri.

Dalam menentukan aktiviti Pertubuhan Peladang ini berjalan mengikut lunas Undang-undang, peraturan dan Perlembagaan, maka adalah perlu Pendaftar Pertubuhan Peladang diberi kuasa yang cukup bagi menjalankan tugas penyeliaan pertubuhan itu.

Selain dari apa yang diperuntukkan dalam Akta Pertubuhan Peladang 1973, Kerajaan memikirkan perlu bagi Pendaftar diberi kuasa memeriksa rekod-rekod perakaunan pertubuhan termasuk daftar Pertubuhan Peladang dan sebagainya bagi menjalankan tugas penyeliaan ini dengan lebih berkesan.

Sebagai satu cara untuk mempercepatkan proses mendapatkan balik wang kepunyaan Pertubuhan Peladang yang telah diambil atau disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu khususnya yang terlibat dalam pengurusan dan perjalanan Pertubuhan Peladang, maka Pendaftar perlu mempunyai kuasa mengenakan surcaj terhadap pihak-pihak yang berkenaan.

Pertubuhan Peladang selain dari menjalan kegiatan sosial, juga menjalankan aktiviti perniagaan. Adalah mustahak Pertubuhan Peladang sebagai badan perniagaan membentangkan penyata kewangan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang wajib diadakan dalam tempoh tiga bulan selepas penutupan akaun tahunannya.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk memperuntukkan perkara-perkara di atas. Pindaan-pindaan yang dicadangkan terhadap Akta Pertubuhan Peladang 1973 itu ialah seperti berikut:

Pindaan kepada Seksyen 3

Seksyen 3 dipinda untuk membolehkan penubuhan Pertubuhan Peladang peringkat Negeri.

Pindaan kepada Seksyen 6

Seksyen-kecil baru (2) dimasukkan untuk memberi kuasa kepada Pendaftar dengan persetujuan Menteri menghadkan kuasa-kuasa Pertubuhan Peladang berkenaan.

Pindaan kepada seksyen 15A

Seksyen baru 15A bertujuan membolehkan Pertubuhan Peladang meminjam wang atau melakukan tanggungan kewangan.

Pindaan kepada Seksyen 15B

Seksyen baru 15B bertujuan membolehkan Pertubuhan Peladang membuat pelaburan mengikut peraturan yang ditetapkan.

Pindaan kepada Bahagian baru IVA

Bahagian baru IVA ini bertujuan memperuntukkan prosedur bagi penabungan antara Penubuhan Peladang bagi mewujudkan Pertubuhan Peladang peringkat yang lebih tinggi iaitu peringkat Negeri atau Kebangsaan.

Pindaan kepada Seksyen baru 24A

Seksyen baru 24A dimasukkan bertujuan membolehkan Pendaftar mempunyai hak akses untuk memeriksa semua dokumen-dokumen kepunyaan Pertubuhan Peladang bagi maksud-maksud yang ditetapkan dalam Akta ini dan membolehkan Pendaftar mengenakan surcaj ke atas pihak-pihak tertentu yang didapati mengambil atau menggunakan wang Pertubuhan Peladang tanpa kebenaran yang sah.

Pindaan kepada Seksyen 28A

Seksyen baru 28A dimasukkan untuk menetapkan Mesyuarat Agong Tahunan Pertubuhan Peladang hendaklah diadakan dalam

masa tiga bulan atau lebih dengan kebenaran Pendaftar selepas berakhir tahun kewangannya.

Pindaan kepada Seksyen baru 36

Seksyen baru 36 dimasukkan bertujuan untuk memansuhkan Akta Persatuan Peladang Tahunan 1957 dan menukarkan semua Persatuan Peladang menjadi Pertubuhan Peladang.

Lain-lain pindaan adalah kecil dan semata-mata yang menjadi ekoran ataupun akibat kepada pindaan-pindaan di atas. Kementerian saya akan sentiasa mengkaji Akta Pertubuhan Peladang Tahun 1973 setimpal dengan kemajuan yang dicapai oleh gerakan Pertubuhan Peladang supaya segala kekurangan dalam Akta tersebut akan dapat diperbaiki dan dikemaskini dari masa ke semasa sesuai dengan pembangunan negara. Adalah diharapkan dengan pindaan-pindaan di atas, matlamat Kerajaan untuk mewujudkan badan-badan peladang yang kukuh dan progresif akan dapat dicapai di mana pada masa hadapan badan-badan ini akan menjadi wakil peladang yang tunggal untuk melibatkan diri di bidang berkenaan yang semakin mencabar sekarang.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan Peladang 1973 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

8.26 mlm.

Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin Aljamlud: Tuan Yang Dipertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Pertubuhan Peladang 1973. Dalam membahas Rang Undang-undang ini, dalam suasana yang agak sejuk, saya suka mengemukakan beberapa perkara untuk perhatian Kementerian yang berkenaan.

Rang Undang-undang ini menambah lagi satu lapis dalam struktur Pertubuhan Peladang iaitu Pertubuhan Peladang Negeri. Ini adalah satu pindaan yang saya anggap amat mustahak kerana kepentingan-kepentingan negeri boleh disempurnakan dan juga akan menggantikan pembatalan Persatuan Peladang peringkat Negeri yang dengan sendirinya akan menjadi Pertubuhan Peladang Negeri.

Di dalam undang-undang ini juga disyaratkan hanya dengan dua Pertubuhan Peladang kawasan boleh menubuhkan Pertubuhan Peladang Negeri. Pada saya ini adalah satu perkara yang tidak berapa memuaskan kerana boleh jadi ada dua Pertubuhan Peladang Kawasan yang mempunyai fungsi yang istimewa misalannya.

Misalannya katakanlah di Kelantan dua Pertubuhan Peladang Kawasan yang menjalankan kegiatan tembakau. Mereka ini untuk menyempurnakan kegiatan tembakau itu mungkin mereka hendak berfungsi, hendak bergabung antara dua Pertubuhan Peladang Kawasan dengan tidak semestinya menubuhkan Pertubuhan Peladang Negeri. Maka oleh itu, saya fikir selain daripada bergabung untuk mewujudkan Pertubuhan Peladang Kawasan patut juga kita memberi tempat mewujudkan satu Pertubuhan Peladang peringkat tengah bagi menyempurnakan kehendak mereka itu bagi tujuan fungsinya seperti menjalankan tembakau, mesti menjalankan transport misalannya. Jadi, tidak semestinyalah dua Pertubuhan Peladang Kawasan hendak

menggabungkan diri semata-mata untuk menubuhkan Pertubuhan Peladang Kawasan.

Selain daripada itu kita kenalah perhatikan bahawa sekarang ini kemajuan pembangunan negara kita ialah mengikut konsep wilayah. Setengah-setengah wilayah yang ada sekarang ini adalah wilayah yang dikanunkan seperti MADA, KADA, KEJORA, DARA, FELDA dan sebagainya. Dan Pertubuhan-pertubuhan peladang kawasan di dalam wilayah-wilayah ini mempunyai keistimewaan yang tertentu dalam fungsinya dan juga perkembangan yang lain dan jikalau dikatakan MADA misalnya, Pertubuhan Peladang kawasan hendak mewujudkan satu Pertubuhan Peladang di peringkat menengah dan tak semestinya Pertubuhan-pertubuhan Peladang ini menubuhkan Pertubuhan Peladang Negeri. Oleh kerana itu saya menyarankan bahawa patut diadakan ruang di dalam Akta Pindaan ini untuk membolehkan pengwujudan Pertubuhan Peladang peringkat wilayah.

Saya amat sukacita mendapat tahu di sini bahawa penyelarasan akan dibuat dengan memberi kuasa yang tertentu kepada Pendaftar Pertubuhan Peladang. Perkara penyelarasan ini adalah satu perkara yang patut dijalankan dan patut berkesan perjalanannya, kerana di masa yang sudah-sudah ini walaupun ada dua peringkat sahaja Pertubuhan Peladang iaitu peringkat kawasan dan kebangsaan tanpa adanya Pertubuhan Peladang Negeri. Perkara penyelarasan ini menjadi satu perkara yang rumit yang akibatnya adalah akan merugikan kepada petani-petani yang mendapat perkhidmatan daripada Pertubuhan Peladang. Jika perkara penyelarasan ini tak dibuat dengan sempurna maka banyaklah perkhidmatan yang akan disalurkan tidak sampai dengan sempurnanya kepada peladang-peladang individu. Kadang-kadang harga akan melambung tinggi, kadang-kadang timbul persaingan yang tidak sihat di antara lapisan-lapisan Pertubuhan Peladang dan semuanya ini akan merugikan petani-petani itu sendiri, dan kadang-kadang pula harganya, komisyennya dipotong dan tiap-tiap peringkat mesti dapat komisyen seolah-olah komisyen itu sebagai keuntungan itu dihijack oleh satu-satu lapisan. Maka saya sukacita sangat bahawa kuasa yang diberi di bawah undang-undang ini kepada Pendaftar untuk menghadkan syarat-syarat yang mempastikan kecekapan dan juga mengelakkan panduan fungsi Pertubuhan Peladang ini.

Satu lagi perkara yang saya suka bangkitkan ialah berkenaan dengan pengurusan Pertubuhan Peladang. Pendeknya semenjak tahun 1967 pada mula-mulanya diwujudkan Persatuan Peladang maka dasar Kerajaan sekarang ini ialah menempatkan 4-5 orang pegawai untuk menguruskan Persatuan-persatuan Peladang yang dasar itu dipakai juga di dalam Pertubuhan Peladang. Ini adalah menguruskan Pertubuhan Peladang 5 orang pegawai ditempatkan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang iaitu oleh Kerajaan dan gajinya dibayar oleh Kerajaan dan mereka ini bukannya setakat hendak mengurus dan memerhati sehingga cek disain oleh mereka itu, kontrak disain oleh mereka itu, segala perjanjian semuanya sehingga minit mesyuarat pun ditulis oleh pegawai, resit pun ditulis oleh pegawai, rekod-rekod, buku-buku disimpan oleh pegawai selain daripada penyeliaan. Ini kepada saya adalah satu perkara yang patut diperhatikan oleh Kerajaan. Selama manakah pegawai-pegawai Kerajaan menguruskan dengan secara terus menerus di atas Pertubuhan Peladang yang mana dipunyai identitinya adalah hakmilik peladang-peladang itu sendiri. Dengan cara penglibatan

secara terus menerus oleh pegawai-pegawai Kerajaan ini manakah letaknya ahli-ahli ataupun Ahli-ahli Lembaga Pengarah di dalam Pertubuhan Peladang itu.

Sesungguhnya ada Lembaga Pengarah Pertubuhan Peladang 9-10-11 orang, di antara Lembaga Pengarah ini ada satu orang sahaja Lembaga Pengarah yang berjawatan iaitu Ketuanya, selain daripada itu pengarah biasa. Kerjanya ialah dipanggil mesyuarat, datang mesyuarat, di dalam mesyuarat mereka itu malu alah kerana pegawai Kerajaan ada 4-5 orang duduk di sana, mereka itu ikut sahaja.

Soalnya sekarang ini jikalau terjadi apa-apa kepada Pertubuhan Peladang itu—rugikah, menyeleweng, tak diaudit ataupun tersilap agreement atau apa juga siapa yang hendak disalahkan dan mengikut hakikinya sepatutnya Lembaga Pengarahlah yang bertanggungjawab tetapi Lembaga Pengarah ini tidak ada berkuasa langsung walaupun kuasa dengan cara bertulis itu ada tetapi pada amalannya tidak, semuanya dijalankan oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang ditempatkan di sana, yang dibiayai oleh Kerajaan sendiri. Ini adalah menumpukan, mematikan semangat berdikari yang sepatutnya ada di kalangan peladang-peladang yang menganggotai, yang mengidentitikan Pertubuhan Peladang itu. Maka oleh kerana itu, saya menyarankan supaya Kerajaan meneliti perkara ini. Sesungguhnya ada baiknya 5-6 orang pegawai Kerajaan menguruskan Pertubuhan Peladang itu tetapi dasar ini adalah dasar bagi sementara kononnya, pada hal sudah 15 tahun perkara ini berlaku. Sampai bilakah masanya lagi yang dikatakan sementara itu? Oleh kerana itu saya menyarankan supaya Kerajaan dari satu masa ke satu masa hendaklah menarik balik pegawai-pegawai ini dan memberi kuasa yang sepenuhnya kepada Lembaga Pengarah menjalankannya dengan mereka itu membuat keputusan-keputusannya yang tersendiri.

Selain daripada itu saya sukalah membawa perkara kedudukan syarikat-syarikat kerjasama yang berasaskan pertanian di dalam famili, dalam keluarga Pertubuhan Peladang ini.

Syarikat-syarikat kerjasama yang berasaskan pertanian pada maha wujudnya Pertubuhan Peladang, 1973 telah dipindahkan daripada pejabat Syarikat Kerjasama, Pejabat Koperasi kepada Lembaga Pertubuhan Peladang yang bertanggungjawab di atas pertubuhan peladang ini. Syarikat-syarikat kerjasama yang berasaskan pertanian ini, jikalau saya tak silap mengikut perangkaan yang saya dapat faham ada lebih kurang 800 buah dimasukkan di dalam Lembaga Pertubuhan Peladang dan menjadi adik beradik pendeknya dengan Pertubuhan Peladang, tetapi kedudukan syarikat-syarikat kerjasama ini ada masa sekarang sudah terapung-terapung, tak tahulah macam mana kedudukannya syarikat kerjasama ini, oleh kerana pegawainya menitikberatkan kepada Pertubuhan Peladang; syarikat kerjasama seolah-olah tidak diacuhkan, tidak ada penyeliaan yang elok, yang bagus diberi kepada syarikat kerjasama—bantuan-bantuan sama ada bantuan penyeliaan, bantuan berupa wang ringgit tidak berapa dinikmati oleh syarikat kerjasama di dalam Pertubuhan Peladang itu.

Jadi oleh kerana itu, jikalau saya tidak silap pada masa mula-mula diwujudkan Lembaga Pertubuhan Peladang telah mengeluarkan satu dasar yang beriya-riya sangat iaitu dasar percantuman di antara syarikat kerjasama dengan persatuan peladang yang dibatalkan sekarang ini di dalam Pertubuhan Peladang. Lebih kurang 7-8 tahun dasar percantuman diadakan, kerana senang dan dapatlah kita

mempunyai satu badan yang tunggal di dalam satu-satu kawasan sahaja kononnya iaitu Pertubuhan Peladang, tidak lagi adanya syarikat kerjasama berasaşkan pertanian tetapi jikalau kita kaji Akta Pertubuhan Peladang, Akta ibu ini peranan Lembaga Pertubuhan Peladang di atas syarikat kerjasama yang berasaskan pertanian ini hanya berkenaan dengan perundangan sahaja iaitu Ketua Pengarah, Lembaga Pertubuhan Peladang menjadi Pendaftar kepada syarikat kerjasama berasaskan pertanian, hanya daripada segi perundangan sahaja, tidak ada langsung kuasa jikalau kita kaji dalam Akta Lembaga Pertubuhan Peladang ataupun Akta Pertubuhan Peladang di mana. Lembaga atau Pendaftar itu boleh membantu syarikat kerjasama yang berasaskan pertanian. Jikalau perkara ini kita diamkan berlanjutan, jadi kedudukan syarikat kerjasama akan terapung-apung. Oleh kerana itu saya menyarankan, iaitu pertama sekali dihidupkan kembali dasar percantuman di antara syarikat kerjasama berasaskan pertanian dengan Pertubuhan Peladang ini dicantumkan.

Yang kedua, jikalau susah dipinda Akta ibu ini dibuat pindaan supaya Lembaga Pertubuhan Peladang ataupun Pertubuhan Peladang diberi bantuan kepada syarikat kerjasama ataupun dipulangkan baliklah syarikat kerjasama ini kepada Jabatan Kemajuan Kerjasama, dengan cara itu saya fikir dapatlah kita melihat badan-badan yang diregisterkan oleh Kerajaan sama ada di bawah Undang-undang Koperasi ataupun di bawah Undang-undang Pertubuhan Peladang ini berjalan sepertimana yang kita harap-harapkan.

Lagi satu perkara yang saya suka hendak kemukakan ialah berkenaan dengan Pertubuhan-pertubuhan Peladang yang bakal disusun semula strukturnya dengan mengadakan tiga lapisan, tiga peringkat iaitu kawasan, negeri dan kebangsaan. Pada saya Pertubuhan Peladang ini adalah satu rangkaian pertubuhan di kampung-kampung yang nyata dan jikalau kita kaji Akta ibunya tujuan-tujuan Pertubuhan Peladang ini adalah besar, luas seolah-olah segala benda di bawah langit ini boleh dijalankan (multi-purpose). Inilah dia satu pertubuhan yang benar-benar boleh membangunkan peladang, bukan membangunkan pertanian, membangunkan kedudukan peladang yang telah dikatakan oleh bekas Perdana Menteri kita Allahyarham Tun Abdul Razak pada masa dia mewujudkan Pertubuhan Peladang bahawa pertubuhan peladanglah yang akan menjadi satu institusi yang kemuncak daripada segala-gala institusi. Harapan Kerajaan, hasrat Kerajaan terhadap Pertubuhan Peladang ini amatlah besar, tetapi sekarang ini selepas berjalan semenjak tahun 1973 sehingga sekarang sudah lebih kurang 10 tahun, saya nampak kedudukan Pertubuhan Peladang ini masa mula-mula beria-ia sangat, kuat sangat publisiti siang-malam, pagi subuh kita dengar berita ini sekarang ini tidak kedengaran dan saya dapat difahamkan bahawa tugas-tugas itu pun sudah dikecilkan, setengah-setengah tugas kononnya tidak boleh dijalankan oleh Pertubuhan Peladang, dijalankan oleh badan lain, yakni pada saya peliklah sedikit kerana harapan kita, tujuan kita untuk mewujudkan Pertubuhan Peladang jikalau kita kaji tawarikhnya bukan alang kepalang, tetapi sekarang ini sudah tidak ada kedengaran langsung dan juga dibahagi-bahagikan pula, jikalau pemasaran hanya boleh dijalankan primary marketing sahaja, setakat tempat longgok sahaja, tempat dikumpulkan barang-barang sahaja di farm gate level, selepas itu ada pula badan lain untuk menjalankan pemasaran.

Berkenaan dengan kredit tidak boleh dijalankan, perkedaian, kedai runcit tidak ada pasaran langsung, jadi benda ini hanya sibuk-sibuk ialah input pertanian, kalau input pertanian bersaing dengan badan-badan lain yang menjalankan input pertanian, kalau Bank Pertanian dahulunya ada satu masa dahulu memberi pinjaman menerusi Pertubuhan Peladang, sudah berhenti. Jadi lama kelamaan tidak ada nampaknya dan saya sekarang ini sudah dengar bahawa ada ura-ura, cakap-cakap bukan cakap-cakap angin macam ia-ia sangat kerana sudah ada Task Forcenya menyiasat kononnya dengan cara departmental untuk menentukan sama ada patut Lembaga Pertubuhan Peladang ini ditutup, dianggap sebagai redundant. Ini adalah satu perkara saya suka sangatlah mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian bagaimanakah ceritanya, kata-kata yang menganggapkan Lembaga Pertubuhan Peladang yang mengawasi Pertubuhan Peladang ini akan ditutup dengan segala fungsi-fungsinya akan dikembalikan, akan diberi balik kepada Jabatan Pertanian. Jikalau itu betul terjadi, maka penyakit lama akan timbul, penyakit tahun 1972 dahulu ini apabila Persatuan Peladang bercanggang, berkelahi, berbalah dengan syarikat kerjasama berasaskan pertanian. Jadi oleh kerana itu saya suka menyarankan supaya jikalau ada cakap-cakap, berita-berita angin yang hendak menutup Lembaga Pertubuhan Peladang ini saya minta fikir dua kali, di sebaliknya, sepatutnya Lembaga Pertubuhan ataupun Pertubuhan Peladang yang kita berharap akan dapat membangunkan peladang-peladang itu dibesarkan dikuatkan lagi.

Lagi satu, tadi saya terlupa sedikit hendak bercakap berkenaan dengan pengurusan Pertubuhan Peladang di mana 4-5 orang pegawainya menguruskannya, maka di sini pelik sedikit, jikalau kadar itu berlanjutan dengan Klausa 9, hak akses pada rekod-rekod dan sebagainya, iaitu diberi kuasa kepada Pendaftar sendiri ataupun orang-orang yang diwakilkannya boleh memeriksa berkenaan dengan rekod-rekod penyelewengan dan sebagainya dan jikalau katakan pegawai-pegawai yang menjalankan Pertubuhan Peladang itu yang menyebabkan penyelewengan, kerugian boleh pegawai itu disurcajkan iaitu sepertimana di Klausa 9. Jikalau perkara pengurusan itu di dalam tangan 5 orang Pegawai LPP sendiri yang digaji oleh Kerajaan sendiri menguruskannya, maka Klausa 9 ini tidak akan berguna, macamana pegawai dia pula akan menguruskannya, ada pula orang menjaga dan sebagainya kecuali jikalau Pertubuhan Peladang itu diuruskan oleh petani-petani itu sendiri adalah fasalnya, untuk kita hendak surcaj dan sebagainya, tetapi ini pegawai sendiri membuatnya, maka itulah sebentar tadi saya menyarankan supaya Kerajaan menyemak balik berkenaan dengan penempatan 5 orang pegawai yang ditempatkan Pertubuhan Peladang ini. Maka itu sahajalah, Tuan Yang Dipertua, pandangan saya terhadap pindaan ini dan saya pohon menyokong.

10.08 mlm.

Tuan Jaafar bin Haron: Tuan Yang Dipertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang Pindaan yang telah dibentangkan oleh Menteri sebentar tadi. Saya rasa Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang Pindaan ini adalah memberi kuasa kepada Pertubuhan Peladang bagi menjalankan kegiatan-kegiatan yang lebih luas lagi, seumpama meminjam wang, pelaburan wang Pertubuhan Peladang, begitu juga untuk menyimpan dan sebagainya.

Tuan Yang Dipertua, Pertubuhan Peladang kawasan ini mula-mula ditubuhkan dahulu namanya Pusat Kemajuan Peladang kalau tidak salah dan pada tahun 1982 ini ditukarkan kepada nama Pertubuhan Peladang Kawasan dan nama itu dipakai hingga masa ini, saya berharap nama Pertubuhan Peladang ini janganlah kita tukarkan lagi kepada nama lain kerana kerap sangat ditukarkan nama itu menjadi rumit dan seolah-olah macam boleh kita permain-mainkan—seolah-olahnya. Jadi, saya harap nama Pertubuhan Peladang Kawasan yang dipakai pada masa ini hendaklah kita kekalkan terus.

Tuan Yang Dipertua, sesuatu Pertubuhan Peladang Kawasan itu saya kira maju atau mundurnya perjalanannya ialah dengan baiknya pentadbiran dalam sesebuah Pertubuhan Peladang Kawasan itu. Kita tahu sekarang ini sesebuah Pertubuhan Peladang itu ditadbirkan oleh satu orang Pengurus Kawasan, iaitu Pengurus Besar, satu orang Pengurus Akaun bagi kewangan, satu orang lagi Kerani Rendah, 5 orang pembantu, satu orang Penjaga Setor dan satu orang Jaga. Jadi mereka inilah yang bertanggungjawab untuk memajukan ataupun sebaliknya bagi Pertubuhan Peladang Kawasan, mereka yang dipertanggungjawabkan. Kita mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai kita dan kakitangan yang lain yang telah bekerja dengan bersungguh-sungguh memajukannya sehingga ada Pertubuhan Peladang Kawasan itu yang mencapai kejayaan, dapat nombor satu dalam Pertandingan Pertubuhan Peladang Progresif Terbuka umpamanya, ada Pertubuhan Peladang dapat nombor dua dan ada Pertubuhan Peladang dapat nombor tiga dan beberapa lagi Pertubuhan Peladang dapat hadiah kemenangan bagi Pertubuhan Peladang kawasannya masing-masing. Kerajaan kita pun sentiasa menggalakkan kepada semua Pertubuhan Peladang yang ada dalam negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, di sini saya suka memberikan pandangan, iaitu Pengurus Besar Kawasan yang sedia ada yang telah bekerja memajukan bagi Pertubuhan Peladang kawasannya hendaklah kita kekalkan memegang jawatan Pengurus Kawasan yang telah dipegangnya beberapa lama itu. Janganlah bila kita mengambil Pengurus Besar orang baru kita terus meletakkan kepadanya jawatan yang tinggi, iaitu sebagai Pengurus Kawasan. Sebabnya beliau itu sebagai orang baru yang belum banyak berpengalaman dan belum menempuh beberapa masalah-masalah dalam menjalankan pekerjaannya tentulah mereka terpaksa belajar dahulu. Jika pangkat sahaja tinggi tetapi membuat kerja itu kepada orang bawahnya yang dahulu sebagai Pengurus Kawasan, maka ini tentulah melemahkan semangat pegawai-pegawai kita bekerja yang telah lama dan bersungguh-sungguh itu. Oleh itu jika kita mengambil Pengurus Besar, jawatan Pengurus Besar atau Pengurus Kawasan sama ada dari keluaran UPM misalnya yang ditugaskan terus sebagai Pengurus Besar berilah ia sebagai Penolong Pengurus yang membolehkan ia mencari pengalaman dan jika ia tidak berhenti atau berpindah kepada kerja lain akan datang barulah kita naikkan pangkat sebagai Pengurus Besar itu tadi. Dengan cara ini Pengurus-pengurus kita yang telah bekerja lama itu tentulah menambahkan semangat kepadanya kerana peluang naik pangkat itu ada kepadanya.

Tuan Yang Dipertua, kalau kita memandang negara-negara lain, seumpama di Korea ataupun Jepun misalnya peluang naik pangkat itu kepada pekerja-pekerja di bawahnya memanglah dibuat daripada bawah, iaitu berdasarkan kepada kerajinan, kepada kepandaian dan kepada

pengalaman seseorang itu. Saya rasa adalah sesuai dengan dasar Kerajaan kita memandang ke Timur. Oleh itu saya mengesyorkan hendaklah diadakan jawatan Penolong Pengurus bagi membolehkan Pengurus-pengurus kita bekerja dengan lebih tekun dan bersemangat lagi untuk memberi peluang kepada mereka naik pangkat kepada Pengurus Kawasan.

Tuan Yang Dipertua, dalam perkara penglibatan Unit-unit Kawasan Peladang dalam sesebuah Pertubuhan Peladang Kawasan itu, Kerajaan kita melalui Pertubuhan Peladang itu tadi telah memberikan bantuan ataupun subsidi bajak sawah kepada petani kita, bantuan subsidi baja daripada Kementerian Pertanian dan Pertubuhan Peladang kita memang ada jentera pembajak sawahnya bagi menjalankan kegiatan di sesuatu Pertubuhan Peladang Kawasan. Rakyat kita di luar bandar memang telah menyambut baik akan kegiatan Pertubuhan Peladang itu, oleh itu beberapa banyak Unit Kawasan Peladang di kampung-kampung telah tertubuh. Satu Unit Kawasan tidak kurang daripada 30 hingga ke 40 orang, bahkan ada yang lebih, sampai 200 orang bagi sesuatu Unit Kawasan Peladang itu. Jadi Unit Kawasan inilah yang bekerja, merancangkan tanaman sama ada jangka pendek ataupun lebih terkenal dengan Projek AID, seumpama tanaman jagong, kacang, pisang, sayur-sayuran dan sebagainya. Bantuan yang didapati daripada PPK ini kadang-kadang tidak dapat disampaikan menyeluruh, maklumlah sebab banyak hal Unit-unit Kawasannya. Oleh itu saya memberi pandangan dan mengesyorkan kepada Kementerian Pertanian supaya diberikan bantuan traktor kecil beroda dua kepada semua Unit Kawasan itu, yakni satu Unit Kawasan satu traktor kecil kita bekalkan. Jadi dengan adanya traktor kecil yang beroda dua ini maka Unit Kawasan Peladang yang ada di kampung-kampung itu tentulah akan dapat menjalankan kegiatannya yang lebih banyak dan dengan itu boleh meningkatkan pengeluaran hasilnya, yakni hasil peladang sebab alat pengganti cangkul ini sudah ada kepadanya kerana dalam menjalankan projek pertanian, petani kita tidak boleh maju, petani kita tidak boleh menggunakan tanah sepenuhnya untuk mengeluarkan hasil tani jika petani kita menggunakan jentera cangkul yang minyak petrolnya ialah tangannya semata-mata.

Cuba kita lihat negara maju di sebelah Timur, Tuan Yang Dipertua, seperti di Jepun, Korea umpamanya, petani-petaninya semua menggunakan enjin traktor, sama ada traktor besar ataupun yang kecil beroda dua sekurang-kurangnya seperti yang saya sebutkan tadi bagi mengeluarkan hasil-hasil tani mereka, maka inilah salah satu sebab yang menyebabkan boleh meninggikan pendapatan mereka. Petani di negara tersebut dengan tanahnya yang tidak seluas mana telah mendapat pendapat yang lumayan sama setaraf dengan pendapatan mereka yang makan gaji. Jadi jikalau rakan-rakan mereka yang bekerja makan gaji dan Kerajaan ada Radio, ada Televisyen, Honda dan sebagainya maka petani-petani di Korea dan Jepun itu juga ada Radio, Televisyen, Honda dan sebagainya. Pendek kata, pendaptan sebagai petani di sana adalah sama taraf dengan pendapatan mereka yang makan gaji. Oleh itu sekali lagi saya mengesyorkan supaya Kerajaan menimbang memberikan bantuan traktor beroda dua ini kepada Unit-unit Kawasan Peladang kita yang ada di ngara kita ini di bawah tadbiran Pertubuhan Peladang Kawasan.

Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan.

8 58 mlm

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang Dipertua, dalam masa saya membahaskan Rang

Undang-undang ini saya berbelah bagi kerana Bil ini diwujudkan. Pada hakikat saya tidak banyak kemajuan dibuat apabila Lembaga Peladang diwujudkan dan sebagainya.

Boleh saya bertanya, Tuan Yang Dipertua, Negeri Melaka, Negeri Sembilan ialah sebuah negeri sawah padi yang baik pada zaman British dan juga selepas perang. Pada hari ini kalau kita pergi ke Melaka dengan motokar melalui Negeri Sembilan kita dapati semua tinggal paya kosong pada hal orang Negeri Sembilan lebih tahu pesaka yang ada itu adalah hak milik ahli-ahli perempuan mereka, tetapi apa yang kita dapati sekarang ini rumput paras pinggang. Kita nampak kita tunggul-tunggul dan juga tempat-tempat menghempas padi dengan rasa hati yang sangat sedih, akan bertanya dalam kepala mengapa di Melaka dan Negeri Sembilan keadaan ini berlaku? itulah, Tuan Yang Dipertua, menunjukkan pada saya ada redundant, ada kerja-kerja berlapis. Kementerian Pertanian mesti menyemak semula sebagaimana Dato Musa suruh menyemak semula tiap-tiap universiti supaya kajian sainsnya, penyelidikannya tidak berlapis. Siapa yang kita hendak salahkan sekarang ini? Hendak salahkan Pertanian—tidak; hendak salahkan Pertubuhan Peladang—tidak juga; hendak salahkan Pegawai Tanaman—tidak. Jawabnya, biarkan Si Luncai terjun dan labu-labunya. Kalau ini keadaannya, apa gunanya Bil ini dibawa ke dalam Dewan ini. Kita mengaku Kerajaan beri begini, begini. Itu semua perkara yang tidak betul.

Tuan Yang Dipertua, kalau Kerajaan menyewa traktor daripada Kementerian Pertanian dengan harga $5 satu jam, tetapi menyewa daripada Persatuan Peladang $21 satu jam, mengapa? Sekarang boleh tengok, di mana negeri pun sawah padinya tidak begitu baik sebagaimana semasa belum ada dahulu. Di zaman British tidak ada Persatuan Peladang, cuma Kementerian Pertanian sahaja. Mereka datang dengan kasut, dengan seluar pendek melintasi semua paya-paya sawah menasihatkan orang ramai. Pegawai Peladang pun cuma menjual baja sahaja, itu pun kita pergi ke pejabatnya. Kita tidak boleh berdalih, Tuan Yang Dipertua, kalau benda itu kurang baik jangan kita kata baik, kita mesti memperkatakan kurang baik.

Saya mendesak Kerajaan supaya menyiasat tidak ada tindih lapis pekerjaan yang dibuat oleh Persatuan Peladang dengan Kementerian Pertanian. Kalau ada, kita betulkan, kita mahu peladang kita berjaya. Saya juga berdoa bukan sahaja ada traktor, saya jarap dia jadi millionaire, tetapi kalau sawah sendiri pun tidak cukup makan, apa kita hendak kata? Orang ramai kata orang Melayu malas. Zaman Melayu malas sudah hapus, Tuan Yang Dipertua, zaman Melayu mohon pertanian, mohon petunjuk, mohon diberi begitu sekali, Tuan Yang Dipertua.

Saya boleh bawa Yang Berhormat Menteri Pertanian sekarang ke Melaka dan Negeri Sembilan tetapi boleh pakai kereta dia, berpuluh-puluh batu tidak ada padi, kebanyakannya semua rumput, kenapa? Siapa yang bertanggungjawab ini? Undang-undang ini cuma mengubahsuaikan sahaja, dua kawasan Persatuan Peladang boleh dibuat satu kawasan Negeri tetapi apa yang kita mahu ialah penghasilan daripada langkah peladang itu. Saya beri bukti, Tuan Yang Dipertua, Jabatan Pertanian mengenakan $5 sewa satu jam, Persatuan Peladang $21 satu jam; orang peladang bawa traktor tidak pandai pula, lekat sedikit dia pun berhenti; pertanian ada pekerja-pekerjanya. Jadi kerana kasih saya kepada Kementerian ini saya minta disiasat barangkali ada tindih lapis, redundant dalam mengerjakan sesuatu benda.

Saya bersetuju dengan pendapat seorang pegawai atasan supaya dinaikkan pangkat dan sebagainya, saya cukup bersetuju, itu tidak apa. Setelah keadaan ini dibaiki kita buat 'post-mortem', Tuan Yang Dipertua. Saya pernah bercakap di dalam Dewan ini Kementerian Pertanian mesti membuka ladangnya sendiri, jangan mengajar anak berjalan betul sedangkan bapa tidak berjalan betul. Tunjukkan kepada dunia bagaimana Kerajaan Jepun, Kerajaan Taiwan membuka ladang mereka sendiri. Kalau Kerajaan boleh buat mengapa rakyat tidak boleh buat. Mahasiswa, ahli politik boleh masuk, boleh cucuk, boleh cungkil, beri semangat supaya berjaya apa yang kita buat.

Tuan Yang Dipertua, nampaknya sekarang ini sebagai apa yang telah kita lakukan, khidmat mereka tidak ubah seperti masa zaman penjajahan dahulu. Mengapa di Kelantan sekarang hasil lumayannya bukan padi tetapi ialah tembakau. Ini satu cara pembaharuan negeri Kelantan dan Terengganu dan mereka boleh mendapat pendapatan yang lumayan, lebih banyak daripada padi yang mereka tanam. Apakah tidak boleh perkara yang macam ini dibawa ke negeri lain; negeri Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Negeri Sembilan atau Melaka seperti apa yang saya cakapkan tadi termasuk negeri Pahang supaya kita boleh mengeluarkan tembakau yang baik yang dibeli oleh Jabatan Pertanian.

Saya tidak ada apa-apa, Tuan Yang Dipertua, untuk meluluskan ini kepada saya tidak ada apa cacatnya. Kalau Tuan Yang Dipertua hendak sepuluh kali saya luluskan pun saya sanggup luluskan tetapi kepada saya, Tuan Yang Dipertua, saya mahu hasil, saya mahu hasil, saya mahu bukti; bukan bukti di Melaka sahaja umpamanya, saya mahu bukti ini boleh dibawa ke Pahang supaya tiap-tiap seorang rakyat merasa perubahan itu. Tetapi apa yang saya kata tadi kalau pergi ke Melaka, Negeri Sembilan pun, rumput panjang juga, tidak ada dibuat. Saya tidak tahu salah siapa, salah Kementerian Pertaniankah atau Lembagakah?

Jadi, Tuan Yang Dipertua, saya pendekkan ucapan saya dan saya memohon kepada Kerajaan mencari selidik-selidik yang ada supaya ianya boleh dibuat, supaya tidak ada redundant, tidak ada tindih kerja di antara dua persatuan ini yang kita letakkan di bawah satu Kementerian dan kalau perlu 'post-mortem', tinggalkan mana yang tidak baik, ambil yang baik.

Tuan Yang Dipertua, sebagaimana sahabat saya kata tadi benar ada barang-barang yang tidak penting yang berdasarkan persatuan daripada alat-alat pertanian sekarang ini, berterus-terang kepada peladang. Semasa dia bersendiri dia untung tetapi bila dia masuk dalam kumpulan (group) yang lebih besar, syarikat itu rugi, terpaksa menutup keuntungan kepada syarikat yang lain. Ini tidak boleh dinafikan, biar kita berkata terus terang perkara yang dibuat ini.

Saya sekali lagi menuntut kepada Kerajaan supaya mengkaji semula secara penelitian mengapa terdapat kelemahan ini, bagaimana boleh membaiki kepada pertanian supaya negara kita bukan sahaja disebut negeri pertanian tetapi kekal juga negeri pertanian.

Tuan Yang Dipertua, Bil ini walau macam mana pun saya bersetuju, terima kasih.

9.07 mlm.

Puan Nen Abidah binti Abdullah: Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih oleh kerana mendapat peluang bercakap untuk bersama-sama memberikan sokongan kepada suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan Peladang, 1973.

Tuan Yang Dipertua, Pertubuhan Peladang adalah satu badan yang bertanggongjawab terhadap penyampaian maklumat pertanian dan ekonomi untuk peladang. Persatuan Peladang adalah mempunyai tugas yang amat berharga, mempertingkatkan usaha serta hasil ke kampong-kampong selain daripada mengeluarkan baja, racun dan subsidi padi, kemudahan-kemudahan asas yang lain. Jika dilihat daripada jumlah wang yang telah diluluskan ataupun diperuntukkan oleh Kerajaan nyatalah bahawa sesuatu yang dibuat oleh LPP atau yang dijalankan oleh LPP tidak akan menemui jalan buntu.

Sepanjang yang diketahui LPP sangat baik menjalankan sesuatu usaha itu termasuk syarikat-syarikat kerjasama yang berasaskan pertanian. Walaupun usaha-usaha yang dijalankan oleh LPP memuaskan tetapi tidak kurang pula yang menemui kegagalan. Apa yang ditanam tidak menjadi dan dengan itu banyak tanah-tanah yang terbiar yang tidak diusahakan. Kita juga tidak mahu lagi mendengar sungutan-sungutan daripada orang ramai bahawa ada baja yang dibekalkan oleh LPP bercampur dengan bahan-bahan lain yang bukannya menyuburkan tanaman tetapi mematikan segala tanaman. Juga benih-benih yang dibekalkan itu sambang tidak mahu tumbuh. Saya berharap supaya Kerajaan kita dapat mengemaskan lagi perjalanan Pertubuhan-pertubuhan Peladang yang ada pada hari ini dan untuk mencapai objektif yang lebih lagi maka Persatuan Peladang hendaklah:

(1) Memperbanyakkan lagi pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan LPP supaya dapat mengawas, menyelia, mentadbir kerja-kerja pertanian dan ternakan.

(2) Pejabat-pejabat LPP hendaklah didirikan di tempat-tempat yang berhampiran dan mudah ditemukan oleh ahli-ahli yang berhajatkan sesuatu;

(3) Kursus-kursus kemahiran hendaklah diadakan lebih kerap kepada ahli-ahli LPP;

(4) Lawatan sambil belajar juga hendaklah diadakan bukan sahaja melihat perkembangan yang berlaku dalam negara tetapi juga di luar negeri selaku kunjung balas lawatan yang dibuat oleh negara-negara lain ke negeri kita seperti Thailand, Indonesia, Filipina, India, Seri Lanka dan lain-lain;

(5) Pegawai-pegawai LPP mestilah berkecimpong secara langsung bersesama ahli. Janganlah dibiarkan ahli berjalan seorang dan tidak ada bimbingan daripada pegwai-pegawai LPP;

Pengurusan dan bimbingan hendaklah diperkukuhkan. Rancangan tanah kelompok yang sentiasa menemui kegagalan hendaklah diberi perhatian dan dimajukan semula Tanah-tanah TOL juga hendaklah diberi bantuan seperti pagar dan lain-lain yang dikehendaki. Ini adalah memelihara tanaman-tanaman daripada dimusnahkan oleh musuh seperti babi dan lain-lain.

Tuan Yang Dipertua, Pejabat-pejabat Tanah juga hendaklah segera memberikan kelulusan kepada permohonan-permohonan ahli-ahli LPP ataupun syarikat-syarikat kerjasama yang hendak mengusahakan tanah-tanah tersebut seperti tanah-tanah sawah yang terbiar yang apabila dimohon kepada Pejabat Tanah tidak diluluskan hingga memakan masa berpuluh-puluh tahun. Rancangan-rancangan tanah kelompok sentiasa gagal. Apabila telah diberi kelulusan, diusahakan oleh ahli-ahli, hanya dengan kudrat tulang yang empat kerat, dan mereka tidak dapat hendak menumpukan usaha mereka di tanah

tersebut oleh kerana terdesak oleh mata pencarian saraan hidup mereka sehari-hari.

Rancangan tanaman ubi kayu juga gagal. Pegawai-pegawai LPP tidak memeriksa tanah-tanah tersebut apakah tanah tersebut sesuai ditanam dengan ubi kayu atau tidak. Ada tanah-tanah yang menerima ubi kayu atau ada tanah-tanah yang tidak menerima seperti di kawasan-kawasan yang berlaku di Perak Tengah, satu tanah bukit yang diusaha oleh LPP yang telah mengeluarkan belanja yang bukan sedikit tetapi hasilnya, ubi tidak tumbuh tetapi lalang yang banyak.

Rancangan selingan memelihara ikan air tawar di kolam-kolam dan di anak-anak sungai juga banyak menemui kegagalan. Ikan sangkar juga gagal, hari ini lepaskan anak-anak ikan 300-400 ekor, besok pagi dilihat bergelimpangan mati 200 ekor dan hanya tinggal 100. Apabila aduan dibuat tidak ada pegawai-pegawai yang datang melihat apakah sebabnya ikan tersebut mati. Adakah disebabkan tekanan-tekanan air ataupun ikan-ikan tersebut tidak menerima air yang ditempatkan ikan tersebut. Pemasaran juga harus diusahakan. Kalau ada ahli LPP yang bertanam ubi kayu, kacang tanah, jagung seperti yang saya sebutkan tadi, dan apabila mengeluarkan hasil tidak ada pasaran. Sudahlah mereka mengeluarkan wang iaitu dari segi memajak tanah, membeli baja dan sebagainya menjaga tanaman mereka, tiba-tiba pasaran tiada. Rugi, wang-wang traktor terpaksa dibayar, untung tiada, maka tiada ertinya. Tanaman ubi kayu, ternakan ayam, lembu, lembu tenusu juga tidak dapat dipasarkan. Kejayaan yang seperti ini untuk memesatkan lagi kemajuan dan perkembangan rakyat dalam bidang ini pegawai-pegawai LPP perlulah diperkemaskan dan diberi kesedaran atas perlunya peranan mereka yang bersungguh-sungguh mereka mestilah bersama-sama bertanggungjawab dan hendaklah sentiasa sedia memberi apa-apa juga pertolongan dan nasihat yang benar-benar berhasrat menjayakan ekonomi ahli-ahli. Oleh itu, saya menyokong pindaan Akta ini. Sekian, terima kasih.

9.15 mlm.

Tuan Haji Ibrahim bin Salleh: Tuan Yang Dipertua, saya bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang ini, cuma satu dua perkara yang saya sukalah memberi pandangan kepada Kementerian yang berkenaan khususnya dalam Akta Pertubuhan Peladang 1973 yang sedang kita hendak pinda sekarang ini.

Banyak telah diperkatakan oleh rakan-rakan saya yang terdahulu daripada ini bahawa Lembaga Pertubuhan Peladang atau lebih terkenal dengan nama ringkas LPP telah banyak mengusahakan pertanian-pertanian tetapi tidak mendapat kesempurnaan. Saya amat menyokong dan seharusnyalah Kementerian Pertanian memandang serius dan mengambil langkah segera untuk membaiki bukan sahaja dari segi hendak membolehkan satu pertubuhan ataupun satu badan dilantik di peringkat negeri tetapi yang sudah ada ini pun mestilah dikaji, mestilah dibaiki supaya tidak sampai ke peringkat rakyat kita tidak lagi menaruh kepercayaan kepada Pertubuhan Peladang.

Saya katakan demikian kerana banyak peruntukan wang daripada Kerajaan, kita gunakan dengan niat yang baik iaitu hendak menolong rakyat jelata mendapat faedah dan nikmat daripada apa yang diwujudkan oleh Kerajaan, satu pertubuhan yang dinamakan Pertubuhan Peladang. Bersesuaian dengan keadaan sekarang ini, Kerajaan kita telah bersetuju hendak mengalihkan pandangan dari

pandangan ke Barat, ke Timur pula, maka kalau kita pandang dan kalau kita sampai ke negeri-negeri di Timur ini, soal peladang atau petani saya bolehlah katakan hidupnya lebih mewah daripada pegawai-pegawai Kerajaan ataupun pekerja-pekerja yang lain, sebab ialah mereka percaya kepada koperatif atau syarikat kerjasama yang diwujudkan khususnya di Jepun dan juga di Korea.

Kita di Kelantan ini rakyat kita sudah tidak menerima lagi konsep ataupun sudah rasa tidak berkepercayaan lagi kepada konsep syarikat kerjasama atau koperatif dengan sebab barangkali koperatif atau syarikat kerjasama yang telah diwujud pada masa-masa yang lepas tidak berjalan dengan baik dan mendatangkan hilang kepercayaan. Tetapi bagi negeri yang saya sebutkan tadi seperti Jepun dan Korea, itulah satu badan tempat mereka menaruh sepenuh-penuh kepercayaan. Sekarang ini Lembaga Pertubuhan Peladang tujuannya lebihkurang sama iaitu Kerajaan mengadakan pertubuhan ini bertujuan hendak menyalurkan bermacam-macam bantuan disalurkan dengan pertubuhan ini. Sebagaimana kata sahabat-sahabat saya yang telah bercakap lepas-lepas dan seorang wakil wanita yang bercakap terdahulu daripada saya ini kalau ditanam ubi bukan ubi yang tumbuh tetapi lalang yang banyak atau rumput dan sebagainya.

Saya teringat, Tuan Yang Dipertua, dua tiga tahun yang lalu saya telah berkesempatan bersama-sama dengan pegawai-pegawai yang lain membuat temuduga di beberapa Lembaga Pertubuhan Peladang yang mengambil bahagian di dalam perusahaan tembakau di Melaka, di Kedah dan di Perlis saya telah membuat temuduga. Tidak payahlah sebut detail tetapi saya boleh beri misalnya di sini untuk perhatian dan renungan Kementerian Pertanian.

Di Melaka pada suatu ketika itu apabila saya bertanya kepada pengawal yang bertanggungjawab dengan Lembaga Pertubuhan Peladang yang dia telah ada sebuah syarikat pengawit tembakau di Melaka, saya tanya dia kenapa begini banyak LPP tempat saudara ini menanggung kerugian sedangkan pengawit-pengawit tembakau yang lain di negeri Melaka ini juga tidak seburuk seperti LPP di tempat saudara jaga. Jawab dia kepada saya, saya tidak tahu hendak jawab. Baik! Saya cuba lagi secara detail sedikit. Saya kata lazimnya kalau pengawit-pengawit yang biasa dibeli daun basah iaitu daun tembakau yang hijau 10 kati mereka dapat sekati daun tembakau yang diawit kering. Saya ingin bertanya saudara, berapa saudara. Dengan bahasa tembakau ini kita gelak ratio—ratio berapa? Langsung dia menjawab kepada saya ratio dia 16:1. Ertinya 16 kati dia beli daun basah baru dia dapat sekati daun kering. Orang lain membeli 10 kati sahaja dapat sekati daun kering. Saya kata, patutlah LPP saudara ini mengalami kerugian.

Saya keluarkan contoh ini, Tuan Yang Dipertua, oleh kerana saya bimbang satu masa kelak rakyat tidak ada kepercayaan kepada Pertubuhan Peladang. Rakyat kita sudah hilang kepercayaan sebagaimana saya sebutkan tadi. Sedikit sebanyak hari ini tiada sesiapa boleh menafikan rakyat Malaysia sudah hilang kepercayaan kepada syarikat kerjasama (co-operatives) dan daripada penyiasatan saya yang halus, apakah sebab LPP daripada negeri Melaka, negeri Kedah, negeri Perlis—bukan semuanya, kebanyakan daripada LPP-LPP yang telah mengambil bahagian dalam perusahaan tembakau mengalami kerugian maka dapatlah jawapannya, pegawai itu ialah pegawai makan gaji. Pekerjaan business atau perniagaan seperti ini tidak boleh, tidak tentu masa. Sedangkan hal ini 24 jam dia mesti bekerja, tetapi pegawai-pegawai

yang bertanggungjawab seperti yang disebutkan oleh saudara saya tadi tidak, dia kira kerja pukul 8.00 pagi hingga 4.30 petang dan daun tembakau dapat dimasuk ke rumah asap atau tidak dapat masukkah dia tidak peduli. Dia kata kerjanya pukul 8.00 pagi habis 4.30 petang, dia balik rumah. Sama ada kuli buat kerja atau tidak buat kerja dia tidak peduli. Akhirnya lingkup. Jadi, marilah jawapan wang siapa yang rugi. Tenaga manusia mana yang menanggung. Jawapannya tenaga manusia rakyat kita, wangnya ialah wang daripada Kerajaan. Kerajaan siapa? Kerajaan kita, Kerajaan rakyat.

Jadi, untuk perhatian lagi sekali kepada Kementerian yang berkenaan saya berharaplah dan saya mencadangkan Lembaga Pertubuhan Peladang ini kalau hendak mengambil bahagian dalam sesuatu bidang pertanian mesti mengambil dalam bidang, yang dia sendiri mengerti betul-betul dan kalau disebutkan sebagai perniagaan sanggup membuat keuntungan, barulah boleh Kerajaan atau Kementerian meluluskan projek ini. Kalau tidak, jangan.

Barangkali Kementerian Pertanian tentu tahu suatu projek tanaman tembakau yang besar juga di negeri Kelantan iaitu projek Kandis. Kalau disebutkan projek Kandis, barangkali Kementerian tahu. Orang tanam tembakau di Kelantan semua boleh jual daun kering kepada pengilang-pengilang rokok tetapi di projek Kandis tidak dapat menjual daun kering alasan tidak dapat dibeli oleh pengilang-pengilang rokok, konon katanya. Saya pun tidak tahu. Tidak dapat dibeli kerana air yang diambil untuk siram pokok tembakau itu air berkarat, jadi pengilang-pengilang rokok tidak mahu beli daun tembakau kerana siram dengan air berkarat. Jadi, pada akhirnya daun tembakau itu dibakar api begitu sahaja. Bakar api daun tembakau kering, itu seolah-olah bakar api wang ringgit Kerajaan kerana projek Kandis itu adalah dibiayai oleh Kerajaan sendiri. Sudah rakyat hampa tidak dapat keuntungan, wang Kerajaan lagi habis.

Jadi, itulah sedikit sebanyak, Tuan Yang Dipertua, pandangan saya dalam menyokong Rang Undang-undang ini. Banyak rakan saya yang telah memberikan pandangan-pandangan supaya Kementerian Pertanian kita ini khususnya di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang ini dapat berjalan dengan baik di Malaysia ini dan sepanjang masa adalah diharapkan mendapat perhatian dan kepercayaan daripada rakyat sepanjang-panjang masa. Jangan kita buat sesuatu yang boleh menghilangkan kepercayaan rakyat dan boleh merugikan wang Kerajaan dan boleh merugikan tenaga rakyat.

(Timbalan Yang Dipertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang Dipertua, saya rasa kalau dapat kita mengawasi daripada Kementerian sehinggalah kepada pertubuhan di peringkat negeri dan kawasan-kawasan ataupun Lembaga Pertubuhan Peladang di peringkat Pusat mestilah diawasi betul-betul supaya ia dapat berjalan dengan baik.

Saya fikir sekarang ini oleh sebab kita sedang melaung-laung hendak mencapai Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1990—tidak lama lagi, mana juga badan-badan Kerajaan, mana juga pertubuhan-pertubuhan yang ditubuhkan di bawah anjuran Kerajaan, mestilah sebelum sesuatu projek hendak dilancarkan hendaklah dikaji dengan halus, adakah projek yang hendak dibuat itu tidak boleh dibuat oleh rakyat biasa. Maksud saya kalau projek itu dapat dijalankan atau dapat dibuat oleh rakyat biasa, rakyat luar bandar boleh juga membuat maka tidak perlu barangkali badan-badan Kerajaan seperti Pertubuhan Peladang itu ambil campur ataupun hendak

adakah persaingan—hendak berlawan dengan apa yang diusahakan oleh rakyat kita sendiri. Kerana kalau itu berlaku maka kedua-duanya tidak akan sampai ke mana. Kata rakyat atau kata orang-orang kampung atau penanam-penanam sendiri mereka boleh berkata, sedaplah Lembaga Pertubuhan Peladang, apa yang dia hendak buat, dia boleh buat kerana wang itu bukan wangnya tetapi wang Kerajaan, asalkan dia pandai sahaja buat project paper, dia pandai bercakap sedikit sebanyak, diluluskan oleh Kerajaan dan diberi peruntukan wang seberapa banyak, lepas itu hendak rugi, hendak lingkup, kemudian kira. Tetapi kalau kita lebih dahulu mengkaji umpamanya, kita kata, kalau satu kawasan itu sudah ada satu kumpulan rakyat yang menanam kacang tanah umpamanya, rakyat sedang menanam kacang tanah dalam kawasan itu, janganlah LPP cuba pergi bertanding pula menanam kacang tanah yang berhampiran dengan rakyat yang bertanam itu. Kalau hendak bantu, bantulah dia. Tetapi pada masa-masa yang sudah seperti yang saya sebutkan tadi, contoh menanam tembakau bukanlah begitu. Bukan dia hendak membantu tetapi dia tengok rakyat ini dapat untung, pegawai-pegawai LPP pun mereka rasa ia juga patut buat sama kerana hendak untung. Rakyat bekerja 24 jam, dia bekerja 8 jam. Bila rakyat biasa dapat untung $30,000 setahun dia rugi $60,000 setahun. Rakyat biasa buat ratio 1:10 dia buat 16:10—itu akibatnya wang Kerajaan, tenaga rakyat akan sia-sia sahaja.

Tuan Yang Dipertua, saya mohonlah pertimbangan dan pandangan berat sedikit oleh pihak Kementerian Pertanian dan sekali lagi saya ulangi bahawa rakyat kita tidak akan hilang kepercayaannya kepada Lembaga Pertubuhan Peladang yang kita akan tubuhkan di mana-mana jua dalam Malaysia ini nanti. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Ya, sila jemput.

9.35 mlm

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu suka saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil kesempatan pada malam ini mengeluarkan beberapa pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang boleh dikatakan amatlah berguna dan suka saya mengucapkan ribuan terima kasih atas pandangan-pandangan yang disuarakan itu.

Tuan Yang Dipertua, suka saya menegaskan di sini iaitu memanglah hasrat Kerajaan melalui Kementerian Pertanian untuk mengambil langkah-langkah atau mengadakan program-program dengan tujuan untuk meninggikan lagi taraf hidup petani-petani di negara kita ini. Suka saya menyatakan di sini kita memang tidak dapat menafikan iaitu kedudukan petani-petani setelah kita mencapai kemerdekaan memang telah pun meningkat tetapi Kementerian saya memang mengakui iaitu bahawa memang ada kelemahan-kelemahan yang kita hadapi atas usaha kita menjalankan usaha-usaha kita tentang perkembangan pertanian di negara kita ini. Saya tidak dapat menjawab satu demi satu Ahli-ahli Yang Berhormat yang sebentar tadi telah memberikan pandangan, saya katakan baik dan berguna dan pandangan-pandangan khasnya pandangan-pandangan tentang kelemahan-kelemahan dibeberapa agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian khasnya LPP, pandangan-pandangan itu akan diberi perhatian yang sewajarnya.

Di sini suka saya menyentuh satu dua perkara yang dibangkitkan yang pada fikiran saya patut saya memberi sedikit jawapan iaitu yang pertama tentang tanah terbiar.

Tuan Yang Dipertua, memang adalah benar kita menghadapi kesukaran atas perkara ini dan ada sebab-sebabnya mengapa perkara ini timbul.

Tuan Yang Dipertua, oleh kerana perkara tanah terbiar ini boleh dikatakan sehingga masa ini adalah satu masalah yang boleh dikatakan serius juga dan mengambil langkah untuk mengatasi perkara ini satu Jawatankuasa Tanah Terbiar telah pun dibentuk oleh Kementerian saya dan Jawatankuasa ini telah pun membuat kajian-kajian yang mana laporan telah pun siap dibuat oleh Jawatankuasa ini dan pada masa ini Kementerian saya sedang dan akan mengambil langkah-langkah supaya tanah terbiar ini dapat digunakan dengan baik dan dengan harapan menggunakan tanah ini mengeluarkan lebih lagi hasil-hasil pertanian di dalam negara kita ini. Atas perkara ini, suka saya di sini merayu kepada petani-petani khasnya supaya mereka dapat bekerjasama dengan Kementerian saya khasnya dengan usaha-usaha yang akan dijalankan oleh pegawai-pegawai Kementerian saya untuk mengatasi perkara ini iaitu menggunakan tanah-tanah yang begitu penting untuk kebaikan bukan sahaja kepada petani-petani tetapi untuk negara amnya.

Tuan Yang Dipertua, satu perkara yang saya suka sentuh di sini iaitu tentang perkara Pertubuhan-pertubuhan Peladang yang kita sedia ada khasnya tentang badan-badan berasaskan pertanian lain iaitu tentang Syarikat Kerjasama Pertanian atau berasaskan pertanian yang telah pun disuarakan sebentar tadi. Suka saya mengatakan di sini memang adalah benar iaitu syarikat kerjasama yang berasaskan pertanian pada masa ini memang ada lagi beberapa buah syarikat ini yang belum diresap oleh Pertubuhan Peladang atau badan-badan yang diadakan di bawah Akta Pertubuhan Peladang. Tetapi suka saya mengatakan di sini memang perkara ini sedang berjalan dan kita percaya pada masa yang akan datang segala pertubuhan atau segala badan-badan berasaskan pertanian yang telah pun ditubuhkan di bawah undang-undang lain akan diresap di bawah Akta Pertubuhan Peladang yang pada malam ini akan dipinda dengan beberapa peruntukan yang terbaru untuk mengemaskinikan perkara Pertubuhan Peladang ini.

Tuan Yang Dipertua, setakat inilah sedikit sebanyak jawapan saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun memberi pandangan-pandangan dan suka saya menegaskan sekali lagi, segala cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan yang telah pun diberi pada malam ini, Kementrian saya akan mengambil perhatian dan mana yang boleh kita akan mengadakan kajian-kajian dan juga di mana yang perlu membuat pindaan-pindaan dan juga lain-lain. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang . Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 16 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG MAKANAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

9.47 mlm

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Makanan, 1982 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini dicadangkan untuk memberi kuasa kepada Kementerian Kesihatan khususnya bagi pengawalan mutu makanan yang dijual di negara ini, termasuk makanan yang diimport dan dieksport bagi melindungi kesihatan dan kepentingan pengguna. Pada masa ini kawalan mutu makanan dijalankan oleh Kementerian Kesihatan di bawah Ordinan Jualan Makanan dan Dadah, 1952. Ordinan ini jua mengawal penjualan ubat-ubatan dan alat solek. Oleh hal yang demikian, kegiatan Kementerian dalam menjalankan tugas-tugas tersebut amatlah terhad kerana peruntukan-peruntukan, khususnya tentang makanan di bawah Ordinan 1952 itu adalah terlalu umum bagi kegunaan penguatkuasaan dalam keadaan yang tertentu. Tambahan pula Ordinan tersebut mempunyai bidangkuasa di Semenanjung Malaysia sahaja, manakala Negeri-negeri Sabah dan Sarawak mempunyai Ordinan Pengawalan Mutu Makanan yang berasingan. Ini menambahkan lagi masalah-masalah penyelarasan perlaksanaan dan penguatkuasaan mutu makanan di seluruh negara.

Oleh hal yang demikian, Kementerian berpendapat bahawa perlu diadakan satu Akta Makanan baru yang lebih berkesan dan kajian telah dijalankan bersama agensi-agensi Kerajaan yang lain dengan nasihat dari Pertubuhan Kesihatan Se dunia dan Pertubuhan Makanan dan Pertanian, supaya deraf undang-undang yang merupakan Akta Induk boleh disediakan.

Ordinan Jualan Makanan dan Dadah 1952 jua meliputi pengawalan mutu penjualan ubat-ubatan dan alat solek. Ini didapati tidak wajar kerana ketiga-tiga bidang tersebut iaitu makanan, ubat-ubatan dan alat solek mempunyai liputan yang luas dan beranika. Ordinan ini jua ialah satu undang-undang yang telah digubal 30 tahun yang lepas dan tidak lagi selaras dengan kemajuan sains dan teknologi makanan sekarang. Rang Undang-undang yang akan menggantikan Ordinan Jualan Makanan dan Dadah 1952, setakat yang berkaitan dengan makanan, akan mengambilkira aspek-aspek moden untuk membayangkan zaman dan teknologi sekarang. Kementerian Kesihatan sedar bahawa bagi kawasan-kawasan di bawah jagaan Majlis-majlis Kerajaan Tempatan kuasa telah diberi di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976 untuk Majlis-majlis yang berkenaan membuat peraturan-peraturan mengenai kebersihan makanan. Walau bagaimanapun, Majlis-majlis Tempatan masih menunggu peraturan dan piawaian yang lebih lengkap untuk dijadikan panduan. Rang Undang-undang Makanan 1982 akan menjadi Akta Induk untuk tujuan ini oleh kerana ia akan merangkumi aspek-aspek pokok dalam bidang makanan untuk mencapai taraf kesihatan yang memuaskan melalui pengawalan mutu makanan ini. Kementerian Kesihatan berpendapat bahawa meminda ordinan yang sedia ada kurang praktikal bagi tujuan-tujuan ini dan adalah lebih menasabah dan wajar bagi undang-undang mengawal mutu makanan diasingkan dari pengawalan penjualan ubat-ubatan dan alat solek. Oleh hal yang demikian, Kerajaan telah jua bersetuju bahawa Akta Makanan yang

baru dan berasingan perlu diujudkan dengan memasukkan beberapa peruntukan yang berguna dari ordinan lama serta menambahkan peruntukan-peruntukan baru berdasarkan kepada perkembangan dalam bidang sains dan teknologi makanan.

Rang Undang-undang yang saya kemukakan sekarang ini akan mengandungi 5 bahagian dan petikan yang penting adalah seperti berikut:

Bahagian I menetapkan tafsiran bagi istilah-istilah tertentu.

Bahagian II meliputi perlantikan penganalisis dan pegawai-pegawai berkuasa oleh Menteri Kesihatan. Tanggungjawab penganalisis yang dilantik adalah untuk menganalisa contoh-contoh makanan yang dihantar oleh pegawai-pegawai yang berkuasa.

Bahagian III adalah berhubung dengan kegiatan-kegiatan aduk, label-label dan iklan-iklan yang tidak mematuhi piawaian makanan atau yang palsu.

Bahagian IV memberi kuasa larangan-larangan ke atas pengimportan makanan yang tidak mematuhi peruntukan-peruntukan Akta tersebut. Juga ia memerlukan pekilang-pekilang dan pembekal-pembekal makanan-makanan yang ditentukan oleh Menteri memberi "warranty" secara bertulis kepada penjual dimana perlu.

Bahagian V meliputi peruntukan pelbagai termasuk kuasa untuk membolehkan Menteri Kesihatan membuat peraturan-peraturan mengenai aspek-aspek kawalan mutu makanan dengan mendalam.

Misalnya, di bawah Klausa 34 (I) Rang Undang-undang ini, Menteri Kesihatan boleh membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan standard, komposisi, kekuatan, potensi, ketulinan, kualiti, berat, kuantiti, tempoh penggunaan atau lian-lain sifat bagi apa-apa makanan atau apa-apa ramuan atau komponennya. Di bawah klausa ini, peraturan-peraturan boleh jua dibuat untuk melarang penambahan apa-apa bahan tertentu atau melarang penambahan bahan tertentu lebih daripada kuantiti tertentu. Kerajaan berpendapat bahawa kuasa seperti ini mustahak diadakan dalam Rang Undang-undang supaya peraturan-peraturan yang terperinci dalam aspek-aspek kawalan mutu makanan boleh dibuat dan boleh diubah mengikut perkembangan dalam sesuatu bidang yang tertentu.

Akta ini boleh dikuatkuasakan dan terpakai di seluruh Malaysia. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan akan terus berhubung dengan Negeri-negeri Sabah dan Sarawak khasnya, tentang peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-undang ini supaya dapat diatasi apa-apa masalah yang mungkin timbul di negeri-negeri tersebut. Ini adalah memandangkan bahawa terdapat perundangan yang berlainan seperti Public Health Ordinance Sabah (No. 7 of 1960) dan Public Health Ordinance Sarawak (No. 24 of 1962) yang dipakai di sana hingga sekarang. Oleh hal yang demikian, perlaksanaan Akta Makanan 1982 adalah tidak serentak.

Walaupun Rang Undang-undang ini dikemukakan untuk diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, saya ingin mengambil kesempatan ini jua untuk mengingatkan rakyat bahawa matlamat pengawalan mutu makanan bagi maksud melindungi keselamatan kesihatan pengguna tidak akan tercapai tanpa mendapat kerjasama semua individu. Kita bukan sahaja memikirkannya secara menguatkuasakan undang-undang dan peraturan-peraturan di tempat-tempat awam, malahan jua kita harus menimbangkan bagaimana dengan kesedaran dan keinsafan tentang kesihatan, kita semua harus mengambil berat

terhadap amalan-amalan pemakanan kita sendiri. Kuasa Undang-undang sahaja tidak akan dapat mengawal keadaan yang tidak sihat dengan sempurna dengan tidak ada persefahaman daripada setiap individu, persatuan-persatuan pengguna, pengeluar-pengeluar dan penjual-penjual makanan. Saya harap bahawa Undang-undang ini tidak dianggap hanya bertujuan menghukum, tetapi ialah untuk menyedarkan masyarakat bahawa ianya dibuat untuk menggalakkan mereka melibatkan diri dalam amalan-amalan pemakanan mereka sendiri.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Rais Yatim): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi melindung orang ramai terhadap bahayanya di segi kesihatan dan penipuan pada penyediaan, penjualan dan penggunaan makanan, dan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

9.57 mlm.

Dato Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya mengambil bahagian yang pertama sekali untuk membahaskan Rang Undang-undang ini. Daripada penerangan Yang Berhormat Menteri Kesihatan tadi nampaknya dalam Rang Undang-undang ini adalah dititikberatkan tentang mutu makanan sahaja, sebaliknya pihak Kementerian Kesihatan lupa sebahagian yang mustahak sekali di dalam bahagian makanan di negeri kita ini.

Sebagaimana yang kita tahu penduduk-penduduk negeri Malaysia ini lebih separuh daripadanya ialah yang beragama Islam dan makanan mereka itu adalah bergantung dengan corak makanan yang mereka makan sehari-hari. Jadi sebuah undang-undang yang dibuat seperti ini iaitu Akta Makanan, 1982 sepatutnya ada di dalamnya itu disebutkan dengan tertentu makanan-makanan yang halal dan yang haram kerana ini adalah undang-undang bagi melindungi makanan. Jadi makanan ini ialah makanan rakyat negera ini.

Di sini dalam Rang Undang-undang ini hanya untuk makanan manusia sahaja, melindungi makanan manusia. Jadi kalau kita baca di dalam Bahagian yang ketiga apa yang dititik beratkan ialah berkenaan dengan Keselamatan dan Keterangan, seperti berikut:

"13. (1) Mana-mana orang yang menyediakan atau menjual apa-apa makanan yang—

(*a*) ada dalam atau padanya apa-apa bahan yang beracun, merosakkan atau selainnya memudaratkan kesihatan;

(*b*) mengandungi keseluruhannya atau sebahagiannya apa-apa bahan atau benda asing yang berpenyakit, atau selainnya tak layak untuk dimakan manusia;

(*c*) dihasilkan daripada binatang yang berpenyakit atau binatang yang telah mati selain dari secara sembelih;

(*d*) dihasilkan daripada bahan sayuran yang berpenyakit; atau

(*e*) diadukkan,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau denda atau kedua-duanya".

Inilah unsur undang-undang, ini makna perkara ini sahaja yang terkandung, yang menjadi salah manusia ini. Jadi sebagaimana yang saya katakan, Tuan Yang Dipertua, adalah undang-undang ini undang-undang yang tidak lengkap kalau tidak diceritakan berkenaan dengan hal makanan orang-orang Islam. Sepatutnya di dalam perkara ini disebutkan lagi apa yang mustahak, misalnya di dalam Klausa 13 (1) (*c*) itu patut ditambahkan di akhirnya itu iaitu "dihasilkan daripada binatang yang berpenyakit atau binatang yang telah mati selain dari secara sembelih" ditambah diakhirnya itu "bagi binatang-binatang halal dimakan oleh orang-orang Islam", baru betul.

Selain daripada sembelih bagi binatang-binatang yang halal dimakan oleh orang Islam ditambah baru kena dengan ayatnya. Jadi kalau sekiranya disembelih binatang itu tidak halal dimakan oleh orang Islam tidak jadi apa, ayat ini tidak ada makna kepada orang Islam, kepada orang yang bukan Islam sama ada binatang itu disembelih atau tidak disembelih sama sahaja padanya. Makna daripada segi mudarat itu tidak ada, banyak orang-orang Cina misalnya, minta maaf di sini saya sebutkan, seperti ayam dia tidak sembelih, pakai pulas begitu sahaja, pulas dengan sembelih sama pada sisinya, nampaknya, pada kita orang Islam tidak boleh, dan saya fikir begitulah perkara-perkara yang lain dan saya minta tambahkan lagi satu fasal di akhir sekali, tambah satu fasal yang akhir, Tuan Yang Dipertua, kerana ada denda di bawahnya yang berbunyi:

> "(*f*) Tidak meletakkan label atau tanda di mana makanan yang disediakan atau dijualkan itu mengandungi bahan-bahan atau ramuan-ramuan yang haram dimakan oleh orang-orang Islam".

Jadi kalau dibubuh begitu barulah mengandungi makanan-makanan orang Islam kena tambah satu lagi. Di dalam undang-undang dalam Klausa 13, ditambah satu lagi (*f*), jadi (*a*), (*b*), (*c*), (*d*), (*e*), (*f*).

Tuan Yang Dipertua, saya suka menyebutkan lebih lanjut lagi perkara ini memang heboh di dalam suratkhabar. Baru-baru ini dalam suratkhabar saya bacakan satu keratan suratkhabar *Utusan Melayu*: Peraturan baru untuk hotel-hotel, katanya:

> "Kerajaan sedang menggubal satu peraturan baru bagi mempastikan hotel-hotel di seluruh negara menyediakan makanan halal dan tidak halal secara berasingan untuk kegunaan orang-orang Islam. Peraturan yang diberi nama Peraturan Standard Hotel itu juga akan menentukan perkakas memasak seperti pinggan, mangkuk, sudu di hotel-hotel diasingkan bagi makanan yang halal dan tidak halal. Sumber yang mengetahui memberitahu *Utusan Melayu* hari ini sekiranya peraturan itu dipersetujui ia akan meliputi semua peringkat penyeliaan makanan termasuk tempat menyimpan daging halal dan daging haram. Dalam hubungan ini hotel-hotel berkenaan terpaksa mengadakan dua tempat yang berasingan bagi menampung perkara-perkara dapur khususnya untuk tujuan tersebut. Peraturan ini sedang dikaji dengan begitu teliti oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri dan Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur. Sementara itu *Utusan Melayu* diberitahu bahawa Jawatankuasa Halal dan Haram Jabatan Perdana Menteri telah mula menjalankan kajian ke atas kira-kira 10 jenis mee yang dijual di pasaran termasuk mee segera. Kajian itu juga meliputi bahan-bahan mee jenis kueytiaw, dan mee goreng mee kuning ini ialah

kerana terdapat beberapa aduan daripada orang ramai bahawa mee yang dijual dibuat daripada minyak babi. Berikutan daripada aduan itu menurut sumber-sumber pihak Jabatan Perdana Menteri telah mengambil langkah untuk menjalankan penyelidikan ke atas bahan tersebut bagi mempastikan ia benar-benar halal. Jawatankuasa Halal dan Haram juga difahamkan telah mengadakan pemeriksaan di beberapa buah kedai kopi dan makanan yang diperuntukkan tanda halal pada makanan yang dijual".

Jadi begitulah Tuan Yang Dipertua, Jawatankuasa Halal dan Haram di Jabatan Perdana Menteri telah menerima beberapa rayuan daripada orang ramai, kemudian telah buat penyelidikan. Perkara ini tidak ada dalam undang-undang, kalau sekiranya perkara itu disediakan di dalam undang-undang tidak payah membuat penyelidikan lagi, memang itu tugas juga pembuat makanan itu. Kalau sekiranya pihak yang membuat mee itu ada mencampurkan lemak babi dan sebagainya maka di dalam ramuan itu mesti ditulis mee ini ada mengandungi gandum sekian percent, lemak babi sekian, benda ini sekian. Jadi orang yang hendak beli ini kena tengokkan juga, banyak negara-negara dalam dunia ini ada ditulis begitu, seumpama di Amerika, di England, banyak yang buat biskut, membuat mee dan sebagainya menulis ramuan-ramuan itu di situ.

Tuan Yang Dipertua, ini kerana ada dalam undang-undang di negara masing-masing menuliskan begitu. Kita di sini sekarang undang-undang ini baru dibuat di dalam tahun 1982 baru dilulus oleh Dewan Rakyat tahun 1982, tetapi Dewan Negara ini baru bahas pada malam ini, jadi belum diluluskan lagi. Belum dikatakan undang-undang tahun 1982, 1983 baru kita hendak luluskan ini, jadi kalau kita hendak luluskan Rang Undang-undang macam ini tidak cukup, saya fikir undang-undang semacam ini kita tidak boleh lulus dengan serta-merta dengan sebab ini perkara yang berhubung dengan kewangan, kalau sekiranya berhubung dengan kewangan kita harus luluskan, undang-undang yang macam itu mengendalakan perjalanan negara, tetapi ini tidak ada kena-mengena, selama ini pun boleh berjalan sebagaimana biasa, sebab itu bagi pihak saya sendiri, saya tidak bersetuju selagi tidak dimasukkan sebagaimana yang saya katakan tadi. Kalau sekiranya pihak Kementerian membuat jaminan akan dimasukkan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi, sebagai membela lebih daripada separuh penduduk-penduduk negeri ini yang beragama Islam. Saya bersetujulah undang-undang ini kerana undang-undang ini memang bagus, tetapi fasal tak masuk itulah tidak betul.

Adapun kata kuasa Menteri buat peraturan, itu peraturan, kalau sekiranya Menteri itu buat, kebetulan pula sekarang ini Menteri kita, minta maaf, Tuan Yang Dipertua, bukan orang Islam. Jadi walau macam manapun saya tabek juga kepada Yang Berhormat Menteri kita di atas jaminannya peraturan itu tetapi peraturan macam mana dia hendak buat, dia bukannya seorang Islam yang alim. Jadi perkara yang hendak buat peraturan saya hendak juga perkara itu dimasukkan di bawah Klausa 13 ini dijadikan satu daripada perenggan (*f*)—(*a*), (*b*), (*c*), (*d*), (*e*) dan (*f*), yang ada ini sampai (*e*) sahaja, tambah satu (*f*) lagi. Jadi ini cadangan saya, saya bukan ahli undang-undang tetapi kehendak saya macam inilah gayanya, tambahlah, pindalah, hendak buat macam manapun, Tuan Yang Dipertua, maksudnya begitulah, undang-undang ini mesti masuk. Kalau sekiranya ada dimasukkan ramuan yang haram, hendaklah disebutkan di label itu. Berkenaan dengan label ini ada telah ditafsirkan di sini.

Berkenaan dengan "binatang" ini pula, binatang ditakrifkan binatang. Di sini disebut "binatang", dalam tafsiran Klausa 2 ini mengatakan:

> "binatang" meliputi apa-apa jua binatang berkaki empat atau burung sama ada peliharaan atau sebaliknya, ikan, haiwan reptilia atau serangga. . . . ."

Baiklah kalau hendak ditakrifkan begitu dikatakan:

> "binatang ini sama ada yang berkaki ataupun tidak, hidup di udara, atas darat atau dalam air".

Itu semua binatang belaka. Walaupun kita sebutkan dia di atas darat, binatang itu kalau berkaki empat sebutlah lembu-kerbau, apa pun, tetapi atas udara binatang juga namanya binatang burung, dalam laut nama binatang ikan; ini disebut begitu—berkaki empat.

> "label" meliputi apa-apa tek, janama, tanda, benda bergambar atau lain-lain perkara perihalan, yang bertulis, bercetak, berstensil, bertanda, bercat, bercetak timbul atau dicap. . . . ."

apa-apa takrif di label itu.

Jadi itulah syor saya, Tuan Yang Dipertua.

Undang-undang ini selagi tak dimasukkan pada pendapat saya adalah melupakan lebih daripada separuh rakyat negara ini dan melupakan separuh daripada rakyat negara ini adalah maknanya mengabaikan mereka itu. Maka undang-undang yang mengabaikan mereka itu adalah satu undang-undang yang tidak lekat, maka saya tidak akan menyokong undang-undang yang tidak lekat seumpama ini. Sebab itulah saya mahu pada malam ini jaminan yang tegas daripada Menteri, sama ada dimasukkan sekarang ini di dalam satu tambahan baru ini ataupun jaminan yang tegas mengatakan akan dimasukkan, barulah saya akan sokong, kalau tidak, tolong tulis nama saya seorang yang berkecuali dalam Rang Undang-undang ini. Saya fikir, Tuan Yang Dipertua, tidak mengapa kalau kita pulang balik undang-undang ini kepada Dewan Rakyat supaya diperbetulkan, janganlah perkara-perkara yang seumpama ini diabaikan.

Satu lagi, Tuan Yang Dipertua, berkenaan dengan kesalahan. Di bawah Klausa 12 mengatakan:

> "12. Suatu pemberitahuan yang mengandungi nama dan pekerjaan mana-mána orang yang telah disabitkan atas sesuatu kesalahan terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya berserta dengan tempat atau tempat-tempat perniagaannya, jenis kesalahan dan denda, lucuthak dan lain-lain penalti yang dikenakan hendaklah, jika mahkamah memerintahkan sedemikian, disiarkan dalam mana-mana akhbar yang beredar di Malaysia atau di mana-mana bahagiannya, dan mahkamah itu selanjutnya hendaklah mengarahkan orang yang disabitkan itu supaya membayar kos penyiarannya dan kos sedemikian itu hendaklah disifatkan seolah-olah ianya suatu benda yang dijatuhkan oleh mahkamah itu".

Jadi orang yang melakukan kesalahan ini, Tuan Yang Dipertua, selain daripada dia itu salah, maka hendaklah dia siarkan di dalam suratkhabar, tetapi disebutkan dalam suratkhabar sahaja, suratkhabar mana? Boleh pula orang salah itu cari mana suratkhabar yang dia suka. Sepatutnya dia sebut di sini suratkhabar kebangsaan kerana Malaysia ini ada banyak mempunyai suratkhabar, suratkhabar bahasa apa? Mesti suratkhabar Bahasa Kebangsaan, patut diterangkan di dalam undang-undang yang seumpama ini. Jangan pula suratkhabar itu

maknanya bahasa yang tidak masyhur, bukan seumpama bahasa Orang Asli, dia ada menerbitkan suratkhabar, siapa hendak baca suratkhabar itu. Jadi dia siar sebagai menutupkan topeng sahaja, dia kata, saya sudah keluarkan dalam suratkhabar ini. Maksud di sini, orang itu sudah melakukan kesalahan dan kesalahannya itu patut diketahuikan oleh rakyat negara ini. Jadi untuk diketahui oleh rakyat negara ini hendaklah berita itu disiarkan dalam suratkhabar kebangsaan yang sekurang-kurangnya suratkhabar yang dibaca ramai, tetapi tak apalah kalau dikatakan suratkhabar kebangsaan, itu boleh, tak apa. Kalau tak disebutkan "kebangsaan" di sini saya bimbang, saya berasa ragu, Tuan Yang Dipertua, dia masukkan mana-mana suratkhabar sudah cukup atau bahasa yang tidak masyhur.

Demikianlah sahaja dengan ringkasnya, Tuan Yang Dipertua, berkenaan dengan undang-undang ini saya mencadangkan supaya dimasukkan tambahan sebagaimana yang saya katakan tadi dan saya bersedia menyokong undang-undang ini dengan tambahan-tambahan yang tersebut. Tanpa tambahan yang tersebut, saya tidak bersedia menyokongnya. Terima kasih.

10.18 mlm.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang Dipertua, terima kasih saya di atas pandangan Yang Berhomat Dato' Haji Mahmoud Salim tentang beberapa peruntukan yang telah dibangkitkan dan kelemahan-kelemahan yang beliau katakan wujud dalam Rang Undang-undang ini.

Sebenarnya walaupun saya bukan seorang berugama Islam, saya sendiri sedar bahawa perkara ini sangat sensitif dan saya pun sedar bahawa agama Islam ini agama rasmi dalam negara ini. Penasihat-penasihat saya dalam Kementerian adalah kebanyakan Pegawai-pegawai Kanan yang terdiri dari pegawai-pegawai Islam dan perkara ini kita sudah bincangkan apabila kita membuat Rang Undang-undang ini, sama ada kita harus mengatakan, misalnya perkataan "haram" ataupun "halal" dalam Rang Undang-undang ini. Atas nasihat semua dan selepas kita dapat perundingan dengan semua pihak yang berkenaan kami fikir lebih elok, lebih baik, lebih berfaedah jikalau kita membuat peraturan-peraturan di bawah kuasa yang akan diberi kepada Menteri Kesihatan jikalau Rang Undang-undang ini dapat diluluskan dalam Dewan yang mulia ini.

Di sini saya harap bahawa Dewan yang mulia ini mengambil perhatian khasnya kepada Klausa 34 di mana dikatakan:

> "34. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi melaksanakan dengan lebih baik maksud-maksud dan peruntukan-peruntukan Akta ini, dan khususnya dan tanpa menyentuh keluasan yang tersebut di atas bagi segala atau mana-mana perkara yang berikut".

Di sini saya hendak tujukan perhatian kepada 34 (1) (*b*) di mana Menteri Kesihatan boleh membuat peraturan:

> "(*b*) untuk melarang penambahan apa-apa bahan tertentu;"

Jikalau satu bahan dikatakan halal, tidaklah kita boleh tambahkan benda yang haram dalam perasa itu.

Juga di dalam (*d*) di mukasurat 31—saya sebagai Menteri Kesihatan, jika Rang Undang-undang ini diluluskan, boleh juga membuat peraturan "untuk mengisytiharkan bahawa apa-apa makanan atau kelas makanan adalah teraduk disebabkan ada dalamnya atau ditambah kepadanya atau dikeluarkan atau ditinggalkan daripadanya apa-apa bahan atau kelas bahan ditetapkan;" Kita boleh tetapkan jikalau katakan

misalnya sekarang ini rakyat kita makan apa yang dikatakan 'Beef Burger', kita boleh tetapkan dalam peraturan 'Beef Burger' memang mesti ada beef dan bukan bahan yang lain, bukan bahan yang tidak boleh dimakan oleh orang yang beragama Islam ataupun beragama Hindu. Jikalau 'Beef Burger' kita taruh beef, orang Hindu tidak makan, bukan sahaja orang Islam yang sensitif tetapi orang Hindu juga sensitif. Jikalau kita hendak buat semua ini dalam Rang Undang-undang ini sukarlah rasa saya dengan terperinci. Oleh kerana itu sebentar tadi apabila saya kemukakan Rang Undang-undang ini saya katakan oleh kerana adalah banyak peraturan yang harus dibuat dengan terperinci, kuasa akan diminta supaya Menteri Kesihatan bolehlah membuat peraturan-peraturan ini.

Satu lagi saya hendak tumpukan perhatian iaitu dalam Klausa 34 (1) (*k*) di mukasurat 32 di mana Menteri Kesihatan diberi kuasa untuk membuat peraturan 'untuk menetapkan cara melabelkan makanan yang dijual dalam bungkusan atau sebaliknya perkara yang hendak dimasukkan atau tidak hendak dimasukkan pada label-label itu;" Di sini juga adalah kuasa supaya Menteri Kesihatan boleh buat jikalau ada satu benda yang haram dari sisi agama Islam, bolehlah kita mewajibkan perlesenan yang menjual makanan itu katakan ini haram ataupun halal, dia mesti mematuhi undang-undang ini. Masalah haram halal sekarang ini diserahkan kepada sebuah Jawatankuasa di dalam Jabatan Perdana Menteri di mana Kementerian Kesihatan juga adalah menghantar seorang wakilnya.

Oleh kerana ada banyak masalah yang ditimbulkan tentang makanan, dari segi undang-undang kita adalah cukup kuasa, jikalau dapat sokongan dari Ahli-ahli Yang Berhormat, cukup kuasa di dalam Rang Undang-undang ini supaya kita berwaspada dan sentiasa berjaga-jaga sama ada bahan-bahan makanan itu boleh digunakan oleh pengguna bukan sahaja dari segi kesihatan bahkan dari segi agama juga.

Di sini saya boleh memberi satu jaminan bahawa kita akan membuat peraturan tentang masalah yang saya tahu sangat sensitif ini. Satu perkara lagi yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah tentang kuasa dalam Klausa 12 di mana mahkamah diberi kuasa, jikalau mahkamah dengan budibicara sendiri hendak mengisytiharkan bahawa satu kesalahan telah berlaku dan supaya orang ramai boleh dapat tahu tentang siapa yang salah dan apakah kesalahan ini, bolehlah disiarkan dalam suratkhabar. Memanglah menjadi dasar Kerajaan ini menggunakan Bahasa Malaysia. Kita tidak boleh lari dari dasar Kerajaan supaya menggunakan Bahasa Malaysia. Kita tidak boleh lari dari dasar Kerajaan supaya menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa yang rasmi dan saya fikir tidak dapatlah kita ada keraguan tentang apakah mahkamah akan buat; terpulanglah kepada mahkamah. Tetapi saya ingat bahawa mahkamah-mahkamah di dalam negera ini pun sudah sedar bahawa Bahasa Malaysia ialah bahasa rasmi dan menggunakan suratkhabar Bahasa Malaysia juga.

Saya tidak berhajat untuk bercakap lebih dari ini oleh kerana saya memberi satu keyakinan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa penasihat-penasihat saya di dalam Kementerian Kesihatan sentiasa berjaga-jaga supaya makanan yang akan dijual dalam negara ini, mestilah mengadakan satu mutu yang sesuai dari segi kesihatan dan dari segi sensitivity orang yang duduk di dalam negara ini yang berbilang kaum, berbilang agama dan juga dengan penuh kesedaran bahawa Islam adalah agama rasmi di negara ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Fasal 1 hingga 36 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Berkenaan dengan Fasal 13. . . .

Tuan Pengerusi: Saya ingat sudah habis, saya minta maaf, perkara ini sudah terlepas, tidak boleh bercakap dalam hal ini lagi.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Saya hendak bercakap sedikit, Tuan Yang Dipertua.

Tuan Pengerusi: Tidak boleh, sudah diluluskan.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga.

10.30 mlm.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang yang dinamakan Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang 1982 dibaca kali kedua sekarang.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah bagi memperbadankan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang yang akan bertanggungjawab bagi memajukan wilayah Pulau Pinang iaitu di luar kawasan bukan metropolitan dan termasuk kawasan pertanian yang sedia ada iaitu satu wilayah pembangunan di negeri Pulau Pinang seperti yang telah diadakan di negeri-negeri Kedah, Pahang, Johor, Terengganu dan Kelantan.

Strategi pembangunan wilayah adalah merupakan satu pendekatan yang bersepadu untuk mengurangkan ketidak perseimbangan pembangunan ekonomi di antara negeri-negeri di Malaysia dan juga di antara kawasan-kawasan yang di dalam negeri-negeri itu sendiri. Strategi ini juga mementingkan keupayaan atau potensi tiap-tiap wilayah untuk menampung pembangunan pertanian dan perindustrian terutamanya di negeri-negeri yang kurang maju untuk menjamin pembangunan wilayah dapat memberi sumbangan kepada pembangunan negara keseluruhannya. Matlamat asas pembangunan wilayah ialah agihan yang seimbang bagi pendapatan, kemudahan-kemudahan sosial seperti perumahan, perubatan, bekalan air dan elektrik, persekolahan dan peluang-peluang untuk

membolehkan pembangunan sosial dan ekonomi untuk rakyat selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Menurut kajian sosial ekonomi yang telah dijalankan adalah didapati bahawa kebanyakkan petani terdiri dari penyewa-penyewa tanah dan mempunyai pendapatan yang kecil di Pulau Pinang, 80% darinya di bawah paras kemiskinan yakni $267 sebulan sekeluarga. Sebahagian besar dari pendapatan mereka pula adalah dari punca luar ladang.

Tanaman getah merupakan tanaman utama di negeri Pulau Pinang. Dari jumlah kawasan seluas 29,443 hektar, 70% daripadanya adalah dipunyai oleh pekebun-pekebun kecil dan 30% oleh estet. Pada keseluruhannya, hanya 35% daripada pekebun-pekebun kecil getah yang bergantung semata-mata atas tanaman getah untuk pencarian hidup mereka sehari-hari.

Dengan latar belakang ringkas seperti yang sempat saya nyatakan sebentar tadi maka alasan bagi mewujudkan sebuah badan atau pihak berkuasa untuk Pulau Pinang selaras dengan kedudukan dan juga proses pembangunan di negeri-negeri lain maka perlulah Dewan yang mulia ini menimbang dan meluluskan Rang Undang-undang yang dibentangkan ini.

Negeri Pulau Pinang tidak mempunyai kawasan tanah baru yang boleh dimajukan untuk pertanian kecuali kawasan berpaya di persisiran pantai. Oleh yang demikian segala usaha pembangunan pertanian harus ditumpukan kepada pembangunan kawasan pertanian yang sedia ada terutamanya bagi tanaman getah, padi, kelapa dan dusun.

Tuan Yang Dipertua, masalah tanah terbiar juga adalah menjadi salah satu daripada tumpuan sekiranya kegiatan di bawah Lembaga Kemajuan Pulau Pinang ini berjaya diwujudkan nanti. Misalnya sekurang-kurangnya 4,800 keluarga petani bergantung hidup sehariannya pada sumber-sumber dari aktiviti pertanian. Andainya perkembangan aktiviti pertanian di Pulau Pinang dibiarkan dalam keadaan sekarang dan aliran serta kadar pembangunan ke arah perindustrian dan perbandaran yang pesat dibiarkan berterusan, mereka yang terlibat di bidang pertanian dikhuatiri tidak berkesempatan dan berpeluang melibatkan diri dalam perkembangan tersebut secara aktif dan memberi faedah yang sepenuhnya kepada mereka.

Berdasarkan kepada pengalaman yang telah diperolehi dari Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah yang lain, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang ini akan diberi kuasa yang jelas dan positif mengenai semua pelaksanaan pembangunan di wilayah itu. Di bawah peraturan ini projek boleh disiapkan mengikut jadual dan jika ada kelambatan boleh diperbaiki dengan menyusun semula tenaga kerja, alat-alat dan lain-lain dengan secepatnya.

Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang akan dilancarkan dengan geran pelancaran sejumlah $3 juta bagi pembayaran gaji, sewa ruang pejabat, peralatan dan kelengkapan serta kemudahan-kemudahan lain bagi tempoh sehingga akhir tahun 1983.

Tuan Yang Dipertua, dengan lahirnya Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) itu kita akan berada setapak lagi dari matlamat perjuangan Dasar Ekonomi Baru.

Saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk

memperbadankan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

10.35 mlm.

Dato' Khoo Kay Por: Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang untuk meluluskan Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang tahun 1982.

Sebagai seorang anak negeri Pulau Pinang, saya memang berasa sukacita sekiranya Kerajaan Pusat ingin membantu negeri Pulau Pinang dalam pembangunannya, khasnya dalam bantuan kewangan. Negeri Pulau Pinang tidak mempunyai sumber-sumber asli yang boleh mendatangkan lebih pendapatan kepada Kerajaan Negeri, ataupun kepada penduduk-penduduk negeri Pulau Pinang.

Tuan Yang Dipertua, Pulau Pinang memerlukan pembangunan sebagai satu aktiviti untuk memajukan negeri serta membawa lebih faedah kepada semua rakyat Pulau Pinang. Oleh kerana itu, semua langkah yang diambil oleh badan pembangunan seperti UDA dan PDC untuk membangunkan tanah-tanah lapang, membina bandar baru, dan memperuntukkan lebih banyak tempat kediaman sangatlah dialu-alukan.

Sekarang Akta ini akan menambah lagi satu Lembaga untuk pembangunan Pulau Pinang. Sebarang langkah untuk kebaikan dan kepentingan negeri Pulau Pinang haruslah disokong oleh semua rakyat Pulau Pinang. Sekarang rakyat negeri saya sedang menunggu untuk mengetahui bagaimanakah mereka akan mendapat lebih faedah akibat daripada kegiatan Lembaga yang dicadangkan ini. Tetapi sebilangan penduduk pun berasa tidak senang hati oleh kerana bidangkuasa Lembaga ini nampaknya bercanggah dengan bidangkuasa Kerajaan Negeri dan juga bidangkuasa UDA dan PDC yang sedang giat membangun negeri Pulau Pinang.

Tuan Yang Dipertua, semua anak negeri Pulau Pinang memang menyokong sebarang tindakan yang akan menguntungkan serta meninggikan lagi taraf kehidupan mereka itu. Tetapi mereka tidak mahu kuasa Kerajaan yang dipilih oleh mereka itu diambil alih oleh satu Lembaga yang diwujudkan oleh Kerajaan Pusat.

Untuk mengelak dari sebarang salah faham, saya bercadang bahawa Akta ini jangan diimplementasikan sehingga penjelasan-penjelasan diberi tentang bagaimana mengelak daripada percanggahan kuasa antara Pihak Berkuasa Negeri dan badan-badan pembangunan yang ditubuhkan itu. Tentang kegiatan-kegiatan Lembaga ini, tentang kawalan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan tentang soalan-soalan yang lain yang masih tidak jelas lagi.

Tuan Yang Dipertua, saya meminta bahawa Kerajaan jangan mengimplementasikan Akta ini sehingga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dapat peluang membahaskannya supaya rakyat negeri Pulau Pinang akan tahu dan sedar tentang kaedah-kaedah yang mereka akan menikmati menerusi Lembaga ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, Tuan Ishak bin Abdul Rahman.

10.40 mlm.

Tuan Ishak bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang 1982.

Tuan Yang Dipertua, saya mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian yang berkenaan dan Kerajaan Pusat yang telah menyusun dan mengemuka Rang Undang-undang ini di Dewan Rakyat dan berikutnya mengemukakan pula ke Dewan yang mulia ini.

Pulau Pinang adalah sebuah negeri di utara Malaysia yang sedang membangun dengan pesatnya bersama-sama dengan negeri-negeri lain di Malaysia ini. Pembangunan yang pesat di Pulau Pinang banyak ditumpukan di tiga kawasan perusahaan yang penting iaitu di kawasan Bayan Lepas di Pulau Pinang, di kawasan Mak Mandin dan kawasan Prai di Seberang Prai. Pembangunan berbentuk perusahaan dan perkilangan adalah menerusi Perbadanan Kemajuan Negeri (PDC). Perbadanan Kemajuan Negeri Pulau Pinang yang sedia ada hanya memberi tumpuan di kawasan-kawasan tertentu. Tidak dapat dinafikan bahawa peranan yang dimainkan oleh PDC dan Kerajaan Negeri telah banyak meningkat hasil pendapatan negeri dan mengurangkan kadar pengganggguran. Dengan peningkatan kilang-kilang perusahaan di Pulau Pinang telah berlaku penghijrahan penduduk-penduduk luar bandar ke kawasan bandar. Mereka meninggalkan kampung untuk bekerja di kilang-kilang perusahaan dan untuk mendapatkan hasil pendapatan yang tetap pada tiap-tiap bulan. Akibat dari penyerahan ini tanah-tanah sawah ditinggalkan terbiar di tumbuhi oleh rumput rampai dan pokok-pokok liar. Bahkan ladang-ladang getah tidak siapa yang menoreh. Ladang-ladang kelapa sawit juga menerima nasib yang sama.

Tuan Yang Dipertua, kawasan-kawasan perumahan tumbuh seperti cendawan dengan harga yang tinggi yang tidak dapat dimiliki oleh rakyat yang berpendapatan rendah, rakyat-rakyat yang berpendapatan sederhana, apatah lagi pula kepada pekerja-pekerja kilang-kilang perusahaan.

Tuan Yang Dipertua, harga tanah juga melambung tinggi mengakibatkan galaknya tuan-tuan punya tanah menjual tanah mereka kepada pemaju-pemaju perumahan. Penjualan tanah yang tidak terkawal membuka peluang orang-orang tertentu mendapat keuntungan yang berlipat ganda.

Tuan Yang Dipertua, di Pulau Pinang masih terdapat tanah-tanah yang berbentuk pertanian, tanah-tanah kampung kediaman, tanah-tanah ladang kelapa, kelapa sawit, pala, cengkeh dan dusun-dusun buah-buahan sepertimana yang ditegaskan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Tanah-tanah tempat kediaman kepunyaan bumiputera dalam kawasan bandar telah banyak bertukar milik kepada bukan bumiputera begitu juga tanah-tanah sawah telah dibeli oleh bukan bumiputera untuk dimajukan. Dengan wujudnya Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang 1982 maka akan dapat membantu juga Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam banyak perkara, kerana Lembaga Kemajuan Wilayah yang dicadangkan ini akan diletakkan di bawah Kerajaan Pusat dan telah pasti di bawah pengawasan seorang Menteri terutama Menteri Kewangan.

Izinkan saya menyentuh serba sedikit perlunya Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang ini diwujudkan.

Yang pertama, di Pulau Pinang dan Seberang Prai ditadbirkan oleh dua Majlis Bandaran iaitu seluruh pelusuk Pulau Pinang ditadbirkan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan di seluruh pelusuk Sebarang Prai pula ditadbirkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Prai. Dengan ini seluruh Pulau Pinang dan Seberang Prai tidak kira kampong dan bandar, luar bandar

dan dalam bandar, kepada penduduk-penduduk yang miskin ataupun kaya adalah diletakkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan yang mana penduduk-penduduk di luar bandar yang rata-ratanya miskin yang berpendapatan rendah tidak mampu untuk membayar cukai-cukai hasil-hasil rumah yang dikenakan oleh Majlis tersebut dan bayaran-bayaran selain daripada itu pihak penduduk-penduduk di kawasan luar bandar juga terpaksa membayar wang pelan untuk mendirikan rumah, membayar lesen-lesen ternakan dan lain-lain bayaran yang diperlukan oleh Majlis-majlis Perbandaran mengikut Akta Kerajaan Tempatan yang sedia ada. Dan inilah yang telah mengakibatkan kepada penduduk-penduduk bumiputera khasnya yang tinggal di luar bandar yang sekarang ini mempunyai pendapatan yang tidak tetap dan yang paling rendah bagi penduduk-penduduk kalau dibezakan dengan penduduk-penduduk dalam kawasan bandar.

Yang keduanya, pihak PDC atau Perbadanan Kemajuan Negeri Pulau Pinang yang sedia ada hanya menumpukan kegiatan-kegiatan di kawasan-kawasan bandar dan kawasan-kawasan perusahaan serta melibatkan usaha sama dengan syarikat-syarikat perusahaan.

Yang ketiganya, Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) yang memainkan peranannya juga banyak ditekankan dan diusahakan di kawasan-kawasan tertentu iaitu di kawasan-kawasan bandar sahaja.

Yang keempatnya, dengan wujudnya kilang-kilang perusahaan, berlaku penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar meninggalkan kawasan tanah sawah pada hal tanah di kawasan Seberang Prai dan Pulau Pinang itu dapat dikerja dan diusahakan dua kali setahun. Dan peranan yang akan dimainkan oleh perbadanan ini akan dapat menyusun semula masyarakat yang tinggal di luar bandar dalam bidang ekonomi, sosial, pembangunan, tempat tinggal yang sempurna, memajukan pertanian, perdagangan, perindustrian, pelajaran dan lain-lain kemudahan asas yang diperlukan oleh penduduk-penduduk yang akan terlibat dalam kawasan ini. Dan dengan wujudnya Lembaga ini jabatan-jabatan Kerajaan dan ajensi-ajensi Kerajaan juga akan dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dalam kawasan yang akan ditetapkan nanti.

Tuan Yang Dipertua, memanglah dalam usaha-usaha Kerajaan, dalam satu-satu rancangan yang dirancangkan oleh Kerajaan biasanya akan mendapat sedikit-sedikit tentangan pada peringkat awalnya oleh pihak-pihak yang tidak mahu memahami akan tujuan Kerajaan yang sebenarnya.

Terdapat golongan-golongan yang tidak faham ataupun sengaja tidak mahu memahami akan menggunakan Akta ini untuk kepentingan dan tujuan mencari pengaruh mereka sendiri tidak mempedulikan apa yang akan berlaku pada masa hadapan. Ada kalangan-kalangan yang bimbang dengan wujudnya Lembaga Wilayah Pulau Pinang ini akan mengambil alih sebahagian daripada kuasa-kuasa Kerajaan Negeri.

Tuan Yang Dipertua, masalah ini tidak timbul dan tidak perlu bimbang, kerana dalam Akta ini iaitu di dalam Seksyen 4(iv) ada disediakan yang berbunyi:

> "Lembaga hendaklah pertama sekali berunding dengan Kerajaan Negeri sebelum menjalankan apa-apa fungsinya yang melibatkan perancangan pembangunan dan begitu juga keanggotaan Lembaga ini Kerajaan Negeri diperuntukkan seramai tiga orang ahli yang mana sama jumlahnya dengan ahli dari Kerajaan Pusat."

Dalam bidang menetapkan kawasan Lembaga Wilayah Pulau Pinang ini dalam Seksyen 10 (1) berbunyi:

"Menteri boleh dengan persetujuan Kerajaan Negeri dari satu masa ke satu masa menetapkan melalui pemberitahu dalam Warta kawasan-kawasan dalam mana Lembaga akan menjalankan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini dan kawasan-kawasan atau kawasan-kawasan itu hendaklah dinamakan kawasan Lembaga Wilayah Pulau Pinang."

Dengan itu nyatalah dan jelaslah bahawa persetujuan daripada Kerajaan Negeri adalah perlu dan diambil kira sebelum kawasan wilayah yang akan dimajukan ini diwujudkan.

Tuan Yang Dipertua, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang adalah satu hadiah istimewa daripada Kerajaan Persekutuan di bawah pimpinan 2M kepada negeri Pulau Pinang dan saya yakin dan percaya bahawa seluruh penduduk negeri Pulau Pinang akan menerima baik di atas penubuhan Lembaga ini terutama sekali kepada penduduk-penduduk di luar bandar yang akan dimasukkan ke dalam kawasan yang terlibat nanti.

Selain daripada fungsi-fungsi yang ada dalam Akta ini Kerajaan dan Lembaga ini hendaklah juga mengambil tindakan kepada tanah-tanah bumiputera dalam kawasan bandar supaya tanah-tanah itu dapat dikekalkan serta dimajukan tanah-tanah tersebut seimbang dengan pembangunan yang sedang berjalan dari masa ke semasa. Kerajaan hendaklah juga pastikan supaya tanah-tanah kepunyaan bumiputera tidak terlibat dengan projek-projek pembangunan Kerajaan. Saya berseru kepada Kerajaan supaya penerangan yang jelas hendaklah diberi kepada orang ramai terutama kepada kawasan-kawasan yang terlibat sebelum pelaksanaan dijalankan dengan sepenuhnya.

Tuan Yang Dipertua, saya akan menyentuh Seksyen 5(1) mengenai keanggotaan Ahli Lembaga ini. Lembaga ini adalah dianggotai oleh seramai 12 orang Ahli adalah diharapkan supaya orang yang akan dilantik untuk menganggotai Lembaga ini benar-benar mengetahui masalah-masalah dan latarbelakang negeri Pulau Pinang tentang politiknya sosial ekonominya, pembangunan, perumahan, pertanian dan seterusnya hal-hal yang berkaitan dengan penduduk-penduduk bumiputera di luar bandar. Kita tidak mahu lagi lantikan dibuat kepada seseorang yang banyak memegang jawatan pengerusi itu dan pengerusi ini, sehinggakan tidak mempunyai masa yang luang untuk menentukan tarikh-tarikh untuk mengadakan mesyuarat dari satu masa ke satu masa, terutama sekali kalau pengerusinya menetap di Kuala Lumpur kerja-kerja ada di Pulau Pinang. Oleh itu biarlah semua Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang akan dilantik seramai 12 orang ini menetap di Pulau Pinang supaya tindakan-tindakan dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

Tuan Yang Dipertua, kita tidak mahu lagi hal seperti ini ditangguhkan, kita tidak mahu terlalu banyak kajian-kajian dibuat, kita mahu supaya pelaksanaan sungguh-sungguh, tunjuk ajar yang sungguh-sungguh yang menyeluruh kepada penduduk-penduduk yang terlibat yang inginkan kemajuan, yang mahu mengecap perubahan dan mahu perubahan nasib mereka dari masa ke semasa. Masa suku abad telah pun berlalu. Penduduk-penduduk luar bandar dan bumiputera khasnya di Pulau Pinang ditinggalkan untuk berusaha sendiri, untuk berlumba lari dengan kaum-kaum lain yang telah lebih laju lari ke hadapan. Mereka hidup di zaman pembangunan. Mereka melibatkan diri dalam pembangunan dan mereka ditelan oleh arus pembangunan. Kita tidak mahu seperti 'ayam di kepok mati

kelaparan dan itik di kolam mati kehausan'. Setengah-setengah penduduk-penduduk bumiputera telah tidak sanggup tinggal di Pulau Pinang, mereka menjual tanah dan berpindah ke negeri yang berhampiran iaitu Kedah dan Perak. Pada tahun-tahun 60an Kerajaan Pahang telah bermurah hati menerima orang-orang di Pulau Pinang untuk membuka tanah-tanah baharu di negeri Pahang, diucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pahang. Tetapi pada masa yang akhir-akhir ini Kerajaan Negeri Pahang tidak sanggup lagi menerima bumiputera di Pulau Pinang untuk membuka tanah-tanah baharu, boleh jadi negeri Pahang juga ada masalahnya yang serupa dengan ini.

Tuan Yang Dipertua, kepada mereka yang sengaja tidak mahu memahami hakikat dan tujuan Lembaga ini diwujudkan dan sengaja menerbitkan hujah-hujah yang seolah-olahnya bimbang terhadap campurtangan Kerajaan Pusat di Pulau Pinang. Saya menarik perhatian mereka untuk meneliti apa yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat menerusi FELDA, DARA, KEJORA dan lain-lain. Tidak timbul tindih menindih dan tidak timbul kuasa satu pihak dengan satu pihak kerana kalau sekiranya ada kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat bagi pihak Lembaga akan menjalankan serta memberi peruntukan-peruntukan yang tertentu untuk memajukan kawasan-kawasan yang tidak mampu dimajukan oleh Kerajaan negeri.

Tuan Yang Dipertua, saya yakin bahawa jika sekiranya kerjasama sepenuh seperti yang saya sarankan tadi maka Lembaga yang dicadangkan ini akan mendapatkan kejayaan, akan mencapai ke matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan, menyusun masyarakat di negeri Pulau Pinang. Saya mengajak rakyat yang terlibat dalam kawasan Lembaga ini supaya melibatkan diri dengan secara terus. Rakyat juga perlu bertindak seiring dengan Kerajaan, rakyat perlu mengubah sikap ke arah ingin maju, bekerja keras tidak perlu lagi dengan laungan tetapi perlu dengan tindakan dan Kerajaan juga hendaklah faham bahawa sebarang tindakan-tindakan yang diambil hendaklah dengan kemahuan dan kemampuan yang akan diterima oleh rakyat di kawasan-kawasan yang ditentukan itu.

Tuan Yang Dipertua, lagi sekali saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang telah berusaha mewujudkan Akta ini dan saya yakin dan penuh yakin bahawa seluruh penduduk negeri Pulau Pinang akan menyambut baik Akta yang bernama Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang ini.

Tuan Yang Dipertua, dengan ini saya dengan sukacitanya menyokong Rang Undang-undang yang bernama Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang 1982 ini.

Timbalan Yang Dipertua: Jemput Yang Berhormat Dato'.

10.57 mlm.

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang Dipertua, izinkan saya mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada saudara Yang Berhormat kedua-dua Senator yang telah menyentuh Akta yang dibentangkan ini.

Saya suka menjelaskan secara ringkas iaitu pengwujudan Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang ini telah melibatkan banyak pemikiran, penyelidikan dan lebih-lebih lagi keinsafan. Soal kemungkinan bercanggah dengan mana-mana bidang kuasa atau tegasnya dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sendiri seperti yang dilayani pemikirannya oleh Yang Berhormat Senator Dato' Khoo Kay

Por tidak timbul. Kita ingin melihatkan Pulau Pinang menjadi sebahagian daripda wilayah yang mengecap kemajuan yang selaras dengan kelima-lima badan wilayah yang saya sebutkan semasa membentangkan Rang Undang-undang ini tadi. Walaupun perasaan ini pernah dibangkitkan di berbagai-bagai peringkat namun saya suka memberi kepastian di sini yakni penelitian sama ada dari segi perimbangan kuasa ataupun dari segi perimbangan pelaksanaan jentera pentadbiran akan dihalusi. Kalau saya baharu memegang dayung maka Senator Ishak Abdul Rahman sudah sampai ke seberang. Dengan ertikata beliau sendiri sudah menyatakan klausa 4 (4), klausa 10 yang menerangkan bagaimana hasrat Kerajaan Persekutuan untuk menghadapi masalah ini secara yang tersusun.

Di bawah Klausa 4 ini, ceraian (4) jelas sekali bahawa kita tidak akan meninggalkan negeri Pulau Pinang dengan Kerajaannya dalam bentuk perundingan ataupun untuk mencapai sesuatu perkara pokok yang akan menyeluruh akibat dan kesannya. Oleh itu izinkan saya mengesyorkan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Khoo supaya dengan penjelasan yang lengkap ini dapat kita menggembeling satu jentera penerangan yang lebih meluas di peringkat Kerajaan Negeri agar kefahaman kita tentang Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang ini benar-benar meresap di semua peringkat rakyat di negeri bertuah itu.

Yang Berhormat Senator Ishak Abdul Rahman telah membangkitkan perkara-perkara yang sepatutnya menjadi jawapan kepada hal-hal yang dicurigai ataupun ditakuti oleh pihak-pihak di Pulau Pinang pada masa ini dan oleh yang demikian tidak perlu bagi saya menambah atau menokok, selintas ikan di air sudah tahu jantan betinanya cuma ada pihak-pihak yang masih belum faham sama ada ikan ini jantan atau betina, sama ada akan memberi faedah atau tidak kepada orang-orang Pulau Pinang. Oleh yang demikian, Akta ini akan membawa satu sejarah dan sejarah itu akan bermula dengan penyusunan semula menerusi satu badan yang boleh digerakkan oleh kedua-dua pihak berkuasa Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah akan membawa berunding Kerajaan Negeri di setiap peringkat yang penting yang memerlukan tindak-balas ataupun cara-cara kita mengadakan dan mencapai persetujuan dalam mengolahkan kemajuan bagi negeri berkenaan.

Mengenai Akta Lembaga yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator Ishak Abdul Rahman, saya suka memberi kepastian iaitu kita akan meneliti mereka yang mempunyai potensi di peringkat Negeri dan juga di peringkat Persekutuan. Namun demikian perimbangan tenaga ini haruslah lebih di peringkat Negeri. Oleh itu pihak saya akan cuba menapis teknokrat kita atau pihak-pihak yang boleh menduduki jawatan di bawah Klausa 5 ini bagi mencapai matlamat yang dirancang oleh Kerajaan. Kita tidak ingin melihat Lembaga ini lemah dari tahun ke setahun atau menghadapi masalah-masalah yang berbangkit dari personality atau rahsia seseorang itu. Kita akan mencari dan mendapatkan teknokrat dan pimpinan Lembaga ini yang sanggup bertungkus-lumus, sanggup berusaha dan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dan lebih-lebih lagi sanggup mengisi kekosongan yang selama ini dialami oleh sebahagian besar dari kawasan-kawasan luar bandar di Pulau Pinang itu.

Kita pernah mendengar iaitu Balik Pulau, Sungai Pinang, Seberang Perai menghadapi masalah-masalah tidak seimbangnya projek-projek sosial ataupun projek-projek yang penting

bagi rakyat. Menerusi Lembaga inilah kita berharap satu dorongan yang benar-benar nyata dan berkesan dapat kita salurkan dan laksanakan, insya Allah. Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 34

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Pengerusi, saya tidak bermaksud hendak mengambil peluang bercakap panjang, tetapi cuma saya mengingatkan Kerajaan, lebih-lebih Kerajaan Pusat, tiap-tiap satu perbadanan ditubuhkan walaupun ada peruntukan di dalamnya Parlimen ataupun Kerajaan Negeri, boleh membantu ataupun diuntukkan peruntukan-peruntukan boleh meminjam daripada perbadanan dengan kelulusan Menteri. Saya cuma merayu kepada Kerajaan supaya tiap-tiap perbadanan yang hendak ditubuhkan itu hendaklah diberi grant permulaan sekurang-kurangnya $3 million supaya ianya boleh bergerak dengan tidak ada apa-apa sangkutan dan kalau sekiranya pemberian itu dikira perhutangan dan ini akan dibayar balik, oleh sebab perkara ini baru, sebuah perbadanan yang baru, saya mohon kepada Kerajaan, kepada perkara-perkara yang lepas bahawa sakitnya sesebuah perbadanan itu kalau ianya hanya mencari pinjaman dengan tidak ada bantuan dari Kerajaan Pusat untuk membolehkan berjayanya Lembaga Wilayah Pulau Pinang ini berjalan terus, yang memberi kebaikan kepada rakyat Pulau Pinang bukan sahaja daripada satu-satu golongan, bahkan semua golongan bangsa dalam Pulau Pinang dan mendoakan supaya Perbadanan Wilayah Pulau Pinang ini berjalan dengan baik. Saya mohon demi Dewan yang mulia ini, mohon kepada Kerajaan supaya memperuntukkan grant tidak kurang daripada $3 juta, kemudian selepas itu barulah kita membuat formula yang lain kalau sekiranya berkehendak lagi sama ada pinjaman dan sebagainya, tetapi buat permulaannya Kerajaan mesti tahu, Kerajaan mesti beri sekurang-kurangnya $3 million. Itu minta dengan cara ikhlas, tetapi kita minta dengan secara lembut, kerana pengalaman-pengalaman pada mesyuarat yang sudah-sudah berlaku demikian rupa.

Dato' Rais Yatim: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih atas teguran Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak tadi, kalau beliau terdetik maka pada pihak saya terberitalah hal ini dan beliau telah menyatakan $3 juta. Saya pun telah mengumumkan sebentar tadi Kerajaan akan memberi grant $3 juta untuk Perbadanan ini dan dengan itu maka hasrat beliau itu sekali gus adalah tercantum menerusi permohonan yang berkenaan. Ini juga telah dinyatakan oleh Kerajaan bagi peruntukan-peruntukan menerusi kelima-lima Lembaga Pembangunan Wilayah yang lain yang pada hitung panjangnya setiap Lembaga Wilayah yang berkenaan beroleh tidak kurang dari $35 juta setahun dalam bentuk pemberian projek-projek pembangunan. Dengan hasrat itu, saya

bersama-sama dan bersekutu dengan Ahli-ahli yang lain agar Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang bersama-sama dengan deretan Lembaga lain yang berjaya.

Fasal 1 hingga 34 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Kedua diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN SEKURITI

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.08 mlm.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan berkenaan dengan bursa-bursa saham, broker-broker saham dan orang-orang lain yang berniaga sekuriti, dan mengenai kesalahan-kesalahan tertentu berhubungan dengan perdagangan sekuriti, dan mengenai maksud-maksud lain yang berkaitan dengannya dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang Dipertua, untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana terdapat banyak pindaan kepada Akta Perusahaan Sekuriti, 1973 adalah wajar dimansuhkan akta tersebut dan digantikan dengan satu undang-undang baru yang meliputi peruntukan-peruntukan baru serta pindaan-pindaan yang berkaitan. Dengan yang demikian, Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti, 1982 adalah bertujuan bagi menggantikan Akta Perusahaan Sekuriti, 1973 yang sedang berkuatkuasa sekarang.

Walaupun perjalanan harian pertukaran saham diuruskan oleh Kuala Lumpur Stock Exchange, pengawasan perusahaan ini pada keseluruhannya dijalankan oleh Pendaftar Syarikat mengikut peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Akta Perusahaan Sekuriti. Oleh kerana terdapat beberapa kekurangan dalam peruntukan APS yang ada sekarang terutama sekali apabila terdapat satu keadaan spekulasi yang berlebihan akibat dari tindakan seperti 'market rigging' dan penjualan sekuriti di mana penjualnya tidak mempunyai sekuriti (short selling), maka pengawalan ke atas perusahaan sekuriti pada keseluruhannya adalah tidak berkesan.

Tuan Yang Dipertua, semasa menyediakan pindaan kepada APS, bidang kuasa undang-undang di negera lain seperti Singapura, Filipina, Jepun, Hongkong, Australia dan United Kingdom serta bagaimana negara berkenaan mengawal perusahaan sekuriti telah dijadikan panduan agar pindaan-pindaan berkenaan tidak menimbulkan kerumitan kepada perusahaan sekuriti di negara ini. Tekanan yang lebih telah diberikan kepada undang-undang perusahaan sekuriti di Australia oleh kerana negara tersebut baru sahaja meminda Akta perusahaan sekuritinya dan pindaan-pindaan yang dibuat olehnya itu diubahsuai dari Akta Perusahaan Sekuriti di Amerika Syarikat dan Kanada di mana kedua-dua negara itu mempunyai banyak pengalaman dalam hal ehwal perusahaan sekuriti.

Tuan Yang Dipertua, peruntukan-peruntukan baru atau pindaan-pindaan utama kepada Akta Perusahaan

Sekuriti sekarang yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:

(i) Peruntukan memperundangan penubuhan CIC serta fungsinya;

(ii) Peruntukan membolehkan Menteri melantik sesiapa yang layak untuk mengambil bahagian dalam pengurusan bursa saham;

(iii) Peruntukan membolehkan Menteri meminda kaedah dan peraturan bursa saham;

(iv) Peruntukan bagi merombak dan mengawal perjalanan perniagaan sekuriti dan perdagangan sekuriti;

(v) Peruntukan bagi pemeriksaan dan penyiasatan.

Tuan Yang Dipertua, dengan peruntukan-peruntukan baru serta pindaan-pindaan seperti yang dinyatakan di atas, maka pengawasan dan pengawalan yang lebih berkesan ke atas perindustrian sekuriti dapat diadakan, dan dengan yang demikian perindustrian sekuriti di negara ini akan dapat mencapai ke satu tahap yang lebih baik demi untuk memberi perlindungan kepada semua pelabur berkenaan.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan berkenaan dengan bursa-bursa saham, broker-broker saham dan orang-orang lain yang berniaga sekuriti, dan mengenai kesalahan-kesalahan tertentu berhubungan dengan perdagangan sekuriti, dan mengenai maksud-maksud lain yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

11.14 mlm.

Dato Haji Mohd. Nor Mohamad: Tuan Yang Dipertua, terima kasih kerana memberi saya kesempatan bercakap sepatah kata di atas Rang Undang-undang yang sekarang dibentangkan.

Saya merasa hairan sedikit, Tuan Yang Dipertua, bahawa Rang Undang-undang ini dibentangkan oleh Menteri Kewangan kerana pada selalunya apabila suatu pertanyaan dibuat di dalam Dewan yang mulia ini berkaitan dengan perusahaan sekuriti maka Menteri yang menjawab selalulah Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Saya kurang pasti kenapakah Security Act ini ditadbirkan oleh dua Kementerian. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan.

Tuan Yang Dipertua, dengan perasaan yang amat gembira saya menyambut tindakan Kerajaan mewujudkan Rang Undang-undang baru ini. Rang Undang-undang ini yang menggantikan undang-undang yang lama, telah pun lama ditunggu-tunggukan. Langkah positif ini amatlah dihargai oleh semua pelabur kerana pentadbiran Pasaran Saham Kuala Lumpur yang tidak lagi berdaya itu diabaikan dan dibenar meneruskan perkhidmatannya sebagai alat menipu pelabur-pelabur yang tulin. Semenjak dua-tiga tahun yang lepas pasaran saham ini penuh dengan segala penyelewengan, putar-belit dan salahguna yang tidak terbatas sama ada dari segi tipudaya harga saham (share price rigging) atau dari perniagaan tanpa berlesen.

Tuan Yang Dipertua, pada satu masa imej Pasaran Saham Kuala Lumpur meningkat kepada tahap yang amat buruk kerana tiada kelayakan dan daya serta kelalaian mengatur

susunan perniagaan, ianya sentiasa dibandingkan sebagai rumah judi yang tidak berlesen. Runtuhnya Pasaran Saham Kuala Lumpur dengan begitu cepat dan hebat baru-baru ini memeranjatkan semua golongan pelabur dan banyak daripada pelabur tulin ketinggalan tercengang sebagai memegang ekor cicak ataupun, dengan izin, caught with the pants down. Yang anihnya sekali, Tuan Yang Dipertua, mengapakah judi di Pasaran Saham Kuala Lumpur yang begitu hebat dibenarkan tanpa tindakan sehingga robohnya pasaran itu?

Selain daripada kuasa-kuasa Pasaran Saham Kuala Lumpur tindakan Kerajaan mengawasi kejadian buruk ini? Peristiwa ini tidak mungkin timbul jika Kerajaan campurtangan di waktu pasaran ini meningkat kepada tahap menggelegak pada awal-awal lagi. Di masa itu, kalau saya tak salah, pada 20hb April, 1981 saya telah bertanya Menteri yang bertanggungjawab dalam Dewan yang mulia ini sama ada tindakan perlu diambil untuk memperbaiki kedudukan buruk ini yang menindas pelabur-pelabur tulin. Oleh kerana di masa itu harga-harga saham di pasaran saham melayang naik maka, dengan izin, in the euphoria which gripped the nation during the bull run, teguran saya itu diketepikan dengan sekelip mata sahaja. Dua bulan kemudian, Tuan Yang Dipertua, dengan tepatnya pada 26hb Jun, 1981 pasaran saham terjerumus turun dilanda berderet-deret dengan gelombang jualan saham sehingga harga saham tidak ternilai dengan harga-harga kertas yang ditulis ataupun dengan harga kertas sijilnya (the price is not worth the paper it is written on). Beribu-ribu juta ringgit hilang daripada harga-harga saham dan, Tuan Yang Dipertua, cuma Tuhan sahajalah yang tahu berapa banyak pelabur-pelabur telah teraniaya atau got their fingers burned dan berapa ramai daripada mereka menjadi papa—tiada esoknya baginya.

Tuan Yang Dipertua, selepas kejadian itu satu perkataan pun saya tidak dapat mendengar daripada Kementerian yang bertanggungjawab, cuma dua bulan selepas peristiwa sedih itu iaitu pada 1hb November, 1981, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri campurtangan dan membuat kenyataan yang Kerajaan akan meminda Akta Perusahaan Sekuriti untuk mengawal pentadbiran Pasaran Saham Kuala Lumpur dan memberhentikan amalam manipulasi dan putarbelit dan juga 'cornering' serta 'ringgit' jualan saham oleh komplot-komplot tertentu.

Tuan Yang Dipertua, saya mengungkit perkara ini kerana saya merasa sedih bahawa nasihat-nasihat yang diberi di dalam Dewan yang mulia ini tidak dipedulikan, tindakan tidak diambil oleh pihak-pihak tertentu termasuk pihak Kerajaan sebelum nasi menjadi bubur dan bersedih kerana nampak pada matakasar saya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri perlu campur tangan di dalam tindakan ini.

Sekarang perlu kita kaji peristiwa ini jika kita tidak mahu pisang berbuah dua kali dengan peredaran melayang naik dan menjerumus turun jatuh atau "boom and bust cycle" pasaran saham kita. Kita mesti kaji kedudukan tanggungjawab Kerajaan, kedudukan tanggungjawab Pasaran Saham Kuala Lumpur, kedudukan tanggungjawab syarikat-syarikat dan aktiviti-aktiviti penjudi-penjudi dan pasaran saham di negara kita.

Saya menggunakan perkataan penjudi-penjudi, Tuan Yang Dipertua, kerana di dalam undang-undang ini banyak perkataan yang digunakan spekulasi. Spekulasi ini adalah satu definisi yang betul di bawah undang-undang yang boleh menggunakan di mana pasaran pun, tetapi perjudian atau menjadi adalah satu perkara yang ditegah di bawah undang-undang. Inilah sebab saya menggunakan

perkataan menjudi di dalam pasaran saham yang berlaku pada pertengahan tahun 1981.

Tuan Yang Dipertua, pada pendapat saya Kerajaan tidak boleh ketepikan tanggungjawab di atas kejadian itu. Sebelum Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat penyatanya dalam perkara ini pada 9-1-1981, Kerajaan tidak peduli langsung di atas tanda-tanda yang menunjukkan bahawa Pasaran Saham Kuala Lumpur akan roboh, Kerajaan nampaknya mengambil pandangan jika sekiranya Pasaran Saham Kuala Lumpur roboh, cuma pemain-pemain saham di pasaran itu sahaja yang merana ini tidak betul. Judi bukanlah menjadi satu tugas Kerajaan menahan sebelum pasaran itu runtuh.

Pada pendapat saya, Tuan Yang Dipertua, pandangan Kerajaan itu bahawa mereka yang merana ini adalah buatan mereka sendiri adalah tidak betul. Ini perlu dibetulkan dari segi pandangan pada keseluruhannya kejadian-kejadian peristiwa itu.

Tuan Yang Dipertua, banyak kajian telah dibuat, di Amerika Utara dan di Eropah Barat berkaitan dengan akibat robohnya pasaran saham. Ramalan mereka menunjukkan Gross National Product ataupun Pengeluaran Kasar Negara sesuatu negara itu juga jatuh bila robohnya pasaran saham di negara itu.

Tuan Yang Dipertua sedia maklum jika turunnya GNP sesebuah negara ini bermakna pertumbuhan ekonomi negara itu merosot dengan negative growth. Index petunjuk pasaran saham adalah faktor utama bagi negara-negara pengeksport modal secara menyekat kesihatan iklim perindustrian dan perniagaan sesuatu negara. Runtuhnya pasaran saham bermakna pengusaha-pengusaha, peniaga-peniaga dan rakyat biasa kekurangan modal pinjaman untuk membesarkan perusahaan dan perniagaan dan kekurangan modal pinjaman untuk rakyat membuat pelaburan tambahan. Selain daripada itu perasaan kemiskinan akan menurunkan permintaan dalam negara dan negara kita akan susah mendapat modal luar negara untuk pelaburan.

Tuan Yang Dipertua, di waktu robohnya pasaran saham Kuala Lumpur baru-baru ini sebanyak lebih kurang $12,000 juta telah hilang lenyap daripada nilaian saham-saham di pasaran saham. Angka ini lebih daripada 2/3 Anggaran Belanja Mengurus negara pada tahun ini. Sebanyak inilah jumlahnya rakyat peniaga-peniaga, pengusaha-pengusaha dan kemakmuran negara lenyap dengan sekelip mata sahaja. Kedudukan ini, Tuan Yang Dipertua, disebabkan oleh kegagalan Kerajaan dan pihak-pihak berkuasa mengambil tindakan yang tertentu dengan secepat-cepatnya sebagai kata pepatah sudah terlalu hilir malam apa hendak dikatakan pagi.

Satu perkara yang perlu kita awasi, Tuan Yang Dipertua, adalah di masa stagnation yang panjang seperti sekarang dengan harga-harga saham terlalu murah, spekulator-spekulator asing sedia mencari kesempatan membeli saham-saham dengan banyaknya melalui nominees, bila harga-harga saham ini naik, semua saham-saham ini akan dijual dan untungnya dibawa keluar negara.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, saya cuma hendak mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat kerana Undang-undang ini mesti diluluskan pada malam ini dan nampaknya seorang-seorang Ahli Yang Berhormat meninggal Majlis ini, kalau tidak ada 10 orang maka Bil ini tidak dapat diluluskan pada malam ini. Dari itu saya menasihatkan supaya sekurang-kurangnya mesti ada 10 orang dalam Majlis ini, kalau tidak undang-undang ini tidak dapat diluluskan. Itu yang pertama.

Yang kedua, kita terpaksa menamatkan sampai sebelum pukul 12.00 malam, sekurang-kurangnya satu minit sebelum pukul 12.00 oleh sebab kalau hendak bincang lepas pukul 12.00 satu cadangan baru hendaklah dibawa dalam Dewan ini mengatakan kita akan bersidang pada hari esok. Saya jemput Yang Berhormat Dato'.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Menyambung ucapan saya akibat daripada pengeluaran wang keluar negara ini bukan sahaja menjejaskan kedudukan Pasaran Saham Kuala Lumpur, malah imbangan pembayaran dan rizab matawang asing negara kita mungkin terlibat.

Disebaliknya Tuan Yang Dipertua, sungguhpun PSKL atau Pasaran Saham Kuala Lumpur adalah satu tempat perkhidmatan pasaran yang diselenggarakan oleh pakar-pakar professional, nampaknya tempat ini diabai secara pasaran biasa sahaja tanpa perkhidmatan malahan perkhidmatan profesional. Apa yang terjadi kepada pasaran saham pada pendapat Ahli-ahli Jawatankuasa PSKL bukanlah tanggungjawab mereka. Pada pendapat saya, Tuan Yang Dipertua, terlalu anih, jika sekiranya sekumpulan pakar-pakar profesional berpendapat begitu, kalau begitu tafsiran mereka, mereka ini tidak patut menjadi professional dan diberi pengiktirafan dealers dan brokers dan juga tidak layak menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pasaran Saham Kuala Lumpur.

Jika tugas-tugas mereka ini cuma sebagai satu 'bicycle', mengangkat barang-barang ke pasar, menjual barang-barang itu dan menghantar barang-barang itu kepada si pembeli-si pembeli tanpa tugas-tugas mengawas, mengawal dan memberi nasihat-nasihat pelaburan, maka pada pendapat saya tarafnya Pasaran Saham Kuala Lumpur adalah sebagai pasar ikan atau pasar sayur yang diselenggarakan oleh penjaja-penjaja dan pengais-pengais. Inilah bukti-bukti yang kita dapat.

Pasaran Saham Kuala Lumpur adalah satu institusi yang amat penting kedudukannya dalam ekonomi negara dan perkhidmatan pasaran ini pada masa sekarang sebagai orang tengah (middle man) sahaja mencari komisyen, perlu ditukar rupa bentuknya. Selain daripada Kerajaan, Pasaran Saham Kuala Lumpur adalah satu badan yang bertanggungjawab untuk membereskan segala kerumitan jual-beli saham-saham dan mengawal kedudukannya daripada digunakan sebagai alat untuk menipu pelabur-pelabur yang tulin. Dengan kuatkuasa yang diberi kepada Pasaran Saham Kuala Lumpur perlu meminta dan menyebar segala penyata-penyata berkaitan dengan syarikat-syarikat di Pasaran Saham Kuala Lumpur membongkar aktiviti-aktiviti 'insider trading', melahirkan maklumat-maklumat dan ramalan-ramalan yang timbul di syarikat-syarikat dengan cepat dan tepat. Inilah tugas-tugas mereka.

Tuan Yang Dipertua, di masa harga pasaran saham melambung naik hingga ke masa runtuhnya pasaran saham, satu patah kata nasihat atau teguran di atas semua perjudian di pasaran saham tidak dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pasaran Saham Kuala Lumpur. Dengan sukatan atau ukuran mana-mana pun adalah mustahil bagi tiap-tiap satu syarikat di pasaran saham mempunyai P.E. ratio atau nisbah harga pendapatan ke tahap 3 atau 4 angka.

Juga, Tuan Yang Dipertua, satu perkara yang luar biasa yang tidak harus menjadi adalah naik turun index petunjuk harga-harga saham lebih daripada 30% dalam tempoh 12 bulan di mana-mana pasaran yang matang di antarabangsa, tetapi di negara kita yang ajaibnya index petunjuk ini naik turun sebanyak 100% dalam tempoh

kurang daripada 12 bulan. Tanda-tanda buruk sebegini tidak pun dinasihatkan kepada pelabur-pelabur yang tulin dan yang kurang berpengetahuan. Oleh kerana Ahli-ahli Jawatankuasa Pasaran Saham Kuala Lumpur pada masa itu sebok membolot segala komisyen sebagai orang tengah dan separuh daripada mereka mengambil kesempatan menjual beli persendirian juga, maka teguran-teguran dan tindakan-tindakan tidak dibuat untuk keselamatan pelabur-pelabur, malah tidak perlu dibuat kerana teguran-teguran dan nasihat-nasihat dan tindakan-tindakan untuk menyelamatkan pelabur-pelabur awam akan menjejaskan mereka daripada membolot wang daripada pelabur-pelabur awam yang tidak berpengetahuan.

Sepatutnya, Tuan Yang Dipertua, dealers dan brokers mesti ditegah menjual beli untuk kepentingan mereka sendiri supaya perkhidmatan mereka kepada pelabur-pelabur tidak bercanggah dengan kepentingan diri sendiri. Dengan cegahan ini pada pendapat saya wasangka yang dealers dan brokers membeli saham-saham untuk sesuatu pihak dan tidak menghantar saham-saham itu bila harga saham-saham itu naik dan juga menjual saham-saham untuk sesuatu pihak dan berkata tidak dapat dijual bila harganya turun adalah satu kecurigaan di dalam hati pelabur-pelabur bahawa dealers dan brokers mempermainkan mereka secara mendapat harga bezaan atas jual beli itu. Kesangsian pelabur-pelabur wajib dibasmi di Pasaran Saham Kuala Lumpur supaya keyakinan perniagaan bersih, dapat tanam balik di kalbu pelabur-pelabur.

Tuan Yang Dipertua, sungguhpun pada masa ini kita sudah terperesok baru kita hendak baiki lantai ataupun dalam bahasa Inggeris, we close the door after the horse has bolted, tetapi dengan wujudnya undang-undang baru ini saya berharap perkara sebegini tidak akan berulang lagi. Tetapi ingin saya menyatakan sungguhpun saya bersetuju dengan prinsip Rang Undang-undang ini, ada dua atau tiga perkara dalam Rang Undang-undang ini nampaknya terlalu keras dan ketat. Saya berharap fasal-fasal yang keras ini tidak akan menjadi ubat yang akan membunuh pesakit atau the cure is worst than the disease.

Pada dasarnya Rang Undang-undang sekarang menyekat praktik menjual saham tanpa punya (short selling) memberi kuatkuasa kepada Kerajaan campurtangan dalam urusan dan aturan pasaran saham, mewujudkan peraturan yang lebih banyak lagi ketat, menyekat perniagaan cara helah dan memberi segala kuatkuasa kepada Pendaftar Syarikat dan Menteri memeriksa syarikat-syarikat dan firma-firma sekuriti dalam perjalanan dan pengurusan perniagaan mereka. Pada prinsipnya tindakan ini amatlah sihat untuk kepentingan pelabur-pelabur, tetapi jika penyelenggaraan ini ditekan sekuat-kuatnya maka pada hemat saya kesannya akan merosot, reaksi pembelian bebas dan pasaran saham yang terbuka.

Di sini ingin saya mengingatkan Kerajaan berhati-hatilah di dalam penyelenggaraannya. Jika jual beli sesuatu kaunter itu terlampau banyak meningkatlah harga saham, tetapi sebaliknya jika terlalu sedikit jual beli harga-harga saham itu mungkin turun dan ini merugikan pelabur-pelabur kecilan. Kerajaan mestilah sentiasa menjaga nadi pasaran saham dengan cara imbangan supaya keadaan sesak nafas atau perasaan ditindih hantu tidak timbul di Pasaran Saham Kuala Lumpur.

Kita juga perlu beringat bahawa hampir semua saham-saham di Pasaran Saham Kuala Lumpur juga dijual beli di Pasaran Kuala Lumpur Singapura. Jika sekiranya undang-undang kita

menekan pergerakan bebas atau 'open market' maka saham-saham ini akan dijual beli di Pasaran Saham Singapura. Akibatnya, Tuan Yang Dipertua, keadaan ini mungkin merugikan negara kita sama ada dari segi industri bank, perkhidmatan dealers dan brokers, cukai setem, cukai pendapatan dan akibat yang buruk sekali adalah saham-saham syarikat di negara kita akan bertempat di Singapura.

Tuan Yang Dipertua, sebagai diterangkan saya kurang pasti sama ada campurtangan Kerajaan akan menggalak pelabur-pelabur asing menanam modal di negara kita. Sebagai kita juga, Tuan Yang Dipertua, pelabur-pelabur asing mementingkan keuntungan. Oleh sebab kebanyakan saham-saham di negara kita mempunyai 'high price earning ratio' atau tinggi nisbah harga pendapatan, maka syarikat-syarikat atau orang-orang asing yang mengambil bahagian dalam jual beli saham-saham di pasaran tempatan, di pasaran kita akan mengutamakan spekulasi untuk keuntungan jangka pendek. Akibat daripada pegawai-pegawai Kerajaan terlibat secara langsung mengendali dasar pasaran saham dan mengawasi aktiviti-aktiviti perniagaan juga membawa sedikit sebanyak godaan kepada pelabur-pelabur antarabangsa. Pelabur-pelabur institusi antarabangsa akan merasa bimbang jika sekiranya Kerajaan akan berkeras secara teguh dengan dasar-dasar nasionalisme yang mungkin mendabek kedudukan mereka.

Di sebaliknya, Tuan Yang Dipertua, daripada amalan yang sudah-sudah, peraturan dan kawalan persendirian Pasaran Saham Kuala Lumpur tidak begitu memuaskan. Maka peraturan dan kawalan itu perlu diperbaiki supaya imej pasaran saham kita dapat diiktirafkan setaraf dengan pasaran-pasaran saham yang matang di taraf antarabangsa.

Tuan Yang Dipertua, saya kurang pasti sama ada Kerajaan dapat mencapai apa-apa kejayaan dengan melantik seorang wakil menjadi ahli Jawatankuasa Pasaran Saham Kuala Lumpur. Jika kebolehan, kepandaian dan kecekapan wakil ini kurang daripada ahli-ahli Jawatankuasa yang lain, ia tentu akan menjelma sebagai seorang lagi anjing Kerajaan yang tidak bergigi, ataupun "Government's toothless watchdog". Bukan itu sahaja, Tuan Yang Dipertua, implikasinya adalah ia seorang wakil Kerajaan dan semua dasar peraturan dan urusan Pasaran Saham Kuala Lumpur telah diluluskan olehnya sebagai ahli Jawatankuasa di masa mesyuarat Jawatankuasa Pasaran Saham Kuala Lumpur. Ini melibatkan Kerajaan dari mulanya dalam semua rumusan Jawatankuasa itu. Jika sekiranya Jawatankuasa gagal melaksanakan sesuatu tugas maka wakil Kerajaan itu akan terlibat. Amatlah anih jika Pendaftar Syarikat akan mendakwa wakil Kerajaan kerana kegagalan itu.

Cadangan yang baik pada pendapat saya untuk memperbaiki kedudukan ini adalah dengan cara jalan tengah iaitu dasar peraturan dan kawalan perlu diberi sepenuh-penuhnya kepada ahli-ahli sektor swasta yang jujur dan ikhlas dan Kerajaan cuma mengawasi kedudukan ini dari segi semakan tanpa penglibatan secara langsung.

Tuan Yang Dipertua, izinkan saya menyentuh perkara "short selling". Berkaitan dengan sekatan "short selling" atau jualan tanpa ada saham, Tuan Yang Dipertua, pada pendapat saya adalah yang dibuat di dalam Rang Undang-undang ini sebagai menembak seekor tupai dengan meriam yang besar. Kesihatan pertumbuhan pasaran saham bergantung kepada jual beli yang cergas dan keyakinan. Jika seseorang perlu dibuktikan yang ia mempunyai saham-saham yang hendak dijual, ini akan menjadi satu rintangan kecergasan aktiviti perniagaan di

pasaran saham. Juga jika pasaran tidak dibenar short selling, maka pasaran itu bukan lagi tempat digelar pasaran saham.

Di samping itu, Tuan Yang Dipertua, tiap-tiap dealer amat susah mengetahui sama ada seseorang pelanggan mempunyai sijil-sijil saham atau tidak sebelum menerima sesuatu arahan. Selalunya jual beli saham adalah dibuat secara keyakinan telefon dengan provisi sekatan short selling. Nampaknya tiap-tiap dealer diperlu meminta pelanggan-pelanggan mereka datang ke pejabatnya walaupun dari Tawau, dari Labuan, dari Bintulu, dari Kota Baharu, mereka diperlu datang ke pejabat supaya sijil-sijil saham mereka dapat dibuktikan bahawa sijil-sijil ini kepunyaan mereka sebelum dealer atau broker dapat menerima arahan menjual.

Tuan Yang Dipertua, short selling adalah satu fungsi yang mustahak bagi gerakan pasaran saham. Ia adalah sebagai jantung kepada badan, tidak ada jantung maka Pasaran Saham Kuala Lumpur tidak akan bernyawa sebagai semua pasaran belian dan dan jualan hadapan, atau 'forward selling or forward buying' adalah nadi gerakan pasaran itu.

Tuan Yang Dipertua, perkara yang kita tidak inginkan menjadi di pasaran saham kita bukanlah short selling tetapi ekoran daripada short selling iaitu berjudi dan tipu helah dengan cara 'cornering the counter' dan 'rigging the price' atau mengurangkan sesuatu saham syarikat di pasaran dan memutarbelitkan harga-harga dengan jual beli palsu.

Tuan Yang Dipertua, jika masalah Pasaran Saham Kuala Lumpur adalah ekoran daripada short selling maka pada pendapat saya patutlah kita potongkan ekornya sahaja, janganlah kita menikam jantungnya. Supaya pasaran saham negara kita berkembang dengan sihat, saya mencadangkan short selling tidak disekat seperti di bawah Rang Undang-undang sekarang. Alat-alat kawalan 'cornering' dan 'rigging' perlu diwujudkan sebagai pengganti dan diawasi oleh Pasaran Saham Kuala Lumpur dan Kementerian.

Tuan Yang Dipertua, banyak alat-alat kawalan yang ada sekarang jika diperbaiki dan diimplementasikan adalah bercukupan untuk mengawal short selling dan insider-trading ada sekarang diperuntukkan dalam Akta Syarikat tahun 1965, Seksyen 134 dan 135.

Juga dalam Akta Securities Industry Bill, 1973, Seksyen 26 hingga Seksyen 30 dan juga dalam peraturan jualan di Pasaran Saham Kuala Lumpur. Penyingkapan (disclosure) di bawah seksyen-seksyen ini adalah untuk menyekat pihak-pihak berkenaan termasuk Pengarah-pengarah, Pegawai-pegawai, Juruaudit-juruaudit mengambil kesempatan menjual beli saham dengan pengetahuan dari dalam syarikat. Penyekat-penyekat ini tidak begitu berkesan adalah disebabkan disclosure ini tidak diperlukan dibuat dengan cara serta-merta.

Sekarang Akta Syarikat 1965, Akta Perindustrian Sekuriti 1973 dan juga Rang Undang-undang yang dibentangkan sekarang cuma mematuhi disclosure ini perlu dibuat tujuh hari selepas jual beli itu berlaku oleh kakitangan syarikat, Pengarah Syarikat atau sesiapa yang mengetahui rahsia syarikat itu. Tujuh hari. Dalam tujuh hari ini berapa ribu juta saham boleh dijual beli dan beratus pelabur-pelabur tulin boleh ditipu oleh mereka ini. Yang perlunya disclosure ini perlu dibuat serta-merta tidak diberi kemewahan seperti Rang Undang-undang Akta Syarikat 1965 dan juga Rang Undang-undang yang dibentangkan sekarang, tempoh tujuh hari. Tempoh ini terlalu mewah boleh lagi diguna untuk menipu pelabur-pelabur tulin.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Dato', kalau dapat ditamatkan ucapan ini kerana saya minta Timbalan Menteri menjawab sedikit, kemudian saya hendak menghabiskan ini. Oleh sebab masanya sudah tiada, melainkan mengikut Peraturan-peraturan Mesyuarat ini, satu cadangan baru dikemukakan dalam Majlis ini menyambung Majlis ini selepas pukul 12.00 ini baru boleh dapat menjalankan mesyuarat. Pada saya tiada apa-apa.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Tuan Yang Dipertua, izinkan saya memohon satu usul bahawa Persidangan ini dipanjangkan melebihi jam 12.00 yang tiba sekarang ke satu masa hingga. . . . .

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, usul ini mesti dibawa oleh seorang Menteri, tidak boleh dibawa oleh sesiapa yang lain.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Minta maaf, Tuan Yang Dipertua.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

> Bahawa walau apapun ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada awal persidangan hari ini mengenai waktu persidangan, Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga semua urusan yang diterterakan dalam Aturan Urusan Mesyuarat bertarikh 11-1-83 diluluskan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah Usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Tan Sri Chong Hon Nyan disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

> Bahawa walau apapun ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada awal persidangan hari ini mengenai waktu persidangan, Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga semua urusan yang diterterakan dalam Aturan Urusan Mesyuarat bertarikh 11-1-83, diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN SEKURITI

Perbahasan disambung semula.

11.57 mlm.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamed: Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Terima kasih kepada Menteri yang membawa usul memanjangkan perbahasan ini dan saya sedia menyatakan bahawa saya tidak mengambil masa yang merugikan ataupun berlebihan dalam perbahasan ini. Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

Tuan Yang Dipertua, jika peruntukan seksyen dalam Rang Undang-undang dan dalam Akta Syarikat yang saya sebut tadi ini dilaksanakan dengan tegasnya maka short-selling atau price rigging dan connering teh market, tidak akan berlaku di masa-masa yang sudah. Inti daripada penerangan-penerangan ini, adalah alat-alat menyekat di bawah undang-undang bukannya tiada tetapi peristiwa runtuhnya pasaran saham

Kuala Lumpur baru-baru ini adalah disebabkan oleh pegawai-pegawai berkenaan lalai dan tidak meng-implementasikan kuatkuasa yang diberi kepada mereka menjaga keselamatan pelabur-pelabur tulin seperti diperuntukan di bawah Undang-undang Syarikat 1965 dan Undang-undang Perusahaan Industri 1973 dan aturan-aturan yang diperuntukkan oleh Jawatankuasa Pasaran Saham Kuala Lumpur.

Tuan Yang Dipertua, undang-undang yang begitu keras yang dibentang sekarang adalah sebagai tikaman kepada pasaran terbuka dan nadi Pasaran Saham Kuala Lumpur. Undang-undang ini akan juga gagal jika sekiranya pegawai-pegawai yang berkenaan lalai dan tiada kecekapan atau pengetahuan yang mencukupi untuk melaksanakan kuatkuasa yang sekarang ada di bawah undang-undang ini. Pada hemat saya, peraturan-peraturan yang ada sekarang sudah pun mencukupi jika diimplementasikan dan di-kuatkuasakan tanpa membuat sesuatu undang-undang yang begitu keras dan begitu ketat yang dibentangkan sekarang. Dengan mengadakan undang-undang baru tanpa implimentasi maka masalah ini tidak mungkin berhasil. Kegagalan pentadbiran Pasaran Saham Kuala Lumpur sekarang bukan kerana tiada sistem tetapi sistem itu tidak dipedulikan. Di sini nampaknya Rang Undang-undang dibentang sekarang pada hemat saya adalah seperti mengganti kelambu hasil daripada kelambu yang lama perlu dibakar kerana seekor nyamuk. Cara ini sangatlah sedih pada hakikatnya.

Tuan Yang Dipertua, saya bersetuju 100% dengan separuh daripada fasal-fasal ataupun klausa-klausa yang dibentang dalam Rang Undang-undang sekarang yang seperti disebut oleh Yang Berhormat Menteri ditiru daripada Australian Securities Industries Act, 1980 berkenaan dengan kesalahan perniagaan seperti manipulasi harga pasaran atau market rigging, pengeluaran dan penyiaran berita-berita palsu dan keliru dan juga berkaitan dengan insider trading atau jual beli saham syarikat oleh seseorang yang tahu rahsia syarikat itu.

Jika kita lihat pada keseluruhannya, Tuan Yang Dipertua, kerobohan Pasaran Saham Kuala Lumpur pada pertengahan tahun 1981 bukan semuanya akibat daripada manipulasi sahaja. Di pertengahan tahun 1981 semua peniaga-peniaga dan pengusaha di seluruh dunia mengidap penyakit kekurangan wang dan itu juga adalah satu faktor menyebabkan semua pasaran-pasaran saham di paras antarabangsa pun runtuh.

Di Asia umpamanya peniaga-peniaga berharap pengeluaran negara-negara mungkin tumbuh supaya pelaburan-pelaburan baru dan pelaburan-pelaburan kukuh akan wujud di sekitar kawasan itu. Dengan cara itu mudah tunai pinjaman senang didapati, pertumbuhan ekonomi akan bergiat dan sebaliknya kesakitan pasaran saham akan pulih. Di masa itu boleh dikatakan kebanyakan syarikat-syarikat sempit dengan kekurangan 'cash flow' atau wang cair. Maka mereka tidak mampu melabur malah mereka seboleh-bolehnya mengurang-kan hutang-hutang mereka. Ini adalah satu faktor penting yang menarik turun pasaran-pasaran saham Tokyo, Hong Kong, Singapura dan juga di Kuala Lumpur.

Timbul daripada itu, Tuan Yang Dipertua, kerajaan-kerajaan pula mengawal dengan rapi pertumbuhan kredit dan akibatnya faedah-faedah bank pun meningkat. Dengan keadaan harga wang yang mahal dan kredit yang susah diperolehi maka gerakan pasaran saham pun menjadi lembab dan harga-harga saham pun turun. Sedikit sebanyak kredit bank yang diperolehi tidak pun digunakan untuk pelaburan

malah kredit-kredit itu cuma diguna untuk modal pusingan sahaja ataupun membayar balik hutang-hutang bank yang minta faedah yang paling tinggi. Dari itu, tidaklah patut jika kita salahkan robohnya Pasaran Saham Kuala Lumpur adalah semata-mata hasil daripada judi short selling.

Tuan Yang Dipertu, penyelewengan yang selalu berlaku di pasaran saham adalah disebabkan oleh perkembangan syarikat-syarikat sama ada secara mengambil alih syarikat atau secara percantuman atau secara corporate take over and merger. Di masa inilah putar belit berlaku di antara pembeli yang tahu kedudukan rahsia dalam syarikat dengan mangsa-mangsanya. Si penjual yang tidak tahu kedudukan yang sebenarnya, pelabur-pelabur yang lain juga terperangkap disebabkan pengeluaran saham-saham baru di masa take over ini kerana nilai pertukaran saham di antara syarikat-syarikat yang terlibat itu tidak dikawal rapi oleh Kerajaan atau Pasaran Saham Kuala Lumpur.

Di negara-negara maju, Tuan Yang Dipertua, satu badan dipanggil Penal Take Over And Merger dikanunkan di bawah undang-undang syarikat untuk mengawasi dan mengawal perkara-perkara yang kurang sihat berlaku di masa take over and merger ini.

Di negara kita, satu jawatankuasa FIC diwujudkan tanpa kuat-kuasa undang-undang. Sungguhpun jawatankuasa ini mengeluarkan penyata-penyata tetapi peraturan-peraturan yang tepat atau specific ground rules tidak dikeluarkan sebagai panduan. Juga, jawatankuasa ini dianggotai oleh pegawai-pegawai sektor awam kesemuanya tanpa seorang pun dari sektor swasta maka rumusan-rumusan mereka terlampau berat ke hala pentadbiran Kerajaan dan kurang berat ke hala pertumbuhan sektor syarikat-syarikat atau sektor swasta.

Satu daripada penyata-penyata FIC, Tuan Yang Dipertua, adalah pembeli sesuatu syarikat perlu memberi maklumat sekurang-kurangnya 21 hari kepada FIC sebelum take over. Cara ini, Tuan Yang Dipertua, telah diuji oleh European Economic Community (EEC) beberapa tahun dahulu dan didapati tidak praktikal kerana tempoh itu memberi terlalu banyak masa dan peluang untuk pembelian dan penjualan yang tidak saksama, inside dealing. Oleh kerana sistem FIC dan CIC sekarang tidak begitu sesuai dan telah pun memberi terlampau banyak peluang untuk disalahgunakan oleh manipulators, di sini izinkan saya mencadangkan; pertama Penal Take Over And Merger diwujudkan di dalam Rang Undang-undang ini dan kedua, semua fungsi-fungsi dan peraturan CIC dan FIC diwujud diimplementasikan di bawah badan Penal Take Over And Merger ini.

Akhir kata, Tuan Yang Dipertua, kita semua berbalah di atas perobohan Pasaran Saham Kuala Lumpur dalam tahun 1981 dengan kenaikan harga-harga saham ke tahap yang begitu tinggi kita telah menjadi gila dan bingung dengan kesukaan dan kebanggaan kosong dan kita lalai yang buih itu mesti pecah kerana tiada isinya. Di masa kita melambung dibuai kayangan kita tidak percaya lambungan itu diangkat oleh penjudi, wang hangat dan oleh manipulators. Bila kita jatuh terhempas ke bumi kita merasa sakit dan mencari segala alasan dan sebab-sebab untuk kita salahkan. Bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan sesuatu kedudukan kurang baik maka melentinglah pegawai-pegawai kita sebagai polong kena sembur mencari ubat-ubat yang bukan-bukan untuk merawat kesakitan ini.

Tuan Yang Dipertua, saya berharap di masa hadapan Rang Undang-undang ini dikaji balik sedalam-dalamnya oleh semua pihak terutama

sekali dari segi implikasi kepada negara dan rakyat. Tidak guna kita bergesa-gesa dan mewujudkan undang-undang yang mungkin menjadi keris makan tuan. Dengan kata-kata itu, Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyokong.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

12.10 malam.

Dato Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad yang telah membangkitkan beberapa masalah yang berfaedah dan saya percaya beberapa masalah yang telah dibangkitkan itu akan membuktikan iaitu Ahli Yang Berhormat itu telah pun membuat homeworknya dengan baik.

Ahli Yang Berhormat itu telah membangkitkan kenapa Akta yang baharu ini akan diletakkan di bawah kuasa Menteri Kewangan. Sukalah saya menyatakan iaitu oleh kerana perusahaan sekuriti adalah sebahagian daripada pasaran modal oleh kerana itu ianya telah diletakkan di bawah pengawasan Menteri Kewangan.

Sukalah saya bersetuju juga dengan gambaran yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat itu mengenai beberapa kelemahan Pasaran Sekuriti Kuala Lumpur dan sukalah saya menyatakan oleh kerana Kerajaan telah mengetahui mengenai kelemahan-kelemahan yang telah disebutkan tadi ini telah menjadi sebab yang utama mengapa Kerajaan telah dipaksakan untuk menggubal Rang Undang-undang yang baharu.

Tuan Yang Dipertua, sukalah saya menjawab satu soalan yang telah dibangkitkan beberapa kali iaitu kenapa dalam masa tahun 1981 di mana Pasaran Saham di Kuala Lumpur dan Malaysia telah naik dan turun dengan teruk pihak berkuasa tidak mengambil apa-apa tindakan yang tegas. Saya percaya pada masa itu Akta yang ada di kuatkuasakan tidak memberi kuasa yang mencukupi kepada pihak-pihak yang berkuasa untuk mengambil tindakan yang tegas, untuk mengambil tindakan yang berat. Lagi satu sebab yang saya percaya berlaku pada masa itu ialah sebelum hari ini tidak ada sebuah negara di seluruh dunia di mana adalah satu Akta yang memberi kuasa kepada Kerajaannya untuk campurtangan seperti yang dibuktikan dalam Akta yang dibentangkan pada hari ini. Dan oleh kerana itu tidak ada satu Akta daripada negara-negara lain yang boleh menjadikan satu contoh untuk diikuti oleh negara kita. Oleh kerana itu sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan pada masa itu dan di sini saya inginlah memperbetulkan tarikh pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu 3hb September, 1981 dan bukan 1hb September tahun itu. Pada masa itu sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan dan oleh kerana ini adalah langkah yang pertama yang telah diambil oleh sebuah negara, kajian telah menelan masa yang agak panjang dekat satu tahun oleh kerana tiap-tiap perenggan, tiap-tiap klausa terpaksa dihalusi dan diteliti dan juga diubahsuai kepada keadaan yang ada di negara kita iaitu Akta ini telah mengambil masa yang agak panjang untuk dibentangkan. Walaupun demikian saya percaya, dengan izin, it is better late than never. Oleh kerana itu saya percaya jikalau we are now bolting the door after the horse has left, kami terdapatlah sekarang peluang untuk to open the door to let the horse in again.

Tuan Yang Dipertua, saya tidak berapa bersetuju dengan beberapa tuduhan iaitu ada kadangkala peruntukan-peruntukan atau klausa-klausa yang dibuat di sini terlebih ketat seperti Kerajaan akan membunuh seekor lalat dengan meriam. Oleh

kerana jikalau peruntukan-peruntukan ini tidak dibuat kami juga dituduh iaitu barangkali kami hendak membunuh seekor gajah dengan catapult ini memberi satu gambaran iaitu Kerajaan selalulah serba salah tetapi saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk juga Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Nor boleh memberi peluang kepada Akta ini oleh kerana pada keseluruhannya saya percaya Akta yang baharu ini adalah satu kemajuan jika dibandingkan dengan Akta yang dahulu dan saya percaya Akta ini, dengan izin, deserves a very good chance.

Tuan Yang Dipertua, lagi satu yang saya ingin menjelaskan iaitu banyak peruntukan-peruntukan atau klausa-klausa baharu dalam Akta yang dibentangkan pada pagi ini adalah klausa-klausa yang akan membolehkan Kerajaan mengambil tindakan jikalau perlu, they are enabling clauses. Saya akan mengambil berat di atas cadangan atau hujah-hujah Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Nor tadi iaitu jikalau Menteri Kewangan melantik seorang di mana kepandaian, kehandalan, kecekapan atau kebolehannya di dalam bidang pasaran security tidak begitu baik, barangkali ini akan membangkitkan masalah iaitu di atas kesemua kelemahan Pasaran Sekuriti Kuala Lumpur, Kerajaan juga telah bercampurtangan dan Kerajaan juga ada sebahagian daripada perjanjian itu. Saya ingin menjelaskan iaitu banyak klausa ini adalah enabling clauses dan jikalau tidak ada candidate yang sesuai, jikalau tidak mendapat candidate yang bijak, yang cukup kepakaran ada kemungkinan Kerajaan tidak ingin melantik seorang ke dalam jawatankuasa itu.

Dengan itu sekali lagi, Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu di atas beberapa teguran-teguran dan cadangan-cadangan dan saya percaya iaitu semua teguran-teguran dan cadangan-cadangan itu akan diberi pertimbangan yang wajar.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sekarang kemukakan kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 134

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Tuan Pengerusi, sudah larut malam, saya ada 12 pertanyaan-pertanyaan hendak dibuat di dalam Jawatankuasa ini, tetapi kerana terlalu larut malam izinkan saya bertanya cuma satu sahaja pertanyaan.

Tuan Pengerusi: Sila.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Pertanyaan ini adalah berkaitan dengan seksyen 4 subseksyen (3) (*c*) yang menyatakan:

> "(*c*) orang itu, atau sekutu-sekutu orang itu ataupun orang itu dan sekutu-sekutunya adalah berhak menggunakan atau mengawal penggunaan tidak kurang daripada lima belas peratus" (pertanyaan saya lima belas peratus) "daripada undi yang diberi pada syer-syer undian dalam pertubuhan perbadanan itu".

Seksyen ini mengatakan bahawa seseorang itu jikalau ada melebihi lima belas peratus perlu memberi satu penyata kepada syarikat dan kepada Pendaftar syarikat supaya penyingkapan atau disclosure of the interest boleh dibuat.

Undang-undang ini, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk dan membanding dengan Akta Syarikat 1965, kedudukannya bercanggah. Akta Syarikat, 135 (3) mengatakan:

> "A person who is, for the time being, beneficially entitled to 5% or more of the issued equity share of a company, shall, for the purpose of this Section and Section 134 and notwithstanding any provisions of this Act to the contrary, be deemed to be a Director."

"A Director" adalah seorang yang ada kepentingan. Bermakna di Akta Syarikat 1965 kepentingan seseorang itu adalah mempunyai lima peratus saham di dalam sesebuah syarikat tetapi di dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan sekarang kepentingannya adalah:

(*a*) sama ada dia Pengarah dalam seksyen 4 (3).

(3) (*a*) mengatakan bahawa ia adalah seorang Pengarah.

(3) (*b*) dia ada mempunyai kepentingan mengawal (controlling interest), dan

(3) (*c*) mengatakan dia mesti ada lima belas peratus.

Jadi, kedudukan Akta ini yang akan dikanunkan malam ini adalah bertelingkah dengan Companies Act, 1965, juga Akta-akta lain yang ada provisi mengatakan sesuatu undang-undang itu boleh mengatasi undang-undang yang lain seperti Bank Islam mengatakan undang-undang ini akan mengatasi (prevailed) atas undang-undang yang lain, Rang Undang-undang yang dibentang ini tidak ada seksyen itu. Jadi, kedudukannya akan timbul atas intepretasi seksyen ini di bawah Undang-undang Perusahaan Sekuriti 1983 dengan Akta Syarikat 1965. Inilah penjelasan yang saya ingin tahu.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Pengerusi, adalah benar iaitu ada perbezaan antara Akta Companies Act (Akta Syarikat) dengan Akta yang dibentang pada ini iaitu di dalam Akta ini disebutkan lima belas peratus atau peratusan lima belas tetapi di Akta Syarikat disebutkan lima peratus sahaja.

Ingin saya memberitahu ini adalah benar iaitu pada perbezaan tetapi pada masa ini Akta Syarikat dalam proses untuk dipinda untuk diselaraskan dengan angka yang baru ini dan pada masa yang akan datang dengan yang baru ini dan akan digunakan.

Fasal 1 hingga 134 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sekarang pada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Mesyurat ditangguhkan pada pukul 12.27 malam.